Bil. 10

Selasa
1 Jun 2004

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT

PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (Halaman 16)

USUL-USUL:

Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.
- *Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)* (Halaman 16)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 21)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 139)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dato' Seri Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.S.D.K., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng (Kulai) - MCA

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO

2. " Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO

3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA

4. " Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC

5. " Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN

6. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) - UPKO

7. " Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO

8. " Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO

9. " Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO

10. " Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.H.M.S., P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu) – UMNO

11. " Menteri Sumber Manusia, Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA

12. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO

13. " Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO

14. " Menteri Pelajaran, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO

15. " Menteri Kesenian, Kebudayaan dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO

16. Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO

17. " Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO

18. " Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) – MCA.

19. " Menteri Kewangan Kedua, Senator Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop

20. " Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad, P.S.M., S.P.N.S., D.S.N.S., P.M.C. (Jempol) – UMNO

21. " Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah) - PBB

22. " Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP

23. " Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO

24. " Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) – UMNO

25. " Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M.,D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO

26. " Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO

27. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mustapa bin Mohamed (Jeli) - UMNO

28. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) - UMNO

29. " Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Sri Adenan bin Satem (Batang Sadong) – PBB

30. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS

31. " Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA

32. " Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO

33. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) – GERAKAN

2. " Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB

3. " Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA

4.	Yang Berhormat	Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5.	"	Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
6.	"	Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7.	"	Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8.	"	Mulia Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9.	"	Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin **Haji** Aman (Kimanis) - UMNO
10.	"	Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11.	"	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12.	"	Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13.	"	Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14.	"	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15.	"	Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
16.	"	Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Fu Ah Kiow (Kuantan) – MCA
17.	"	Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin (Merbok) – UMNO
18.	"	Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
19.	"	Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20.	"	Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
21.	"	Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22.	"	Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah) - MIC
23.	"	Timbalan Menteri Kesenian, Kebudayaan dan Warisan, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24.	"	Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
25.	"	Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO

26. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO

27. " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP

28. " Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS

29. " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA

30. " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Mah Siew Keong, (Telok Intan) - GERAKAN

31. " Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO

32. " Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO

33. " Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO

34. " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO

35. " Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO

36. " Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO

37. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS

38. " Mulia Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) – UMNO

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mohd Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO

2. " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO

3. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO

4. " Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO

5. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC

6. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP

7. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA

8. " Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO

9. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB

10. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO

11. " Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO

12. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC

13. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA

14. " Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO

15. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA

16. " Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA

17. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat (Batu) - GERAKAN

18. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO

19. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO

20. " Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO

21. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN

22. " Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS

2. " Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO

3. " Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS

4. " Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO

5. " Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) - PAS

6. " Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO

7. " Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO

8. " Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB

9. " Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO

10. " Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO

11. " Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB

12. " Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO

13. Yang Berhormat Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
14. " Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
15. " Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
16. " Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
17. " Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
18. " Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) - UMNO
19. " Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
20. " Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
21. " Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
22. " Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
23. " Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
24. " Dato' Chua Jui Meng (Bakri) - MCA
25. " Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
26. " Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
27. " Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
28. " Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
29. " Dato' Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
30. " Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
31. " Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
32. " Dato' Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
33. " Dato' Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
34. " Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
35. " Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
36. " Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
37. " Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
38. " Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
39. " Tan Sri Dato' Hew See Tong (Kampar) - MCA
40. " Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
41. " Tuan Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
42. " Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
43. " Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
44. " Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
45. " Tuan Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
46. " Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
47. " Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
48. " Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
49. " Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
50. " Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
51. " Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
52. " Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
53. " Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO

54. Yang Berhormat Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
55. " Tan Sri Dato' K.S. Nijhar (Subang) - MIC
56. " Puan Kalthom binti Othman (Pasir Puteh) - PAS
57. " Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
58. " Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) - DAP
59. " Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
60. " Dato' Seri Law Hieng Ding (Sarikei) - SUPP
61. " Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
62. " Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
63. " Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
64. " Tuan Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
65. " Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
66. " Dato' Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) - MCA
67. " Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
68. " Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
69. " Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
70. " Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
71. " Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
72. " Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
73. " Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
74. " Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
75. " Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
76. " Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
77. " Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
78. " Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
79. " Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
80. " Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
81. " Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
82. " Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
83. " Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
84. " Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
85. " Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
86. " Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
87. " Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
88. " Tuan Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
89. " Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
90. " Tuan Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
91. " Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
92. " Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO

93. Yang Berhormat Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
94. " Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
95. " Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
96. " Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
97. " Dato' Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
98. " Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
99. " Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
100. " Dato' Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
101. " Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
102. " Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
103. " Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
104. " Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
105. " Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
106. " Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
107. " Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
108. " Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
109. " Datuk Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
110. " Mulia Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang) – UMNO
111. " Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
112. " Tan Sri Dato' Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
113. " Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
114. " Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
115. " Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
116. " Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
117. " Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
118. " Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
119. " Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
120. " Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
121. " Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
122. " Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
123. " Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
124. " Dato' Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
125. " Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat
Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha
Roosme binti Hamzah
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

Pegawai Undang-Undang
Muzalni bin Soid

Penolong Setiausaha
Muhd Sujairi bin Abdullah
Lavinia a/p Vyveganathan
Bazlinda binti Bahrin

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI
Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Samsiah binti Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mat Thani
Zaiton binti Yaacob
Abd. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Syed Azuddin bin Syed Othman
Hairan bin Mohtar
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Habibunisah binti Mohd. Azir
Mohd. Izhar bin Hashim

PETUGAS-PETUGAS UNIT CETAK
Kamaroddin bin Mohd. Yusof
Mohamed Shahrizan bin Sarif
Alias bin Mohd. Nor

JURUBAHASA SERENTAK
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed

BENTARA MESYUARAT
Lt. Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
Mejar (B) Mohd Azimi bin Arifin

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER
Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN PERUNDANGAN
Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Hindun binti Wahari
Rozaimah binti Mohamad Ariffin
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Ropiah binti Tambi
Suhairi bin Othman

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 1 Jun 2004

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob)

mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Jawah anak Gerang [Lubok Antu]: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab hari ini merupakan Hari Gawai, di Sarawak, saya bagi pihak kaum Dayak di Sarawak hendak mengucapkan Selamat Hari Gawai kepada semua rakyat Malaysia hari ini. *[Tepuk]* Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor satu.

1. **Tuan Jawah anak Gerang [Lubok Antu]** minta Perdana Menteri menyatakan, langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh kerajaan supaya penghijrahan penduduk dari luar bandar ke bandar dapat dikurangkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan Selamat Hari Gawai kepada seluruh rakyat Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut banci penduduk tahun 2000 yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, penduduk Malaysia yang tinggal di bandar adalah kira-kira 62%, daripada jumlah penduduk, manakala yang tinggal di luar bandar ialah 38%. Pada tahun 1991 yang tinggal di bandar ialah 49%, luar bandar 51%. Kawasan bandar ditakrifkan sebagai kawasan Pihak Berkuasa Tempatan dan sekitarnya yang mempunyai lebih 10,000 orang penduduk. Penghijrahan disebabkan sebahagian besarnya oleh faktor ekonomi termasuklah mencari peluang pekerjaan dan perniagaan serta menikmati kemudahan infrastruktur yang lebih baik. Walau bagaimanapun, dasar kerajaan untuk membangunkan kawasan luar bandar dan mengurangkan penghijrahan ini dengan menjana lebih banyak peluang pekerjaan dan menyediakan kemudahan infrastruktur yang lebih di luar bandar.

Kerajaan telah memperuntukkan belanja yang besar untuk kawasan luar bandar dalam Rancangan Malaysia Keenam disediakan RM15,000 juta, Rancangan Malaysia Ketujuh RM18.7 ribu juta dan Rancangan Malaysia Kelapan sebanyak RM22 ribu juta. Selain itu, kerajaan juga cuba menempatkan institusi tertentu di kawasan luar bandar untuk menyediakan peluang yang lebih baik kepada penduduk luar bandar. Strategi lain ialah dengan membuka kawasan tanah untuk di bangunkan oleh FELDA, menubuhkan agensi pembangunan wilayah seperti KEJORA, JENGKA, KADA dan KESEDAR. Kerajaan juga sekarang memberi lebih tumpuan kepada sektor pertanian dan industri kecil dan sederhana bagi menambah daya tarikan penduduk untuk terus tinggal di luar bandar. Dengan langkah-langkah ini adalah diharapkan penghijrahan ke bandar akan dapat dikurangkan.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah penghijrahan penduduk luar bandar atau pun negeri-negeri yang dilihat sebagai luar bandar seperti Terengganu dan Kelantan. Di Terengganu semasa pemerintahan PAS, rakyat Terengganu yang berhijrah ke bandar-bandar besar melebihi daripada 100 ribu orang, di Kelantan saya tidak tahu. Apakah pandangan kerajaan tentang penghijrahan ini? Oleh sebab faktor ekonomi, kelemahan-kelemahan di peringkat pengurusan kerajaan negeri-kerajaan negeri di seluruh negara untuk menyekat supaya *brain-drain,* dengan izin, tidak akan berlaku di luar bandar sahaja dan ia harus berada di kawasan masing-masing supaya di kawasan luar bandar juga akan dibangunkan juga dengan adanya rakyat kita yang dapat bermastautin tetap di tempat masing-masing. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, mengikut angka-angka Jabatan Perangkaan Negeri-Negeri tertentu, termasuk Kelantan dan Terengganu, telah mencatatkan kadar, dengan izin, *out migration* atau pun penduduk yang keluar dari negeri-negeri tertentu untuk berhijrah ke Lembah Klang dan kawasan-kawan lain. Umpamanya, untuk negeri Kelantan antara tempoh tahun 1995 hingga tahun 2000 sahaja, 88,000 telah keluar dari negeri tersebut manakala yang masuknya tidak ramai, ada dengan izin, *net out migration* 4.6%, bermakna Kelantan kehilangan penduduk sebanyak 4.6% dalam tempoh lima tahun mulai tahun 1995 hingga 2000. Bagi negeri Terengganu pula, Terengganu kehilangan l.4% penduduk dalam tempoh lima tahun mulai 1995 hingga 2000. Ini mencerminkan kelemahan kerajaan negeri-kerajaan negeri tersebut untuk membangunkan negeri yang menyebabkan penduduknya berhijrah ke Lembah Klang dan kawasan lain di luar negeri-negeri berkenaan.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin juga bertanya dalam Dewan ini, sekarang ini terdapat lebih kurang 50,000 mahasiswa yang menganggur, tidak punyai peluang pekerjaan dan kemungkinan mereka ini berhijrah ke bandar-bandar dan ini akan menambahkan masalah penghijrahan. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Memang, bandar merupakan tempat ataupun kawasan yang mampu menyediakan peluang pekerjaan. Di luar, khususnya di negeri-negeri yang mana pembangunannya tidak pesat ataupun mundur oleh sebab tidak ada peluang pekerjaan, maka para graduan akan terpaksa berhijrah untuk mencari pekerjaan. Sebaliknya di negeri-negeri yang maju seperti di Pantai Barat dan juga di bandar besar di mana banyak peluang pekerjaan, penghijrahan ini tidak berlaku.

Fenomena penghijrahan ini di kalangan graduan berlaku dari negeri-negeri yang kurang maju ke negeri maju tetapi sebaliknya di negeri maju dan bandar-bandar besar yang banyak peluang pekerjaan, tidak ada penghijrahan para graduan ke tempat-tempat lain dari tempat asal mereka.

2. **Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, setakat ini berapa banyakkah badan-badan korporat di negara ini yang tampil ke hadapan untuk menyumbangkan sumbangan dalam proses peserta membangunkan sukan di negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Sa. Vigneswaran]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini terdapat 12 badan korporat yang tampil ke hadapan untuk memberi sumbangan dalam proses pembangunan sukan di negara ini. Badan-badan korporat ini menaja sembilan persatuan-persatuan kebangsaan di bawah Program Taja Gemilang anjuran kementerian ini. Pada umumnya, minat badan-badan korporat untuk menaja pembangunan dan kegiatan sukan masih boleh dianggap kurang memuaskan. Dalam masa yang sama, kementerian saya lebih menggalakkan persatuan-persatuan sukan supaya mencari penaja masing-masing supaya mereka tidak semata-mata bergantung kepada bantuan kerajaan.

Kementerian saya juga menggalakkan badan-badan korporat memilih sendiri jenis-jenis sukan yang mereka minati supaya gandingan persatuan-persatuan sukan dan penaja-penaja berkenaan dapat memantapkan lagi pembangunan sukan di negara ini.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi wakil menteri ada menyatakan bahawa cuma terdapat 12 badan korporat. Ini menandakan bahawa amat berkurangan sedangkan kita tahu badan-badan korporat yang berjaya dalam negara kita ini begitu banyak, sehinggakan kita tahu bahawa Proton sanggup pergi jauh untuk menaja sebuah kelab Norwich City dalam bola sepak dan kita amat terkilan apabila Thailand sendiri sanggup melabur 30% pembelian saham dalam Kelab Liverpool,dan sama ada masih samar-samar atau tidak, MK Land hendak melabur dalam Manchester United.

Soalan saya ialah, seperti negara-negara maju yang lain seperti Korea dan Jepun, badan-badan korporat ini tanpa disuruh, tanpa digerak telah tampil ke hadapan untuk membantu pembangunan sukan negara masing-masing. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah pihak kementerian melihat supaya satu insentif disediakan kepada badan-badan korporat ini seumpamanya pengecualian cukai ke atas

penajaan kepada program pembangunan yang mereka taja supaya dapat menggalakkan lebih banyak lagi badan-badan korporat seperti yang pernah dilaporkan oleh Yang Berhormat Speaker sebelum ini, sebelum dilantik sebagai Timbalan Speaker. Syabas dan tahniah.

Apakah langkah kementerian supaya lebih banyak lagi badan korporat, umpamanya seperti MK Land yang menaja satu kumpulan pelajar untuk bermain golf dengan menyediakan jurulatih sepenuh masa? Itu soalan saya. Terima kasih.

Tuan Sa. Vigneswaran: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat buat setakat ini tidak ada usaha untuk menambahkan syarikat-syarikat swasta kerana ada pihak yang menyatakan bahawa usaha yang dijalankan oleh Kementerian Belia dan Sukan menyebabkan persatuan-persatuan sukan sukar untuk mencari penaja-penaja mereka sendiri.

Dari segi usaha-usaha seperti, dengan izin, *tax exemption* belum ada apa-apa cadangan dari kementerian tetapi untuk makluman Yang Berhormat, oleh kerana ada sesetengah pihak menyatakan cara-cara yang kementerian gunakan untuk mendapat sumbangan menyebabkan persatuan-persatuan sukan sukar untuk mencari penaja-penaja. Jika hal ini benar, maka adalah lebih baik menggalakkan persatuan-persatuan sukan sendiri untuk mencari penaja-penaja masing-masing.

Kaedah ini adalah lebih sesuai kerana Kementerian Belia dan Sukan sekarang ini memberi bantuan kepada persatuan-persatuan khususnya kepada persatuan yang terlibat dalam Program Gemilang 2006.

Tuan Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebentar tadi kita telah mendengar jawapan bahawa kurang tertariknya badan-badan korporat, adakah kerana tidak adanya ROI ataupun *return on investment* terhadap atlet-atlet yang telah ditaja itu? Apakah pernah dibuat satu kajian tentang ROI ini, yakni *return on investment* ini? Terima kasih.

Tuan Sa. Vigneswaran: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat, saya ini tidak ada maklumat berkenaan *return on investment* pada masa ini. Saya ingin mohon notis untuk menjawab kepada Yang Berhormat yang telah membangkitkan ROI tersebut. Terima kasih.

3 Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang] minta Menteri Kesihatan menyatakan berapakah bilangan kekurangan doktor dan doktor pakar di Hospital Kerajaan mengikut negeri sejak 5 tahun kebelakangan ini dan berapakah jumlah doktor asing yang telah dibawa masuk untuk mengatasi masalah ini dan keberkesanannya.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua secara keseluruhannya, kekurangan Pegawai Perubatan dan juga Pegawai Perubatan Pakar di Kementerian Kesihatan Malaysia lima tahun kebelakangan adalah seperti berikut:

Tahun	Jawatan	Kekosongan	Kekosongan (%)
1999	924	284	31
2000	1,707	914	54
2001	1,713	849	49
2002	1,708	803	47
2003	2,164	908	42

Untuk taburan kekurangan doktor dan doktor pakar mengikut negeri-negeri untuk lima tahun kebelakangan, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon notis kerana jika saya hendak baca, dia terlalu amat *detail* dan dia bergantung kepada jenis-jenis kepakaran. Sebanyak 654 Pegawai Perubatan Kontrak warga asing telah berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia sejak 1 Mei 2004. Terima kasih.

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, setakat ini adakah kementerian berpuas hati dengan perkhidmatan doktor-doktor asing yang dibawa masuk ini?

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sejak ada satu keputusan Kabinet pada tahun 2002, Kementerian Kesihatan Malaysia mendapati bahawa secara *overview*nya, dengan izin, kita amat berpuas hati dengan pengambilan Pegawai Perubatan dan juga Pegawai Perubatan Pakar daripada banyak negara asing, seperti India, Pakistan, Myanmar, Bangladesh, Indonesia, Mesir, Iraq pun ada, Kanada, Singapura, Nepal, Iran, Sri Lanka, Jepun, Somalia, Mauritius, Filipina, Australia dan Jordan, kita puas hati.

Walau bagaimanapun, terdapat lebih kurang 10% daripada pakar-pakar ini tidak sampai ke tahap piawai yang ditetapkan oleh kementerian, kerana sistem temu duga yang dijalankan oleh SPA dengan kerjasama kementerian dibuat di dua lokasi, satu di Malaysia dan satu lagi di tempat negara sumber.

Banyak kali prosesnya hanyalah pengesahan di sudut persijilan tersebut, tetapi bila didapati bahawa mereka mula bekerja di hospital-hospital di tanah air kita, didapati 10% daripada mereka kurang tahap kecekapan mereka kerana mereka ini wajib berkhidmat di bawah pakar kita selama enam bulan. Jika pakar kita puas hati, maka dia boleh ditakrifkan sebagai pakar. Jika tidak puas hati, kita turunkan tahap mereka kepada Pegawai Perubatan biasa. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, hari ini kita dimaklumkan lebih kurang 128 pelajar dalam bidang kedoktoran tidak ada tempat. Soalan dia, tidakkah kerajaan berhasrat untuk menubuhkan satu universiti kedoktoran sahaja untuk negara kita, sebab isu kekurangan doktor ini begitu diperbincangkan sejak berpuluh-puluh tahun yang lalu.

Contoh, ini contoh saya bawa di kawasan saya, terdapat satu Pusat Kesihatan yang harganya bernilai RM27 juta. Sudah dua tahun setengah, tidak ada satu doktor pun yang mahu masuk. Ini pada saya merupakan satu masalah yang dihadapi oleh negara kita dan kerajaan kerana memikirkan bagaimana mengatasi kekurangan doktor ini, sehingga kita terpaksa bergantung kepada doktor luar dan ini pun tidak mendapat sambutan, sebab mungkin masalah gaji yang begitu rendah. Apakah langkah-langkah kementerian dan kerajaan untuk memastikan bahawa kekurangan doktor ini tidak lagi timbul? Ada juga doktor kita, sebetulnya banyak profesion doktor di sini tetapi ada jadi Speaker, ada yang jadi Menteri dan mungkin ini juga mengakibatkan kita sudah kekurangan doktor yang sedia ada.

Apakah juga kerajaan berhasrat mencadangkan kepada kerajaan bahawa doktor pakar tidak dibenarkan memegang jawatan-jawatan eksekutif politik ini. Terima kasih, Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ambil balik Yang Berhormat.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di Pertua, Yang Berhormat bagi Kinabatangan, kalau Yang Berhormat bercakap semasa Perdana Menteri yang keempat, mungkin Yang Berhormat tidak ada di dalam Dewan ini. *[Ketawa]*

Soalan Yang Berhormat bagi Kinabatangan itu sepatutnya ditujukan kepada Kementerian Pengajian Tinggi. Kita di Kementerian Kesihatan adalah *service provider,* kita menerima hasil atau produk yang dibangunkan oleh universiti, khususnya di dalam membangunkan doktor-doktor - Pegawai Perubatan. Ini bukan perkara baru, perkara yang sentiasa di dalam proses pembaikan. Oleh yang demikian, kementerian mendapati bahawa mengikut perancangan kementerian, khususnya dalam pembangunan sumber manusia, bukan sahaja kekurangan pakar tetapi juga Pegawai Perubatan biasa akan dapat kita capai sekitar tahun 2015, di mana pengambilan pegawai-pegawai perubatan dan juga pengambilan pelajar-pelajar untuk memasuki fakulti-fakulti perubatan di Malaysia, dalam negara mahupun di luar negara akan sampai ke tahap *equilibrium,* dengan izin.

Justeru itu, kalau kita lihat pun trend pegawai-pegawai perubatan dan pegawai-pegawai pakar perubatan yang meletakkan jawatan daripada perkhidmatan awam ini amat jauh berkurangan. Saya berikan contoh, iaitu daripada tahun 1990 hingga 1992, trend ini amat berkurangan oleh kerana kementerian yang dipimpin oleh sama ada orang politik daripada *fraternity* perubatan ataupun tidak, sentiasa prihatin untuk memastikan yang bilangan pegawai perubatan dan pakar sentiasa wujud dan

kenaikan pangkat – buat masa ini amat baik – sehingga 2002 sebagai contoh, bilangan mereka yang meletakkan jawatan di kalangan pakar hanya 15 orang berbanding dengan dahulu sehingga 50 orang. Terima kasih.

4. Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik] minta Menteri Kesenian, Kebudayaan dan Warisan menyatakan tidak mungkinkah Malaysia dijadikan pusat rujukan dan pusat kegiatan utama dan terulung di dunia bagi kegiatan kajian serta perkembangan tamadun Melayu semasa, yang bersifat global. Adakah sedang dilakukan usaha-usaha ke arah itu?

Timbalan Menteri Kesenian, Kebudayaan dan Warisan [Tuan Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia mempunyai infrastruktur dan pelbagai kemudahan yang tersedia di agensi-agensi dan di institusi-institusi pengajian tinggi bagi kegiatan penyelidikan, rujukan dan aktiviti-aktiviti khusus mengenai sejarah dan perkembangan tamadun Melayu. Ini adalah berasaskan kemudahan-kemudahan sedia ada di institusi-institusi pengajian tinggi seperti Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) di Universiti Kebangsaan Malaysia, Akademi Pengajian Melayu yang telah wujud lama di Universiti Malaya dan Institusi Peradaban Melayu di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Kemudahan-kemudahan untuk kegiatan penyelidikan khusus mengenai dokumen dan penerbitan sejarah dan perkembangan tamadun Melayu juga terdapat di Arkib Negara, Perpustakaan Negara dan Dewan Bahasa dan Pustaka. Bagi kemudahan penyelidikan terhadap artifak, ianya boleh didapati di muzium-muzium yang ditadbir oleh Jabatan Muzium dan Antikuiti, muzium-muzium yang terdapat di institusi-institusi pengajian tinggi dan juga muzium-muzium negeri.

Bagi memenuhi dan menjadikan program ini lebih bersepadu dan berkesan, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan sedang berusaha untuk menubuhkan sebuah muzium khas mengenai alam Melayu iaitu Muzium Etnologi Dunia Melayu (MEDM). Sejak kelulusan diperoleh terhadap cadangan penubuhan muzium ini kerja-kerja penyelidikan dan membuat perolehan koleksi artifak dari negara-negara yang dikenal pasti termasuk dalam gugusan dunia Melayu giat dilakukan.

Bangunan Muzium Etnologi Dunia Melayu akan dibina di Precinct 5, Putrajaya dan dijangka dapat disempurnakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-9. Objektif penubuhan Muzium Etnologi Dunia Melayu adalah untuk menjadikannya sebagai pusat pengumpulan bahan-bahan warisan yang nyata iaitu *tangible,* dengan izin, dan yang tidak nyata *intangible,* dengan izin. Muzium juga akan mempamerkan pameran artifak-artifak penting mengenai tamadun Melayu di seluruh dunia termasuk eksplorasi Melayu dan pusat terulung di dunia, khusus mengenai bangsa dan alam Melayu. Hubungan yang lebih rapat juga telah dijalin dengan muzium-muzium serantau dan muzium-muzium yang mempunyai koleksi artifak warisan Melayu serta institusi yang membuat kajian khusus mengenai dunia Melayu seperti Pusat Pengajian Timur Jauh, Perancis yang pejabat cawangannya kini ditempatkan di Muzium Negara.

Sekiranya bangunan Muzium Etnologi Dunia Melayu wujud dan dapat beroperasi sepenuhnya, ianya akan menjadi salah sebuah muzium penting di rantau ini dan mampu meletakkan Malaysia sebagai pusat rujukan dan kegiatan terulung di dunia khusus mengenai tamadun Melayu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gerik

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, sejak tahun 1982 telah diadakan siri Simposium Dunia Melayu dan ini boleh dikatakan kegiatan NGOs di dalam memartabatkan tamadun Melayu dan menjadikan Malaysia sebagai pusat kegiatan tamadun Melayu antarabangsa dan kemudiannya ditubuhkan pula Sekretariat Melayu Antarabangsa di Shah Alam. Soalan saya, setakat manakah peranan yang dimainkan oleh Kementerian - saya tidak pasti namanya yang sebenar - Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan ataupun Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan sebab Yang Berhormat tadi menyebut 'Kebudayaan' dahulu tetapi di dalam catatan kami ini 'Kesenian' didahulukan. Pertanyaan saya ialah setakat manakah peranan yang dimainkan oleh kementerian Yang Berhormat di dalam usaha memartabatkan ataupun membantu badan-badan NGO seperti GAPENA untuk kegiatan seperti ini. Terima kasih.

Tuan Wong Kam Hoong: Terima kasih, Yang Berhormat - seorang akademik yang amat pakar di dalam bidang tamadun Melayu. Kementerian saya adalah satu kementerian yang baru dan kementerian saya akan menjadi pemangkin dan juga pusat untuk menggembleng tenaga-tenaga di pihak swasta atau NGO, akademik dan juga bidang ilmiah supaya bidang tamadun Melayu itu dapat dijayakan dan mendapat tempat di dunia ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Nama Kementerian itu yang sebenarnya tidak dijelaskan.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Terima kasih, Tuan Yang di Pertua. Tadi kita dengar mengenai warisan Melayu dan tamadun Melayu dan adanya institusi penyelidikan dan juga muzium-muzium yang disebutkan tetapi itu adalah untuk warisan kita. Soalan saya ialah untuk menegak dan membangunkan seni dan tamadun Melayu yang sebenarnya di masa-masa hadapan, apakah perancangan kerajaan dalam hal ini, memandangkan seni hanya akan subur di dalam keadaan yang bebas, seni hanya akan subur, dengan izin, *patronage* yang kuat dan sekiranya kerajaan mempunyai banyak sekatan, sama ada atas alasan-alasan yang selalu kita dengar, maka seni dan tamadun Melayu mungkin tidak dapat maju. Saya ingin tahu apakah perancangan jangka masa panjang kerajaan dalam hal ini. Terima kasih.

Tuan Wong Kam Hoong: Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Kota Bharu iaitu sebuah tamadun akan berkembang pesat dan subur di dalam satu keadaan yang kuat dan juga aman dan damai. Tetapi saya tengok pandangan Yang Berhormat dari segi falsafah dan dari segi ilmiah itu, selepas kesultanan Melaka ditumbangkan oleh penjajah Portugis dan selama ini 600 tahun tamadun Melayu tidak hilang atau tenggelam di dalam negara kita. Semua ini bergantung kepada bangsa Melayu dan juga kepada pemerintahan yang ada di sini. Saya di sini hendak petik daripada Shaik Ahmad Patani, seorang ahli fikir Melayu kurun ke-19 yang terkenal berpandangan global yang pernah melafazkan doanya moga-moga pemerintah atau Raja Melayu berusaha memastikan pemerintahan mereka. Saya petik;

"Dijadikan segala negeri mereka itu
bendaharaan ilmu
dan perladungan kepandaian
dan membukakan segala mata anak jenis mereka itu
kepada
memandang cemerlang kebajikan dan handalan
supaya
ada kelihatan kemegahan bangsa Melayu antara segala alam
dan tertinggi nama mereka itu antara bani Adam
dan bertambah-tambah kelebihan ulama mereka itu atas segala ulama
dan bertambah nyata agama mereka itu atas segala agama."
[Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kalau Barisan Nasional yang memerintah negara itu dan ahli komponen yang amat besar pada Barisan Nasional itu iaitu UMNO yang melambangkan bangsa Melayu, kalau mereka boleh menghadapi empat cabaran – saya juga petik daripada iaitu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Panjangkah Yang Berhormat?

Tuan Wong Kam Hoong: Tidak, sedikit lagi. Sebab itu penting, empat cabaran, iaitu cabaran zaman globalisasi; pendidikan sebagai asas kemantapan bangsa; pemilikan sebagai landasan keagungan bangsa dan perlakuan akhlak sebagai hidup berperikemanusiaan. Saya petik daripada Profesor Datuk Dr. Mohd. Hassan. Saya percaya kalau semua cabaran ini boleh diatasi, tamadun Melayu akan berkembang dan terus dan berkembang pada dahulu, kini dan selama-lamanya. *[Tepuk]*

***[Soalan No. 5** – Y.B. Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) tidak hadir]*

6. **Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:-

(a) apakah kementerian merancang perubahan undang-undang struktur latihan pemandu dan pendekatan penguatkuasaan yang dilaksanakan sekarang dan akan datang; dan

(b) adakah kementerian bersetuju untuk menukarkan jalan raya menjadi litar perlumbaan motosikal; jikalau ya, apakah ciri kawalan, keselamatan dan kerjasama kepakaran perlu didapati.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Soalan ini terbahagi kepada (a) dan (b). Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kementerian Pengangkutan tidak bercadang untuk membuat perubahan undang-undang ke atas struktur latihan memandu serta pendekatan penguatkuasaan yang dilaksanakan. Apa yang lebih penting ialah supaya pemantauan yang dibuat oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) ke atas institut memandu ditingkatkan dan diperhebatkan lagi bagi memastikan bahawa mutu latihan dan pembelajaran yang dilaksanakan di institut-institut memandu adalah mengikut kurikulum pemanduan yang ditetapkan oleh JPJ dan Kementerian Pengangkutan.

(b) Kementerian Pengangkutan tidak bercadang untuk menukar jalan raya menjadi litar perlumbaan motosikal. Ini adalah disebabkan adalah sukar untuk mengawal keselamatan pelumba dan penonton sekiranya jalan raya dijadikan litar perlumbaan motosikal. Tambahan pula pengawasan dan pengawalan litar perlumbaan memerlukan kepakaran yang khusus sama seperti kepakaran yang diperlukan bagi sesebuah perlumbaan seperti Litar Perlumbaan Antarabangsa Sepang.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Itu doa Gawai, Tuan Yang di-Pertua.

Sebenarnya saya kata, selamat kita panjang umur, murah rezeki, isteri dua tiga, anak banyak-banyak, cucu banyak-banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, semalam Hari Pesta Keamatan.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya pun ucap Selamat Hari Keamatan pada 31 Mei 2004 semalam kepada semua orang Sabah dan semua warga Malaysia, kalau hendak datang Gawai datanglah ke Miri tidak lama lagi kita adakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: *[Menyebut perkataan dalam bahasa kaum di Sabah/Sarawak]*

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Datang jugalah ke Sabah beramai-ramai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan, Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Sebenarnya soalan tambahan (a) tadi saya ada kesilapan sedikit. Sepatutnya, *"Perubahan undang-undang, struktur latihan."* Perubahan undang-undang itu tidak dijawab tadi. Soalan saya di sini ialah soalan pemandu, kadang-kadang orang pandu kereta Perodua dia pandu macam pandu Ferrari, dia pandu Ferrari macam pandu kereta Perodua, yang pandu teksi macam pandu lori, yang pandu

lori macam pandu teksi. Dia tidak tahu *capacity dan capability* kereta itu dan juga *driving skill* masa jalan *wet road*, macam mana yang *dry road*. Kalau *wet road* itu di peringkat mana *speed hydro-planning* yang mana *friction* di antara kereta dan muka jalan ini tidak baik dan macam mana tindakan latihan supaya kita memberi pengetahuan dan ilmu ini secara khusus kepada pemandu-pemandu yang corak memandu, cara memandu, kereta mana dipandu dan bagaimana Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya amat bersetuju benar atas pandangan Yang Berhormat itu. Ini telah kita berbincang dan usahakan di peringkat kementerian iaitu kita mahu pemandu itu mengetahui tentang atau dalam *bahasa Inggeris*nya, dengan izin, *understanding of the machine itself*. Dia akan tahu tentang cara hendak memandu kenderaan yang dipandu itu kerana kenderaan itu adalah pelbagai jenis macam apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat tadi. Tidak sepatutnya seorang pemandu yang memandu Perodua berlagak macam dia memandu kereta Ferrari. Sudah tentunya jenis yang amat berbeza dan dari segi teknologi pun amat berbeza. Insya-Allah, kita di peringkat kementerian akan pastikan bahawasanya sekolah-sekolah memandu ini dapat mendalami sedikit dari segi pengajaran mereka kepada pemandu-pemandu menggunakan jalan raya kita di masa depan.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua . Saya ingin merujuk satu ungkapan yang dibuat oleh seorang Presiden Belia 4B, beliau mengatakan*, "Kalau naik kapal terbang ringan, accident jadi hero, kalau lumba haram, accident mati katak."* Saya merujuk semula soalan 6(b) tadi, adakah kementerian mempunyai satu rancangan untuk menghalalkan lumba motosikal di jalan raya secara halal dengan mereka bentuk jalan-jalan tertentu di lokasi-lokasi tertentu supaya anak muda yang gian berlumba ini ada tempat untuk mereka berlumba secara halal dan kalau mati, mati sebagai seorang hero. Terima kasih.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih, Yang Berhormat. Memang kita sebenarnya tidak menggalakkan keseluruhannya dari segi perlumbaan ini tanpa mendapat sesuatu kebenaran perlumbaan yang diatur atau disusun oleh pihak berkuasa. Pada ketika ini terdapat beberapa perlumbaan motosikal berkuasa rendah iaitu 150 cc dan ke bawah yang diadakan di jalan raya dari semasa ke semasa di bawah penganjuran oleh pihak-pihak yang profesional iaitu Persatuan Automobil Malaysia iaitu AAM.

Sebelum sesuatu perlumbaan dibenarkan, semua tindakan keselamatan diambil kira dan dilaksanakan oleh *marshal* yang profesional dan oleh pihak polis bagi memastikan perlumbaan berkenaan berjalan dengan lancar dan selamat. Ini telah diusahakan, kemungkinan tidak begitu menyeluruh tetapi ini adalah sesuatu permulaan bagi mengawal mereka ini agar dapat berlumba dengan cara yang teratur dan tersusun.

7. **Tan Sri Dato' Hew See Tong [Kampar]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, langkah-langkah untuk meningkatkan pengeluaran beras tempatan di negara kita.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, di antara langkah-langkah yang telah diambil untuk meningkatkan pengeluaran beras tempatan di negara kita ialah dengan menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur, peningkatan keupayaan dan kecekapan pengurusan air, pembekalan benih bermutu dan berhasil tinggi serta peningkatan mutu padi dan beras melalui penyelidikan yang memperkenalkan baka-baka baru yang bermutu tinggi.

Kerajaan juga menggalakkan penanaman padi berskala besar menerusi pelaksanaan projek-projek berkelompok, mini estet dan estet padi. Selain daripada itu, kerajaan juga berusaha untuk meningkatkan penggunaan mekanisasi dan automasi serta memperkenalkan Projek Padi 10 Tan Sehektar. Usaha-usaha ini diambil untuk meningkatkan daya pengeluaran padi dan beras negara ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Datuk Setiausaha Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Seperti kita sedia maklum, sekarang ini kita dok pakai baja kimia untuk hendak menambahkan pendapatan padi, bagi subur dan sebagainya.

Bila kita guna baja kimia, rumput-rumpai ini tumbuh dengan banyak dan ini akan mengganggu balik pokok-pokok padi ini. Kita guna pula racun serangga. Kemudian kita guna racun rumput-rumpai ini.

Yang Berhormat sedar atau tidak, benda ini kita makan, dia akan serap masuk dalam pokok padi. Secara tidak langsung, kita menikmati racun-racun itu juga. Ini mungkin dalam jangka masa panjang, beras yang kita makan ini tidak begitu selamat dan mungkin akan membawa penyakit balik kepada kita. Saya bukan hendak menakut-nakutkan tetapi saya hendak menerangkan, sama ada kajian dibuat oleh kementerian atau tidak.

Mengapakah kita sekarang ini… *[Disampuk]* Ini kes mati, Yang Berhormat... *[Ketawa]* Kes mati Yang Berhormat, jangan kacau…

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bercakap dalam bahasa Cina]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Yang Berhormat, teruskan Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Haiya!… *[Bercakap dalam bahasa Cina]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Yang Berhormat. Yang di-Pertua di depan, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang di-Pertua di depan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya bercakap dengan Yang Berhormat dalam bahasa Hokkien, Yang Berhormat tidak faham…. *[Ketawa]*

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bercakap dalam bahasa Cina]* Yang Berhormat, saya hendak mencadangkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, kita gunakan baja organik. Baja ini bagus dan saya pun berbincang dengan pakar saya ini, Yang Berhormat bagi Arau, dia pun bersetuju… *[Disampuk]* Dia kata, dia makan beras dan sayur jenis organik, tengoklah badan… *[Ketawa]*

Adakah kementerian akan dari segi mempertingkatkan pendapatan beras ini, jika 10 tan satu hektar tetapi juga menjaga keselamatan supaya jangan kimia-kimia dan baja-baja serta racun serangga ini dimasukkan ke dalam sawah-sawah padi ini yang kelak akan memudaratkan kita… *[Bercakap dalam bahasa Cina]* *[Ketawa]* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat… *[Ketawa]*

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih, Yang Berhormat. Segala pandangan Yang Berhormat itu kita akan beri perhatian dan untuk makluman Yang Berhormat, segala-galanya itu memang kita ambil kira dan kita juga tidak mahu berlaku di mana kita hendak meningkatkan produktiviti ke 10 tan tetapi kita akan menjejaskan alam sekitar termasuk manusianya sekali.

Untuk makluman Yang Berhormat, memang sekarang ini kita sedang membuat penyelidikan menggunakan baja kompos.

Tuan Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak tahu Yang Berhormat bagi Jerai pandai cakap bahasa Cina.

Kita mempunyai baka padi yang bermutu. Kita juga mempunyai keluasan tanah. Soal mekanisasi juga kita boleh perolehi, boleh beli mesin untuk tanaman padi ini tetapi soalnya industri penanaman padi ini selalu dikurangkan prioriti kalau kita

banding dengan tanaman kelapa sawit, koko dan tanaman-tanaman komersial yang lain.

Masalahnya ialah soal keutamaan untuk memilih tanaman komersial dalam semua konteks. Beras atau padi ini terletak di dalam senarai keutamaan yang paling rendah. Saya ingin tahu, apakah pendekatan kementerian untuk menentukan bahawa padi ini diusahakan sebagai satu tanaman komersial dan diutamakan seperti juga tanaman-tanaman komersial yang lain termasuk kelapa sawit, getah, koko dan sebagainya. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih, Yang Berhormat. Memanglah kalau hendak dikirakan padi ini berbanding dengan tanaman-tanaman lain, pulangannya tidaklah macam kita buat kepada pulangan tanaman yang lain tetapi kita hendak mengambil kira selain daripada kita cuba juga hendak menjadikan tanaman padi ini sebagai tanaman industri iaitu dari segi komersial dan sebagainya tetapi sebenarnya ia adalah untuk memenuhi keperluan negara iaitu lebih kepada *food security* atau keselamatan makanan.

Sebab itulah kita tidak ketinggalan daripada industri padi ini. Kita sentiasa memberi tumpuan supaya selain daripada kita mengkomersialkan tanaman-tanaman lain, kita juga seharusnya tidak meninggalkan keperluan industri padi walaupun pada masa ini kita hanya mensasarkan kepada 65% pengeluaran atau untuk *self-sufficiency* iaitu untuk keperluan negara dan selebihnya, insya-Allah, kita cuba hendak mengeluarkan padi ini untuk tanaman industri.

Namun kalau kita bandingkan pula harga atau kos pengeluaran dengan kos import, kos untuk mengimport itu lebih murah daripada kita mengeluarkan padi sendiri tetapi insya-Allah, Yang Berhormat, selain daripada kita memberi tumpuan kepada tanaman yang lain, kita tidak akan memberi tumpuan yang kurang kepada padi atas sebab *food security*. Terima kasih.

8. **Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]** minta Perdana Menteri menyatakan, mengenai pelantikan imam dan khatib yang membaca khutbah pada hari Jumaat supaya dapat diseragamkan di bawah satu bidang kuasa bagi mengelakkan daripada masjid disalahgunakan untuk menghentam dasar-dasar kerajaan di dalam khutbah yang disampaikan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kuala Krai. Tuan Yang di-Pertua, mengikut peraturan yang sedia ada, urusan berkaitan pelantikan imam dan khatib adalah di bawah pihak berkuasa agama negeri-negeri. Manakala di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, mereka di bawah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan atau JAWI.

Oleh itu, cadangan supaya pelantikan mereka diseragamkan di bawah satu bidang kuasa pusat bagi mengelakkan daripada masjid disalahgunakan untuk menghentam dasar-dasar kerajaan di dalam khutbah yang disampaikan adalah terpulang kepada persetujuan daripada pihak berkuasa agama negeri-negeri. Walau bagaimanapun, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia atau JAKIM sebagai agensi pusat sentiasa menyelaras penyediaan teks-teks khutbah Jumaat yang akan dibaca oleh imam atau khatib supaya sesuai dengan dasar-dasar kerajaan dengan…

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Peraturan Mesyuarat!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Peraturan Mesyuarat, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: …membantu menyediakan teks khutbah Jumaat yang dibaca oleh khatib-khatib terutama di tiga…

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: …masjid utama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Peraturan Mesyuarat Yang Berhormat. Yang ke berapa Yang Berhormat?

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 23(1)(q),

"Sesuatu pertanyaan tidak boleh dikeluarkan berhubungan dengan apa-apa perkara yang terkandung dalam senarai negeri kepada Perlembagaan Persekutuan".

Sebenarnya soalan ini tidak boleh disuarakan dalam Dewan ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Soalan itu tentang khutbah, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ia bukan menyentuh tentang Perlembagaan Negeri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya faham.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Ini senarai negeri.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini tidak berkenaan, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Soal hal ehwal agama negeri.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ia bukan menyentuh tentang Perlembagaan Negeri. Ia menyentuh tentang…

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tumpat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Ini senarai negeri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tumpat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Senarai negeri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tumpat. Ini soal pengurusan agama mengenai khutbah sahaja. Saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen meneruskan jawapan.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Tetapi ini urusan negeri Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, dia sudah cakap itu urusan negeri, tetapi ini soal khutbah sahaja.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Ya.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Oleh itu JAKIM hanya akan menyelaras penyediaan teks-teks khutbah Jumaat yang akan dibaca oleh imam atau khatib supaya sesuai dengan dasar-dasar kerajaan, dengan membantu menyediakan teks khutbah Jumaat yang dibaca oleh khatib terutamanya di tiga masjid utama iaitu Masjid Negara, Masjid Putra dan Masjid Wilayah Persekutuan. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Masjid adalah suatu tempat utama penyebaran ukhuwah, silaturahim dan perpaduan ummah.

Tetapi sejak kebelakangan ini dan beberapa ketika yang lalu, kerana anasir-anasir parti pembangkang khususnya PAS, khatib-khatib dari PAS telah mempergunakan khutbah dalam sembahyang Jumaat untuk menyebarkan fitnah, pembohongan dan melaga-lagakan ummah.

Tindakan ini suatu tindakan yang sangat jelik bercanggah dengan Islam, bercanggah dengan budaya, bercanggah dengan masjid sebagai tempat untuk menyalurkan silaturahim, maka tindakan ini harus disekat dan saya berharap kerajaan tidak bertolak ansur untuk menyekat anasir yang sangat kotor ini daripada diteruskan,

kerana ia akan memecahbelahkan ummah dan merugikan seluruh umat Islam dalam negara ini.

Saya harap tindakan tegas diambil oleh kerajaan bagi menyekat tindakan-tindakan yang merugikan ummah ini.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Walau bagaimanapun, kita harus faham bahawa setakat ini segala yang berkaitan dengan masjid adalah di bawah tanggungjawab pihak berkuasa negeri ataupun kita kata di bawah kuasa agama sultan. JAKIM sebenarnya tiada kuasa undang-undang dan tanggungjawab JAKIM hanyalah sekadar untuk menyelaras dan memantau, walaupun sedar tentang hal ini berlaku kita berharap daripada masa ke semasa, para imam dan khatib akan diberi penjelasan yang jelas tentang peranan dan tanggungjawab mereka yang sebenarnya. Terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih, kepada Yang Berhormat Datuk dan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya bersetuju bahawa khutbah-khutbah di bawah penguat kuasa Majlis Agama Islam di peringkat negeri, cuma yang tinggal lagi iaitu khutbah-khutbah yang disebar kadang-kadang tidak sampai ke peringkat mukim, kampung.

Yang kedua, khutbah-khutbah yang saya dengar sendiri di satu masjid di negeri Selangor tidak silap saya, masih lagi baca khutbah di tahun 40-an, dalam doanya Ya Allah ya Tuhan kami, lanjutkanlah umur Sultan Abdul Hamid. Abdul Hamid ini Istanbul, jadi khutbah yang tidak *up to date.*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Point of Order*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, ada *Point of Order* yang ke berapa? Ya, teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Bukan raja di Malaysia ini. Dalam khutbah saya dengar masjid di Malaysia itu menyebut bahawa doa di antara doa ….

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sebagai contohlah.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Nak tandanya, hendak menandakan bahawa tidak *up to date*, Sultan Muhamad Yang ke-4, yakni Sultan Abdul Hamid ini di Turki bukan di sini, tidak hadharilah maknanya. *[Ketawa]* Tidak hadhari, mengapa benda ini boleh berlaku sedemikian rupa.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sultan Kedah pun Sultan Abdul Hamid, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Kalau selaras pun, dak, dak ini di Istanbul ini dia sebut, baca di sini …

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai, Jerai. Soalan, soalannya Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya minta supaya apakah khutbah-khutbah ini perlu di *up to date* dari semasa ke semasa barulah orang mendengar khutbah itu nampak ada keceriaannya, kadang-kadang orang mendengar khutbah ini khusyuk sampaikan mengantuk tidur dalam khutbah, 'belenja' air mulut, kerana khutbah yang dibaca tidak *up to date* dan orang yang baca khutbah sendiri pun tidak ….

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, fahamlah itu, menteri fahamlah itu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: 'Tubik, tubik' Yang Berhormat ya.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Berkenaan dengan khutbah yang tidak sampai kepada peringkat negeri, ingin saya nyatakan di sini bahawa segala khutbah adalah ditulis oleh KESUMA dihantar drafnya kepada Ketua Pengarah, disemak terlebih dahulu dan dihantar kepada semua masjid, cuma kalau ada yang tidak sampai mungkin ada masalah di pertengahan, Yang Berhormat boleh memaklumkan kepada pihak kami.

Berkenaan dengan khutbah dan doa 40-an, saya ingin menyatakan di sini bahawa doa tidak perlu di*update*kan, kerana doa itu tetap kekal macam biasa, cuma mungkin nama masjid, dan saya ingin keterangan secara *detail*, dengan izin, masjid manakah yang mengadakan doa tersebut.

Jika Yang Berhormat membangkitkan masalah jemaah-jemaah yang tidur, saya kira itu masalah peribadi, bahkan dalam Dewan ini sendiri pun kadang-kadang ada yang tidur. Yang Berhormat, saya rasa masalah itu tidak timbul kerana khutbah yang tidak dikemaskinikan, tetapi adalah masalah peribadi jemaah yang hadir ke masjid itu sendiri. Terima kasih.

9. Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan sejauh manakah pencapaian cadangan dan perlaksanaan Kerajaan Persekutuan dalam usaha mengambil alih pengurusan bekalan air dari kerajaan negeri ke Kerajaan Persekutuan dan huraikan mekanisme pentadbiran dan pengurusan bekalan air itu kelak.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Majlis Sumber Air Negara pada 29 Julai 2003 telah bersetuju supaya pengurusan perkhidmatan bekalan air negeri-ngeri diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan.

Ekoran daripada itu kerajaan telah bersetuju secara prinsip supaya Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara, semalam saya kata Suruhanjaya Pilihan Raya, tukar Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) ditubuh untuk menggubal Dasar Air Negara dan mengawal selia industri air negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kementerian yang bertanggungjawab ke atas air, kementerian sedang membuat persediaan bagi mengkaji penubuhan SPAN ini, antara bidang-bidang tugas SPAN yang dijangkakan ialah untuk menetapkan piawaian *standard* yang berkaitan dengan kualiti air, teknikal, kos dan tarif yang perlu dipatuhi oleh syarikat-syarikat bekalan air. Terima kasih.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Akhirnya hajat saya kesampaian. Saya hendak bertanya, adakah Yang Berhormat sedar dan adakah benar bahawa ada rungutan atau rintihan daripada golongan tertentu, khususnya mereka yang bermastautin di Putrajaya, bahawa mereka yang menetap di kawasan flat atau rumah pangsa ini, mereka kena bayar harga air yang lebih tinggi berbanding dengan banglo, adakah ini bermakna orang miskin memberi subsidi kepada orang kaya?

Saya minta Yang Berhormat memberi penjelasan dan apakah tindakan kementerian untuk memantau masalah ini. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ayer Hitam, berhubung perkara ini pihak kementerian sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat maklum, bidang air adalah di bawah kuasa negeri dan Putrajaya adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri Selangor (PUAS) dan pihak kementerian memandang serius akan aduan ini dan Jemaah Menteri juga telah meminta PUAS memberi laporan terperinci untuk melihat dan membuat kajian berhubung dengan aduan ini, kerana adalah tidak munasabah bagi mereka yang berpendapatan rendah memberi subsidi kepada mereka yang lebih berada dan kita memandang amat serius tentang perkara ini. Terima kasih.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi yang menyentuh tentang perkhidmatan bekalan air. Seperti mana yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat tadi bahawa kerajaan telah bersetuju agar perkhidmatan bekalan air ini akan diserahkan kepada Kerajaan Pusat.

Pada pandangan saya, kita tahu bahawa banyak cara ini, apabila adanya perkhidmatan diswastakan, maka harga air akan naik. Soalan saya ialah, apakah Kerajaan Pusat apabila mengambil alih perkhidmatan bekalan air, selain daripada menentukan kualiti dan bekalan air itu akan lebih berkesan, seharusnya perkhidmatan ini tidak akan diswastakan oleh kerajaan yang akan menambahkan beban kepada pengguna-pengguna, khususnya kepada rakyat jelata Malaysia kita ini. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara ini, sebagaimana yang saya nyatakan tadi, berhubung dengan tarif air ini, apabila SPAN ini ditubuhkan nanti, ia akan mencari satu harga, *benchmark*, harga yang sesuai bagi air, kerana pada hari ini sebagaimana yang saya nyatakan semalam, tarif air di negara kita berubah-ubah, tidak sama. Dari Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Johor, Perak, Negeri Sembilan, berubah-ubah, kerana NRWnya yang amat tidak sekata dari 20% sehinggalah yang setingginya 62%.

Dengan adanya SPAN nanti, kita mengharapkan dapat mensasarkan satu harga yang seimbang. Dalam masa yang sama, mereka yang mengamalkan, yang menjalankan, mengusahakan industri air ini juga boleh mendapat satu industri yang *sustainable*, maknanya kita ada keseimbangan dari segi harga, baik kepada pengguna dan baik kepada industri dan menguntungkan kerajaan. Ini yang kita cuba lakukan. Terima kasih.

10. **Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada kurikulum sekolah akan memperkenalkan suatu bentuk pendidikan kesihatan seksual dan reproduktif, memandangkan adanya laporan yang menunjukkan penglibatan golongan remaja di dalam hubungan seks yang berisiko tinggi dan kurangnya pengetahuan kaum remaja di dalam aspek ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan P. Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran telah memperkenalkan kurikulum Pendidikan Kesihatan Keluarga dan Seksualiti ataupun PKK/Seksualiti mulai pada tahun 1989 di sekolah menengah dan di sekolah rendah pada tahun 1994. PKK/Seksualiti diajar secara merentas kurikulum di dalam mata-mata pelajaran Biologi, Pendidikan Moral, Pendidikan Islam, Sains dan Pendidikan Kesihatan. Tumpuan PKK/Seksualiti adalah mata pelajaran Pendidikan Kesihatan.

Setakat ini, Kementerian Pelajaran telah menerbitkan 7 modul PKK/Seksualiti sebagai panduan kepada guru. Modul-modul tersebut adalah seperti:

(i) Modul PKK – Aspek Fizikal;

(ii) Aspek Sosial;

(iii) Aspek Gender;

(iv) Aspek Penyakit Jangkitan Seks;

(v) HIV/Aids;

(vi) Seksualiti dan saya; dan

(vii) Modul latihan pendidikan, pencegahan HIV/Aids.

Melalui kurikulum PKK/Seksualiti, murid-murid diharapkan mendapat:

(i) memperolehi pengetahuan tentang perubahan fizikal, emosi dan sosial dan memupuk sikap dan nilai terhadap perkembangan seksualiti;

(ii) membina kemahiran untuk memelihara hubungan peribadi antara rakan, keluarga dan masyarakat; dan

(iii) boleh membuat keputusan bijak dalam kehidupan.

Sehubungan dengan itu juga, Kementerian Pelajaran telah berusaha mengadakan kursus-kursus pendidikan kesihatan keluarga dan seksualiti untuk memberi pendedahan dan pengetahuan tentang pendidikan seksualiti di kalangan guru. Kursus-kursus yang telah di jalankan ialah Kursus Orientasi Gaya Hidup Sihat, Kursus Pendidikan Pencegahan HIV Dan Aids, Kursus Pendidikan Kesihatan Keluarga Dan Seksualiti KBSR dan KBSM.

Kementerian Pelajaran juga telah mengadakan kursus secara usaha sama dengan agensi-agensi lain, seperti persatuan-persatuan Perancangan Keluarga Malaysia dalam usaha menangani gejala sosial masa kini. Terima kasih.

Cik Fong Po Kuan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya banyak yang telah dibuat oleh Kementerian Pelajaran, tetapi Laporan Kesihatan, Seksual Dan Reproduktif Remaja 2003, menunjukkan bahawa lebih kurang 57% daripada remaja, jenayah mangsa seks itu di bawah umur 16 tahun ini, menjadi mangsa jenayah seks kerana mereka jahil seks.

Saya hendak tahu, apakah tindakan yang telah diambil oleh kementerian, ekoran daripada laporan yang terkini 2003, menunjukkan bahawa remaja kita ramai terdedah kepada risiko yang tinggi kerana mereka tidak memahami akibat tindakan mereka terhadap perhubungan seks ini. Sekian, terima kasih.

Puan P. Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, kami ucapkan terima kasih atas keprihatinan Ahli Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Memang kerajaan sentiasa prihatin tentang hal ini dan kami ingin menangani gejala sosial ini dari pelbagai aspek. Salah satu aspek adalah dari segi pendidikan di sekolah, tetapi selain daripada itu, kami sentiasa bersedia bekerjasama dengan agensi-agensi lain, bukan sahaja agensi kerajaan, tetapi juga mana-mana pihak NGO yang sedia berganding bahu dengan kerajaan dan Kementerian Pelajaran Malaysia, agar mewujudkan kesedaran mengenai perkara ini, bukan sahaja di kalangan remaja, tetapi juga di kalangan dewasa. Oleh yang demikian, kami mengalu-alukan cadangan dari mana-mana pihak supaya kerjasama seperti ini dapat diteruskan demi kesejahteraan rakyat.

Dari segi mangsa-mangsa jenayah seks ini, saya rasa ini adalah satu perkara di bawah pihak polis dan kami haraplah sekiranya kementerian ini dapat laporan mengenai mana-mana jenayah seks berkenaan dengan murid-murid dan pelajar-pelajar, kami sentiasa merujuk kepada pihak polis dan mereka akan diletakkan di bawah perlindungan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Terima kasih. *[Tepuk]*

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat. Masa pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan sudah selesai.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya?

Puan Chong Eng: Saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua bahawa pada hari ini ada 10 soalan yang dijawab, hanya satu soalan daripada pihak pembangkang, dan 20 soalan tambahan, hanya dua dari pihak pembangkang. Begitu juga dengan semalam, …..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: … tetap 10 soalan, tidak ada satu pun dari …..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Saya harap…

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: ….. izinkan saya habiskan dahulu, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, saya telah memberi peluang. Saya telah memberi peluang seadil-adilnya kepada Yang Berhormat. Saya ingat soal ini janganlah ditimbulkan di sini.

Puan Chong Eng: Bukan, bukan. Saya rasa dan saya harap boleh lebih seimbang, kalau pun dikatakan 90% di dalam Dewan ini adalah Ahli Barisan Nasional.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Saya ingat, Tuan Yang di-Pertua sudah membuat keputusan yang betul. Jumlah Ahli Dewan ada 219 orang, Pembangkang cuma 20.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk, Yang Berhormat..

Puan Chong Eng: Tetapi *backbenchers* ialah hanya 93 dan pihak pembangkang ada 20. Kalau mengikut *ratio* pun, lima soalan dan satu haruslah daripada pihak pembangkang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Terima kasih, sila duduk.

Puan Chong Eng: Ini baru lebih seimbang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, saya telah memberi peluang. Kalau ikut masa tadi, Yang Berhormat bagi Batu Gajah pun tidak cukup masa, jadi, saya telah beri peluang untuk beliau. Pembangkang ada dua soalan yang telah pun ditanyakan, jadi soal ini tidak berbangkit.

Jadi, masa pertanyaan jawab lisan telah habis, jadi, kita teruskan.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan terima kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Pertama Parlimen yang Kesebelas." ***[31 Mei 2004]***

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Diminta Kementerian Pengangkutan menjawab.

11.08 pagi.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bagi pihak Kementerian Pengangkutan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Diraja yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pengangkutan. Sesungguhnya Kementerian Pengangkutan menghargai semua pandangan, teguran, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang telah membangkitkan tentang kemampuan Lapangan Terbang Kota Bharu yang hanya boleh digunakan untuk operasi Boeing 737 selepas kerajaan membelanjakan RM80 juta untuk kerja-kerja menaik taraf serta keadaan sistem radar yang mana dikatakan sebagai sistem lama.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kos menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra adalah sebanyak RM65 juta. Projek naik taraf ini melibatkan sumbangan daripada kerajaan dan juga *Malaysian Airport Holdings Berhad*, yang mana tertumpu kepada pembinaan bangunan terminal baru, pembesaran *apron* pesawat dan menara kawalan trafik udara baru, walau bagaimanapun landasan terbang yang sedia ada masih dikekalkan.

Bangunan terminal baru ini mempunyai keluasan 12,000 meter persegi berbanding dengan bangunan terminal lama yang hanya mempunyai keluasan 1,785 meter persegi. Bangunan terminal ini mampu mengendalikan seramai 580 orang penumpang sejam dalam waktu sibuk dan boleh menampung keperluan seramai 1.45 juta penumpang setahun.

Pada tahun 2000 sebuah menara kawalan trafik udara baru telah dibina untuk menggantikan menara yang lama. Di samping itu, tapak pemakiran pesawat juga diperluaskan untuk menampung tiga buah pesawat B737 dan dua buah pesawat Fokker berbanding dengan kemudahan lama yang hanya dapat mengendalikan sebanyak dua buah pesawat Boeing 737 dan sebuah pesawat Fokker.

Adalah jelas projek menaik taraf Lapangan Terbang Kota Bharu ini telah mencapai matlamatnya untuk meningkatkan keupayaan Lapangan Terbang Kota Bharu dan tahap kemudahan dan keselesaan penumpang.

Berhubung dengan sistem radar pula suka saya memaklumkan bahawa di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, kerajaan telah meluluskan sejumlah peruntukan untuk mengadakan sistem radar baru di Kota Bharu dan ianya akan diintegrasikan dengan sistem radar di bawah *Malaysian Air Traffic Services Modernization Program*. Kerajaan juga sedang di dalam proses untuk memasang sistem *Instrument Landing System* (ILS) di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra untuk meningkatkan lagi tahap keselamatan operasi penerbangan di lapangan terbang tersebut. Perolehan sistem ILS ini pada masa kini adalah di peringkat tender.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bukit Mas telah bertanyakan tentang kedudukan projek lapangan terbang baru Limbang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang bangun.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih, Yang Berhormat. Apa yang saya persoalkan pada hari itu adalah berkenaan dengan landasan yang sedia ada sekarang yang tidak boleh menampung kapal terbang Boeing 747 ataupun lebih daripada itu, sekarang ini hanya Boeing 737. Apa yang saya sebutkan pada hari itu saya meminta supaya kerajaan memberi perhatian supaya memanjangkan landasan tersebut, kerana tanah telah pun diberi dan telah diambil alih begitu lama, lebih daripada 20 tahun, sedangkan landasannya tidak dipanjangkan, yang diperbaharuinya ialah terminal sahaja. Saya minta supaya pihak kerajaan mengambil perhatian terhadap apa yang saya sebutkan pada hari tersebut.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih, Yang Berhormat. Kita akan mengambil maklum perkara itu. Saya rasa kita akan sentiasa memantau keadaan dari segi trafik, dari segi penerbangan Lapangan Terbang Kota Bharu dan kita akan sentiasa memantau keadaan ini dan kalau diperlukan kemudian kita akan melihat sama ada perlu atau tidak kita menambahkan penerbangan di situ ataupun menambahkan dari segi kapal terbang-kapal terbang yang lebih besar untuk kegunaan penumpang-penumpang di sebelah Kelantan. Terima kasih.

Yang Berhormat bagi Bukit Mas telah bertanyakan tentang kedudukan projek lapangan terbang baru Limbang dan Padang Terbang Pak Daleh serta memohon kerajaan menimbangkan pembinaan lapangan terbang baru di daerah Lawas bagi menampung pendaratan kapal terbang jenis F50.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini lapangan terbang baru Limbang akan menjalani pemeriksaan piawaian oleh Jabatan Penerbangan Awam pada pertengahan bulan Jun depan. Sekiranya lapangan terbang tersebut lulus pemeriksaan piawaian ini yang dijalankan itu ia dijadualkan beroperasi pada bulan Julai 2004. Bagi projek Padang Terbang Pak Daleh pula beberapa tapak telah dikenal pasti, walau bagaimanapun, tapak-tapak didapati tidak sesuai. Kementerian Pengangkutan bersama dengan Kerajaan Negeri Sarawak dan JKR Sarawak sedang berusaha mengenal pasti satu tapak alternatif yang sesuai.

Yang Berhormat bagi Bukit Mas telah membangkitkan tentang keperluan untuk membina lapangan terbang baru di daerah Lawas. Tuan Yang di-Pertua, Padang Terbang Lawas masih belum mencapai tahap kegunaan maksimum, kerana kini ia hanya mengendalikan purata lima penerbangan sehari. Untuk makluman *parking apron* sedia ada boleh menampung dua pesawat *Twin Otter* dan bangunan terminalnya pula

mempunyai keluasan yang mencukupi untuk menampung penumpang dari dua pesawat *Twin Otter* pada satu-satu masa. Sehubungan dengan itu kerajaan tiada rancangan untuk meningkatkan padang terbang pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kota Belud telah membangkitkan perkara bahawa adalah wajar Penerbangan Malaysia mengadakan perkhidmatan dengan tambang yang murah sebagaimana Air Asia bagi membolehkan lebih ramai rakyat tempatan bergerak di antara Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak dan sebaliknya. Sementara Yang Berhormat bagi Kalabakan meminta MAS memberikan potongan 50% tambang kapal terbang bagi tujuan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini, MAS pada masa ini tidak mempunyai rancangan untuk menawarkan perkhidmatan tambang murah atau memberikan potongan 50% tambang antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak, seperti mana yang ditawarkan oleh Air Asia. Walau bagaimanapun, MAS menawarkan pelbagai tambang diskaun dan tambang istimewa bagi menggalakkan perjalanan masuk di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Melalui pakej tambang pelajar, tambang keluarga, tambang warga emas, tambang perjalanan malam ataupun *night tourist's fare* serta tambang istimewa *round trip* atau *round trip circulation fare*. Di samping itu…..

Tuan Ronald Kiandee: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada yang bangun, Beluran.

Tuan Ronald Kiandee: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya akui bahawa MAS mempunyai pakej-pakej penerbangan murah seperti yang disebutkan tadi tetapi sebahagian besar *hindrance* ataupun penghalang daripada ramai penduduk Sabah untuk menyertai pakej-pakej ini disebabkan oleh *condition*, syarat-syarat yang dikenakan dalam pakej, *travel* dalam tiga orang sekumpulan, tiga orang harus bermalam dua malam. Ia lebih kepada pakej-pakej penerbangan berkumpulan. Saya ingin tahu adakah kementerian bercadang untuk MAS melonggarkan syarat-syarat ini agar lebih ramai penduduk daripada Sabah dan Sarawak dapat menggunakan pakej-pakej yang diberikan oleh MAS ini untuk kemudahan perjalanan tambang murah daripada Sabah, Sarawak ke Semenanjung. Terima kasih.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak ada secara *detail* iaitu dari segi pakej-pakej ini dan dari segi syarat-syarat yang diminta oleh pihak MAS. Saya akan mengambil maklum perkara ini dan kalau diperlukan saya akan memerlukan notis dan saya akan menjawab secara bertulis kepada Yang Berhormat, tetapi kita akan mengambil perhatian di atas apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun sila.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Menteri tetapi apa yang kita bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini bukannya setakat pakej. Dengan pakej ini dia ada musim-musim tertentu. Kita mahu mencadangkan supaya rakyat Sabah, Sarawak datang ke Semenanjung, rakyat Semenanjung datang ke Sabah, dia perlu rata terus 50%. Saya mencadangkan di sini sewaktu saya memberi hujah untuk memotong 50%. Jadi, persoalannya di sini bukannya setakat untung rugi. Kalau sekiranya kerajaan, MAS memikirkan untung rugi memang integrasi tidak boleh. Kita mahu kementerian mengambil tindakan yang secepat mungkin untuk mengarahkan bahawa bukan cerita untung rugi, kita mahu MAS memotong harga tambang dari Sabah, Sarawak ke Semenanjung, dari Semenanjung ke Sabah 50%.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Perkara ini memang sedang dalam kajian, Yang Berhormat. Ini telah kita bincangkan dan kita akan terus berbincang dengan pihak MAS walaupun kita tahu bahawasanya dari segi penerbangan di Sabah dan Sarawak itu MAS ada berhadapan dengan sedikit kerugian. Perkara ini kita akan mengambil maklum dan hal ini kita akan teruskan perbincangan kita untuk dikemukakan kepada pihak MAS dalam masa yang terdekat ini…

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Sila.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya telah membawa perkara tambang di antara Sarawak dan Sabah ke Semenanjung ini semenjak beberapa tahun lamanya, dan jawapan kerajaan hanya biasa. Macam inilah jawapannya setiap masa. Sungguhpun dalam masa yang sama kita hendak mendorong masyarakat Malaysia, tidak kira Sarawak ataupun Sabah, mewujudkan integrasi yang sebenar melalui hubungan tali silaturahim di antara masyarakat Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung.

Namun saya juga diberi maklum bahawa Ahli Parlimen dari Semenanjung pun tidak berkesanggupan hendak pergi bercuti ke Kuching ataupun ke Kota Kinabalu. Tambang sahaja, kata dia, kalau lima orang anak-beranak, isteri dengan tiga orang anak, tambangnya sahaja sudah beberapa ribu! Macam mana integrasi ini boleh diwujudkan sedangkan Ahli Parlimen sendiri pun tidak mampu, jangankan pula orang kampung!

Tuan Yang di-Pertua, saya juga pernah mencadangkan bahawa kalau tidak dapatlah memberi diskaun sehingga 70 peratus, tidak dapatlah memberi 50 peratus, sekurang-kurangnya tambang di antara Kuala Lumpur ke Kuching, tambang Kuala Lumpur ke Miri ataupun ke Kota Kinabalu hendaklah diberi kadar yang sama dengan *rate international,* yang mana adalah lebih murah daripada *rate* untuk *domestic flight*.

Saya pernah menyebut dahulu bahawa *rate* di antara Kuala Lumpur ke Kuching dan ke Kota Kinabalu ialah 68 sen manakala *rate* dari Kuala Lumpur ke England, ke London ialah 25 sen atau 27 sen sahaja. Macam mana boleh wujud diskriminasi di mana orang dari Malaysia membayar subsidi kepada MAS untuk bawa orang pergi melancong ke luar negara – ke England, ke Australia dan sebagainya. Sekarang saya hendak jawapan yang tertentu daripada pihak Kerajaan. Mana satu *rate* yang patut dipakai untuk memaju atau melaksanakan dasar integrasi nasional ini? Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih, Yang Berhormat. Dalam ucapan saya tadi, saya ada menyentuh bahawa kita telah juga menawarkan berbagai-bagai pakej untuk kemudahan penumpang-penumpang dan kita juga di peringkat kementerian telah berbincang perkara ini dengan pihak MAS tetapi melihatkan keadaan apa yang berlaku dalam segi *jet fuel* yang kemungkinan akan naik harga dalam masa terdekat ini, yang mana MAS perlu mengenakan satu *surcharge*, di mana baru-baru ini, bagi peringkat penerbangan antarabangsa dikenakan sebanyak RM50 dan bagi penerbangan dalam negeri sebanyak lebih kurang RM15. Dengan keadaan, suasana pada masa ini, rasa saya kemungkinan sukar untuk MAS memberi begitu banyak diskaun di dalam penerbangan dalam negara kita.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya juga pernah mencadangkan bahawa kalau *fuel* untuk kapal terbang ini mahal, saya kata bincang perkara ini dengan Petronas. Kalau Petronas rela hilang berjuta-juta di tempat lain, mengapa tidak boleh hilang sedikit untuk memberi subsidi minyak? Saya pernah mencadangkan supaya diberi subsidi minyak kepada MAS untuk penerbangan di antara Kuching-Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu-Kuala Lumpur supaya integrasi nasional ini boleh kita laksanakan. Semua pihak mesti bekerjasama, macam *social contribution* daripada pihak MAS, *social contribution* daripada pihak Petronas supaya hasilnya kita akan dapat menyatupadukan masyarakat Malaysia dari Semenanjung hingga Sabah dan Sarawak. Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Saya rasa itu adalah satu cadangan yang boleh kita kemukakan kepada pihak MAS dan Kementerian Pengangkutan juga boleh mengambil perhatian terhadap apa yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa membangkitkan perkara mengenai pengenaan *fuel surcharge,* yang mana MAS dan bukannya Air Asia yang memohon mengenakannya. Tuan Yang di-Pertua, perlu diambil maklum bahawa rangkaian MAS adalah lebih luas berbanding dengan Air Asia dan merangkumi sektor-

sektor antarabangsa, serantau dan domestik. Air Asia sebaliknya menumpukan operasi ke sektor-sektor domestik dan beberapa sektor serantau sahaja.

Berkenaan *fuel surcharge* yang diumumkan oleh MAS bagi pelaksanaan mulai 1 Jun 2004 sememangnya tidak dapat dielakkan memandangkan kepada harga minyak yang melambung tinggi sehingga USD45.76 setong berbanding dengan USD37.72 pada bulan Mac 2004. Syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa lain juga mengenakan *surcharge* sedemikian. Namun demikian, pengenaan *fuel surcharge* oleh MAS adalah hanya bagi penerbangan antarabangsa, iaitu RM50 bagi sektor-sektor Eropah, Amerika Syarikat, Australia, New Zealand, Afrika dan Timur Tengah dan RM15 bagi sektor-sektor Asia. *Fuel surcharge* tidak dikenakan oleh MAS bagi penerbangan domestik.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Lanang telah membangkitkan perkara mengenai kemungkinan MAS mengadakan penerbangan terus antara Sibu dan Fuchow, China dan tidak melalui Kuching, di samping cadangan supaya terminal pelepasan di Lapangan Terbang Sibu diperbesarkan.

Tuan Yang di-Pertua, MAS pada masa sekarang tidak ada rancangan untuk mengadakan penerbangan terus di antara Sibu dan Fuchow. Walau bagaimana pun, MAS sentiasa memantau pengaliran trafik dan sekiranya didapati perlu, MAS akan menimbang kemungkinan untuk mengadakan penerbangan terus di antara Sibu dan Fuchow. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan telah pun meluluskan projek untuk menaik taraf Lapangan Terbang Sibu dengan kos sebanyak RM60 juta. Projek ini adalah untuk membolehkan lapangan terbang tersebut menampung pesawat Airbus A330, iaitu dengan memanjangkan landasan yang sedia ada dari 1,981 meter ke-2,745 meter serta memperbesarkan *parking apron* pesawat. Skop kerja ini tidak termasuk peningkatan bangunan terminal yang sedia ada. Sekiranya keadaan memerlukan, kerajaan akan mengkaji cadangan untuk meningkatkan balai berlepas bangunan terminal di Lapangan Terbang Sibu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kuala Nerus meminta supaya Pelabuhan Kemaman diaktifkan dan dimajukan untuk memberi peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Tuan Yang di-Pertua, Pelabuhan Kemaman memang aktif dan usaha-usaha untuk memajukan lagi pelabuhan ini sedang dibuat secara berterusan. Sebagai contoh, semenjak penubuhannya, pengendalian kargo di Pelabuhan Kemaman telah meningkat dari 1.19 juta tan pada tahun 1992 kepada 2,988 juta tan pada tahun 2003. Prestasi sehingga April 2004 juga menunjukkan pertumbuhan sebanyak 49.8 peratus, yang mana 1.228 juta tan kargo dikendalikan berbanding dengan 0.820 juta tan untuk tempoh yang sama tahun 2003.

Dari segi pembangunan pula, beberapa kemudahan baru telah dibina, iaitu dermaga kimia cecair serta gudang transit dalam usaha meningkatkan pengendalian kargo di Pelabuhan Kemaman. Ini menunjukkan bahawa Pelabuhan Kemaman sentiasa aktif dalam melaksanakan fungsi sebagai pintu masuk perdagangan antarabangsa dan domestik ke negeri Terengganu. Sebagai sebuah pelabuhan, Pelabuhan Kemaman bertindak sebagai pemangkin kepada perkembangan industri di Daerah Kemaman dan negeri Terengganu, khususnya di dalam menyediakan kemudahan-kemudahan kepada pengguna-pengguna kawasan perindustrian Teluk Kalong.

Dalam pada itu bagi meningkatkan lagi prestasi pelabuhan ini, Kerajaan Persekutuan adalah dalam proses menswastakan Pelabuhan Kemaman. Dengan penswastaan Pelabuhan Kemaman kelak, adalah dijangkakan pelabuhan ini akan menjadi lebih aktif dan maju serta dapat mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan di Pelabuhan Kemaman dan kawasan persekitarannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahajalah perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai tanggungjawab kementerian yang sempat saya jawab. Mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab, perkara tersebut telah dicatatkan dan akan diambil tindakan sewajarnya oleh kementerian saya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada usul Yang Berhormat, ya.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.30 pg.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

> "Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai kesemua giliran kementerian menjawab dan diputuskan Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi esok hari".

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemukakan bagi diputuskan dan disetujukan.

Usul disetujukan.

[Perbahasan disambung semula]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita akan mempunyai 16 lagi kementerian menjawab kementerian masing-masing. Dengan demikian, saya pohonlah kementerian-kementerian menjawab, supaya jangan panjang-panjang sangatlah, ya. Kita kenalah menjaga masa supaya kita tidak kena bermesyuarat sehingga larut malam ini. Ya, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

11.32 pg.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, yang telah membahaskan Titah Diraja, Usul Menjunjung Kasih di Dewan Rakyat, yang telah menyentuh perkara-perkara yang terletak di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat bagi Rasah membangkitkan mengenai kemasukan pendatang asing ke negara ini, terutama dalam situasi sekarang yang mana kes-kes seperti rompak, jenayah dan lain-lain semakin berleluasa. Beliau meminta agar kerajaan memantau kemasukan pendatang asing, supaya jangan ada yang bermasalah dan berpenyakit diambil bekerja di negara kita, kerana mereka hanya akan mendatangkan masalah kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa memandang serius mengenai kes-kes yang membabitkan pendatang asing seperti kes rompak, bunuh dan sebagainya. Kehadiran mereka yang bermasalah ini, akan memberi ancaman keselamatan dan menggangu-gugat ketenteraman awam. Bagi mengawal kemasukan pendatang asing yang bermasalah, kerajaan sentiasa mengawasi kemasukan pelawat-pelawat asing seperti mengenakan syarat visa kepada rakyat negara-negara yang berisiko, menghalang kemasukan pelawat yang nama-namanya terdapat dalam senarai syak Jabatan Imigresen dan sebagainya.

Begitu juga pekerja-pekerja asing yang hilang, tidak mahu pulang, yang terlibat dengan kes-kes jenayah, kerajaan sedang mencari jalan untuk membanteras kebocoran mereka ke dalam golongan pendatang haram. Mengenai kesihatan. Mengikut dasar, pekerja asing dikehendaki menjalani pemeriksaan perubatan di klinik-klinik yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia di negara sumber sebelum mereka dikeluarkan dengan permit kerja. Setelah mereka…..

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun di belakang.

Dato' Azmi bin Khalid: Bagi saya habiskan ini sekejap, ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Dato' Azmi bin Khalid: Setelah mereka berada di negara ini, tahun berikutnya mereka dikehendaki pula menjalani pemeriksaan perubatan dengan *Foreign Workers Medical Examination Monitoring Agency* (FOMEMA).

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: *[Bangun]*

Tuan Salahuddin bin Ayub: *[Bangun]*

Dato' Azmi bin Khalid: Mana-mana pekerja asing yang melanggar undang-undang dan peraturan negara, akan ditamatkan pas kerja dan dihantar pulang ke negara asal, serta nama mereka disenaraihitamkan. Ya, yang mana dahulu?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Pendang.

Dato' Azmi bin Khalid: Sila.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, berhubung dengan pekerja asing ini. Sebenarnya, apakah langkah yang akan diambil oleh pihak kementerian, untuk mengatasi pemalsuan pasport ini. Misalnya, kita tengok masalah Nirmala Bonat. Kita mendapat tahu, usia dia ini lebih tua daripada yang ditulis dalam pasport dia. Apakah tindakan yang diambil oleh kementerian berhubung dengan masalah ini?

Dato' Azmi bin Khalid: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Pendang. Sebenarnya Yang Berhormat, kita sedang merancang satu sistem di mana bukan sahaja kad pengenalan, bahkan pasport-pasport sudah pun bermula pasport yang menggunakan *computer chips*, di mana cap jarinya dan juga gambar wajah orang yang memegang pasport akan ada dalam *chips*. Kalau ada penipuan, dalam *chips*, tidak akan dapat diubah. Bahkan, gambar di luar boleh diubah. Maka, dengan adanya sistem elektronik ini, pada jangka masa sederhana dan panjang, kita akan dapat membanteras pemalsuan.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Azmi bin Khalid: Saya tidak bagi laluan lagi, ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: *[Senyum]*

Dato' Azmi bin Khalid: Okeylah, cepat sedikit Yang Berhormat. Ini pembangkang, kena bagi *chance*lah.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Ketawa]* Adakah Yang Berhormat sedar bahawa, apabila pihak itu, pendatang tanpa izin yang datang, masuk ke negara ini kerana *shore line,* pantai kita panjang. Dia masuk bila-bila sahaja, kita tidak tahu. Saya pun faham. Walau bagaimanapun, mereka sudah masuk ke sini, dengan belanja berapa ribu ringgit. Dia dapat kad pengenalan, *MyKad* yang palsu. Ini semua Tuan Yang di-Pertua, saya diberitahu, tidak boleh dipalsukan. Tetapi, mereka memang menggunakan fikiran yang tersesat, yang terpesong, yang tidak betul dan boleh memalsukan *MyKad* pula. Apakah tindakan sekarang? Terima kasih.

Dato' Azmi bin Khalid: Okey, soalan. Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Sebenarnya, kalau kita melihat *chips* dengan penggunaan dikatakan *reader* ataupun alat melihat apa dalam *chip*, apa yang ada di dalam *chip* tidak boleh diubah. Mereka yang membeli kad, hanya beli kad yang dipalsukan, tetapi apa dilihat dengan *reader*, maklumat yang sebenarnya tidak akan dapat dimasukkan dalam *chip*, melainkan dipalsukan. Tetapi, apabila disemak dengan daftar dalam komputer, memang tidak ada.

Tuan Salahuddin bin Ayub: *[Bangun]*

Dato' Azmi bin Khalid: Jadi, menggunakan sistem elektronik memang boleh dan mampu untuk menyekat segala pemalsuan. Cuma, kalau dia itu pergi melanggan di mana-mana, yang menerima kad itu tidak menggunakan *reader*, maka pengguna itu

tidak akan tahu bahawa kad itu palsu. Ini adalah perkara-perkara yang sedang dirancang untuk diperketatkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kubang Kerian bangun. Kubang Kerian.

Dato' Azmi bin Khalid: Pembangkang lagikah?

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Kubang Kerian. Satu lagi, *last*.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Satu perkara yang saya ingin menarik perhatian dalam Dewan ini adalah tentang berlakunya perdagangan manusia. Satu maklumat ataupun laporan dari Kedutaan Indonesia, mengatakan bahawa orang-orang yang bernama Allan, Ah Yong dan Ah Chew dari Kuching, Sarawak ini telah menyumbangkan lebih kurang 70% daripada komoditi manusia, *human trafficking* di Kuala Lumpur. Ini perkara yang sangat serius, yang sedang berlaku dalam negara kita dan saya berharap pihak kementerian dapat menangani masalah ini. Tidak akan lagi berlaku perdagangan manusia dalam abad moden ini. Terima kasih.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya kita akui ada pemalsuan dan perdagangan membawa pekerja asing secara haram. Tetapi, ini kita harapkan, akan dapat diatasi setelah semua pekerja asing di peringkat yang ada alat elektronik ataupun *computer chip* di dalamnya. Di dalamnya ada *bio-matrix* di mana cap jari mereka ada. Kalau mereka keluar masuk menggunakan nama lain pun, tetapi cap jarinya tidak akan berubah. Lama-kelamaan, kita akan dapat tahu dan kita mampu memantau. Cuma, sistem yang ada sekarang, kita belum mengenalkan *computer chip* di dalam kad-kad bagi pekerja asing. Ini akan dilaksanakan tidak lama lagi.

Yang Berhormat bagi Arau pula membangkitkan mengenai isu pas lawatan ikhtisas profesional ataupun untuk *expatriate*. Beliau mencadangkan, supaya dibuat kajian semula tentang peraturan Jabatan Imigresen untuk memudahkan pakar-pakar datang ke Malaysia, untuk mencurahkan pengalaman, teknologi dan kepakaran kepada rakyat Malaysia. Ini, bagi tujuan *short learning curve* kepada Malaysia, dengan izin dan tanpa membuang masa membuat penyelidikan R&D. Pertanyaan yang sama juga diajukan oleh Yang Berhormat bagi Batu Kawan, berhubung pas lawatan ikhtisas.

Beliau juga turut menyentuh mengenai kekurangan pakar tempatan dan menyatakan bahawa Jabatan Imigresen Malaysia, cenderung menghalang kemasukan ahli-ahli ikhtisas ke negara kita. Yang Berhormat bagi Batu Kawan menyarankan, dasar Jabatan Imigresen Malaysia yang lebih liberal dan fleksibel dibuat. Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin menjawab isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Arau dan Yang Berhormat bagi Batu Kawan secara bersekali.

Dato' Azmi bin Khalid: Kerajaan memang memandang serius akan masalah dan permasalahan yang timbul berkaitan dengan warga *expatriates* pekerja ikhtisas dalam negara ini. Di sini saya ingin meyakinkan Yang Berhormat semua bahawa tindakan sedang diambil untuk memperbaiki sistem yang ada sekarang. Antaranya ialah cadangan mewujudkan:

(i) pusat sehenti, bukan pusat serenti, pusat sehenti *(one stop centre)* bagi memproses permohonan mereka;

(ii) memperkenalkan *dedicated lane* iaitu lorong khusus atau lorong khas di pintu-pintu masuk utama bagi memudahkan mereka keluar masuk;

(iii) memperkenalkan kad pengenalan elektronik yang sudah ada berbentuk MyKad kepada pegawai-pegawai dagang bagi memudahcarakan mereka keluar masuk untuk berkhidmat di negara ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, pemudahan cara ini bukan sahaja untuk syarikat-syarikat asing yang berpejabat di negara ini bahkan juga bagi syarikat-syarikat tempatan yang menggaji pakar-pakar asing dalam urusan perniagaan mereka. Ini untuk membolehkan negara mampu bersaing di arena antarabangsa.

Yang Berhormat bagi Labuan, Libaran dan Muar telah menyentuh mengenai isu penderaan terhadap pembantu rumah dan mengharapkan tindakan tegas diambil terhadap pihak yang bertanggungjawab.

Yang Berhormat bagi Labuan telah mencadangkan agar kerajaan membuat satu dasar supaya tidak membenarkan pembantu rumah yang beragama Islam bekerja dengan majikan bukan Islam.

Yang Berhormat juga telah mencadangkan supaya ejen-ejen ini digantung permit jika pembantu rumah di bawah syarikat-syarikat agensi mereka terlibat dalam kes-kes penderaan. Jika syarikat agensi ini mencatatkan rekod lebih dari tiga kes, kerajaan katanya harus membatalkan lesen atau permit mereka.

Yang Berhormat bagi Labuan pula menyarankan agar majikan atau pihak yang melakukan penderaan pembantu rumah tersebut ditarik kelayakan untuk mengambil pembantu rumah. Ejen-ejen syarikat yang membawa masuk pembantu rumah perlu membuat pemantauan kepada pembantu rumah dan membuat laporan tiap-tiap tiga bulan kepada agensi kerajaan yang berkaitan.

Manakala Yang Berhormat bagi Muar menyarankan agar syarikat-syarikat pekerja am bagi membantu pekerja-pekerja asing dikaji semula dan mencadangkan agar satu jawatankuasa ditubuhkan bagi menjaga kebajikan hal ehwal pembantu rumah.

Tuan Yang di-Pertua, kes penderaan yang berlaku ke atas seorang pembantu rumah warga Indonesia baru-baru ini amat dikesali dan begitu juga kes-kes lain dan sedikit sebanyak telah menjejaskan imej negara sebagai masyarakat penyayang serta bercanggah dengan budaya dan adat resam masyarakat Malaysia. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sedang mengkaji semula syarat-syarat pengambilan pembantu rumah asing bagi mengelakkan penderaan dan penganiayaan kepada kedua belah pihak iaitu pembantu rumah mahupun majikan.

Kajian terperinci harus dibuat berkaitan dengan kes-kes yang berlaku seperti penderaan mental atau fizikal, rogol, tidak membayar gaji, beban kerja yang keterlaluan dan pelbagai kes lagi. Di samping itu kes-kes penganiayaan yang dilakukan oleh pembantu rumah kepada majikan-majikan mereka juga harus dikaji, contohnya penipuan dan curi, maksiat di rumah majikan, penderaan anak-anak di bawah asuhan atau pembantu rumah yang lari serta pelbagai lagi.

Kementerian bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat bagi Libaran untuk mengambil tindakan tegas terhadap majikan yang terlibat dalam kes penderaan dengan menarik kelayakan untuk mengambil pembantu rumah dengan menyenaraihitamkan nama-nama mereka. Untuk makluman Yang Berhormat, sesungguhnya sudah ada tata cara yang dinamakan Tindakan Ke Atas Majikan Pembantu Rumah Asing Dan Agensi Pembantu Rumah Asing Yang Terlibat Dalam Kes-Kes Penderaan, sudah ada peraturannya tetapi pelaksanaannya setakat ini ada sedikit kelonggaran, maka kita akan kaji bagaimana hendak diperketatkan. Begitu juga tentang.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Jerai bangun ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Dato'. Saya tertarik berkenaan dengan kemasukan orang-orang luar asing untuk datang mencari rezeki di negara kita yang senang ini. Bolehkah saya mencadangkan kepada Yang Berhormat bahawa kita wujudkan satu badan, satu yayasan, apabila orang-orang dan pendatang-pendatang ini masuk ke Malaysia, mereka ini kita kumpul. Macam kita kata hendak tubuhkan kelab, tetapi bukan kelab tetapi yayasan supaya mereka ini kita jangan biar, bila masuk dapat permit kerja biar, kalau mereka hendak pergi ke mana, biar mereka pergi, dia tidak faham budaya Malaysia, dia tidak faham selok-belok hidup kita di Malaysia.

Sekurang-kurangnya kalau ada satu yayasan atau satu badan, badan ini boleh menjadi perantaraan di antara pekerja-pekerja asing ini dengan kerajaan. Kita juga akan menyuntikkan budaya-budaya kita kepada mereka supaya mereka menghormati. Kadang-kadang bukan kata macam dera ini pun kesian juga kena benda-benda macam itu, cukup seksa Tuan Yang di-Pertua, aniaya budak perempuan ini, tetapi ada lagi banyak yang berlaku. Adakah Yang Berhormat bercadang supaya benda-benda ini

dapat kita *curb*kan supaya jangan dan kalau boleh kita tubuhkan satu badan untuk jaga mereka ini di negara kita.

Dato' Azmi bin Khalid: Ada jawapannya sekejap lagi, saya akan huraikannya ya, terima kasih. Mengenai tindakan-tindakan yang boleh diambil terhadap para agensi juga bukan sahaja kepada agensi, kepada majikan ada peraturan-peraturan dan ada tata caranya yang tidak perlu saya baca dengan panjang lebar, kalau Yang Berhormat ingin tahu saya akan bagi dengan bertulis.

Cadangan Yang Berhormat bagi Libaran supaya agensi yang membawa masuk pembantu rumah turut bekerjasama untuk membuat pemantauan serta menghantar laporan berkala kepada kementerian perlu dikaji dengan lebih mendalam untuk memastikan kedudukan yang sebenar sebelum sesuatu peraturan lengkap disediakan, memang cadangan ini akan dikaji.

Cadangan Yang Berhormat bagi Muar agar ditubuhkan satu jawatankuasa bagi menjaga hal ehwal pembantu rumah, kerajaan akan mengkaji kewajaran cadangan ini, terima kasih.

Bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Libaran, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan membuat kajian yang terperinci mengenai kedudukan pembantu rumah Islam yang bekerja di rumah majikan yang bukan Islam. Pada masa ini majikan dikehendaki membuat perakuan apabila mengambil pembantu rumah beragama Islam untuk menyediakan segala kemudahan beribadat seperti bilik sembahyang dan tidak menghalang pembantu rumah mendirikan sembahyang lima waktu, berpuasa di bulan Ramadan dan tidak mengganggu semasa pembantu rumah mengerjakan ibadat berkenaan. Majikan juga dikehendaki membuat perakuan untuk tidak menguruskan kerja-kerja rumah yang dilarang dalam Islam seperti menguruskan babi dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah membuat keputusan, ini menjawab kepada Yang Berhormat bagi Jerai tadi. Kerajaan telah membuat keputusan untuk menstrukturkan semula sistem pengambilan pekerja-pekerja asing bagi semua sektor dalam negara, bukan sahaja pembantu rumah malah semua sektor. Penstrukturan semula ini adalah bertujuan untuk mengurangkan bebanan kewangan yang hampir kesemuanya ditanggungi oleh pekerja-pekerja asing dan untuk menjaga kepentingan majikan.

Penstrukturan semula ini, sistem ini akan mampu menghalang pekerja asing daripada menjadi warga haram dan penstrukturan semula ini juga akan mampu memberi apa yang dikatakan khidmat kebajikan kepada warga asing yang bekerja dalam negara ini supaya keadaan mereka terkawal dan sistem yang akan diwujudkan akan menjadi sistem yang tidak terlalu menindas kepada pekerja asing.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Libaran juga telah menyentuh mengenai rancangan televisyen yang disiarkan terutamanya rancangan hiburan agar diberi penapisan yang sewajarnya. Beliau juga meminta kerajaan mengawal supaya jenis rancangan yang disiarkan di televisyen bersesuaian dengan waktu siarannya.

Yang Berhormat bagi Batu Pahat juga menyentuh mengenai kesan-kesan rancangan televisyen yang disiarkan dan sejauh manakah ia boleh membentuk masyarakat yang mempunyai nilai-nilai murni.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Penapisan Filem 2002 memperuntukkan semua filem termasuk rancangan hiburan untuk siaran melalui televisyen kerajaan dan swasta kecuali Astro hendaklah ditapis dan diluluskan oleh Lembaga Penapisan Filem, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Kaedah penapisan filem yang dilaksanakan oleh Lembaga Penapisan Filem (LPF) ialah dengan menonton tapis keseluruhan sesuatu filem bagi menentukan tema...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, saya hendak minta penjelasan berkenaan dengan .....

Dato' Azmi bin Khalid: Boleh saya hendak habiskan ayat ini? Bagi menentukan tema, jalan cerita, babak, dialog dan mesej yang terdapat dalam filem tersebut. Ya, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, saya meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, pasal apa Yang Berhormat kata

kecuali Astro, yang lain ini ditapis, Astro tidak tapis. Kita tengok Tuan Yang di-Pertua, di Astro itu kadang-kadang orang lelaki dia jadi lembut macam orang perempuan. Itu pun jadi juruacara. Rambut dia naik mencacak tidak pasal. Kemudian bercakap dengan tangan begini, Tuan Yang di-Pertua *[Membuat aksi dengan tangan].* Kita tengok la ni banyak orang lelaki jadi lembut. Dahlah orang lelaki kurang la ni. Di universiti kurang, di sana kurang. Hak yang adapun lembut. Astro ini kena tapis jugalah Yang Berhormat, pasal apa dikecualikan. Tayang dalam negara kita juga, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Azmi bin Khalid: Terima kasih, Yang Berhormat. Itu saya akan huraikan sekejap lagi. Ada tempatnya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Azmi bin Khalid: Lembaga Penapisan Filem dalam tugas penapisan berpandukan kepada Garis Panduan Penapisan Filem yang ditetapkan oleh Kabinet, garis panduan tersebut adalah komprehensif yang mengandungi garis, peraturan mengenai babak, dialog dan tema filem yang tidak boleh diluluskan seperti filem-filem yang mengandungi unsur-unsur negatif dan memudaratkan dalam aspek-aspek keselamatan, sosiobudaya, ideologi dan politik, keagamaan serta peradaban dan ketatasusilaan.

Lembaga Penapisan Filem sentiasa membuat pemantauan bagi memastikan kualiti tapisan filem sentiasa mengikut undang-undang, peraturan, garis panduan dasar kerajaan. Sesuatu filem yang diluluskan untuk disiarkan melalui televisyen akan diklasifikasikan kepada kategori 'U' – untuk Umum atau '18' – bagi mereka yang berumur 18 tahun dan di tayang selepas jam 10.00 malam. Lembaga Penapisan Filem menapis kandungan filem yang hendak disiarkan, manakala pemilihan rancangan untuk disiarkan di stesen televisyen adalah tanggungjawab pihak stesen televisyen berkenaan. Waktunya kita tidak tentukan. Itu bergantung kepada budi bicara stesen televisyen berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tumpat membangkitkan mengenai isu media massa dan media elektronik khususnya stesen televisyen seperti Astro yang sering menayangkan adegan-adegan yang tidak sesuai dengan budaya kita sekarang seperti adegan-adegan seks, ganas dan sebagainya.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Pendang bangun Yang Berhormat.

Dato' Azmi bin Khalid: Beliau mencadangkan….

Tuan Yang di-Pertua: Pendang bangun. Ya, Pendang sebelah sini.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Sekali lagi boleh?

Dato' Azmi bin Khalid: Tak, saya ….sekejap lagi.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Tentang filem tadi.

Dato' Azmi bin Khalid: Nanti kejap, saya habiskan. Beliau mencadangkan agar dasar bagi Stesen Televisyen Astro dikaji semula seperti yuran-yuran langganan. Beliau juga meminta agar kerajaan memberikan perhatian kepada dasar-dasar yang sedia ada kerana dalam keadaan sekarang, era media massa lebih mencabar dan memerlukan penyelarasan-penyelarasan yang lebih teratur. Sebagai ringkasan, yuran-yuran tidak di bawah kelolaan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bahkan di bawah kelolaan kementerian lain dan juga berpandu kepada permintaan serta bekalan di pasaran. Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Pendang.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Hmm.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Tadi disebut panjang lebar tentang kawalan terhadap filem. Saya sentuh tentang filem-filem iklan ini. Kadang-kadang lain yang dia hendak tunjuk iklan itu, lain yang ditunjuk. Hendak tunjuk kereta pun, dia iklankan wanita. Motosikal pun wanita. Yang saya

tengok, iklan yang baiknya Brylcreem sahajalah. Tunjuk lelaki dengan rambutnya yang *best* itu. Adakah kawalan terhadap filem-filem iklan dalam TV ataupun media kita yang lain.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, iklan ada peraturan-peraturannya. Seperti yang disebutkan oleh sahabat saya daripada kementerian yang menjawab soalan di bawah kementerian semalam, ini adalah satu perkara subjektif. Ada orang yang tengok muka cantik sedikit pun, dan bawah pakaian yang kurang menutup sedikit pun, sudah tidak dapat terima tetapi ada orang yang boleh terima dan masyarakat kita adalah masyarakat yang majmuk dan terpulang kepada mereka yang menonton untuk menilainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab mengenai Astro tadi. Lembaga Penapisan Filem tidak menapiskan filem-filem program Astro. Ini kerana sebagai sebuah stesen televisyen satelit, rancangan-rancangan luar negara diterima terus - *direct to user* dan boleh dilambatkan hanya kira-kira satu jam sahaja. Maka Astro mengadakan penyunting-penyuntingnya sendiri - *in-house censors* yang saya difahamkan ada lebih daripada 100 orang yang bekerja 24 jam. Semasa Astro mula-mula ditubuhkan, Lembaga Penapisan Filem telah diminta mengadakan kursus kepada bakal-bakal penyunting ini. Astro juga telah dilengkapkan dengan garis panduan yang telah diluluskan oleh Menteri Dalam Negeri pada 10 Mei 1997. Pada masa yang sama, beberapa ahli Lembaga Penapisan Filem ditempatkan di Astro untuk selama beberapa bulan.

Perlu saya nyatakan bahawa bukan semua program Astro diterima melalui satelit. Saluran 4 - Ria, Saluran 6 – Vanari, Saluran 30 – Wai Lai Toi misalnya, adalah serupa dengan TV biasa yang menggunakan pita *(tape).*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat…

Dato' Azmi bin Khalid: Ini boleh ditapis dengan rapi. Begitu juga saluran-saluran hiburan seperti Saluran 16, Saluran 71 dan 72.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Sri Gading bangun.

Dato' Azmi bin Khalid: Ya, sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tidak dapat terimalah jawapan bahawa lucah dan ganas ini subjektif. Apa subjektif? Orang Melayu ini kalau dah buah dada perempuan tidak ada benda, semua sama. Itu lucahlah. Tunjukkan punggung perempuan tertonggeng, itu semua lucahlah. Tidak ada subjektifnya. Ganas, begitu jugalah. Menyiram air panas ke muka perempuan, itu sudah ganaslah. Kementerian tidak boleh hendak membiarkan pentafsiran ini kepada seseorang. Kena buat satu dasar - 'ini lucah', 'ini ganas' dan tidak seharusnya ditayangkan di televisyen kerana televisyen ini sebuah media yang sangat berkesan.

Ambil contoh, kadang-kadang apabila kita kata kerosakan akhlak anak muda. Dalam filem jumpa tengah jalan. Selepas itu adegan berikutnya terus atas katil. Kepada anak-anak muda seolah-olahnya persetubuhan di antara lelaki perempuan ini begitu mudah dibuat. Itu yang ditunjukkan dalam televisyen, itu yang dia orang tengok. Jadi, benda-benda macam ini sebenarnya, jalan cerita-jalan cerita yang seperti ini pun menuju ke arah kehancuran kepada akhlak manusia. Saya minta pandangan Yang Berhormat.

Dato' Azmi bin Khalid: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya dalam beberapa hari ini menonton Astro hampir setiap malam hendak melihat *channel* mana yang membawa unsur-unsur yang dimaksudkan. Daripada banyak-banyak *channel,* saya lihat *Channel* 71, 72 yang banyak menonjol-nonjolkan tarian-tarian dan adegan-adegan ataupun cara-cara berdiri, cara-cara menari yang seksi dan menonjolkan serta boleh menimbulkan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Saya pun telah periksa, saya dimaklumkan bahawa dua *channel* ini tidak datang secara terus. Ia boleh ditapis. Ini saya dimaklumkan cara lisan.

Saya hendak melihat sama ada ini benar atau tidak kerana kalau ia tidak datang secara terus dan boleh dilengahkan, dilambatkan, maka di Jepun saya telah melihat adegan-adegan yang tidak menyenangkan penonton dikelabukan bahagian-

bahagian yang perlu dikelabukan. Dalam suasana dalam negara kita pada hari ini, kemungkinannya, saya tidak berjanji pada hari ini tetapi saya hendak lihat kalau wajar dan benar, ianya tidak datang secara terus - walaupun secara terus, ia boleh dilambatkan selama satu jam maka itu juga boleh diambil kira untuk dikelabukan di tempat-tempat yang tidak sesuai. Akan tetapi saya tidak dapat mengatakan dengan lebih jelas oleh sebab perkara ini perlu saya lawati ke tempat yang berkenaan untuk melihat apakah benar apa yang saya terima secara lisan pada hari ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, minta kasihan sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Dia hendak minta izin. Ada dua orang.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Minta kasihan.

Dato' Azmi bin Khalid: Lambat lagi ni.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua…

Seorang Ahli: Okey, *last* dua.

Dato' Azmi bin Khalid: Okey, dua sahaja. Lepas ini saya minta tidak ada soalan lagi dah. Tuan Yang di-Pertua marah…

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya. Terima kasih. Tak, pasal yang ini hendak jaga akhlak di Malaysia Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Hmm.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, yang itu saya bersetuju. Yang Berhormat hendak bertindak, hendak melawat, itu bagus. Kemudian Yang Berhormat sudah tengok dalam RTM kita, apa semua. Ini kes cerita-cerita Bollywood Tuan Yang di-Pertua. Dia ketar sampai televisyen pun naik ketar Tuan Yang di-Pertua. Dahlah filem itu ketar, goyang sana, goyang sini, TV kita pun goyang Tuan Yang di-Pertua. Kementerian yang dok kata dok skrin, dok tapis itu, tapis apa? Saya takut hak yang tengok pun naik karan sama, dia terlepas, hak yang dok skrin itu. Dia pelapis itu. Dia karan, dia tengok, dia pun syok, dok ralik-ralik terlepas, hantar pergi ke RTM. Benda ini kena jaga, Tuan Yang di-Pertua. Pasal betul, tengok macam gusti. Anak-anak kita yang kecil-kecil, dia dok tengok gusti, Tuan Yang di-Pertua, lama-kelamaan dia pun belajar gusti dengan adik dia. Itu yang masuk wad patah tangan. Apa semua ini? Bukan dera tetapi dia tengok gusti macam itu, dia pun buat. Mak-mak pun tengok gusti, buat juga, Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, dia bagi ucapan. Saya bantah dia bagi ucapan, soalan tadi saya terima dan untuk mempercepatkan jawapan, saya masih mengatakan banyak yang dikatakan adegan-adegan lucah ini ada unsur-unsur subjektif, tetapi memang ada yang boleh kita katakan, ia memang lucah. Tetapi ada batasan-batasan seperti *Bollywood,* ada banyak yang tidak terlalu lucah kepada setengah orang, kepada setengah orang pula dianggap lucah.

Anak-anak muda kita pada tahun lima puluhan memang cenderung gambar-gambar Bollywood, Hindustan. Menyanyi Hindustan pun pandai. Tetapi, adakah ini satu perkara yang dapat kita bendung secara mutlak, tidak langsung diizinkan oleh kerana anak-anak kita kalau kita tidak izin di sini dia akan pergi ke tempat lain, sebab sekarang ini dalam dunia yang terbuka adalah lebih penting, adalah lebih baik anak-anak kita dilatih dari dalam, supaya dalam dirinya itu kuat dan dia boleh lihat tetapi dia tidak dapat menerima, itu yang penting.

Kalau di luar sahaja kita *control* dalam tidak kita *control,* maka di mana pun tidak dapat kita menahan segala benda yang tidak baik. Tetapi, saya menerima cadangan Yang Berhormat tadi untuk dilihat semula di manakah tempat yang boleh kita……

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Hai Omar: Boleh minta penjelasan?

Dato' Azmi bin Khalid : Tadi soalan, ini penjelasan okey, okey *last*.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, kita sedar bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mahukan kita bersaing untuk meningkatkan mutu supaya kita dapat melihat kemasukan filem-filem daripada luar, dapat memberi satu persaingan kepada penerbit-penerbit tempatan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat selain daripada usaha menapis filem-filem yang di bawa masuk, apakah kajian telah dibuat setakat hari ini bahawa filem-filem tempatan kita ini sudah mencapai ke satu tahap boleh bersaing dengan filem-filem yang dibawa masuk daripada ataupun kita import daripada luar negara. Kalau tidak, sampai bila pun kita masih macam beraslah, macam padi, kita asyik bergantung pada pengeluaran import daripada luar negara.

Sejauh mana kementerian atau Lembaga Penapis Filem ini melihat usaha-usaha untuk meningkatkan mutu supaya setanding dengan penerbitan filem-filem yang diimport dari luar negara? Adakah kita hanya setakat hendak bergantung pada filem-filem yang dibawa masuk, tidak kiralah *Hollywood* atau *Bollywood*, asalkan kita juga mesti mencapai satu tahap sasaran di mana kita bersaing dan kita dapat meningkatkan mutu kualiti. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Azmi bin Khalid: Terima kasih Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat itu di luar bidang kuasa kementerian saya. Bidang kuasa kementerian saya hanya untuk menapis adegan-adegan yang tidak secucuk dengan landasan yang tidak ditetapkan oleh kerajaan. Dari segi persaingan perniagaan itu bukan tanggungjawab kementerian saya, minta maaf. Mengenai saranan supaya dikaji semula.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat, maksud saya Yang Berhormat selain daripada menapis sama ada satu garis panduan untuk, tidak kiralah bagaimana hendak meningkatkan mutu filem-filem tempatan yang diterbitkan oleh tempatan, itu maksud saya. Bukan maksud saya itu di bidang kuasa kementerian Yang Berhormat, tetapi ia tentang perniagaan, perusahaan berhubung dengan perfileman yang sedang dijalankan. Maksud saya selain kita menapis filem-filem yang dirasai masih lagi tidak dipatuhi oleh penerbit tempatan-tempatan ataupun filem-filem dibawa masuk, mungkin ada satu cara bagaimana kita dapat meningkatkan pendekatan kedua-dua belah pihak tempatan dan juga luar negara. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, ini di bawah bidang kuasa Finas, yang di bawah Kementerian Menteri Penerangan, saya minta maaf kalau saya melangkau sempadan. Ini bukan di bidang kuasa saya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bukit Mas seterusnya mengutarakan persoalan mengenai dua isu, iaitu pertama mengenai dua buah bangunan Imigresen Check Point yang baru di Tandaruan, Limbang, sempadan daerah Limbang dan Temburung, Merapoh sempadan daerah Lawas dan Sabah yang tidak lama lagi akan dapat menambahbaikkan urusan perjalanan para pelawat dan pelancong keluar masuk kedua-dua daerah tersebut. Beliau mengucapkan syabas dan terima kasih kepada kerajaan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam kerana melaksanakan projek tersebut.

Bagaimanapun beliau berpendapat kerajaan perlu melihat dari segi tenaga kerja yang diperlukan kerana pegawai-pegawai yang ada sekarang berkemungkinan tidak mencukupi, beliau ingin bertanya kepada pihak kementerian, bilakah kedua-dua *check point* tersebut akan dibuka kepada orang ramai. Check Point Merapuh telah pun diwartakan dan dibuka kepada orang ramai bermula 26 Julai 1984. Bangunan Kompleks CIQ kastam, imigresen dan kuarantin yang baru telah pun dibina bagi menambahbaikkan perkhidmatan serta memberikan keselesaan pada pengunjung yang menggunakan *check point* tersebut.

Kompleks CIQ ini dijangka akan beroperasi pada bulan September 2004. Dalam masa ini terdapat tiga orang pegawai yang ditugaskan di Check Point Merapuh, tambahan akan dibuat sesuai dengan pembinaan Kompleks CIQ yang baru mengikut kelulusan yang diberikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Pembukaan Check Point Pendaruan masih lagi belum ditetapkan, tetapi Kompleks CIQ masih lagi belum siap

dibina. Pada masa ini urusan imigresen dilaksanakan di pintu masuk Limbang, Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, isu kedua pula ialah mengenai penggunaan MyKad antara Kerajaan Malaysia dan Brunei Darussalam yang telah bersetuju untuk menggunakan MyKad bagi memberi kemudahan perjalanan kepada rakyat yang memerlukan, iaitu Yang Berhormat Libaran ingin mendapat penjelasan sama ada kemudahan ini disediakan di semua pintu masuk seperti di Kuala Lura, Limbang, Terusan dan Merapuh.

Yang Berhormat bagi Bukit Mas juga ingin tahu apakah syarat-syarat untuk mendapat MyKad. Pada masa sekarang, Yang Berhormat, perjalanan melintasi kedua-dua negara oleh kedua-dua rakyat negara menggunakan pasport. Kekerapan keluar masuk menyebabkan muka surat habis digunakan sebelum pasport tamat.

Di samping itu juga tugas-tugas meng*endorse* pasport secara *manual* menyebabkan kesesakan di setengah-tengah pintu masuk. Bagi menyelesaikan masalah tersebut kedua-dua negara telah bersetuju untuk menggunakan *Frequent Travelers Card* sebagai dokumen menggantikan pasport untuk keluar masuk kedua-dua negara.

Bagi negara Malaysia MyKad dijadikan dokumen kerana MyKad mempunyai implikasi pasport yang disimpan di dalam chips. Walau bagaimanapun bagi negara Brunei kad pengenalan yang digunakan oleh rakyat negara tersebut tidak mempunyai kemudahan seperti MyKad. Bagi melaksanakan penggunaan FTC ini, alat pembaca dan mesin *auto gate* akan disediakan di pintu-pintu masuk *auto gate* tidak payah di cek secara *manual* pakai elektronik.

Pelaksanaannya dijangkakan pada hujung tahun ini. Bagi negara Brunei sama ada akan menggunakan kad pengenalan yang sedia ada atau memperkenalkan kad yang baru adalah tertakluk kepada pihak berkuasa negara tersebut. Apa yang penting ialah kedua-dua kad tersebut yang Malaysia dan Brunei yang dimiliki oleh Brunei boleh digunakan alat pembaca atas mesin *auto gate* yang sama, kalau dia hendak guna. Keputusan sama ada menetapkan mana-mana pintu masuk seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat belum lagi ditentukan. Walau bagaimanapun sebagai asasnya pintu masuk yang diberikan kemudahan ini adalah pintu masuk yang mempunyai ramai pengguna dan menghadapi masalah kesesakan.

Syarat-syarat mendapat MyKad, semua rakyat Malaysia berhak mendapat MyKad. Mereka yang mempunai kad pengenalan boleh menukarkan kepada MyKad dan mereka telah mencapai umur 12 tahun ke atas boleh mendapatkan MyKad. Keduanya penduduk-penduduk tetap boleh mendapatkan MyKad tetapi bercorak berkotak merah tanda merah. Rakyat asing yang dibenarkan bekerja di Malaysia secara sah dan berniat tinggal lebih daripada 12 bulan seperti *expatriate* akan diberi kad elektronik yang bercorak MyKad.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bera, pula telah membangkitkan mengenai penduduk Orang Asli di daerah Bera, yang berumur 14 tahun masih tidak mempunyai sijil lahir. Bapa kepada anak Orang Asli tersebut telah membuat permohonan sijil lahir di JPN Bera, JPN Temerloh dan JPN Kuantan tetapi permohonannya ditolak. Sehubungan itu, Yang Berhormat bagi Bera telah menghantar surat kepada Pengarah JPN Kuantan tetapi kini masih belum mendapat jawapan. Tempoh penghantaran adalah sebulan. Anak Orang Asli tersebut mendapat 4A 1B dalam UPSR dan tidak dapat melanjutkan pelajaran ke asrama penuh.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung perkara yang berbangkit, ini adalah perkara spesifik yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Bera. Kementerian telah menyemak permohonan pendaftaran kelahiran tersebut iaitu dua orang kanak-kanak adik-beradik Orang Asli di daerah Bera. Permohonan mereka dibuat di bawah kategori Daftar Lewat Kelahiran.

Permohonan tersebut telah diluluskan oleh Pengarah Pendaftaran Negara Pahang pada 26 Januari 2004. Surat kelulusan mengenainya telah dihantar ke alamat pemohon pada 19 Februari 2004 maka telah selesai.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat, boleh minta sedikit penjelasan Yang Berhormat berhubung dengan pendaftaran ini.

Dato' Azmi bin Khalid: Boleh saya ..... okey.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak pendekkan sahaja. Yang Berhormat bercakap tentang MyKad. Sebenarnya masih ada masalah untuk membaharui ataupun mendaftar sijil-sijil kelahiran, umpamanya di kawasan saya di luar bandar umpamanya masih ada lagi kakitangan yang tidak cukup dan ini telah melambat-lambatkan penduduk untuk membuat pendaftaran kelahiran. Apakah pihak kementerian akan melihat perkara ini untuk menambahkan kakitangan Pejabat Pendaftaran di kawasan-kawasan luar bandar? Terima kasih.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya Jabatan Pendaftaran Negara telah pun mengambil tindakan-tindakan yang perlu bagi mempercepatkan proses memudahcarakan semua yang memohon MyKad. Tetapi jika berlaku kelompok-kelompok ataupun kes-kes yang tertentu di tempat-tempat yang tertentu seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi kita akan siasat, kita akan ambil tindakan sewajarnya. Terima kasih. Sebenarnya kita memerlukan *feedback* seperti mana yang dikemukakan oleh Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Dungun mencadangkan agar perkataan 'Islam' dari Parti Islam PAS digugurkan kerana sebenarnya ia gagal dalam mencapai pendekatan cara Islam yang sewajarnya. Perkataan 'Islam' ini juga tidak sesuai digunakan agar ia tidak menjadi salah faham oleh rakyat. Beliau amat mengharapkan supaya perkara ini yang mana pernah menjadi ura-ura kerajaan satu masa dahulu untuk dibuat kajian dapat dipersungguhkan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang kerajaan tidak berhasrat untuk melarang penggunaan nama 'Islam' dalam mana-mana pertubuhan yang telah pun berdaftar termasuk PAS, Bagaimanapun, penggunaan nama Islam bagi satu-satu pertubuhan baru berkemungkinan mengelirukan orang awam terhadap maksud atau corak pertubuhan itu.

Penggunaan nama 'Islam' juga berkemungkinan mengaitkan suatu pertubuhan baru dengan pertubuhan lain yang menggunakan nama yang sama. Dalam keadaan yang demikian, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia akan menolak pendaftaran sesuatu pertubuhan yang menggunakan nama 'Islam' seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 7 (3) (d) Akta Pertubuhan 1966.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Lipis menyatakan bahawa .....

Tuan Haji Ismail bin Noh: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Pasir Mas.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Pasir Mas. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Azmi bin Khalid: Tidak tukar nama. Beri izin pun hendak tanya lagi.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Bukan hendak tanya. Tak hendak tanya. Terima kasih Menteri dan saya bangun pada pagi ini sekadar untuk mengucapkan terima kasih. Sebenarnya bukan ada persoalan apa-apa. Terima kasih dan kalau boleh diperlegakan lagi penggunaan 'Islam' itu kepada mana-mana pihak yang benar-benar mahu kepada peningkatan dan perkembangan Islam di negara kita dan saya minta 'Islam Hadhari' itu pun mesti diperbetulkan makna dia. Makna, saya rasa bahawa tidak ada sebenarnya Yang Berhormat Menteri, Islam Hadhari. Yang adanya 'Hadharah Islamiah' yang ada. Tamadun Islam yang ada. Ya, Islam Hadhari saya tidak pernah jumpa dalam istilah-istilah dalam buku dan kitab-kitab. Saya terima kasih banyaklah kepada apa yang diucapkan oleh Menteri itu.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, saya jawab mengikut peraturan yang ada. Tetapi kalau tanya saya secara peribadi, persatuan politik tidak boleh menggunakan nama 'Islam' seperti yang telah diluluskan maka terpaksa kita kekalkan jugalah. Tentang 'Islam Hadhari', Yang Berhormat boleh berhujah di peringkat yang lain kerana di luar bidang saya. Walaupun apa yang disebutkan Yang Berhormat itu adalah pendapat Yang Berhormat sendiri yang tidak semestinya saya bersetuju.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sri Gading.

Dato' Azmi bin Khalid: Okey, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Menteri. Saya hendak buat sedikit pembetulan. PAS tidak menggunakan nama 'Islam' kerana PAS itu ialah 'Parti Assalam Malaysia'.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya teruskan dengan teks saya ini. Terima kasih, Yang Berhormat. Itu penjelasan yang boleh ditimbang oleh pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Lipis menyatakan bahawa Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) mampu membantu PDRM mengenai masalah keselamatan negara secara sukarela seperti bencana alam, pendatang tanpa izin serta pelbagai kes jenayah sekiranya organisasi tersebut ditadbir dengan baik. Sehubungan itu, beliau menyarankan supaya Pasukan RELA distruktur semula dengan menempatkan pegawai-pegawai tetap.

Kedua, latihan-latihan untuk anggota RELA perlu disemarakkan.

Ketiga, peruntukan yang mencukupi perlu dibekalkan di semua peringkat negeri, daerah mahupun platun.

Keempat, peserta Program Khidmat Negara perlu dilihat semula dalam Pasukan RELA kerana mereka mempunyai semangat patriotik yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saranan Yang Berhormat ini akan diambil timbang dan diambil kira apabila kita menstruktur semula RELA kerana RELA sekarang sudah diletakkan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan tanggungjawab dan segala apa matlamat asal RELA akan dilihat semula supaya sesuai dengan kehendak semasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat, boleh saya minta penjelasan? Sedikit sahaja.

Dato' Azmi bin Khalid: Ada lagi?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sedikit sahaja, Yang Berhormat. Terima kasih, Yang Berhormat. Saya hendak tanya kementerian tentang masalah pendatang tanpa izin ini terutama berhubungan dengan tenaga pekerja yang dibawa masuk ke negara kita ini, adakah mereka ini bila habis tempoh permit kerja ini, mereka ini balik atau tidak? Ataupun mereka ada dalam negara kita ini, yang bersembunyi, yang tidak mahu balik. Apakah cara kejayaan yang telah dapat dibuat oleh kementerian dalam menangani masalah ini terutama tentang tenaga pekerja yang sampai sekarang ini berlaku adanya penderaan dan sebagainya. Minta sedikit penjelasan.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya sistem yang ada sekarang dari segi pekerja asing, di semua sektor kerajaan amat tidak puas hati dengan yang ada sekarang, maka kerajaan telah mengarahkan supaya sistem ini distruktur semula, dilihat semua secara menyeluruh di semua sektor.

Sebagai contoh, sektor binaan. Dalam sektor ini tidak ada satu orang pekerja yang boleh digajikan selama sepanjang tiga tahun kerana binaan tidak memerlukan seorang pekerja yang khusus dalam sesuatu bidang bekerja lebih daripada beberapa bulan, maka dalam sektor binaanlah yang terbanyak sekali pekerja-pekerja asing yang bekerja dua minggu, dua bulan, tiga bulan. Mereka ini tidak akan dapat masuk dalam apa yang dikatakan sebagai warga halal, warga sah yang ditugaskan, yang digajikan sepanjang tiga tahun, maka dalam sektor binaanlah yang banyak digunakan tenaga-tenaga pendatang haram.

Oleh kerana ada perbezaan di antara satu sektor dengan yang lain, maka satu penstrukturan semula sedang dilihat dan sedang serius dikajikan dan kita akan kemukakan kepada Kabinet tidak lama lagi untuk dijadikan satu dasar baru dan cara dan sistem baru bagaimana pengambilan mereka.

Begitu juga untuk mengurangkan jumlah warga asing yang tidak mahu pulang. Saya memang sedar dan kerajaan sedar bahawa banyak pekerja asing daripada sesetengah negara terpaksa meminjam wang untuk datang. Mereka membayar

bayaran yang banyak kepada ejen dan mereka tidak mampu setelah tiga tahun bekerja, untuk membayar hutang. Mereka tidak sanggup pulang kerana hutang tidak dibayar. Apabila hutang tidak dapat dibayar, tidak dapat pulang, mereka menjadi warga haram.

Datuk Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Dato' Azmi bin Khalid: Saya ingin teruskan Tuan Yang di-Pertua. Saya telah pun menjawab perkara-perkara .....

Datuk Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Berkenaan dengan RELA ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri pilih meneruskan ucapan dia itu.

Datuk Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Berkenaan dengan RELA ini bolehkah saya bertanya?

Dato' Azmi bin Khalid: Saya hendak habiskan.

Datuk Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Mengenai RELA.

Dato' Azmi bin Khalid: Okey. *Last question* mengenai RELA, baik.

Datuk Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya sebenarnya hendak menyebut mengenai RELA ini dalam konteks positif dan kebaikannya. Saya lihat kalau saya mengambil daripada pengalaman daripada Parlimen Sabak Bernam, RELA di kawasan Parlimen itu telah memainkan peranan yang begitu baik sekali.

Dato' Azmi bin Khalid: Soalan, soalan. Saya dibagi tempoh yang singkat.

Datuk Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Sedikit *intro*. Saya harap RELA ini dapat diberikan satu peruntukan khas dalam konteks perkhidmatan dan aktivitinya. Terima kasih.

Dato' Azmi bin Khalid: Terima kasih, Yang Berhormat. Memangnya setelah distrukturkan semula, setelah dilihat semula kita akan juga melihat dari segi keperluan kewangan. Terpulanglah kepada Kementerian Kewangan untuk menimbang setelah dibuat permohonan kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun menjawab beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan sekiranya terdapat perkara-perkara lain yang tidak disentuh dalam jawapan saya tadi, pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran.

12.21 tgh.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga tahniah yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan Diraja yang telah membangkitkan berbagai-bagai perkara, isu serta cadangan yang menyentuh Kementerian Pelajaran. Dalam jangka waktu yang terhad ini, seberapa boleh saya akan memberi penjelasan kepada isu-isu yang dibahaskan dan mana-mana yang tidak sempat diberi penjelasan akan tetap diberi perhatian serta diambil tindakan sewajarnya. Tuan Yang di-Pertua, saya akan membahagikan kepada tajuk-tajuk kecil dalam penjelasan saya nanti.

Pertama sekali, Tuan Yang di-Pertua, apa yang dibangkitkan ialah mengenai isu disiplin pelajar. Izinkan saya memulakan ucapan penggulungan ini dengan menjelaskan isu yang mendapat perhatian ramai iaitu berhubung disiplin pelajar. Saya memilih isu ini kerana ia juga ditimbulkan oleh ramai Ahli Yang Berhormat sama ada dalam pertanyaan lisan ataupun bertulis di Dewan yang mulia ini. Walaupun ada sesetengah isu tersebut sengaja diperbesar-besarkan tetapi saya tidak menyangkal

wujudnya isu-isu disiplin di kalangan pelajar-pelajar sekolah dan kementerian tidak berniat untuk menyembunyikannya.

Di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan isu ini dalam perbahasan kali ini ialah Yang Berhormat bagi Temerloh, Yang Berhormat bagi Kinabatangan, Yang Berhormat bagi Rasah, Yang Berhormat bagi Sri Aman dan Yang Berhormat bagi Sekijang.

Kementerian Pelajaran amat memandang serius terhadap sebarang salah laku, disiplin dan jenayah di kalangan pelajar termasuklah gejala buli di sekolah-sekolah. Walaupun mengikut statistik jumlah kes buli sepanjang tahun 2003 hanya 909 iaitu sekitar 0.02 peratus dari jumlah kira-kira 5 juta pelajar, saya ulangi 5 juta pelajar. Kementerian berpendapat gejala ini tidak boleh dibiarkan sehingga menjadi kebiasaan seterusnya semakin memburuk sehingga menyebabkan kematian seperti yang berlaku baru-baru ini. Kementerian tidak akan berkompromi dalam hal ini dan akan memastikan tindakan yang tegas diambil agar gejala buli ini dihapuskan sehingga ke akar umbi. Kementerian mahu pelajar-pelajar merasa selamat dan dapat menumpukan perhatian terhadap pelajaran mereka.

Sebenarnya terdapat berbagai-bagai mekanisme pencegahan yang telah diadakan oleh Kementerian Pelajaran. Di antaranya:

(i) dari segi undang-undang, terdapat beberapa akta dan peraturan yang sudah sedia ada seperti peraturan pelajaran, peraturan sekolah dan sebagainya;

(ii) dari segi kurikulum, terdapat mata pelajaran pendidikan agama Islam dan pendidikan Moral untuk mendidik pelajar dengan nilai-nilai yang mulia dan dituntut oleh agama;

(iii) dari segi ko-kurikulum, terdapat 24 pasukan pakaian seragam, 54 jenis persatuan dan kelab serta 24 jenis kelab berasaskan sukan dan permainan yang sepatutnya dapat menjadikan persekolahan satu pengalaman yang menarik bagi pelajar-pelajar;

(iv) selain itu terdapat pelbagai mekanisme dan program seperti sistem mentor-mentee, kaunseling, pengawasan, sistem *merit de-merit*, lembaga disiplin dan banyak lagi untuk memastikan gejala disiplin; dan

(v) melalui bantuan dan kerjasama dari Polis Diraja Malaysia atau PDRM, setiap sekolah juga telah mempunyai pegawai perhubungan sekolah yang terdiri daripada anggota-anggota polis.

Bagaimanapun, dengan terjadinya insiden-insiden buli baru-baru ini, kementerian melihat akan keperluan untuk memantapkan lagi mekanisme dan program yang sedia ada di samping memperkenalkan inisiatif-inisiatif baru. Antara program-program yang sedia ada yang akan dimantapkan semula ialah

(i) meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan hal-ehwal murid dalam semua aspek di sekolah seperti memberi pendedahan kepada guru dan warden tentang pengurusan asrama dan pelbagai kemahiran *interpersonal,* memastikan warden tinggal di asrama agar dapat mendekati dan mengawasi murid sepenuh masa dan memantapkan lagi kemahiran guru kaunseling;

(ii) meningkatkan budaya positif dan sihat di kalangan semua murid melalui memastikan peluang penyertaan yang sama rata kepada pelajar dalam aktiviti ko-kurikulum, memperkukuhkan aktiviti ko-kurikulum, memantapkan sistem mentor-mentee dan pembimbing rakan sebaya, meningkatkan program motivasi diri, ceramah kaunseling, program kerohanian dan program membina personaliti;

(iii) melaksanakan sepenuhnya 'program sekolah selamat' di sekolah-sekolah agar persekitaran sekolah selamat, selesa, *conducive* dan merangsang budaya positif di kalangan pelajar.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Santubong.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Menteri. Tahniahlah di atas tindakan dan dasar yang telah digubal khususnya untuk mengatasi masalah keciciran pelajar di sekolah oleh kerana penglibatan dalam perkara yang negatif. Yang Berhormat ada menyentuh persoalan ko-kurikulum di sekolah-sekolah. Mengikut pengalaman yang saya alami bahawa ini hanyalah melepaskan batuk di tangga iaitu senarai diberi boleh masuk pengakap, *red crescent* dan apa saja boleh masuk tetapi galakan kepada guru-guru terlibat tidak ada langsung. Galakan yang macam mana?

Guru tidak boleh terlibat, tidak dapat kebenaran daripada Principal, tidak dapat daripada Guru Besar dan semua sekali tidak boleh keluar. Di manakah letaknya ko-kurikulum ini untuk berjalan? Adakah nama sahaja di dalam senarai dan pakai *uniform* sudah menjadi aktiviti tersebut? Kalau tidak ada galakan macam mana galakan kepada *sport* yang mana guru boleh diberi cuti, guru boleh meninggalkan sekolah dan sebagainya dan sekolah boleh ditutup untuk hari sukan tetapi untuk ini pada petang hari 1 jam pun tidak boleh, Kena *review* semula. Kalau ya, apa tindakan kementerian supaya *extra curriculum activity* yang kita cadangkan itu betul-betul berkesan dan tidak dianaktirikan di sekolah-sekolah. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ada dua perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Pertama, kalaulah ada macam kita kata kita sudah beri kebenaran kepada guru-guru yang terlibat dalam kokurikulum itu untuk menjalani perjumpaan di luar dan sebagainya sekiranya dia tidak terlibat dengan kelas-kelas yang dikendalikannya. Kalau di luar masa sekolah, saya rasa itu tidak ada halangan daripada pihak kami. Walau bagaimanapun, saya ingin menyatakan kepada Yang Berhormat, sekiranya saya tahu ini boleh jadi pergerakan *scout*, mungkin ini. Kalau sekiranya Yang Berhormat rasa ini ada masalah, memang kita akan lihat kompelin-kompelin yang tertentu. Saya bercakap pada keseluruhannya.

Perkara kedua ialah kita di sekolah-sekolah, macam saya sebutkan tadi, terdapat 24 pasukan pakaian seragam, 54 jenis persatuan dan kelab dan 24 jenis kelab berasaskan sukan. Macam-macam kita ada. Saya sebutkan…, memang saya akui ada sesetengah sekolah yang terlalu menekankan soal akademik atau mata pelajaran tadi, hendak meningkatkan dapat berapa puluh 'A' sebuah sekolah. Dia tinggalkan dari segi kokurikulum tadi.

Oleh yang demikian, pendekatan kami, kami menyedari akan hakikatnya ini, iaitu hendak menggalakkan. Hari ini kita hendak lebih menggalakkan supaya dapat diimbangi antara *academic* dan *non academic.* Hendak menyeimbangkan *physiology* anak-anak ini supaya dia rasa sekolah itu menyeronokkan dirinya…

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bahkan saya macam ayam berkokok di Dewan ini sudah lima, enam tahun soal perimbangan di antara akademik yang tidak akademik ini yang menjuruskan kepada kreativiti dan inovasi. Itu yang saya sebut. Saya bandingkan seluruh dunia, *education* punya *result* terutama di bidang sains, matematik dan sebagainya tetapi sistem kita masih menjurus kepada mendapat 'AA'. Kalau anak mendapat 9'A', surat khabar, universiti *first choice*. Umpama benda macam ini tetapi kalau kita lihat di Amerika umpamanya, prestasi matematik, sains tidak seberapa tetapi 75% *Nobel Peace Prize*, daripada *nature of science* diambil oleh orang-orang Amerika. Jadi, di mana letaknya prestasi, di mana letaknya inovasi dan kreativiti?

Itu dalam tiap-tiap kali perbincangan, saya sebut hal ini. Persoalan kokurikulum, umpamanya saya sebut pengakap, memang saya sebut pengakap. Kalau pengakap, salah satu daripada *to mould* ataupun *to create the character* budak-budak dalam pengakap ini ialah buat *job-week* tetapi *job-week* tidak boleh buat sekarang kerana dilarang oleh pihak sekolah, tidak boleh keluar.

Ini masa peribadi budak-budak ini. Masa cuti tidak boleh, oleh kerana larangan daripada guru, daripada sekolah. Kalau dasar tidak boleh dibuat, guru di sekolah boleh buat apa sahaja. Mestilah ada dasar yang tertentu menjuruskan kepada kita berkehendakkan kokurikulum ini, kita berkehendakkan inovasi dan kreativiti ini supaya anak-anak ini boleh, dan sekolah-sekolah tidak boleh membuat dasar sendiri. Yang Berhormat Timbalan Menteri mintalah lihat dan apakah tindakannya. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Memang kita menyedari akan hakikat ini, sahabat saya daripada Santubong. Macam saya kata, apabila saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat berkali-kali dalam Dewan yang mulia ini, saya tahu. Malah dalam semesta yang lalu pun telah dibangkitkan mengenai perkara ini. Oleh kerana itulah, yang sekarang kita sedang mengambil tindakan sehingga mendapat persetujuan daripada Kabinet, hal ini kita akan tentukan bahawa setiap anak-anak kita yang di sekolah itu akan memilih satu pasukan beruniform. Sekurang-kurangnya ini akan membantu dalam khidmat negara kemudiannya apabila mereka mencapai umur kemudiannya…

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Walau bagaimanapun, biar saya habiskan ini dahulu, iaitu masa mengenai masa cuti kemungkinan, ini saya sebut di sini. Kemungkinan ada di kalangan anak-anak kita yang mengambil peperiksaan. Memang persepsi masyarakat hari ini ialah untuk melihat anak-anak mereka yang dianggap berjaya, yang saya sebut dianggap berjaya ialah mereka yang mendapat 10'A', 12'A' dan sebagainya ini dianggap berjaya tetapi sebagai seorang insan, adakah benar-benar mereka berjaya? Ini menjadi tumpuan kami hari ini iaitu untuk mengimbangi ini. Saya beri jaminan ini kepada Yang Berhormat. Saya tidak tahulah dengan bantuan dan kesedaran ibu bapa dalam hal ini.

Kadang-kadang memang di sekolah cuba ini semua. Tetapi kadangkala ibu bapa kata, *"Kami tidak mahu anak-anak ini terlibat dengan terlalu banyak masa mereka pada kokurikulum sehingga dia punya mata pelajaran merosot"*. Ini kompelin yang kita dapat……

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Salahuddin bin Ayub: *[Bangun]*

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada tiga – Jerai, Kubang Kerian, Cameron Highlands.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Yang Berhormat yang belakang dahulu, kemudian Jerai, kemudian diikuti Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kita. Soal yang dibangkitkan tadi oleh Yang Berhormat bagi Santubong, saya rasa dari segi dasarnya memang bagus tetapi banyak masalah di peringkat pelaksanaan, di peringkat sekolah yang perlu kita lihat. Maka cara beri *panadol* mungkin masalah ini tidak boleh diselesaikan. Maafkan saya kalau saya katakan *panadol,* kerana kalau kita merenung senario sekolah *urban* dan sekolah *rural,* banyak bezanya dari segi keibubapaannya. Seorang guru yang mengajar terpaksa menjaga kurikulum, kokurikulum dan juga guru berkenaan terpaksa membuat kerja-kerja pentadbiran sekolah. Katakan ada sekolah-sekolah di mana 30 waktu kena mengajar…

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Dan saya rasa...., okay.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apakah soalannya?

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Soalannya saya minta komen, apakah pandangan Yang Berhormat dan penjelasan, kita mengasingkan pengajaran dan pentadbiran kepada dua entiti yang berbeza di peringkat sekolah di mana setiap sekolah disediakan lima atau enam orang pentadbir yang akan melaksanakan semua

kerja-kerja pentadbiran untuk guru-guru. Cikgu hanya fokus kepada pengajaran dan pembinaan insan. Saya minta komen daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Di sana sejuk, cara dia tanya pun sejuk soalan itu. Dari segi dasar Yang Berhormat saya akui baik, memang kita pun buat begitu sedemikian rupa. Dari segi pelaksanaan juga kita memantau pelaksanaan itu, baik atau tidak baik ataupun ia ada kelemahan ataupun tidak. Yang kita buat sekarang ini ialah kita membaiki apa-apa kelemahan yang ada. Saya akui ada kelemahan dari segi ini dan juga macam yang telah saya berkali-kali nyatakan bahawa kerjasama ibu bapa. Yang paling penting sekali ibu bapa mesti memahami ini. Juga dari segi pentadbiran sekolah dan juga yang membuat pengajaran. Kita memang ada bahagian pentadbiran sekolah iaitu perkeranian dan sebagainya.

Saya memahami soalan Yang Berhormat bagi Cameron Highlands ini mungkin sesetengah sekolah gurulah jadi kerani, gurulah juga mungkin jadi tukang kebun, mungkin juga dia buat itu dan ini. Yang ini saya memahami ada masalah di sekolah-sekolah yang kita panggil sekolah kurang murid (SKM). Itu saya akui tetapi ini kita membaiki lagi keadaan. Boleh dikatakan semua sekolah ada pentadbir dia, itu saya akui. Kita harus dapat membezakan. Begitu juga kita wujudkan PPD dan juga JPN.

Ya, saya beri peluang kepada Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memang tidak dinafikan Kementerian Pelajaran ini satu kementerian yang akan mendidik warisan bangsa kita di masa akan datang. Memang tugasnya berat Tuan Yang di-Pertua tetapi saya hendak memohonlah kepada kementerian, jangan terlampau banyak sangat dasar. Buat suatu dasar pendidikan negara sudah, kemudian kita turut *guideline* itu.

Sekarang ini dasar kadang-kadang dasar *ad-hoc* pun ada. Dia *mai* terkejut *tergempag* buat satu dasar, terkejut *tergempag* buat satu dasar. Kadang-kadang kita bermasalahlah. Kemudian keseimbangan dan keperluan sekolah di bandar dengan luar bandar berbeza. Di bandar PIBG *strong*, duit banyak. *Mai* di luar bandar kadang-kadang hendak kutip sekali mesyuarat agung pun tidak berapa duit, selepas dia *celapak* wakil rakyat, kemudian dia kata wakil rakyat pula pada PIBG tidak boleh pula bagi bantuan. Teruklah orang kampung. Kemudian *facility* tidak ada.

Yang ini semua Yang Berhormat kita kena fikir, kalau kita hendak buat satu benda, katalah contohnya sains komputer, *make sure* kita cukup lengkap, kita lancarkan serentak. Ini gaya hendak lancar bangunan sudah hendak terjun, gaya hendak lancar *current* tidak ada macam mana. Komputer tidak boleh guna, guru tidak cukup dan sebagainya. Masalah seperti ini menghadapi masalah yang besar pula, guru-guru pun naik *fed-up* kadang-kadang. Kami boleh buat apa?.

Kemudian, macam sekolah (Tamil) Tok Pawang, sekolah tumpang sekolah kebangsaan. Bilik darjah bahagi dua, tengok kantin dia kita pun tak gamak, punya kasihan. Saya pergi rasmi PIBG, meleleh air mata….

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalan cukjup panjang.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini negara, Tuan Speaker, negara masa depan. Kemudian, adakah Yang Berhormat bersetuju juga dengan pandangan saya, Yang Berhormat pun orang Sungai Petani, saya Yan, bukan orang lain, satu kampung, Yang Berhormat.

Yang Berhormat bersetujukah dengan saya, pasal apa sekolah ini pula ada sekolah jenis A, sekolah itu B. Bila sekolah A ini beramai-ramailah anak yang cerdik pandai pergi satu sekolah, yang hak fikiran lemah itu pergi sekolah lain. Kadang-kadang Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat bagus, ini kena tunggu berjam-jam hendak masukkan budak ini ke sekolah itu, pasal apa sekolah itu kononnya bagus. Sekolah lain tidak baguskah? Guru lain tidak baguskah? Dasar tidak betulkah? Yang ini kita kena fikir.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua…

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak ada soalan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Soalan itu, banyak itu. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau ada soalan, cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Soalannya… *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak cukup?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasannya... *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah itu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasannya, soalannya, Yang Berhormat, apakah kerajaan akan memperbetulkan dasar-dasar ini supaya ia ada satu dasar dan kita implementasikan dasar ini dengan sebaik mungkin dan untuk mendisiplinkan anak, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya – beri penjelasan kepada saya – kita suntikkan agama dengan akademik itu sejalan supaya mereka apabila dididik dengan agama dan juga akademik maka budak itu akan menjadi budak yang soleh dan solehah. Dia berjaya dalam pendidikan, tetapi perangai tidak menadi macam 'jemuan'.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dia jadi anak bangsa yang…

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: …bertanggungjawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat bersetuju tidak dengan saya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup, cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat bersetuju tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ha, cukup, cukup. Yang Berhormat cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih. *[Ketawa]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat bagi Yan, eh Yang Berhormat bagi Jerai, maafkan saya. Yan tidak ada ya? Oh hak dulu Yan, dia pergi manakah, Besutkah? Dia tidak balik ke sini. Maafkan saya, orang lain. Saya *dok* tengok sebelah sana, *[Ketawa]* dulu dia duduk sebelah sana. Oh Yan, balik mari sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya, tahniahlah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Yan duduk balik sebelah sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan itu tidak timbul.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Oh tidak timbul!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak timbul.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tidak, saya biasa dulu Yang Berhormat bagi Yan duduk sebelah situ. Sekarang kena sebelah sini pula.

Seorang Ahli: Okeylah itu!

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Memanglah, tahniahlah, Yan duduk sebelah kita. Tetapi dia…

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: …ada juga bangkit masalah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat hendak … kah? *[Ketawa]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Nampaknya macam itulah ke arah itu. Terus terangkan saya katakan Yang Berhormat, sebenarnya orang salah persepsi terhadap apa itu dasar pendidikan. Dasar pendidikan sudah jelas. Falsafah sudah jelas. Prsoalannya, apabila kita melaksanakan itu terkadangkala ada perkara-perkara yang kita anggap sebagai kelemahan di dalam sistem itu. Kelemahan inilah yang kita baiki.

Macam tadi Yang Berhormat sebutkan mengenai dengan disiplin anak-anak. Memang dari masa ke semasa ia berlaku. Ini mesti kita terima hakikat. Macam anak kita, lima orang – dua orang itu baik, tiga orang boleh jadi macam 'hantu jemuan' yang Yang Berhormat kata tadi. Boleh, boleh jadi.

Saya terbaca satu artikel. Ini banyak orang kata doktor-doktor kita di universiti ini tidak banyak buat kajian…

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Apa Yang Berhormat boleh…

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ipoh Timor.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Sekejap, sekejap. Saya jawab ini dahulu.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk] Bercakap tanpa pembesar suara.*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya, ya, saya akan bagi jalan kepada Yang Berhormat. Saya baca artikel yang orang kata pensyarah-pensyarah di universiti tidak banyak buat kajian – banyak buat kajian, kita sahaja yang tidak baca. *Dok* baca yang hak luar negeri. Dia kata yang hak luar negeri lebih baik.

Saya baca kalau boleh dengan izinlah. Ini seorang doktor psikiatri *(psychiatrist),* dia buat satu artikel dan dia sedang mengendalikan satu program yang dipanggil Program Mekar. Saya baca, *"Mengenali Menangani Emosi Kanak-kanak dan Remaja".* Anak-anak kita di sekolah menengah terutama sekali adalah anak-anak remaja. Katanya, *"Anak-anak kita ini kebanyakan adalah kena stress, stress physicosocial".*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: *Stress* ini…

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: …yang menyebabkan…

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya, Tuan Yang di-Pertua, betul, betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini adakah jawapan untuk soalan daripada Yang Berhormat bagi Jerai?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ini bagi jawapanlah ini.

Seorang Ahli: Ada kaitan, ada kaitan!

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tidak, tidak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Yang Berhormat, saya jawab ini habis, saya bagi laluan kepada Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Duduk, duduk, saya tidak akan menjawab soalan Yang Berhormat sebelum saya jawab Yang Berhormat ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Yang Berhormat bagi Jerai pun Ahli Parlimen juga, dia hendak tahu.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor pun…

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Ipoh Timor….

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: …kita bagi peluang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor…

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ish!

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Nanti, nanti Yang Berhormat. Yang Berhormat, nanti.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampur] Bercakap tanpa pembesar suara.*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Biar saya habis dahulu, Yang Berhormat boleh masuk. Saya tahu Yang Berhormat hendak tanya saya.

Dia ada kata kerana *stress*, tekanan ini semua, kadang-kadang bila dia pergi ke sekolah, inilah yang kita katakan *stress* tadi, dia kata ada *stress* perkembangan, ada *stress* akut dan kronik, bukan SARS ini, akut dan kronik dan *stress* harian dan juga tekanan bahawa dia punya prestasi akademik juga dikehendaki. Bukan kita sahaja, orang dewasa ada tekanan, anak-anak remaja ini pun ada tekanan. Inilah yang kita cuba hendak kendalikan. Sebab itu telah pun kita adakan seorang guru kaunseling di setiap sekolah – kalau 500 murid, ini ideal, kita bagi seorang, kalau 1,000 murid, kita bagi dua orang.

Ini yang kita *dok* lakukan. Kita kena sabar. Perkara-perkara ini kita *dok* tangani. Kita hendak dapatkan anak-anak ini supaya dia tidak meletup. Kadang-kadang dia duduk sebelah kawan pun, dia pukul kawan, meletup.

Dalam soal ini, Yang Berhormat, terus terang saya katakan bahawa kita mengambil langkah ini, kita tidak menukar dasar. Orang terus katakan bila menteri baru naik, dasar tukar, menteri baru naik, dasar tukar. Dasar tetap dasar, kita tidak tukar. Pelaksanaan mungkin ada kelemahan, itu saya akui. Kedua…

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: …pertanyaan Yang Berhormat ialah mengenai dengan sekolah ini baik, sekolah itu tidak baik. Itu persepsi. Ada orang sanggup, saya katakan, pagi-pagi dia bangun pukul 4.00 pagi atau 5.00 pagi untuk menghantar anak dia bukan dekat dengan rumah dia, dia pergi jauh. Ini kehendak ibu bapa, ini yang berlaku.

Sebab itu saya pohonlah Yang Berhormat, semua sekolah, peruntukan dan sebagainya adalah, kita kata sama. Tidak adalah sekolah ini lebih baik dari sekolah

itu. Dia dengar sahaja dalam surat khabar kata sekolah itu dia punya *score* tinggi, tahun ini banyak orang dapat berpuluh-puluh A, jadi saya mesti hantar anak saya. Bila hantar anak saya ke sekolah itu, dia tentu dapat 10A.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya, saya bagi kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa itu semua salah persepsi, ada perubahan dan banyak dasar pendidikan yang disebut oleh Yang Berhormat kawan baik saya, Yang Berhormat bagi Jerai.

Masalahnya ialah kalau pihak-pihak pembangkang atau *civil society* adalah salah persepsi, itu mungkin kita boleh faham. Kenapa Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, tulang belakang Barisan Nasional, Yang Berhormat bagi Jerai, berapa penggal, berapa puluh tahun mewakili Barisan Nasional pun rasa bahawa ada perubahan dasar pendidikan. Berapa kali tukar sini, tukar sana? Kenapa ini boleh berlaku?

Bukankah ini menunjukkan bahawa kegagalan dasar pendidikan kerajaan dan tadi Yang Berhormat bagi Santubong ada tanya mana ada kreativiti, mana ada prestasi? Di United States sungguhpun tidak ada prestasi yang baik mengenai mata pelajaran Sains dan Maths, tetapi mengikut Yang Berhormat bagi Santubong, 50% daripada *Nobel Prize* mengenai Sains adalah daripada Amerika.

Tetapi di Malaysia, adakah kreativiti? Tidak ada. Adakah prestasi yang baik? Tidak ada. Dua-dua pun tidak ada. Dan adakah kaedah yang baru khasnya untuk mengajar Maths dan Sains dalam bahasa Inggeris khasnya di sekolah Cina, 2-4-3 formula itu, bukankah ini satu kaedah yang bukan mengikut pendidikan, tetapi satu formula politik yang tidak baik untuk sama ada inovasi, kreativiti atau prestasi yang baik.

Bukan kita tidak setuju dengan menggunakan bahasa Inggeris, tetapi bukan Darjah Satu. Adakah kementerian rela mengumumkan semua kajian yang ada dibuat dalam satu tahun ini yang menunjukkan prestasi, rekod sama ada ia baik untuk anak-anak kita sama ada SRJK(Cina) atau Tamil. Bukankah ini perlu dikaji, dipinda dan diberhentikan menggunakan bahasa Inggeris untuk mengajar *Maths and Science* mungkin di peringkat yang lebih atas? Adakah satu kajian mendalam dibuat?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Nampaknya Yang Berhormat Ipoh Timur dia tidak main bola, dia macam main *snooker* ya, dia hendak '*cannon'* sana, '*cannon'* sini sehingga masuk lubang juga.

Apa yang dibangkitkan oleh …..

Tuan Lim Kit Siang: Apa Yang Berhormat …..

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya. Apa yang saya main? Ikut sayalah saya hendak main, saya mainlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah bangkit perkara permainan, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dia main golf.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya tidak perlulah, saya sebut saya katakan bagai, bagai, ini yang payah ini, tidak faham ini, saya kata 'macam'. Saya kata 'macam main *snooker'*, saya tidak main bola, saya tahu Yang Berhormat, saya tidak tahulah Yang Berhormat pun main apa, saya tidak tahu.

Jawapannya senang sahaja Yang Berhormat, apa-apa yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli yang lain daripada *backbenchers*, daripada Barisan Nasional tadi bukan mengutuk tentang soal dasar, Yang Berhormat sudah salah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, itu silap, kita sokong.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Mereka tidak mengutuk dasar. Dasar Pendidikan atau Dasar Pelajaran Kebangsaan tetap ia dasar dan …..

Tuan Lim Kit Siang: Apa dasar?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Apa dasar, bacalah dasar.

Tuan Lim Kit Siang: Apa dasar?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Berilah peluang saya, ini *my floor*. Tadi saya sudah beri peluang kepada Yang Berhormat ….

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada Peraturan Mesyuarat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Okey.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya tanya tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mana satu Yang Berhormat Peraturan Mesyuarat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mana satu Peraturan Mesyuarat. Baik, teruskan jawapan Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, sabar, bila saya buat penjelasan, Yang Berhormat duduk dengan tertib, inilah yang kita dok pening kepala memikirkan mengenai dengan soal disiplin.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk] Bercakap tanpa pembesar suara.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Hah, itulah lagi Yang Berhormat, ini tidak ada disiplin namanya.

Tuan Lim Kit Siang: Bukankah …..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Hah, Yang Berhormat pun serupa. Ya.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk] Bercakap tanpa pembesar suara.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada Peraturan Mesyuarat. Cameron Highlands apa ada?

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Peraturan Mesyuarat 35 (1) – *Seseorang Ahli yang hendak bercakap hendaklah bangun di tempatnya apabila dipanggil oleh Pengerusi.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik. Sila duduk. Tidak apalah, saya faham.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Peraturan Mesyuarat 37 (1).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik. Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya punya, Tuan Speaker.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya minta supaya tidak ada orang dibenarkan mengganggu Timbalan Menteri yang sedang berucap. Ya, teruskan, saya faham.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Hah, itulah lagi Yang Berhormat, ini tidak ada disiplin namanya.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: *[Membacakan Peraturan Mesyuarat]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, saya sudah sebut, saya sudah buat keputusan, tidak dibenarkan lagi. Yang Berhormat Timbalan Menteri teruskan jawab.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak ada, kalau tidak ada, sila duduk, saya minta Menteri yang lain.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat sudah terkejut. *[Ketawa]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tidak ada, saya kena tengok dahulu, cuaca *clear* baru saya boleh *landing*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah Yang Berhormat, keputusan saya boleh buat di sini.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana beri izin saya menyambung balik jawapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tadi, saya minta jawapan saya jangan diganggu oleh Ipoh Timur lagi, itu permintaan saya, kita harus ada disiplin dalam Dewan ini kalau kita hendak lihat anak-anak murid kita semua ada disiplin.

Saya katakan di sini, apa yang Ahli-ahli di dalam Dewan ini membangkitkan ialah mengenai dengan kelemahan-kelemahan, itu yang mereka bangkitkan, bukan kerana kegagalan dasar. Oleh yang demikian, adalah untuk kita hari ini bersama-sama, tidak kira daripada pembangkang, tidak kira daripada kerajaan, untuk membaiki segala kelemahan yang kita hadapi, saya akui.

Kemudian soalan Yang Berhormat juga telah bangkitkan mengenai dengan pengajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris di sekolah jenis kebangsaan. Memang saya akui, ini formula yang kita fikir terbaik, kita akan baiki kalau ada kelemahan.

Umpamanya kita telah bersetuju untuk mengajar dua waktu bahasa Inggeris, tiga waktu Sains dalam bahasa Inggeris, tiga waktu Sains dalam bahasa Mandarin, empat waktu Matematik dalam bahasa Inggeris, enam waktu Matematik dalam bahasa Mandarin. Ini persetujuan yang kita capai, itu pun dengan segala macam nasihat untuk kita melihat sama-sama anak-anak kita berjaya dalam mata pelajaran mereka.

Janganlah kita buat tuduhan melulu dan hendak jadikan isu ini isu politik. Kita tidak akan mahu politikkan isu-isu pelajaran. Saya nampak untuk kebaikan anak-anak kita. Saya berharaplah Yang Berhormat bagi Ipoh Timur supaya perkara pengajaran bahasa Inggeris dalam sekolah-sekolah janganlah kita jadikan isu politik. Kalau kita jadikan isu politik tidak akan berakhir. Memanglah kita daripada pihak pembangkang terutama sekali memang kita sentiasa ada perkara-perkara yang hendak dipolitikkan tetapi dalam soal pelajaran, saya pohon kepada Ahli-ahli yang berada di dalam Dewan ini supaya tidak dipolitikkan.

Saya teruskan, bahawa tadi telah saya sebutkan pelbagai program lagi, perkara yang saya hendak bangkitkan ……

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada dua Ahli Yang Berhormat bangun.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Bagi saya habis ini dahulu, sekejap sahaja. Dak, saya akan beri peluang, jangan bimbang Bukit Mertajam, kita kawan baik. Saya beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Terima kasih, saya rasa hari itu ahli *backbenchers* dari sana pun ada menimbulkan soalan pendidikan. Apakah soalan pendidikan kalau ditimbulkan ia adalah soalan politik, bukankah ini satu masalah yang juga dihadapi oleh masyarakat dalam negara ini, mengapa setiap kali dikatakan masalah yang dihadapi oleh sebahagian rakyat di Malaysia ini, itu menjadi masalah politik, dikatakan akan

politikkan. Bukankah Kota Melaka ada menimbulkan masalah, bukankah Ayer Hitam juga ada mengatakan, hari itu di sebelah sana pun ada kata.

Bagaimana Yang Berhormat mendefinisikan atau mengkategorikan, ini masalah ialah hendak mempolitikkan, ini masalah yang sama bukan hendak dipolitikkan. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Saya kata kalau kita ahli-ahli politik di luar sana, kalau kita politikkan isu itu, maka ia tidak akan berkesudahan.

Saya akui Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini memang bebas untuk membincangkan, untuk menanya dan wakil rakyat ini semuanya wakil kawasan, ini mereka bertanya kepada kita pihak kementerian, kita akan menjawab, tetapi di luar sana ada parti-parti politik yang tertentu untuk mempolitikkan isu-isu pelajaran. Bila dijadikan ini maka timbullah satu macam suasana yang mungkin tidak apa yang kita anggap suasana yang baik.

Oleh yang demikian, ini nasihat saya, kalau Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam merasakan apa sahaja Yang Berhormat buat, dalam rumah sekali pun kalau itu dianggap politik, maka politiklah, saya tidak boleh buat apa-apa, tetapi dalam Dewan yang mulia ini, semua bebas daripada mana parti, kerana ini adalah ahli-ahli yang dipilih oleh rakyat untuk menyoal pihak kerajaan apa yang kami lakukan. Ini yang saya katakan tadi dalam sekolah-sekolah kita pencapaian yang kita telah capai dan persetujuan dan juga nasihat oleh *educationist* dan sebagainya, kita sedia menjawab.

Yang Berhormat, saya mencadangkan kepada Ahli Yang Berhormat, janganlah apabila ditimbulkan oleh Ahli-ahli daripada Barisan Nasional sudah merasakan ini sistem kita sudah gagal. Tidak, mereka berhak, saya akui, Yang Berhormat juga berhak untuk menanya saya yang diberi tanggungjawab untuk mengendalikan Kementerian Pelajaran.

Saya hendak teruskan sedikit ….

Tuan Salahuddin bin Ayub: *[Bangun]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Yang Berhormat ada benda yang sama?

Tuan Salahuddin bin Ayub: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Masalah pendidikan bukan masalah untuk dipolitikkan. Saya bersetuju. Dalam pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, saya rasa kementerian perlu ikhlas sejujurnya, ini adalah masalah yang berkaitan dengan anak bangsa kita, semua kaum yang banyak kajian yang telah dibentangkan dalam *international conference* yang membuktikan bahawa masalah anak-anak kita di luar bandar bermasalah dalam menghadapi pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.

Saya harap kita sebagai Ahli Parlimen, saya sendiri dan kita semua jangan kita ego, jangan rasa anak kita sahaja pandai bahasa Inggeris, anak orang kampung, anak peneroka FELDA, anak orang-orang India di estet, saya harap dalam ucapan sulung saya, saya sudah katakan Menteri Pelajaran sila turun padang, duduk sehari suntuk di sekolah-sekolah ini, lihat bagaimana menderitanya anak bangsa kita belajar dalam bahasa Inggeris ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, masa cukup. Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh sambung jawapan selepas makan tengah hari.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta Kementerian Pelajaran menyambung.

2.32 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi sebelum kita berhenti untuk berehat, ada pihak wakil bagi Kubang Kerian telah membangkitkan beberapa soalan. Di sini ingin saya memberikan jawapan, iaitu pihak Yang Berhormat telah menimbulkan keikhlasan pihak kerajaan dalam sistem pendidikan. Saya terus terang mengatakan kepada Yang Berhormat, kita benar-benar ikhlas, tulus ikhlas dan ada sifat keterbukaan, yang mana-mana pihak boleh membuat komen, boleh mengkritik pihak kita, tetapi untuk Yang Berhormat mengatakan bahawa kita seolah-olah semacam tidak ada keikhlasan. Ini tidak benar.

Saya beri jaminan kepada Yang Berhormat, kita beri pelajaran kepada anak-anak kita, sekolah rendah mahupun sekolah menengah, sampai ke peringkat matrikulasi, adalah hasrat kita untuk melihat anak-anak generasi muda kita berpelajaran. Saya tegaskan, berpelajaran. Keduanya, Yang Berhormat …….

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan bangun, Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Sekejap Yang Berhormat, saya habiskan ini dahulu. Yang Berhormat juga telah menyatakan bahawa Menteri Pelajaran kita tidak turun ke padang. Dia mencabar Menteri pula. Ini nampaknya macam Ketua Pemuda PAS mencabar Ketua Pemuda UMNO. *[Ketawa]* Ini bukan soal politik, Yang Berhormat. Menteri sejak dia masuk dalam kementerian, dia tidak berhenti-henti membuat banyak lawatan, bertemu bermacam-macam pihak, sebab itu sehingga kita mewujudkan *hot line*, mengenai dengan disiplin pelajar ini tadi.

Jadi, tidak benarlah untuk Yang Berhormat menyatakan perkara seolah-olah Menteri ini tidak turun ke padang. Ini janganlah Yang Berhormat timbulkan dan jadikan isu untuk *Harakah* hendak ambil *statement*. Ya! Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tidak berhasrat untuk berbicara soal dasar pelajaran kita sebab dasar kita jelas. Yang ingin saya turut kongsi bersama, iaitu pelaksanaan dasar kita dan juga penterjemahan di peringkat akar umbi. Saya masih ingat ungkapan Yang Berhormat sebentar tadi, menyatakan bahawa peruntukan sekolah-sekolah ini seimbang. Hah! Ini saya buat *argument,* dengan izin.

Tidak ada keseimbangannya, peruntukan di antara sekolah di bandar dan di luar bandar, sebab saya sudah lama meminta Yang Berhormat turun ke kawasan saya, kalau boleh ikut saya meninjau sekolah-sekolah saya di luar bandar ini. Mungkin Yang Berhormat tidak percaya, tetapi kalau sudah datang melihat, baru Yang Berhormat percaya.

Yang Berhormat bagi Beluran pun sudah cakap soal ini. Kita sudah cakap bertahun-tahun, sampai kita berfikir tidak payah cakaplah soal pendidikan atau pelajaran ini, sebab tidak ada juga tindakan susulan. Tidak ada *follow-up action*nya, untuk memastikan bahawa sekolah-sekolah di luar bandar itu terjamin. Soal ketidaktelusan itu tidak timbul, sebab kita melihat sekolah-sekolah kita terbuka kepada seluruh pelajar-pelajar. Bukan ada sekolah menyatakan, "*Hah! ini orang PAS, ini UMNO, MCA dan sebagainya".*

Seharusnya Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tidak menimbulkan soal-soal yang remeh, sebab contohnya, ada juga wakil-wakil rakyat pembangkang dahulu menerima biasiswa kerajaan, sampai hari ini pun tidak dijelaskan. Ini merupakan satu manipulasi murahan untuk mencari input politik, untuk menangani rakyat.

Pada saya, saya masih mencadangkan supaya pelaksanaan dasar kita ini benar-benar memenuhi inspirasi seluruh masyarakat, khususnya pelajar di luar bandar, sebab *digital divide*, dengan izin, terus berterusan. Kita minta kementerian putuskan, bila agaknya prasarana di bandar dan di luar bandar boleh seimbang, seperti jalan raya, api, elektrik, air dan sebagainya. Macam mana hendak membekalkan komputer kalau api dan elektrik tidak ada? Ini sudah merupakan satu diskriminasi kepada pelajar-pelajar di luar bandar.

Hakikatnya kemunculan pelajar-pelajar di bandar lebih memihak peratusannya daripada di bandar. Sebab apa? Sebab kekurangan-kekurangan prasarana yang saya bangkitkan tadi. Minta penjelasan, Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya rasa, saya akan menjawab itu kemudian nanti dalam tajuk yang Yang Berhormat bangkitkan tadi. Cuma saya hendak menyambung sedikit ataupun jawapan soalan yang timbul oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian itu tadi mengenai dengan Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris.

Kita di sini bukan kita buat semberono mengenai dengan mahu mengajar hari ini, kita fikir hendak mengajar dalam bahasa Tamilkah, dalam bahasa apa sekalipun, kita juga merujuk kepada pakar-pakar pelajaran ataupun '*educationist'* yang saya katakan di sini. Bukan kita buat sembarangan. Sesudah kita lakukan projek rintis, sesudah kita buat kajian, kita cuba, kemudian kita teruskan perancangan kita itu.

Seyogia saya ingatkan kepada Yang Berhormat, kita tidak menukar dasar bahasa. Bahasa Malaysia tetap menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa pengantar di semua sekolah kebangsaan dan sampai ke peringkat tinggi sekali pun. Itu kita tidak ubah, Yang Berhormat jangan bimbang. Malah kita memantapkan lagi bahasa Malaysia kita di peringkat antarabangsa, kalau kita boleh.

Seyogia, kita kena ingat bahawa cabaran antarabangsa hari ini memerlukan generasi kita sekurang-kurangnya mempunyai lebih daripada satu bahasa, kita tidak boleh bergantung kepada anak generasi yang sifat *monolingual*, kita perlukan *bilingual* ataupun *trilingual*. Yang ini Yang Berhormat janganlah gusar, gentar akan anak-anak generasi diberi bahasa kedua. Oleh yang demikian, kita menggunakan bahasa Inggeris dalam Sains dan Matematik dengan harapan, ini adalah sebagai alat untuk akses kepada pelajaran. Pada masa-masa yang akan datang sekalipun kita perlukan bahasa yang kedua ini.

Bukan kita hendak mendera anak-anak itu, tetapi sifat Ahli-ahli Yang Berhormat sebelah sana, khususnya buat suatu ketika mempertikaikan keikhlasan kami ini, seolah-olah hendak mengubah dasar. Maka, diguna itu sepenuh-penuhnya macam dalam pilihan raya yang lalu, bahawa kita hendak tukar bahasa Malaysia dengan bahasa Inggeris.

Malah dikatakan bahawa kita kata bahawa *good morning father, good morning mother,* dia sebut. Yang Berhormat sebagai Ketua Pemuda PAS, kalau boleh bawa terangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat keikhlasan kita untuk memperkenalkan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Matematik dan Sains itu adalah bertujuan bahawa bahasa Inggeris itu sebagai alat untuk akses kepada pelajaran Sains dan di mana kita telah mewujudkan kaedah-kaedah tertentu seperti menggunakan peralatan IT umpamanya, dengan harapan anak-anak baru kita ini. Yang Berhormat tidak mengapalah dan kita pun jangan terlalu hipokrit sangat, kita kadang kala bercakap Orang Putih lebih daripada Orang Putih tetapi bila kita hendak mengajar kepada anak-anak di kampung ini lebih daripada satu bahasa, kita politikkan perkara itu sehingga ia menjadi satu pelajaran yang mengelirukan rakyat…

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada yang bangun Yang Berhormat…

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Petra Jaya.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Oleh yang demikian, saya beritahu... Maafkan saya. Sekejap sahaja saya hendak habiskan dengan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian ini, boleh jadi dia orang baru, dia hendak tahu.

Saya dapat laporan daripada pihak Nazir dan juga pemantau untuk mengetahui tentang keadaan pengajaran, pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris ini. Dia mengatakan di sini, dapatan pemantauan menunjukkan 85% guru-guru sekolah rendah dan 85% guru sekolah menengah bersedia melaksanakan program PPSMI. Kemudian kedapatan pula bahawa, ini laporan Bahagian Kurikulum, kita semuanya berdasarkan laporan, jangan bimbang Yang Berhormat, ini bukan ada politik, tidak main politik di sini. Kita kata misalnya kita dapat *score*, mata pelajaran Sains, rata-rata kita dapat 69.3%, Matematik 77.4% dan bahasa Inggeris 77.7%, itu sekolah rendah.

Tingkatan Satu pula kita mendapat Sains 59.2%, Matematik 58.2% dan bahasa Inggeris 61.0%. Kita berdasarkan kajian, kita pantau Yang Berhormat, jangan bimbang. Kita tidak mendera budak-budak. Ini pergi ke kampung, *dok* lelong, mengatakan inilah Barisan Nasional hendak tukar semua dalam bahasa Inggeris, ini Yang Berhormat tolong jelaskan, jangan mengelirukan orang kampung. Kasihan lah kepada orang kampung. Selama ini PAS dok menjajakan perkara ini saya tahu, masa pilihan raya. Semasa pilihan raya, hendak mengatakan Kerajaan Barisan Nasional hendak menukarkan dasar bahasa…

Tuan Salahuddin bin Ayub: *[Bangun]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya minta maaf, saya tidak layan lagi. Ya tadi ada.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Petra Jaya

Tuan Salahuddin bin Ayub: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, duduk Yang Berhormat.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya rasa bagi pihak kita Barisan Nasional sangat menyokong dari segi penggunaan bahasa Inggeris, misalnya dalam konteks IT. Saya rasa kemusykilan juga kalau kita hendak menterjemahkan misal kata dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *mouse* misalnya diterjemahkan 'tetikus', *hardware* kita terjemahkan nanti 'barang yang keras', *software* – 'barang yang lembut', kena pula kita hendak terjemahkan *joystick* – 'batang yang gembira'. Payah tu!

Tidak usah gusarlah kerana kita di pihak Barisan Nasional menyokong kuat bahasa-bahasa dalam teknikal ini biarlah kita menggunakan bahasa Inggeris supaya tidak timbul kekeliruan nanti. Untuk rakan-rakan kita sebelah sana biasalah kalau tong kosong ini bunyinya kuat kalau kita ketuk. Kita di sebelah sini ramai yang tong berisi.

Cuma saya hendak pergi kepada apa yang saya sentuh dalam perbahasan saya dalam Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja, saya kurang pasti sama ada dalam pendidikan asas, tadika dan apa akan disentuh oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, iaitu sama ada pemantauan dari segi tadika nanti akan disentuh. Saya hendak lari sedikit lah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat, itu saya akan menyentuh sekejap lagi apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Saya akan teruskan. Di sini tadi saya katakan perkara keempat yang saya akan bangkitkan juga ialah memperkukuhkan hubungan di antara pihak sekolah dan keluarga komuniti. Di sini lah kita perlukan Persatuan Ibu Bapa dan Guru tadi dipertingkatkan. Baru-baru ini saya telah pun menyatakan bahawa saya akan menimbulkan lagi kesedaran penyertaan ibu bapa dalam PIBG.

Kita lihat di sini rata-rata banyak orang membuat komen mengenai dengan pelajaran anak-anak kita di sekolah rendah dan menengah tetapi kita tidak terlibat atau dalam bahasa Inggeris, kita tidak *participate* di dalam kegiatan sekolah. Umpamanya, kalau ada Mesyuarat PIBG, kita akan melihat hanya Ahli-ahli Jawatankuasa PIBG sahaja yang menghadiri pada hari itu. Jarang kita melihat ibu bapa yang hendak mengetahui tentang perkembangan dan pertumbuhan anak-anaknya di sekolah itu dengan cikgu-cikgu tidak kedapatan.

Oleh yang demikian, saya menyeru Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian supaya berkempen supaya ibu bapa menyertai di dalam Perhimpunan PIBG di mana dapat kita mempertingkatkan prestasi sekolah-sekolah kita…

Tuan Liow Tiong Lai: *[Bangun]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Perkara lima ialah untuk memantapkan lagi penguatkuasaan..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bentong bangun Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: ....aturan disiplin seperti, sekejap ya, saya habiskan ini. Disiplin seperti meminta semua Pengetua dan Guru Besar mengambil tindakan tegas termasuk menggunakan hukuman maksimum terhadap pelajar mengikut prosedur yang ditetapkan. Kementerian juga telah menubuhkan jawatankuasa khas menangani gejala disiplin yang melibatkan pihak seperti Polis Diraja Malaysia dan sebagainya. Di sini juga ingin saya nyatakan, ini lagi sekali hendak menunjukkan bahawa menteri yang baru, dia begitu peka mengenai dengan sekolah-sekolah, jangan bimbang Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Iaitu antaranya dia telah mengarahkan supaya diwujudkan *hotline,* ini *first step* atau langkah pertama dengan izin, untuk kita mengadakan laporan, respons daripada masyarakat.

Misalnya saya beri contoh di sini, Yang Berhormat pun boleh menyalin angka ini. Talian terus atau *hotline* 1-800-88-4774, faksimile 03-20962130, e-mail adudisiplin@moe.gov.my, sistem pesanan ringkas atau SMS 33238. Itu langkah pertama. Langkah kedua kita telah menubuhkan sebuah sekretariat untuk mengendalikan soal disiplin sahaja, walaupun…

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Larut bangun Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Minta penjelasan Yang Berhormat, sedikit sahaja. Terima kasih Yang Berhormat. Kita sekarang ini terlalu tertumpu kepada masalah disiplin pelajar-pelajar, gengsterisme, masalah sosial dan sebagainya. Masalahnya Yang Berhormat sama ada Yang Berhormat sedar atau tidak guru-guru disiplin pun tidak berdisiplin. Contohnya, Guru Besar merotan guru dan ini telah pun berlaku.

Jadi, apakah pendekatan yang dibuat oleh kementerian, Jabatan Pendidikan Negeri-negeri ataupun PPD di daerah-daerah dalam soal disiplin ini, sama ada diadakan kaunseling di antara PIBG dengan pihak sekolah. Dahulu ada pelantikan jemaah, selain daripada PIBG, Lembaga Sekolah yang dilantik oleh kementerian atas cadangan-cadangan yang dibuat oleh pihak sekolah, sekarang tidak ada lagi…

Seorang Ahli: Soalannya?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Soalan saya, apakah kajian yang telah dibuat oleh pihak kementerian sehinggakan baru-baru ini timbul Guru Besar melarang pelajar yang terbabit dalam perayaan sambutan menarik pelancong…

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat soalannya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ini boleh mengelirukan. Itulah soalan saya, apakah pendekatan yang telah dibuat oleh pihak kementerian. Kerana saya bimbang kalau kerajaan buat, pihak pembangkang ini duduk diam pun dia pengacau, kalau dia tidak duduk diam pun lagi dia pengacau. Minta sedikit penjelasan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut dan sebelum itu saya ucapkan setinggi tahniah kerana menjadi Timbalan Pengerusi 'Bangku Belakang'. Saya hendak jelaskan di sini, disiplin ini bukan sahaja murid tetapi guru juga berdisiplin.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Penjelasan sedikit Tuan Yang di-Pertua. "Bangku Belakang" itu apa?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Maafkan saya, tadi …

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Takut nanti tersalah tafsir.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukup, Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Dak, sebab tadi ada disebut perkataan 'tetikus'. Katanya, '*mouse*' jadi 'tetikus'. *[Ketawa]* Saya buat *literal translation* 'bangku belakang'. Maaf saya. Maksud saya '*back-bencher*'.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Mengenai disiplin ke atas guru, dia juga ada disiplin. Kita sudah ada peraturan-peraturan, sekiranya mana-mana pihak yang melanggar peraturan mereka juga akan diambil tindakan berdasarkan peraturan yang sudah sedia kita adakan. Seperti kes-kes yang telah disebut oleh Yang Berhormat, kita tetap akan mengendalikan siasatan dan disusuli dengan tindakan.

Tuan Liow Tiong Lai: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Err, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bentong?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Yang Berhormat bagi Bentong dahulukah atau Yang Berhormat bagi Sri Gading?

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz: Sri Gading.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tidak. Saya bagi Yang Berhormat bagi Sri Gading dahulu dan selepas itu Yang Berhormat bagi Bentong.

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri ..

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Aii! Yang Berhormat bagi Temerloh, maafkan saya.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Aii, takkan tidak kenal kawan lama ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan, teruskan.

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya amat simpati dengan guru-guru yang mempunyai tugas dan tanggungjawab yang berat yang menjadi harapan seluruh masyarakat. Macam-macam beban yang mereka tanggung, antaranya ialah masalah disiplin walaupun masalah disiplin ini berasal daripada rumah tangga, tetapi nampaknya guru-guru jugalah yang dibebankan untuk menyelesaikannya.

Saya hendak mencadangkan kepada pihak kementerian kalau cadangan ini munasabah, selama ini Guru Disiplin di sekolah-sekolah mereka tidak ada tempat rujukan kecuali Guru Besar (*Headmaster*) dia sahaja. Apa salahnya kalau pihak kementerian serius dalam perkara ini, wujudkan sebuah badan di kementerian atau satu *Department Discipline* di kementerian yang menurunkan kuasa kepada negeri dan kepada daerah, ada Pegawai Disiplin di peringkat pusat, jabatannya di peringkat negeri dan turunkan kepada daerah, di mana Guru-guru Disiplin di sekolah-sekolah ini akan merujuk kepada Pegawai Disiplin di peringkat daerah. Mungkin agaknya berbagai-bagai tindakan boleh diambil dan dia boleh bekerjasama dengan Guru Kaunseling yang ada di sekolah-sekolah tentang bagaimana hendak mengatasi masalah disiplin yang begitu dititikberatkan oleh Yang Berhormat Menteri kita yang baru, kementerian yang baru ini. Itulah cadangan saya kalau ia munasabah dan boleh diguna pakai oleh kementerian. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat kerana itu cadangan yang boleh membantu kami. Sebenarnya pihak Yang Berhormat Menteri pun nampak gaya macam *aligned*lah. Pemikiran orang Johor ni sama sahaja, yang mana pihak Menteri baru-baru ini telah menubuhkan sekretariat tadi, dan di bawah sekretariat ini kami mempunyai empat jawatankuasa termasuk psikologi dan sebagainya, untuk mengendalikan hal ini. Malah kami selepas ini akan, seperti mana cadangan Yang Berhormat, turun ke negeri-negeri dan daerah. Malah peringkat yang satu lagi ialah di pihak sekolah, yang mana kita kata jangan segala-galanya ini ditujukan kepada Guru Disiplin semata-mata. Sepatutnya setiap guru adalah Guru Disiplin. Itulah yang kita mahu sebagai falsafahnya.

Ataupun dia ada Jawatankuasa Disiplin, kalau apa-apa pun dirujuk kepada jawatankuasa ini. Guru Disiplin mungkin akan menjadi Pengerusi Jawatankuasa Disiplin sekolah itu, dia pengerusi sahaja, jadi segala-galanya ini. Sebab itu saya pohon kepada guru-guru supaya setiap guru itu adalah Guru Disiplin, kerana kita dalam

soal pembentukan sahsiah selain daripada mata pelajaran bagi satu-satu kelas itu. Saya beredar tadi - sekejap Yang Berhormat bagi Temerloh, Yang Berhormat bagi Bentong sudah lama bangun. Saya bagi Yang Berhormat bagi Temerloh selepas ini.

Tuan Liow Tiong Lai: Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri baru kerana memandang berat perkara disiplin dalam sekolah. Dalam sekolah kalau tidak ada disiplin memang susah dan satu caranya ialah seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi iaitu membawa sekolah ini dekat dengan komuniti, meningkatkan peranan PIBG. Kita rasa ini satu perkara yang baik tetapi dari segi peruntukan, Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita kalau boleh tengok-tengoklah, kalau boleh kita berikan sedikit peruntukan kepada PIBG untuk menjalankan aktiviti agar dapat menambah ceria PIBG sekolah dan menarik minat ibu bapa balik ke sekolah . Adakan aktiviti supaya ibu bapa senang balik ke sekolah.

Salah satu perkara yang kita boleh selesaikan dalam masalah mengesan masalah disiplin di sekolah ialah samseng-samseng dalam sekolah – kes membuli anak-anak kita. Samseng-samseng dalam sekolah, saya rasa, ada ketua-ketuanya di luar sekolah, di kampung-kampung ataupun di pinggir bandar ada samseng-samseng, ketua samseng di luar. Adakah pihak sekolah boleh mengenal pasti ketua samseng ini dan terus menangkap mereka? Minta pihak polis menangkap mereka dan saya rasa kita akan dapat menyelesaikan masalah dalam sekolah, kerana adanya samseng dalam masyarakat mereka membawa budaya itu masuk ke sekolah. Kita perlukan peranan PIBG ini agar dapat membantu kita mengenal pasti siapakah ketua samseng itu, siapa dia yang kita boleh bawa mereka ke balai polis dan terus memenjarakan mereka.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Tadi mengenai PIBG saya tahu, cadangan Yang Berhormat adalah mengenai peruntukan. Peruntukan sekolah-sekolah kita beri bermacam-macam peruntukan. Malah di setengah-setengah sekolah PIBG ada urusan, ada cara untuk mendapat duit tambahan bagi satu-satu program dan sebagainya di sekolah masing-masing. Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat itu akan saya ajukan dan kita sama-sama teliti. Itu satu hal.

Keduanya mengenai dengan samseng, memang benar baru-baru ini apabila berlaku satu kes di Seremban, kita telah mengambil tindakan di mana kita telah mendapat kerjasama dengan Jabatan Polis dan polis telah membantu kita. Sebab itu hari ini pihak polis telah mengenal pasti beberapa kumpulan samseng di luar sekolah. Bila kumpulan samseng di luar sekolah, mereka juga hendak ….. entah apa kita panggil, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, iaitu rekrut murid-murid sekolah ini menyertai kumpulan mereka. Antara itu berlakulah *extortion money*, wang perlindungan dan kita juga bimbang dengan gejala dadah, kita bimbang juga dengan pelacuran.

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ini merupakan kumpulan-kumpulan yang hendak merekrut anak-anak muda kita di sekolah. Oleh itu kita mendapat bantuan daripada pihak polis dan kita berterima kasih kepada Jabatan Polis yang bersama-sama dengan kita untuk …

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam bangun, Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: ….. mengendali ataupun menangani. Insya-Allah dalam sedikit masa lagi pihak polis akan bertindak dalam soal ini. Jadi, itu sahajalah. Saya bagi Yang Berhormat bagi Temerloh dulu. Sekejap ya, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya cukup menghargai usaha yang dibuat oleh pihak kementerian untuk mengatasi masalah disiplin ini, Yang Berhormat. Tetapi saya hendak memberi tahu Yang Berhormat tentang dua kes yang saya pantau di kawasan Parlimen saya. Satu sekolah yang majoriti pelajarnya adalah pelajar-pelajar Cina dan satu lagi sekolah menengah yang majoriti pelajarnya adalah pelajar Melayu. Kedua-dua sekolah ini sebelum ini mempunyai pelajar seramai lebih kurang 1,200 hingga 1,300 orang murid, dan keadaan disiplin begitu buruk sekali.

Di Sekolah Menengah Kebangsaan (Cina) itu sampai kita terpaksa memanggil pihak polis. Setiap kali habis waktu sekolah terpaksa dipanggil polis untuk berjaga di *gate* kerana mesti berlaku perkara-perkara yang tidak diingini. Kemudian kementerian membina dua buah sekolah lagi berhampiran dengan sekolah-sekolah tersebut. Pelajar di sekolah itu yang terdiri daripada 1,200 hingga 1,300 menjadi kurang kepada 700 hingga 800 murid, dan bila kurang murid iaitu kurang daripada 1,000 murid di sekolah-sekolah ini, keadaan disiplin bertambah baik.

Mungkin agaknya satu daripada faktor, Yang Berhormat, kalau sekolah itu terlalu ramai sangat murid maka *management* sekolah itu, pengurusan sekolah itu tidak boleh hendak *cope-up*, tidak boleh hendak menguruskan disiplin. Saya ingat kementerian harus tengok perkara ini, barangkali kalau sudah terlalu ramai sangat murid sampai lebih seribu murid, kita kena mencari jalan macam mana boleh kita kurangkan. Kalau perlu kita bina sekolah, kita bina sekolah, Yang Berhormat. Kita ada duit, apa salahnya? Saya minta kementerian memantau, adakah ini menjadi satu perkara yang boleh kita mengurangkan masalah disiplin di sekolah.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Terima kasih Yang Berhormat bagi Temerloh. Saya rasa Yang Berhormat telah memberi cadangan dan juga benda-benda yang benar-benar berlaku di kawasan Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat. Malah, ini juga kita sedang memantau sekolah-sekolah di mana muridnya ataupun pelajarnya begitu besar, lebih daripada 1,500, hingga 2,000. Yang inilah kita *dok* pecah. Malah, kita juga buat satu ketika, untuk mengurangkan sekolah dua sesi ini tadi.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: *[Bangun]*

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Ir. Hasni bin Mohammad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cameron Highlands bangun Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Cadangan Yang Berhormat memang baik dan kita akan ambil tindakan seperti Yang Berhormat katakan tadi. Ya. *[Memandang ke arah Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam]*

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Seorang Ahli: Bukit Mertajam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Mertajam, sila.

Puan Chong Eng: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terdapat lebih kurang 100,000 pelajar yang menghadapi masalah disiplin. Ini merupakan satu masalah yang sangat serius. Apabila berlakunya pembunuhan dalam asrama di sekolah, kita lihat Menteri pun kata itu sangat serius. Selepas itu, dia kata tidak berapa serius kerana hanya dua peratus sahaja. Saya rasa, ini sikap yang tidak betullah, kerana bukan dua peratus tetapi, 100,000 pelajar yang terlibat.

Saya rasa, guru besar memainkan peranan yang sangat penting, lebih penting daripada guru disiplin. Ini kerana, kalau guru besar tidak menyokong guru disiplin untuk mengambil tindakan yang tegas, jadi guru disiplin susah hendak membebankan diri sendiri dengan tanggungjawab itu, kerana ada guru disiplin yang menghadapi juga ugutan dari pelajar. Jiran saya, guru disiplin juga, rumah dia dipecahkan dua kali. Cermin kereta dia, juga dipecahkan dua kali. Dia kata, dia merayu kepada pihak sekolah dan pihak kementerian, supaya guru disiplin diberi insurans, supaya kalau keretanya dirosakkan, beliau tidak perlu menanggung diri sendiri tetapi, pihak kementerian tidak respons dengan baik. Saya juga berpendapat bahawa, guru disiplin juga perlu meng*update* cara dia, kerana kalau guru disiplin hanya menghukum dan juga menghina murid-murid ataupun pelajar, khasnya mereka di dalam *adolescence* mereka akan *prevent*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Ini bukan ini, bukan…..

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Terima kasih.

Puan Chong Eng: Saya rasa ada banyak cara dan ia mesti ada satu *holistic approach* dan bukan hanya satu tindakan hendak menghukum sahaja. Saya rasa kita perlu mengadakan pendekatan untuk menyelamat pelajar-pelajar yang bermasalah ini. Itu sahaja, terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Ada dua perkara Yang Berhormat bangkitkan tadi, iaitu mengenai dengan peratusan. Kata Yang Berhormat Menteri, bahawa sudah berlakunya pembunuhan di Seremban itu. Kita kata ini adalah serius, walaupun itu yang berlaku. Terus-terang saya katakan, saya tidak mahu berdebat ataupun polemik dalam hal ini. Memang ia perkara serius, tetapi angkanya masih kecil jika kita bandingkan dengan peratusan pelajar pada keseluruhan ialah lima juta.

Tidak apalah, kita ada perbezaan di dalam soal ini. Walau bagaimanapun, kita kata serius. Tetapi, ia bukanlah kesemua sekolah di seluruh Malaysia ini. Itu soal dia. Begitu juga salah laku yang saya katakan, masalah disiplin ini, ia bermacam-macam kategori. Salah satu daripada itu yang kita tidak hendak mahukan ialah ponteng. Ponteng ini pun satu hal, kerana ponteng sekali, jadi dua, dua jadi tiga. Akhirnya, kerana ponteng inilah, ia akan melibatkan perkara yang lain seperti lepak dan lain-lain masalah yang timbul. Sebab itu, saya kata, tidak ada jalan yang lain, ialah melainkan dengan kerjasama dan juga permuafakatan dengan ibu bapa. Ibu bapa sahaja yang boleh dengan kerjasama sekolah.

Perkara yang kedua, mengenai dengan guru besar dan guru disiplin. Memang kita menyedari akan timbulnya masalah guru disiplin tadi, tayar kereta dia dipecahkan, macam-macamlah berlaku. Ini, memang kita tahu. Sebab itu, saya katakan tadi kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading, kita akan menubuhkan ini, macam kita kata sekolah itu. Malah, kita telah tempatkan guru kaunseling.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Guru kaunseling pada tiap-tiap sekolah, 500 orang murid, kita ada satu guru kaunseling. Memang kita tidak mencukupi lagi. Ini satu lagi pendekatan yang akan mengendalikan soal-soal disiplin, Yang Berhormat. Saya berharaplah Yang Berhormat……..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ketua Pembangkang bangun.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir:…..saya terima kasihlah pandangan dan cadangan Yang Berhormat. Ya, sila.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih, Yang Berhormat di atas penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan kenapa ada masa mengakui masalah besar, tetapi pada masa yang lain kata itu bukan masalah besar. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri ada dengar, faham satu perkataan, *one case too many*? Satu kes yang terlalu banyak. Apabila berlaku kes penderaan Nirmala Bonat, begitu heboh. Satu kes, bukan semua kes. Tetapi betul, kes itu tidak boleh dibenarkan. *One case too many*. Semacam pembunuhan Murad di Seremban, satu *case too many*, tidak boleh guna. Dua peratus sahaja, tidak apa.

Puan Chong Eng: *[Menyampuk] Bercakap tanpa pembesar suara*

Tuan Lim Kit Siang: 20 tahun dahulu, adakah kes semacam ini berlaku dalam sekolah-sekolah kita? Lima tahun dahulu, adakah kes semacam ini berlaku? Itu kita perlu menganggap sangat serius, jangan kata dua peratus sahaja. 1.1% pun tidak boleh dibenarkan, satu kes *too many*. Itulah sikap kita, kata, *"Ini bukan serius"*. Saya harap kita tidak ada sikap itu, *one case too many*, tidak boleh dibenarkan. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, banyak lagikah?

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Sedikit lagi. Kalau habis ini, tidak apalah. Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, saya berterus-terang, itu pandangan Yang Berhormat. Saya telah jelas daripada awal tadi, memanglah satu peratuskah, setengah

peratuskah, ini serius, betul. Lain, tetapi dari segi jumlah murid itu, saya kata masih kecil. Walaupun kecil, sebagaimana kecil pun, kami tetap memandang itu serius. Jadi, saya sependapat dengan Yang Berhormat. Jangan bimbang Yang Berhormat. Kita tidak ada perbezaan.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: *[Bangun]*

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Masing-masing hendak lihat perkara ini dapat diselesaikan, walaupun satu atau dua kes berlaku di kalangan murid-murid yang jumlahnya lima juta. Terima kasih Yang Berhormat kerana komen macam itu. Saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua saya akan masukkan…..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cameron Highlands.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: ….. dalam hala tuju pendidikan negara.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: *[Menyampuk]*

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Tentang soal disiplin, saya tidak boleh bagilah. Minta maaflah. Panjang lagi dan banyak lagi kementerian, Yang Berhormat. Sekejap lagi. Kalau ada masa lebih, saya bagi kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

Mengenai hala tuju pendidikan negara, juga telah dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat, termasuk Yang Berhormat bagi Temerloh, membangkitkan pelaksanaan dasar 60:40, yang menurutnya, tidak dilaksanakan sepenuhnya. Kementerian Pelajaran mengakui, bahawa peratusan pelajar yang mengambil jurusan Sains di sekolah menengah, memang belum mencapai 60%.

Walau bagaimanapun, dengan usaha-usaha yang dijalankan, peratusan ini telah meningkat. Sebagai contoh, tiga tempat peratusan pelajar yang mengambil jurusan Sains Teknikal pada tahun 1997 ialah 24.78% meningkat kepada 26.9% pada tahun 2000 dan 35.09% pada tahun 2003. Manakala, bagi Tingkatan Lima ialah 23.16% pada tahun 1997, pada tahun 2000 naik 27.7%, kemudian pada tahun 2003, ia naik 34.28%. Memang kita akui perkara ini dan kita akan terus. Tetapi, perangkaan ini tidak termasuk bagi murid-murid yang mengambil kursus vokasional dan teknologi.

Yang Berhormat bagi Kelana Jaya telah mencadangkan dasar dan sistem pendidikan negara perlu dikaji semula agar relevan dengan keadaan semasa. Untuk makluman, Kementerian Pelajaran telah pun menyediakan Pelan Pembangunan Pendidikan 2001 dan 2010 yang merupakan sebuah pelan induk pendidikan negara. Pelan Pembangunan ini berlandaskan kepada empat teras iaitu meningkatkan akses, ekuiti, kualiti serta kecekapan dan keberkesanan pengurusan pendidikan

Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu juga mencadangkan supaya Sekolah Kebangsaan (SK) dijadikan Sekolah Perdana. Usaha memperkasakan Sekolah Kebangsaan merupakan agenda penting kerajaan, kerana ia merupakan wadah bagi penyatuan pelbagai kaum, bagi melahirkan bangsa Malaysia yang bersatu padu. Kerajaan akan berusaha untuk terus menarik minat ibu bapa menghantar anak mereka ke Sekolah Kebangsaan, sejajar dengan hasrat kita untuk menjadikan Sekolah Kebangsaan (SK) sebagai sekolah pilihan utama, melalui peningkatan kualiti termasuk pengajaran bahasa ibunda yang lebih baik, di samping memelihara kedudukan sekolah-sekolah jenis kebangsaan yang sedia ada.

Usaha ini diyakini dapat mengatasi masalah perpaduan kaum sebagaimana yang ditimbulkan Yang Berhormat Parit dan Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Yang Berhormat Kelana Jaya juga mencadangkan program integrasi sekolah sebelum menyertai program-program Latihan Khidmat Negara. Sebenarnya Program Integrasi Pelajar yang melibatkan SK, SJK(C) dan SJK(T) telah mula diadakan sejak tahun 1986 yang melibatkan dalam sesebuah sekolah di seluruh negara. Ini telah dilakukan nampaknya ada hasilan dan kita akan memperluaskan lagi program ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan kurikulum persekolahan, Yang Berhormat Temerloh, Yang Berhormat Libaran, Yang Berhormat Batu Pahat dan Yang Berhormat Baram telah mencadangkan agar kurikulum persekolahan di kaji semula. Untuk makluman, Kementerian Pelajaran telah menyemak semula kurikulum persekolahan dan telah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2003. Antara ciri-ciri yang diberi penekanan ialah dari aspek ketatanegaraan dan patriotisme

untuk mengukuhkan unsur-unsur dan nilai-nilai ketatanegaraan bagi meningkatkan komitmen individu terhadap masyarakat dan negara.

Mengenai dengan pendidikan prasekolah, isu pendidikan ini telah dibangkitkan oleh ahli-ahli Yang Berhormat Temerloh, Yang Berhormat Kota Melaka, Yang Berhormat Bukit Mas, Yang Berhormat Titiwangsa dan Yang Berhormat Petra Jaya. Sememangnya kementerian memberi penekanan kepada pendidikan peringkat prasekolah sebagai asas penting dan sebagai persediaan murid memasuki alam persekolahan. Selain daripada agensi kerajaan yang melaksanakan pendidikan prasekolah, badan-badan berkanun, NGO, Kerajaan Negeri dan swasta juga terlibat juga dalam menyediakan pendidikan prasekolah. Memandangkan kos mengelolakan sesebuah tadika adalah berbeza-beza bagi sesetengah kawasan maka yuran yang dikenakan juga berbeza-beza. Oleh itu kita juga senantiasa memantau dengan prasekolah swasta.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan pembangunan prasarana pendidikan.....

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Mertajam bangun Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Mengenai dengan apa Yang Berhormat?

Puan Chong Eng: Sekolah Cina!

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya?

Puan Chong Eng: Sekolah Cinalah! Terima kasih Yang Berhormat. Pihak kerajaan sedang menjalankan supaya semua sekolah rendah akan mengadakan *kindergarten* di dalam sekolah itu. Apabila rancangan ini diumumkan pihak kementerian ada mengatakan dan menjanjikan bahawa kalau di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina, tadika itu akan membuat bahasa pengantarnya ialah bahasa Cina iaitu Mandarin. Tapi di Bukit Mertajam di tadika Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Kampung Berapit dan juga Sungai Lembu di mana pihak kementerian telah menghantar guru yang tidak tahu dan tidak berkelayakan bahasa Mandarin untuk mengajar.

Pihak sekolah pun telah memberitahu dan meminta supaya pihak kementerian menggantikan dengan guru yang tahu dan berkelayakan bahasa Mandarin tetapi sampai masa sekarang masih tidak dilakukan jadi saya meminta supaya pihak kementerian boleh melakukan seperti yang menjanjikan itu iaitu menggantikan guru yang berkelayakan bahasa Mandarin. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat kerana Yang Berhormat menerima bahawa hasrat program prasekolah oleh pihak kerajaan berjalan. Tetapi memang kita akui tidak semua sekolah yang dapat prasekolah. Walau bagaimanapun kita akan usaha dan akan menambahkan. Mengenai dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, akan saya ambil catatan untuk mendapat maklumat yang lebih lanjut kerana Yang Berhormat boleh bangkit dan saya akan meneliti tentang perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Mengenai dengan pembangunan prasarana pendidikan. Seperti dalam perbahasan yang lepas, isu mengenai pembangunan prasarana pendidikan mendapat perhatian ramai ahli Yang Berhormat khususnya seperti tadi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Kelana Jaya, Yang Berhormat Beluran, Yang Berhormat, Yang Berhormat Kalabakan, Yang Berhormat Baram, Yang Berhormat Bukit Mas, Yang Berhormat Kudat, Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Bera, Yang Berhormat Cameron Highlands, Yang Berhormat Bukit Gantang, Yang Berhormat Kanowit dan Yang Berhormat Tenom.

Bagi pihak Kementerian Pelajaran saya mengucapkan jutaan terima kasih di atas keprihatinan semua ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan hal ini. Apa yang dapat nyatakan ialah dalam usaha untuk meningkatkan akses kepada pendidikan, kerajaan tidak pernah mengabaikan pembangunan infrastruktur pendidikan khususnya di kawasan bandar. Pelbagai strategi pelaksanaan telah dilakukan bagi menangani isu dan cabaran berkaitan dengan prasarana. Antaranya ialah memperluaskan program pembekalan kemudahan asas bagi melaksanakan projek baik pulih dan naik taraf infrastruktur fizikal sekolah dan melaksanakan program pembangunan pendidikan luar

bandar, Sabah dan Sarawak yang berkaitan dengan bekalan air, bekalan elektrik, bekalan darjah dan projek rumah guru. Ini sedang kita lakukan tetapi kita akui masih ada lagi yang tidak dapat dilaksanakan. Walau bagaimanapun usaha-usaha ini telah dijalankan, seperti bagi ...

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bera bangun Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Kawasan Sabah ...sekejap ya, bagi saya habis ini dahulu nanti saya akan beri laluan. Misalnya bagi Sabah sahaja dan Sarawak kita wujudkan sekolah pusat dan sekolah ini telah pun berjalan lancar misalnya di Bunbun, satunya di Sabah dan satu lagi di Sarawak. Ini sebagai projek perintis untuk kita melihat sekolah-sekolah luar bandar yang kecil-kecil terutama sekali di Sabah dan Sarawak kita hendak gabungkan jadi sekolah pusat di mana kita adakan asrama, kita adakan macam-macam kemudahan, jadi tidaklah perlu kita buat beberapa banyak asrama di kawasan luar bandar di mana muridnya tersangat kecil. Ya, sila Yang Berhormat Bera.

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran saya hendak tanya dari segi dasar kementerian, berapakah jumlah murid yang perlu ada bagi membina sesebuah sekolah rendah sebab saya ingin beri contoh di tempat saya sendiri di satu kawasan FELDA misalnya ada satu kawasan yang mempunyai 120 murid tetapi dibina sekolah sehinggakan ada 25 kelas, 25 bilik darjah dan muridnya 120 sahaja iaitu 6 bilik darjah sahaja digunakan sedangkan pada masa yang sama ada terdapat 160 pelajar-pelajar Tamil.

Semenjak tahun 1975, berpindah-randah menumpang sekolah orang lain iaitu di SRJK(C), menumpang di sekolah-sekolah kebangsaan Melayu dan sampai sekarang 160 orang murid Tamil tadi masih lagi berpindah-randah sekolah dan sebagainya dan sekolah Tamil masih tidak dibina. Itu saya hendak tanya, apa dasar sebenarnya berapa ramai murid boleh dibina sekolah. Yang tadi 120 murid bina satu sekolah sampai 25 bilik darjah yang digunakan ialah 6, yang ini 160 murid sampai sekarang tidak boleh selesaikan lagi, minta penjelasan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya amat memahami perkara ini yang berlaku, kita bergantung pada atas permintaan dan kemudian kita akan hantar pegawai untuk buat tinjauan dan ini laporan kita dapat daripada PPD dan juga JPM untuk pihak kementerian membuat perancangan dan seperti mana sesetengah sekolah di mana muridnya begitu ramai, kita hendak juga tambah sekolah, itu juga kita dalam perancangan.

Dari segi pembekalan kita dari segi ini memang perbelanjaan begitu besar, kita akui tentang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cameron Highlands bangun, Yang Berhormat.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Iaitu apabila masa dirancang untuk.....sekejap Yang Berhormat saya habiskan yang ini dahulu. Bila kita buat perancangan mungkin pada ketika itu ramai terdapat murid-murid.

Macam juga hari ini, setengah sekolah di luar bandar termasuk SRJK(T) terutama sekali oleh sebab perpindahan berlaku, tarikan ekonomi ibu bapa untuk berhijrah ke bandar umpamanya dan ini juga melibatkan penurunan setengah-setengah sekolah. Memang kita akui tentang hal itu. Walau bagaimanapun, mengenai dengan SRJK(T) tadi, pindah randah, dia tidak dapat itu, kita akan ambil tindakan kalau ini….

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cameron Highlands bangun, Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: …. perlu dilakukan.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Banyak kali bangun Tuan Yang di-Pertua….

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tak. Saya kata saya belum selesai sini. Lepas selesai saya bagi laluanlah kepada Yang Berhormat. Jangan bimbanglah. Ya, teruskan apa hendak cakap.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bera kerana membawa isu ini. Saya hendak tanya, kenapakah kementerian masih berpegang kepada dasar Sekolah Bantuan Modal dan Sekolah Bantuan Penuh, sedangkan dalam Dasar Pendidikan Negara kita, kita hendak pastikan bahawa setiap rakyat Malaysia mendapat pendidikan yang seimbang. Oleh sebab prasyarat itu, bangunan-bangunan ini tidak dapat dibina dan sepuluh ringgit sahaja diperuntukkan untuk pembangunan bagi sekolah-sekolah Tamil, sekolah Cina, sekolah Kristian dan sekolah agama rakyat atau SAR di Kementerian Pelajaran.

Kenapakah peruntukan yang lebih banyak tidak diberi, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat?. Lebih harus diberi kepada pembangunan sekolah-sekolah yang benar-benar memerlukan prasarana asas. Kerusi pun kena pinjam daripada sekolah-sekolah lain. Isu ini perlu dilihat secara lebih serius dan apakah tindakan kementerian supaya menyelesaikan masalah ini secepat mungkin. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih, Yang Berhormat. Memang bila kita buat satu, satu lagi kita tidak buat dan kita kian meningkat Yang Berhormat, jangan bimbang. Mengenai dengan sekolah bantuan modal, bantuan penuh, sebenarnya kita mewarisi benda-benda ini dan kita kena faham dalam Akta Pendidikan Kebangsaan. Ini diperuntukkan. Sebab itu tadi saya bercakap mengenai dengan sekolah kebangsaan tetapi ada sekolah-sekolah khususnya SRJK(T) dan SRJK(C) termasuk *mission school* – sekolah mubaligh Kristian yang mana terdapat bantuan penuh dan bantuan modal.

Yang Berhormat kena faham maksud konsep itu. Akan tetapi dari segi layanan, dari segi peruntukan, kemudahan kita beri sama. Malah hari ini tidak terfikir pun kepada kita sama ada bantuan penuh, bantuan modal, guru kita latih, guru kita hantar, gaji kita bayar, elaun sama. Kita tidak ada perbezaan. Tidak timbul perbezaan ini. Jangan Yang Berhormat bangkit macam ini sebab dari status hak milik itu sahaja disebutkan bantuan modal, bantuan penuh. Itu sahaja. Sebab kalau kita hendak ambil tanah, dia tidak bagi tanah. Kita hendak buat macam mana, itu harta dia dahulu.

Bantuan penuh SRJK(C) ada yang bantuan penuh iaitu sekolah yang *hundred percent,* maaf saya dengan izin, iaitu kerajaan. Jangan Yang Berhormat lupa itu. Sekolah jenis kebangsaan diberi guru terlatih yang dilatih oleh pihak kerajaan dan juga elaun mereka sama. Kenaikan pangkat juga sama. Kita tidak bezakan. Inilah yang kita katakan kemudahan macam tadi, ada kemudahan-kemudahan kita beri, kita berilah…

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Putatan bangun, Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Mengenai dengan apa ini Yang Berhormat? Saya banyak lagi benda hendak cakap.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya minta penjelasan sedikit tentang isu yang telah saya bangkitkan dalam ucapan saya. Sedar kah Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa sekolah di Pulau Gaya ini tidak ada mendapat sebarang kemudahan sukan seperti padang permainan sebagaimana yang Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan tadi. Masalah tidak dapat tanah, ini yang disebutkan tadi.

Pertama, sedar kah kementerian bahawa peruntukan diberi untuk mengambil tanah perseorangan dapat diperuntukkan supaya kemudahan padang dan kemudahan rekreasi yang lain dapat diberikan kepada sekolah-sekolah yang terpencil. Kedua, Yang Berhormat, sedar kah kementerian tentang masalah Pengetua Sekolah di sana, juga masalah murid-murid yang ponteng dan terlibat dengan menghidu gam secara terbuka ini dengan pengetahuan Pengetua Sekolah tersebut. Ketiga, sedar kah Yang Berhormat bahawa ramai murid di sekolah ini tidak mendapat bekalan air bersih. Apakah tindakan atau pendekatan oleh pihak kementerian yang sudah lama kerana ketiadaan kemudahan-kemudahan asas seperti yang saya sebutkan tadi. Itu sahaja.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya, Yang Berhormat bangkitkan perkara yang spesifik. Akan saya teliti perkara ini. Boleh Yang Berhormat sampaikan kepada saya. Saya tahu Yang Berhormat bagi Kinabatangan telah membangkitkan berkali-kali mengenai sekolah-sekolah di luar bandar di Sabah. Yang ini kita ada perancangan. Sebab itu dalam perancangan kita, Sabah dan Sarawak diberi keutamaan terutama kepada sekolah-sekolah di luar bandar. Itu memang kita sedang mengambil tindakan. Mungkin kita kata setengah-setengah itu tidak dapat seperti mana yang kita jangkakan.

Walau bagaimanapun, mengenai dengan….

Tuan Liow Tiong Lai: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada yang bangun Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Sekejap, saya habiskan dahulu. Mengenai dengan bekalan elektrik dan bekalan air. Memang kita *stress* agar bekalan air diadakan. Ini berkaitan juga dengan pembangunan di pihak negeri. Walau bagaimanapun, kita hendak pastikan bahawa setiap sekolah terutama sekali di luar bandar mendapat bekalan air bersih. Yang kita sebut ini bekalan air bersih, malah dengan menggunakan telaga pun kita kata ada. Dengan apa ini…. apa Tuan Yang di-Pertua ini, dia bubuh dalam *tank*, air bersih untuk minuman anak-anak kita di sekolah. Itu pun….

Seorang Ahli*: [Menyampuk]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya? Apa tidak tahulah. Ini yang macam tulah lebih kurang…. *[Ketawa].* Air bersihlah. Saya kata air bersih yang boleh diminum. Kita tidak mahu dia ambil air telaga yang tidak boleh diminum, pun ada. Ini kita kena berhati-hati takut anak-anak kita di sekolah dapat pula sakit perut dan sebagainya.

Tuan Liow Tiong Lai: *[Bangun]*

Dato' Goh Siow Huat: *[Bangun]*

Ir. Dr. Wee Ka Siong: *[Bangun]*

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Bukit Mertajam bangun.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Elektrik….

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, hendak bagi?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: ….macam di Sarawak, kita sudah beri *generator set*. Kita ada juga *generator set.* Ada yang kecil ada yang besar dan sebagainya untuk memastikan mereka juga ada bekalan elektrik untuk menjalankan komputer dan sebagainya. Ya, Yang Berhormat bagi Bentong dahululah. Sekejap sahaja ya.

Tuan Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berhubung dengan kenyataan Yang Berhormat tadi itu mengenai bantuan modal dan bantuan penuh, saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat tadi bahawa ini kita warisi daripada pihak penjajah. Sekarang kita sudah perintah negara kita sendiri. Kita tidak dijajah lagi. Oleh itu kita kena adakan sistem persekolahan kita. Kita kena beri peruntukan yang secukupnya kepada semua sekolah kerana sekolah-sekolah ini bukan melatih anak-anak kita untuk sesuatu golongan sahaja. Latihan kepada anak-anak kita adalah untuk negara kita, untuk membangunkan negara kita.

Oleh itu, saya minta agar kementerian boleh mengkaji semula bahawa bantuan modal mahupun bantuan penuh. Bagilah bantuan kepada semua, tidak kira dari segi latihan guru mahupun dari segi pembangunan fizikalnya. Memang benar bahawa cadangan yang diberikan oleh golongan kakitangan pendidikan itu kadang-kadang tidak betul semua. Saya cadangkan kalau boleh, mintalah pandangan daripada Ahli-ahli Parlimen lebih tepat sama ada sekolah itu perlukan bantuan, sekolah itu perlukan pembangunan dan kita pastikan seperti yang Yang Berhormat bagi Bera

bentangkan tadi. Itu memang tepat. Kalau Ahli Parlimen beri cadangan, saya rasa memang tidak berlaku perkara macam ini.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih, Yang Berhormat Bentong. Setelah saya membuat penjelasan dari segi kategori apa sekolah ini, walaupun sekolah jenis kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan China mahu pun Tamil, kita peruntukkan macam saya katakan, saya tidak bezakan. Memang Yang Berhormat bangkitkan tadi mengenai dengan fizikal, fizikal pun juga kita bagi bantuan. Bukan kita tidak bagi, kita bagi. Macam saya katakan cuma istilah itu kalau Yang Berhormat tidak hendak istilah pun tidak apa, kita buang. Sebab yang saya bangkitkan tadi soal hak milik itu sebab itu di kategori yang sama. Kalau hendak kata, sebab itu dipanggil sekolah jenis kebangsaan China, sebab bahasa penghantarnya menggunakan bahasa Mandarin, itu sahaja. Kurikulum - kurikulum kebangsaan, itu yang maksud saya tadi.

Peruntukan memanglah kita terdesak dari segi peruntukan, semua sekolah kita bagi peruntukan sama ada bantuan penuh atau bantuan modal itu pun kita bagi. Yang setengah bantuan modal tadi dia pandai cari peruntukan dia sendiri. Macam setengah kalau kita lihat sekolah bantuan modal dia ada dewan yang besar dan sebagainya, ini bukan daripada pihak kita yang beri, diusahakan oleh komuniti itu dan ini kita berterima kasih, daripada masyarakat umum. Ya, Bukit Mertajam.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya rasa panjang sangat, pendekkan sikit, kerana kita ada banyak lagi.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Sedikit sahaja lagi. Tuan Yang di-Pertua, tidak apalah saya teruskan perjalanan saya ini. Yang Berhormat Ayer Hitam telah mencadangkan di kaji semula…..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Jerai cukuplah, banyak sangat pertanyaan-pertanyaan dan penjelasan, terlampau ramai, kita ada beberapa belas lagi ini.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Yang Berhormat bagi Ayer Hitam mencadangkan agar dikaji semula sistem pengambilan pelajar untuk mengetuai program Matrikulasi. Ini sebenarnya kita telah pun buat masa ini, kita telah pun membuka kepada bukan bumiputera juga untuk menyertai dalam program Matrikulasi. Ini telah pun dilakukan yang mana bukan bumiputera tadi kriteria khas digunakan iaitu 80% berdasarkan kelayakan akademik, begitu juga dengan bumiputera kelayakan 100% akademik. Itu sebab kita ambil yang terbaik. Bukan bumiputera kita bagi akademik 80% dan sosioekonomi keluarga kita juga beri 10% dan pengambilan sedang kita lakukan.

Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, minta Kolej Matrikulasi dibina di Kelantan dan persoalkan mengenai penempatan pelajar ke negeri yang jauh. Ini soal sama ada di Kelantan atau pun di mana sahaja kita mengambil penuntut-penuntut berdasarkan kriteria-kriteria tertentu.

Seorang Ahli: Minta laluan, Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Insya-Allah, pada masa yang akan datang…..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, kementerian ini terlampau panjang sangat.

Dato' Madzhir bin Mohd Khir: Saya tidak boleh beri laluan dan saya hendak habiskan sedikit sahaja *[Ketawa]* Mengenai dengan perjawatan dan profesion perguruan, Kementerian Pelajaran mengalu-alukan cadangan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu mengenai dengan perkara ini. Begitu juga Yang Berhormat bagi Lipis bangkitkan mengenai dengan pensyarah Institut Aminuddin Baki dikaji semula. Perkara-perkara mengenai perjawatan dalam Skim Perkhidmatan Pendidikan dan peluang-peluang kenaikan pangkat sememangnya mendapat perhatian. Mengenai dengan guru ganti termasuk ini yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Seri Aman dan Yang Berhormat bagi Bukit Gantang. Yang Berhormat bagi Rantau Panjang juga membangkitkan mengenai dengan keadaan-keadaan perjawatan termasuk juga Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Akhir sekali perkara mengenai peperiksaan, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu juga membangkitkan perkara ini lebih memahami kerana beliau adalah orang yang berpengalaman dalam pendidikan. Dalam konteks negara kita, peperiksaan awam seperti UPSR, PMR, SPM dan STPM merupakan ujian untuk mengikut tahap-tahap tertentu, maka pendapat kita masih kita kekalkan, cuma persepsi masyarakat sahaja sama ada kita terlalu *examination oriented* atau pun tidak, dengan izin.

Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam juga membangkitkan bahawa berlakunya penyelewengan dalam peperiksaan UPSR di mana pihak sekolah menukarkan calon lain untuk menduduki peperiksaan, saya rasa kes itu telah pun kita mengambil tindakan. Tidak perlu lagi saya menceritakan hal itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa China…..

Seorang Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya Yang Berhormat cukuplah, saya menggunakan kuasa saya di bawah…..

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian menggesa agar kerajaan menerima pandangan, panduan serta cadangan pihak lain dalam program PPSMI. Kementerian memang bersikap terbuka dalam hal ini, telah pun saya jelaskan tadi. Yang Berhormat bagi Kalabakan juga telah membangkitkan mengenai dengan pelaksanaan PPMSI juga, tadi telah saya jelaskan. Begitu juga Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam juga bangkitkan perkara ini dan telah pun saya jelaskan. Yang Berhormat bagi Rasah juga membangkitkan, perkara ini juga telah saya jelaskan.

Mengenai Program Bantuan Pendidikan, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang dan Yang Berhormat bagi Kuala Krau telah membangkitkan mengenai dengan bantuan buku tadi, telah pun saya katakan pihak kerajaan telah melakukan perkara ini dan kita tidak pun menyisihkan mana-mana pihak.

Mengenai dengan yuran persekolahan juga, memang kita mengehadkan yuran-yuran tertentu tetapi daripada sekolah ke sekolah ada perbezaan-perbezaan, mungkin ini juga kita dapat kaji semula.

Isu pendidikan vernakular telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, Yang Berhormat bagi Kota Melaka, Yang Berhormat bagi Gelang Patah, Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Isu-isu seperti pembangunan SJKC dan SJKT peruntukan dan masalah kekurangan guru, sebenarnya dalam tindakan pihak kementerian, kita telah mengambil tindakan seperti juga yang saya sebutkan tadi.

Mengenai dengan memartabatkan bahasa, dalam ini pihak Yang Berhormat bagi Dungun dan Yang Berhormat …..

Seorang Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya buat *ruling* tadi Yang Berhormat tidak dibenarkan di bawah 37 (2). Sila, sila teruskan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Yang Berhormat bagi Dungun dan Gerik juga membangkit tentang soal bahasa dan kita telah saya jelaskan tadi kita tidak akan mengubahkan dasar bahasa tadi.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja dapat saya jelaskan mengenai perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pelajaran yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekiranya tidak dapat saya jelaskan, saya akan mengambil catatan mengenainya dan sekali lagi baru-baru ini kita baru sahaja merayakan Hari Guru, kepada semua guru bagi pihak Kementerian Pelajaran saya ucapkan *"To Sir, With Love".* Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Pembangunan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

3.38 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk G. Palanivel]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Titah Ucapan Diraja dan menyentuh perkara-perkara di bawah bidang tugas Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Saranan dan pandangan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Temerloh, Kelana Jaya, Permatang Pauh, Bukit Mertajam, Parit Sulung, Papar, Indera Mahkota, Batu Pahat, Kanowit dan Titiwangsa akan diberi perhatian sewajarnya oleh kementerian dalam perancangan dan pelaksanaan program dan aktiviti-aktiviti kementerian pada masa hadapan ke arah peningkatan kesejahteraan masyarakat Malaysia keseluruhannya serta mengambil tindakan yang sesuai demi kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan supaya Dasar Sosial Negara dilaksanakan secara komprehensif yang melibatkan pelbagai agensi yang berkaitan, sukacita saya memaklumkan bahawa Dasar Sosial Negara (DSN) telah dilancarkan dengan rasminya oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 19 Ogos 2003, adalah bertujuan memberikan panduan bagi pelaksanaan dan pengurusan pembangunan sosial supaya setanding dan seiring dengan kemajuan ekonomi negara ke arah pembentukan sebuah masyarakat yang mantap dan seimbang.

Bagi merealisasikan dasar ini beberapa mekanisme pelaksanaan telah dibentuk di peringkat Persekutuan, negeri, daerah dan komuniti. Mekanisme di peringkat Persekutuan terdiri daripada Majlis Sosial Negara, Jawatankuasa Pembangunan Sosial Negara dan Jawatankuasa Kerja Pembangunan Sosial peringkat kementerian. Di peringkat negeri melalui Majlis Pembangunan Negeri yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri-Menteri Besar, Ketua Menteri dan Jawatankuasa Kerja Pembangunan Negeri yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Setiausaha

Di peringkat daerah pula, Jawatankuasa Dasar Sosial Negara atau DSN dilaksanakan melalui Jawatankuasa Kerja Pembangunan Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah. Bagi melaksanakan DSN di peringkat komuniti, sebanyak 47 Pusat Rujukan Sosial atau PRS perintis telah diwujudkan dan berperanan sebagai Pusat Maklumat Setempat bagi masyarakat di peringkat akar umbi. PSR ini juga berperanan sebagai Pusat Layanan Awal, Pusat Kaunseling dan Pusat Perbincangan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian juga sedang menghalusi Draf Pelan Tindakan Sosial yang merupakan panduan pelaksanaan program dan aktiviti sosial oleh pelbagai agensi kerajaan peringkat Persekutuan dan negeri serta pertubuhan bukan kerajaan dan swasta. Diharap dengan adanya satu dasar yang mantap dan tersusun, permasalahan sosial di negara ini dapat ditangani secara menyeluruh terselaras dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tak berapa seronoklah Tuan Yang di-Pertua, lelaki menjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini… *[Ketawa] [Dewan riuh]* Tidak adakah wanita?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Banyak benda yang hendak kita tanya hal wanita ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kita lelaki tidak faham wanita tetapi kalau lelaki yang menjawab, dia pun tidak faham macam saya juga…

Tuan Yang di-Pertua: Ya tetapi keluarga ada, masyarakat ada Yang Berhormat. Sila, sila teruskan Yang Berhormat.

Datuk G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, dia selalu perli-perli. Mengenai cadangan supaya diwujudkan lebih ramai pekerja komuniti di dalam usaha membantu meringankan beban penduduk miskin di kawasan bandar, saya ingin menjelaskan di sini bahawa kementerian sedar tentang masalah tersebut. Kementerian ini melihat cadangan ini sebagai satu usaha untuk membantu golongan miskin di kawasan bandar mengimbangi tanggungjawab mereka dalam keluarga dan di tempat kerja apabila anak-anak kecil mereka dapat dijaga dalam persekitaran yang lebih *conducive* semasa mereka bekerja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar penyertaan tenaga buruh wanita dengan izin, *female labor force participation rate* adalah di paras 46.7% pada tahun 2002. Kerajaan sentiasa memberi galakan dan peluang yang saksama untuk wanita menceburi sebarang bidang pekerjaan dan justeru itu khidmat sokongan dari segi kemudahan pusat penjagaan anak-anak kecil perlu diberi perhatian.

Kementerian ini akan bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengenal pasti mana-mana kawasan bandar yang mana penduduknya berpendapatan rendah bagi menyediakan kawasan untuk pengusaha-pengusaha taska dan pusat jagaan kanak-kanak menjalankan operasi perniagaan mereka di kawasan-kawasan yang dikenal pasti.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara (LPPKN) sedang mengusahakan satu projek perintis pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja dan komuniti. Satu model pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja dan dalam komuniti yang lebih lengkap dari segi program dan tenaga kerja akan diwujudkan di Kompleks Kasih Keluarga LPPKN di bawah Rancangan Malaysia Kelapan.

Cadangan untuk mewujudkan lebih ramai pekerja komuniti bagi membantu masyarakat miskin di bandar akan terus diberi perhatian. Dalam usaha ini, kementerian menggunakan strategi dan pendekatan perkongsian bijak dengan pertubuhan bukan kerajaan di mana mereka akan menjalankan program dan aktiviti serta menyediakan perkhidmatan yang sesuai.

Melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat, kementerian juga telah melaksanakan program sukarelawan yang dikenali sebagai Briged Kebajikan Perdana dan mereka akan menjalankan kerja-kerja kebajikan di peringkat masyarakat tempatan. Di samping itu mereka juga membantu jabatan dalam mengenal pasti golongan masyarakat yang memerlukan bantuan dan intervensi sosial…

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Datuk G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, bagi cadangan supaya diwujudkan kemudahan-kemudahan bagi menjaga anak-anak di kawasan-kawasan penduduk miskin di bandar bagi mengurangkan beban mereka yang sedia ada, suka saya memaklumkan bahawa melalui Bajet 2004, banyak galakan cukai diberi kepada pihak majikan untuk menubuhkan pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Jerai bangun Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Hem.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya hendak penjelasan dari Timbalan Menteri yang lemah lembut ini iaitu kes *welfare* Yang Berhormat. Masalah di kampung, kadang-kadang ibu itu mendapat bantuan daripada kerajaan kerana anak dia tidak kerja tetapi anak dia ramai. Dengan bantuan itu pun tidak mencukupi tetapi kadang-kadang kerana salah seorang daripada itu pergi kerja, itu pun kerja dengan gaji yang cukup makan sahaja tetapi ibu tunggal ini dia tidak dapat, dipotong bantuan dia.

Benda telah berlaku banyak dan ibu-ibu tunggal ini telah berjumpa dengan saya meminta kepada saya supaya berjumpa Yang Berhormat di Parlimen, beritahu kepada Yang Berhormat supaya kalau boleh tolonglah selesaikan masalah ini. Bukan semestinya kalau anak dia seorang kerja itu dia senang dah. Dia susah lagi fasal anak ramai. Adakah kementerian Yang Berhormat boleh *review* balik kes-kes macam ini dan memberi bantuan kepada ibu tunggal ini Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, kemudahan mendapat bantuan bukan diikat dengan anak yang bekerja atau anak yang tidak bekerja tetapi bantuan itu boleh diberi jika si pemohon itu benar-benar memerlukan bantuan. Jika ada kes-kes tertentu di mana Pegawai Kebajikan di peringkat daerah tidak mengikut peraturan-peraturan kementerian atau Jabatan Kebajikan boleh memberitahu saya atau kementerian...

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Temerloh bangun.

Dato' Mohd. Sarit bin Yusoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Kita bercakap tentang pembinaan keluarga sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, tentang bantuan, *welfare* dan sebagainya. Saya hendak tarik perhatian Yang Berhormat tentang satu kumpulan masyarakat yang kita dengan izin, Tuan Yang di-Pertua *over look*.

Saya berjumpa dengan mereka baru-baru ini iaitu Persatuan Orang-orang Bisu. Orang bisu ini Tuan Yang di-Pertua, rupanya dia lain sedikit daripada kita Tuan Yang di-Pertua….

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]* Memang lain… *[Dewan riuh]*.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Memang lain Tuan Yang di-Pertua, memang lain. Kita anggap Tuan Yang di-Pertua, orang bisu ini orang cacat Tuan Yang di-Pertua, tetapi orang bisu ini dalam keluarga dia Tuan Yang di-Pertua, kalau dia empat lima orang anak Tuan Yang di-Pertua, seorang anak dia tidak bisu, dia anggap anak dia yang tidak bisu itu cacat. Dia beza sedikit.

Saya hendak bawa perhatian Yang Berhormat begini. Mereka beritahu saya, antara kompelin.... *[Ketawa]* Dia pakai dengan izin, *translator* Tuan Yang di-Pertua, dia beritahu saya. Satu, kurang *translators* kita ada di negara ini terutamanya di tempat-tempat kecemasan macam di hospital atau di klinik atau di tempat-tempat yang memerlukan *translator* dan saya lihat Tuan Yang di-Pertua orang-orang bisu ini *highly educated* orang-orang ini. Banyak yang lulus tinggi-tinggi profesional tetapi itu yang mereka bawakan ialah kurang *translator.*

Ambil contoh kalau di lebuh raya misalannya, di tempat yang tidak boleh, tidak ada *line* telefon. Dia berlaku kecemasan, macam mana dia hendak buat. Hendak telefon, dia bisu tidak boleh. Hendak hantar SMS tidak ada *line.* Saya minta supaya jabatan meneliti perkara-perkara ini. Kita hendak jadi *first world country* ini kita kena semua golongan, mesti kita ambil perhatian. Saya minta pandangan Yang Berhormat.

Datuk G. Palanivel: Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang membangkitkan masalah ini. Dua minggu kebelakangan ini, kementerian dalam satu dialog dengan orang-orang kumpulan sasaran termasuk orang kurang upaya, mereka membangkitkan masalah ini iaitu kekurangan mereka yang boleh dalam *sign language* dan kementerian akan memberi perhatian atas masalah ini dan cuba mencari satu penyelesaian untuk kumpulan sasar ini mendapat perkhidmatan yang baik.

Walau bagaimanapun respons daripada majikan dan swasta masih kurang menggalakkan. Dalam hal ini penglibatan dan sokongan dari pihak majikan swasta dan NGO amat diharapkan di mana mereka boleh bertindak mewujudkan taska dan pusat penjagaan kanak-kanak di kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti sebagai usaha kebajikan kepada pekerja dan penduduk setempat.

Memandangkan perkara tersebut, kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat sedang mengkaji cadangan mewujudkan Taman Asuhan Kanak-kanak Komuniti atau Taska Komuniti di mana ia akan dapat memenuhi keperluan penjagaan kanak-kanak bagi penduduk miskin di bandar dari segi penyediaan perkhidmatan asuhan yang berkualiti dengan bayaran yang tidak membebankan.

Di samping itu kementerian juga menggalakkan penubuhan TASKA oleh badan-badan korporat swasta dan agensi kerajaan di pejabat masing-masing khususnya bagi membantu pekerja-pekerja wanita yang terpaksa bekerja bagi menambah sumber pendapatan keluarga. Kementerian akan terus…..

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam bangun. Bukit Mertajam di sini, di sebelah kiri saya.

Puan Chong Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat. Saya rasa apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat ini adalah lagu lama. Sudah 10 tahun cakap begitulah. Sejak Rancangan Malaysia Ke-6, itulah rancangannya. Rancangan demi rancangan tetapi tidak ada pelaksanaan. Saya rasa sama ada pihak kerajaan kurang upaya untuk melaksanakan rancangan ini ataupun tidak ada *political will*. Dia tidak hendak buat kerana undi wanita itu dia kira tidak begitu penting. Yang saya ingin dengar di sini ialah bila akan dibuat - bukan mengharapkan majikan atau pihak swasta, tetapi kerajaan sendiri, bila kerajaan akan buat? Terima kasih.

Datuk G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat daripada pembangkang ini pun nyanyiannya semua nyanyian lagu lama. *[Beberapa ahli ketawa]* Saya duduk di dalam Parlimen ini sudah empat penggal, dia di penggal yang kedua, lagu yang sama juga.

Dato' Paduka Haji Badrudin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, *Point of Order* Tuan Yang di-Pertua.

Datuk G. Palanivel: Buat tuduhan.

Dato' Paduka Haji Badrudin bin Amiruldin: Yang Berhormat seorang wanita…. seorang wanita mendera Timbalan Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Bercakap kasar kepada Timbalan Menteri, itu mendera Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Datuk G. Palanivel: Pihak kerajaan telah memberikan insentif-insentif seperti berikut. TASKA yang diwujudkan oleh agensi kerajaan di bangunan sendiri diberi pengecualian daripada pihak-pihak berkuasa tempatan di mana pengendali tidak perlu memohon untuk menukar syarat penggunaan ruang. Pengendali TASKA daripada agensi kerajaan juga boleh memohon geran pelancaran bagi penubuhan TASKA di tempat kerja sehingga RM50,000 yang merupakan *one-off* untuk kos ubahsuai ruang dan pembelian bagi kelengkapan asas sesebuah TASKA.

Penubuhan TASKA oleh majikan di sektor swasta pula diberi insentif di mana bangunan yang digunakan untuk TASKA layak diberi elaun bangunan perindustrian sebayak 10 peratus selama 10 tahun terhadap perbelanjaan pembinaan atau pembaharuan bangunan. Kementerian akan terus memperjuangkan isu ini kerana ingin melibatkan lebih ramai kaum wanita bekerja serta turut terlibat dalam arus pembangunan negara yang semakin mencabar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam isu yang berkaitan dengan penglibatan 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mengumpul perangkaan bilangan wanita di peringkat membuat keputusan dan kini sedang mendapatkan pandangan daripada pelbagai agensi kerajaan. Berdasarkan pandangan-pandangan tersebut pihak kementerian akan merangka tindakan susulan untuk meningkatkan penyertaan wanita di peringkat membuat keputusan dalam sektor awam, swasta dan politik.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan isu keganasan rumah tangga, rogol, pelacuran, hak penjagaan anak dan sebagainya, ingin saya jelaskan di sini bahawa kementerian sentiasa memberikan perhatian serius terhadap perkara-perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Kubang Kerian bangun.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sekadar hendak mencadangkan satu perkara, adakah kementerian bersetuju supaya wanita-wanita yang melahirkan anak di hospital kerajaan diberikan bayaran percuma sebagai satu pengiktirafan kerajaan terhadap wanita-wanita yang melahirkan anak, melahirkan generasi yang memberikan sumbangan besar kepada negara? Dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk G. Palanivel: Kalau wanita yang melahirkan anak itu tidak berkemampuan, kerajaan boleh bayar. Kalau dia kaya, buat apa kerajaan bayar*, we are not a welfare state.*

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan Yang Berhormat.

Datuk G. Palanivel: Berkaitan dengan isu keganasan ……

Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]*

Datuk G. Palanivel: Saya ulang sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk G. Palanivel: Berkaitan dengan isu keganasan rumah tangga, rogol, pelacuran, hak penjagaan anak dan sebagainya, ingin saya menjelaskan di sini bahawa kementerian sentiasa memberikan perhatian serius terhadap perkara-perkara tersebut. Tindakan yang diambil termasuklah usaha pencegahan melalui program-program kesedaran serta menyediakan khidmat perlindungan kepada mangsa-mangsa melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat dan pihak NGO.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun. Sri Gading bangun, ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Keganasan rumah tangga sudah semacam lumrahlah. Baru-baru ini saya terbaca satu berita di akhbar, bagi mengelakkan keganasan ini wanita diajar untuk menggunakan cara-cara cakar harimau. Saya pun tidak faham ini. *[Beberapa ahli ketawa]* Supaya si suami sayang isteri, isteri gunakan kaedah cakar harimau. Saya tidak tahu macam mana cakar harimau ini, macam mana dia boleh cakar tu. Jikalau boleh ajarlah kami atau isteri-isteri kami macam mana mencakar harimau ini supaya aman tenteramlah rumah tangga. *[Beberapa ahli ketawa]* Minta Timbalan Menteri jelaskan sedikit. Kalau boleh demonstrasi sedikit macam mana cakar harimau ini. *[Ketawa] [Dewan riuh]*

Datuk G. Palanivel: Saya akan bincang dengan Menteri tetapi beliau sekarang di luar negara. Dia suka, menjadi punca hiburan, saya pun suka juga. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]* Ya, sambung Yang Berhormat.

Datuk G. Palanivel: Mengenai cadangan penubuhan Mahkamah Keluarga pula, kementerian bekerjasama rapat dengan Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Peguam Negara untuk merangka konsep dan pendekatan penubuhannya. Setakat ini Mahkamah Sivil 8 Kuala Lumpur di Pusat Infokraf, Jalan Hishamuddin telah diubahsuai sebagai mahkamah keluarga dengan menyediakan kemudahan bilik untuk kanak-kanak dan ruang menunggu yang mesra keluarga.

Mengenai cadangan supaya kementerian menubuhkan sebuah jawatankuasa khas bagi memasukkan isu wanita dalam pembangunan negara, melantik wakil NGO dalam jawatankuasa tersebut, sukacita dimaklumkan bahawa kementerian telah pun menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa teknikal yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha dan dianggotai oleh pegawai-pegawai kerajaan, sektor swasta dan NGO.

Dato' Paduka Haji Badrudin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Datuk G. Palanivel: Jawatankuasa-jawatankuasa teknikal tersebut termasuklah Jawatankuasa Wanita dan ICT, Jawatankuasa Media, Jawatankuasa Undang-undang, dan Jawatankuasa Wanita dan Pekerjaan. Melalui jawatankuasa-jawatankuasa teknikal ini isu-isu berkaitan telah dikenal pasti dibincangkan dan diambil tindakan susulan.

Tuan Yang di-Pertua: Jerai bangun.

Dato' Paduka Haji Badrudin bin Amiruldin: *Manakam!*

Datuk G. Palanivel : Biar saya habis.

Dato' Paduka Haji Badrudin bin Amiruldin: *Manakam*!

Datuk G. Palanivel: Kementerian juga telah menubuhkan jawatankuasa kecil bagi setiap, …. jawatankuasa teknikal sebagai contoh, Jawatankuasa Kecil Mahkamah Keluarga di bawah Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Jerai.

Dato' Paduka Haji Badrudin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat bercakap pasal dera. Selalu kita bercakap Tuan Yang di-Pertua, suami dera isteri, suami pukul isteri, suami buat macam-macam pada isteri, memang berlaku, tetapi adakah Timbalan Menteri pun sedar isteri juga mendera suami? Tidak termasuk sayalah. Kadang-kadang dera dari segi leteran, dia suka…'Kita bangun lambat dia bising, kita mandi lambat dia bising. *[Bercakap dalam Bahasa Kantonis/Mandarin] [Beberapa ahli ketawa]* Kita bangun lambat, dia bising – itu dera, mandi lambat dia dera, balik lambat dia dera pula Tuan Yang di-Pertua, yang dia tidak dera bila keluar lambat. *[Beberapa ahli ketawa]* Di manakah sang suami-sang suami ini hendak merayu, adakah kepada Menteri ataupun kepada Yang Berhormat kerana kita hendak pergi ke balai, kita malu. Eh… tidak boleh, sayang. *[Bercakap dalam Bahasa Kantonis/Mandarin]*

Tuan Yang di-Pertua: Jerai, Jerai, Jerai

Dato' Paduka Haji Badrudin bin Amiruldin: Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Habiskan soalan.

Dato' Paduka Haji Badrudin bin Amiruldin: Adakah kementerian boleh, kita buat secara runding cara supaya benda ini tidak keluar dalam surat khabar, malu Tuan Yang di-Pertua, kalau surat khabar kata suami kena dera oleh isteri, kita hendak bubuh muka di mana Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukuplah, cukuplah.

Datuk G. Palanivel: Saya memberi nasihat kepada Yang Berhormat jangan gaduh dengan wanitalah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bukan gaduh, dia gaduh sama kita. *[Ketawa]* Macam tadi DAP dia gaduh sama saya....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukuplah, cukuplah!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: ....siapa hendak gaduh sama dia.

Tuan Yang di-Pertua: Jerai cukuplah. Sila teruskan.

Datuk G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan supaya siasatan terhadap kes penderaan pembantu rumah perlu dijalankan secara adil dan jangan secara *mock justice* sahaja. Suka saya menegaskan di sini bahawa kerajaan sangat memandang serius terhadap kes-kes penderaan khususnya terhadap wanita dan kanak-kanak termasuk penderaan pembantu rumah asing. Walaupun kes penderaan pembantu rumah asing ini bukan masalah yang meluas jika dibandingkan dengan bilangan pembantu rumah warganegara asing yang bekerja di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Bukit Mertajam bangun, ya.

Datuk G. Palanivel: *Let me finish*.

Puan Chong Eng: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dia minta bagi habiskan.

Datuk G. Palanivel: Biar saya habis. Mengikut rekod Polis Diraja Malaysia kes penderaan pembantu rumah asing pada tahun 2003 berjumlah 39 kes iaitu 16 kes setiap 100,000 pembantu rumah asing dan sebanyak 31 kes pada tahun 2002 iaitu kira-kira 15 kes setiap 100,000 pembantu rumah asing. Walaupun ianya menunjukkan angka yang kecil, kerajaan sentiasa memantau dan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana penjenayah mengikut peruntukan undang-undang sedia ada.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak komen di sini ialah tadi katanya mengenai mahkamah keluarga. Jawapan itu saya juga dapat pada tahun yang lepas begitu juga, tidak ada kemajuan langsung. Saya hendak tahu bilakah ini boleh diwujudkan, kerana ini adalah satu perkara yang penting untuk menyelesaikan kes-kes keluarga seperti keganasan dan juga perceraian. Kalau kita katakanlah bahawa keluarga adalah begitu penting di dalam masyarakat kita, tetapi apakah kerajaan telah buat untuk keluarga. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Setiu dalam peringkat cakapan sahaja. Itu yang pertama.

Yang kedua, kita sudah meminda Infant Guardianship Act dua tiga tahun yang lalu, tetapi sampai sekarang ibu yang hendak memohon dokumen-dokumen atau hendak memindah *(transfer)* anak-anak mereka dari satu sekolah ke sekolah yang lain kerana perpisahan dengan suaminya masih pihak sekolah tidak mahu membenarkan ibu untuk menjalankan tugas ini atau menggunakan kuasa ini kerana mereka kata bahawa mereka tidak tahu ada pemindahan ini.

Saya minta kementerian Yang Berhormat, macam mana kita hendak laksanakan undang-undang yang telah dipindakan itu dan juga bahawa kerajaan lebih serius dan meningkatkan keupayaan pelaksanaan supaya masalah-masalah yang menimpakan wanita ini dapat diselesaikan lebih secepat mungkin. Saya rasa ramai Yang Berhormat di dalam Dewan ini tidak faham masalah yang dihadapi oleh wanita. Oleh sebab itu, dia boleh bertanya kalau isteri dia nyek...nyek... nyek...dia, apa hendak buat, itu sendiri pandai-pandailah. Terima kasih. *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, dia tidak kahwin lagi dia mana tahu. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Jerai, Jerai, Jerai, sila duduk. Sila.

Datuk G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam dia tidak puas hati atau faham rancangan kerajaan. Semua rancangan kerajaan ialah amat terbaik.

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bukit Mertajam, tolong.

Datuk G. Palanivel: Bila dia ucap saya tidak bising. Bila saya ucap dia mahu bising.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Itulah dera namanya Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Datuk G. Palanivel: Semua rancangan kita ialah yang amat terbaik. Kita tidak puji, yang puji ialah organisasi-organisasi antarabangsa seperti UNDP - *fewer cases of social ills in Malaysia.* Sebab rancangan kita dia cakap rancangan yang amat terbaik di rantau ini.

Mengenai Mahkamah Keluarga, kerajaan dalam tahun 2002 telah mewujudkan satu jawatankuasa peringkat menteri dan jawatankuasa ini pun menubuhkan dua jawatankuasa teknikal – satu dipengerusikan oleh Peguam Negara dan satu lagi dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman dan berdasarkan kepada apa yang dikaji dan beritahu kepada kementerian, kerajaan menganggap penubuhan Mahkamah Keluarga ini ialah satu yang penting dan sebab itu kita sedang buat rancangan jangka pendek, jangka panjang dan jangka pertengahan untuk menubuh Mahkamah Keluarga ini. Saya harap Mahkamah Keluarga ini akan jadi satu kenyataan dan ini bukan satu kata-kata kerajaan.

Kementerian ini melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat boleh membantu mangsa-mangsa penderaan dengan menyediakan tempat perlindungan atau tempat selamat sementara sekiranya mangsa benar-benar memerlukan terutama dalam tempoh siasatan. Penempatan mangsa di tempat perlindungan adalah dengan kerjasama pihak polis. Setakat ini terdapat 29 buah tempat perlindungan yang memberi perlindungan kepada mangsa keganasan rumah tangga yang juga boleh digunakan sebagai tempat perlindungan pembantu rumah asing yang didera.

Pihak kementerian menyedari dan mengakui terdapat kekurangan pegawai, terutama pegawai-pegawai kebajikan di negeri-negeri. Sungguhpun begitu...

Cik Fong Po Kuan: Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Batu Gajah bangun Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak tanya sejauh manakah kerjasama di antara kementerian ini dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan sedarkah Yang Berhormat bahawa, saya beri contoh di negeri Perak, hanya ada buah rumah perlindungan untuk mangsa-mangsa penderaan – isteri-isteri yang didera. Saya terkejut apabila saya meminta bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat, isteri asing ini perlu perlindungan, dia kata ada dua tempat, satu

ialah di Tanjong Rambutan, tinggal dengan rumah orang tua. Yang satu lagi di Jelapang juga tinggal dengan rumah orang tua. Itu adalah rumah orang-orang tua yang mana dia kata makan sama sahaja, tidur di blok yang berlainan. Saya hendak tahu apakah kementerian ada perancangan untuk memastikan bahawa mangsa-mangsa ini diberi satu tempat yang lebih selesa yang berpatutan agar mereka dapat menenteramkan diri kerana mereka menghadapi trauma yang begitu serius. Itu satu.

Yang kedua ialah kerjasama dengan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat. Saya rasa Jabatan Kebajikan di Ipoh tidak mempunyai pegawai yang mencukupi. Apabila mangsa pergi ke sana mereka kena menunggu untuk membantu mereka mendapatkan *Interim Protection Order*. Itu kedua.

Penguatkuasaan *Interim Protection Order* perkara ketiga juga. Mereka telah dapat perintah tetapi tidak dikuatkuasakan. Isteri kena berlindung untuk bersembunyi agar suami tidak datang untuk cari mereka. Infact dengan Interim Protection Order mereka sepatutnya bebas bergerak, tetapi sebaliknya. Ada Interim Protection Order masih perlu bersembunyi.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, panjang sangat itu.

Cik Fong Po Kuan: Saya hendak tanya sama ada kementeriannya, apakah sedar situasi sebenar yang berlaku di padang sekarang. Sekian, terima kasih.

Datuk G. Palanivel: Kerjasama antara Jabatan Kebajikan Masyarakat dan kementerian baik sebab Jabatan Kebajikan Masyarakat terletak di bawah kementerian ini. Kes-kes tertentu seperti apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah beri kepada saya dan saya akan kaji dan buat apa yang sepatutnya. Saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Batu Gajah, kadang-kadang di peringkat akar umbi ada masalah-masalah seperti ini, dan kementerian akan cuba selesai masalah-masalah seperti ini. Kadang-kadang ini disebabkan kita kekurangan tenaga di peringkat akar umbi.

Mengenai cadangan mewujudkan *support group* bagi membantu mangsa jenayah termasuk jenayah sumbang mahram, pihak kementerian amat menyambut baik cadangan tersebut. Kementerian berpendapat bahawa strategi ini adalah antara kaedah yang berkesan untuk membantu meringankan tekanan atau trauma yang ditanggung oleh mangsa dan keluarga.

Kumpulan sokongan ini boleh diwujudkan dengan kerjasama pelbagai pihak seperti badan bukan kerajaan (NGO), pemimpin dalam masyarakat dan sebagainya. Pada masa ini terdapat *support group* yang diwujudkan oleh NGO bagi mangsa barah payu dara, ibu tunggal dan pesakit angin ahmar *(stroke).*

Bagi kanak-kanak yang menjadi mangsa sumbang mahram, pasukan perlindungan kanak-kanak yang dianggotai oleh anggota masyarakat setempat telah ditubuhkan bagi menyelaras program-program penjagaan, penderaan dan pengabaian kanak-kanak. Setakat ini terdapat 105 pasukan perlindungan kanak-kanak di seluruh negara.

Kementerian juga telah menubuhkan organisasi membanteras keganasan terhadap wanita fasa pertama dan kedua serta menjalankan kempen melalui poster-poster bagi menyedarkan masyarakat dalam membendung gejala tersebut daripada berleluasa.

Satu panel perunding akan ditubuhkan bagi menangani masalah berkenaan yang dianggotai oleh wakil-wakil agensi kerajaan, swasta dan NGO. Kerajaan juga akan menjalankan kajian mengenai jenayah sumbang mahram dan rogol dari segala aspek termasuk peruntukan perundangan yang sedia ada, peranan media massa, sistem pendidikan, nilai-nilai kemasyarakatan masa kini dan sebagainya.

Menyedari masalah sosial yang semakin kompleks, kementerian akan berusaha memantap dan mengukuhkan institusi keluarga terutama sekali kepada pasangan yang bakal berkahwin atau yang baru berkahwin. Melalui LPPKN, pihak kementerian telah melaksanakan program kempen "Utamakan Keluarga, Semakin Hari Semakin Sayang" dan pelancaran "*Smart Start*" sebagai panduan kepada pasangan-pasangan.

Melalui Jabatan Pembangunan Wanita pula diadakan program-program pembangunan kapasiti bagi mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang lebih baik.

Dalam hubungan ini, kementerian telah dan sedang melaksanakan pelbagai strategi, program dan aktiviti sama ada rancangan sendiri atau secara bekerjasama dengan pelbagai pihak termasuk NGO melalui pemberian peruntukan bantuan khas Perbendaharaan. Program Pembangunan Kapasiti Wanita bertujuan meningkatkan keupayaan wanita memperoleh pendapatan untuk mengukuhkan ekonomi keluarga.

Kementerian juga melaksanakan program meningkatkan kemahiran dalam bidang ICT melalui projek e-wanita, dengan izin, *Economic Empowerment Center for Women* untuk golongan berpendapatan rendah termasuk ibu tunggal. Kaum wanita juga digalakkan menceburi bidang keusahawanan kecil dan sederhana dan bagi membolehkan mereka menjalankan perniagaan kecil dari kediaman mereka atau dengan izin, *home office*.

Mulai tahun 2001 hingga 2003, kementerian telah mengagihkan peruntukan bantuan khas berjumlah melebihi RM9.6 juta kepada 175 NGO dan dianggarkan seramai 194,000 peserta terdiri daripada suri rumah tangga, ibu tunggal dan beliawanis telah mendapat manfaat daripada program-program yang dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas cadangan dan pandangan yang diberikan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semasa perbahasan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

4.14 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis]: Tuan Yang di-Pertua, warga di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Dewan dan sangat berbesar hati di atas minat serta keprihatinan Ahli Yang Berhormat yang menyentuh isu-isu berkaitan dengan strategi program kementerian.

Masa depan ekonomi negara amat bergantung kepada sejauh mana, Tuan Yang di-Pertua, kita menerapkan nilai-nilai sains, teknologi dan inovasi dalam budaya kerja seterusnya dalam semua sektor negara kita termasuk sektor ekonomi. Usaha-usaha ini memerlukan minat dan gandingan semua dan saya mengharapkan sokongan dan kerjasama oleh semua Ahli Yang Berhormat sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

Agenda sains, teknologi dan inovasi merupakan agenda penting negara kerana inovasi meliputi sains teknologi dan juga telah diperakui di seluruh negara sebagai satu agenda penting bagi kita mencerna dan menjana bidang ekonomi masa depan yang boleh meletakkan negara di kedudukan global yang kukuh, Tuan Yang di-Pertua.

Kejayaan dalam agenda ini sesungguhnya menjadi satu mercu tanda terhadap kemajuan dan keupayaan sesebuah negara seperti negara kita, menyediakan landasan yang kukuh dan berkesan dari segi infrastruktur, sumber manusia, polisi dalam memajukan sektor-sektor yang bergantung kepada teknologi.

Kejayaan Malaysia dalam bidang ini amat penting sebagai pemangkin terhadap penambahan kegiatan nilai tambah *(value added)* dalam ekonomi negara. Ia juga diharapkan dapat membantu ekonomi negara beralih daripada aktiviti-aktiviti yang banyak bergantung kepada sumbangan luaran dan sumbangan-sumbangan sektor tradisi seperti sektor pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa Ahli Yang Berhormat yang menyentuh tentang industri angkasa lepas. Kerajaan akan melancarkan satelit Razaksat pada tahun 2005. Selepas itu kerajaan bercadang untuk melancarkan tiga buah satelit khusus untuk mengambil gambar-gambar kawasan Malaysia dan sebuah satelit khusus juga akan dilancarkan untuk memberi khidmat komunikasi di kawasan terpencil luar bandar di Malaysia.

Program satelit ini akan melibatkan pembangunan teknologi tempatan melalui kepakaran saintis dan jurutera kita sendiri, tempatan. Pendekatan ini akan juga, insya-

Allah, mencetuskan pertumbuhan industri angkasa lepas melalui *spin off* kepada syarikat-syarikat teknologi tempatan.

Kejayaan industri angkasa lepas ini adalah penting bagi menjamin keselamatan dan juga menjamin keselamatan negara dan membina kejayaan dalam pertumbuhan baru ekonomi termasuk perkhidmatan seperti komunikasi, pendirian jauh dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga yang membawa persoalan tentang program angkasa negara kita. Program ini berfokuskan kepada sains melalui objektif jangka panjang iaitu menjalankan kajian di angkasa lepas, seterusnya dapat memberi pulangan kepada industri negara sebagai sasaran akhir. Industri yang mempunyai potensi untuk mendapatkan manfaat daripada penyelidikan-penyelidikan di angkasa ialah dalam bidang seperti yang saya katakan tadi.

Program ini bagi menghantar anak warga kia ke angkasa lepas telah menarik 3,633 pencalonan, Tuan Yang di-Pertua. 68% daripadanya adalah daripada golongan muda, berumur 21 ke-30 tahu;n dan 23% menarik mereka yang berumur antara 31 hingga 40 tahun. Adalah dijangka program ini dapat dilancarkan pada tahun 2007. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya juga ingin menyentuh tentang…..

Tuan Ronald Kiandee: Penjelasan.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, penjelasan, Gerik.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya pendek sahaja. Razaksat dan sebelum itu Tiongsat ini, adakah kita boleh lihat dengan mata kasar dan kalau boleh ke arah mana agaknya? Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Elok juga sebab kadang-kadang kita hanya tengok bulan sahaja. "Bulan" pun sudah… *[Memandang ke arah barisan pembangkang]* habis dah. Di Terengganu pun sudah tidak ada.

Kita boleh mengatur kalau ada Yang Berhormat yang berminat, kita ada teleskop yang tertentu dan kita juga ada pusat pengawal satelit ini nanti. Insya-Allah, kalau ada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang berminat, kita boleh aturkan untuk melawat pusat pengawalan kita, satelit-satelit yang akan kita lancarkan nanti, insya-Allah. Ya, Beluran.

Tuan Ronald Kiandee: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Beluran.

Tuan Ronald Kiandee: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Dato' Menteri. China adalah negara yang terakhir melancarkan roket ke angkasa lepas dan kita melihat bahawa terdapat trend angkasa lepas dijadikan sebagai *militarization*, ada kecenderungan untuk men"tentera"kan angkasa lepas dengan pelancaran kajian-kajian roket ke angkasa lepas. Sejauh mana Razak Sat ini akan dijadikan sebagai kajian untuk melihat perkembangan "pertenteraan" angkasa lepas ini dan apakah pendirian kerajaan, angkasa lepas dijadikan sebagai satu padang untuk *militarization*. Terima kasih.

Dato' Dr. Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Isu angkasa lepas ini isu penting untuk negara kita, bukan sahaja dari segi ekonomi. Kalau kita lihat semua penggunaan telekomunikasi sama ada menggunakan *handset* telefon bimbit kita atau menggunakan *internet* atau menggunakan apa jua, ICT ia memerlukan kita melalui angkasa lepas dan kalau kita lihat dari segi keselamatan, kepentingan keselamatan negara juga, ia memerlukan kita mengetahui dan mengadakan kapasiti dan kepakaran kita dalam angkasa lepas.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu amat penting sekali kita menguasai ilmu, ada kapasiti kita untuk industri angkasa lepas ini, bukan sahaja dari segi kepentingan ekonomi negara tetapi juga kepentingan keselamatan negara itu sendiri. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk kembali kepada isu Multimedia Super Corridor yang juga banyak disentuh oleh Ahli Yang Berhormat sekalian. Dalam perkembangan dan pelaksanaan MSC, kita amat bersyukur kepada Allah S.W.T.,

alhamdulillah projek MSC yang dilancarkan pada tahun 1996 oleh pemimpin kita dahulu Tun Dr. Mahathir kini boleh dianggap sebagai satu kejayaan yang besar sekali.

Tuan Yang di-Pertua, satu laporan pakar runding A.T Kearney's satu perunding antarabangsa yang terkenal bertajuk, dengan izin, *2004 Offshore Location Attractiveness Index* baru-baru ini telah mengisytiharkan Malaysia sebagai negara yang ketiga paling menarik untuk pelaburan *offshoring* dalam bidang ICT.

Ini sektor-sektor *industry services*, di mana baru-baru ini sebagai contoh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melancarkan satu pusat *back room processing banking services*, dengan izin, di bawah satu syarikat antarabangsa di bawah HSBC di mana anak muda kita Malaysia seramai 1,000 orang telah diambil dan akan menjangkau kira-kira 3,000. Mereka ini mengendali semua *back room operation bank HSBC* satu bank antarabangsa, daripada Malaysia.

Bermakna kita telah mendapat satu kapasiti yang ini telah mampu mewujudkan satu industri sendiri di mana anak muda seramai 1,000, mereka semuanya *graduate* lulusan universiti dan akan meningkat kepada 3,000 dan kalau kita bandingkan satu industri yang mana mereka menggunakan pegawai-pegawai pengurusan seramai 3,000, ini bermakna serupa seperti kita ada satu kilang, biasanya satu kilang ada seorang pegawai yang mengelola sepuluh pekerja atau sekurang-kurangnya lima pekerja, bermakna kalau kita ada 3,000 warga pengurusannya, ini boleh diibaratkan kita ada satu kilang yang mempunyai warga kerja 15,000 ataupun 30,000 jumlah saiz kilangnya.

Ini kerana kita ada kepakaran dan dengan pelaksanaan MSC, rakyat Malaysia, anak muda kita sudah ada kapasiti ICT yang boleh menyebabkan pelabur-pelabur membawa industri-industri baru seperti saya katakan tadi, *industry back room processing*, untuk satu bank antarabangsa dunia, di mana pengurusan bank itu diuruskan daripada Malaysia. Syabas kepada rakyat Malaysia dan syabas kepada Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam laporan tersebut mereka telah …..

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun Yang Berhormat.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Minta penjelasan sedikit.

Dato' Dr. Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sila, tentang bulan yang tidak berada di Terengganu lagi.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Tidak ada, tentang 3,000 tadi. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Menteri, tentang pembangunan ICT di Malaysia, kita tumpang bangga tentang kejayaan yang dilaksanakan oleh kerajaan tetapi ramai yang mengatakan bahawa MSC kita ini masih jauh ketinggalan kerana perlumbaan tentang ICT ini banyak bergantung kepada penekanan infrastruktur, sedangkan kita banyak menekankan kepada banyak perkara-perkara yang berasaskan kepada infranya iaitu infrastruktur.

Masalah anak muda kita tadi juga saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, dari segi jaringan yang kita harus bina kerana kebanyakan graduan kita di dalam ICT ini merupakan kumpulan baru yang tidak mungkin akan bertahan di dalam industri ICT ini kerana industri ICT juga memerlukan kumpulan modal yang besar.

Kalau kita perhatikan bagaimana konsep ataupun cara pelaksanaan ICT di Shanghai, umpamanya, di mana graduan ICT dipakejkan bersama dengan industri supaya kita lebih bertahan untuk meneroka bidang-bidang ini dalam jangka masa yang panjang…

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang sangat itu Yang Berhormat.

Datuk Rosli bin Mat Hasan: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita pergi ke Hyderabad umpamanya, banyak di antara syarikat-syarikat yang bertaraf antarabangsa melabur di sana yang orientasinya banyak kepada usaha-usaha infrastruktur dari segi ICTnya. Bagaimanakah, saya pohon penjelasan, tentang pendekatan-pendekatan baru yang harus dilaksanakan oleh kerajaan supaya kita tidak akan terpinggir dalam arus ledakan ICT secara global. Terima kasih.

Dato' Dr. Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Dungun atas keprihatinan Yang Berhormat pada agenda ICT negara.

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian saya hendak menjawab sedikit ada satu lagi paragraf saya hendak habiskan, lepas itu saya akan balik kepada pertanyaan Yang Berhormat bagi Dungun. Boleh?

Datuk Rosli bin Mat Hasan: Ya.

Dato' Dr. Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih. Peringkat pertama saya hendak memberi sedikit maklumat tambahan kepada Dewan yang mulia ini, di antara kejayaan kita ialah semenjak ia dilancarkan pada tahun 1996. Kita telah berjaya menarik 1,039 buah syarikat dan syarikat-syarikat ini termasuk 55 daripadanya syarikat yang bertaraf antarabangsa. Projek ini juga telah berjaya mewujudkan pekerjaan 22,398 peluang pekerjaan yang telah diwujudkan dan juga telah menghasilkan produk dan perkhidmatan tempatan yang bernilai kira-kira RM6 bilion.

Di samping penjanaan ekonomi dan penyediaan peluang pekerjaan, projek MSC ini sesungguhnya juga telah memberi manfaat yang besar kepada negara kita yang mana ianya telah berjaya menyedarkan masyarakat Malaysia yang menyedari kepentingan teknologi maklumat. Ini kita harapkan akan menghasilkan satu masyarakat Malaysia yang lebih celik IT di semua lapisan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, itu fasa yang pertama…

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Dr. Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Fasa yang kedua, boleh Kepong saya jawab Dungun dahulu, lepas itu saya jemput Kepong, baru pun nampak hari ini. Strategi pelaksanaan untuk fasa yang kedua dicadangkan ialah supaya kita meningkatkan serta mengembangkan manfaat ini melalui penyediaan serta peningkatan aktiviti-aktiviti dan kemudahan IT ke peringkat negeri-negeri lain di Malaysia termasuk luar bandar.

Langkah-langkah yang diambil termasuk melaksanakan program kerjasama yang bersepadu dalam menyediakan kemudahan-kemudahan fasiliti dan program ICT dengan negeri-negeri melalui taman-taman teknologi seperti Taman Teknologi Tinggi Kulim, dan Universiti Utara Malaysia dan juga di kawasan-kawasan di negeri-negeri yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, tentang isu yang dibangkitkan oleh Dungun tadi, memang benar bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam penubuhan Kabinet baru ini, amat bimbang bahawa kurang penekanan kepada *content*, dengan izin. Beliau mahu supaya pembangunan bukan sahaja ditumpu kepada prasarana tetapi pada masa yang sama pendekatan yang sama juga ditumpukan kepada *content*.

Oleh kerana itulah tanggungjawab untuk pembangunan *content* itu diletakkan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Insya-Allah berkat doa Yang Berhormat bagi Dungun, kita akan tumpukan perkara-perkara yang Yang Berhormat bangkitkan.

Di antara yang dibangkitkan tadi ialah bagaimana kita hendak membawa lebih ramai anak-anak muda berkecimpung dalam bidang ICT. Di kementerian kita melihat kembali bagaimana satu unsur yang dilihat ialah bagaimana anak-anak muda ini diberikan dana daripada mula peringkat kajian kepada peringkat pasaran. Sebab itu di bawah kementerian juga, di bawah satu *venture capital*, satu syarikat Adventure Capital di namakan MTDC dan MTDC ada dana-dananya, saya akan sentuh nanti. Ya, sila

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kepong.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua penjelasan. Ini *engineer* daripada MacGill University kah itu? Saya nampak lebih cenderung kepada …..

Dato' Dr. Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Soalannya.

Dr. Tan Seng Giaw: ….. kepada perhubungan awam sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Mungkin Ph.D itu untuk perhubungan awam sahajalah…*[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, daripada 159 buah syarikat, 55 buah antarabangsa. Adakah syarikat daripada Bill Gates sekarang di Malaysia, kalau ada, setakat manakah modal ditanam di Malaysia berbanding dengan modal yang diadakan oleh Bill Gates di India. *[Disampuk]* Ini memang penting, kita hendak *niche* ini kerana India lebih maju daripada kita dari segi …*[Disampuk]* Larut! Larut ini kalau bola sepak ketinggalan jauh sekali. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalanlah, soalan.

Dr. Tan Seng Giaw: Soalan memang banyak sudah, tetapi itulah penjelasannya. Saya hendak tahulah dengan kementerian yang baru ini, kita hendak meningkatkan saiz, meningkatkan ICT, itu baik belaka. Saya pun setuju dengan *first world* status kita sekarang. Setakat mana Bill Gates dapat berkecimpung di dalam MSC kita dan apa terjadi dengan *e-village* kita. Saya pun bingung, dengan berapa ekar tanah dibuka untuk *e-village*, tetapi sekarang kita tidak nampak *e-village. [Disampuk]* Apa dia, artis Hong Kong datang. Teruklah itu. *[Ketawa]* Tidak nampak juga. Mungkin ASTRO akan dipindah ke *e-village*, sekarang tidak tahulah itu.

Bolehkah Yang Berhormat terangkan macam mana kita boleh menjayakan *e-village*? Dan, setakat ini apakah kerugian yang ditanggung oleh pihak kerajaan?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kepong kerana semenjak Yang Berhormat bagi Kepong dilantik Timbalan Pengerusi PAC, lain sedikit sudah. Ini menunjukkan sikap keterbukaan kerajaan. Ini satu dalam sejarah, kita lantik seorang pembangkang sebagai Timbalan Pengerusi. Tidak berterima kasih langsung. Pernahkah Yang Berhormat berterima kasih kepada kerajaan. Ini DAP bukan hendak berterima kasih, dia belajar daripada PAS. Kalau tidak berterima kasih jadi macam PAS pula.

Namun demikian, tentang isu *Microsoft*, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kepong, tentang isu *Microsoft*. Kita ada satu perbahasan mengenai isu *Microsoft*, kerana apa juga yang kita gunakan *operating software*, dengan izin, kita kena bayar yuran yang amat tinggi sekali. Begitu juga, kalaulah anak-anak muda kita hendak membangun industri IT, dia kena buat *application software*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, tetapi mereka ini kena ikatkan, *link-up to the operating system. Microsoft* mengenakan *charge* yang tinggi, sebab itu kita ada satu kaedah yang diputuskan. Kita mesti ada kaedah yang kedua. Kita juga mesti ada kaedah, di mana kita juga mesti cuba menggunakan *open source*.

Di China, dia menggunakan *open source*, di India *also open source lines of space*. Ini yang dibina oleh agensi kita di bawah *MIMOS* supaya ada keupayaan kita membuat *opening software* kita sendiri, supaya anak-anak muda yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Dungun tadi, yang membangun *application software* yang digunakan, seperti di Kementerian Pelajaran dan juga kegunaan-kegunaan yang lain, kita tidak perlu bayar premium ataupun yuran yang tinggi. Ini antara yang telah dibincangkan oleh pihak kerajaan.

Namun demikian, kita tidak boleh menolak juga tentang peranan *Microsoft* atau Bill Gates ini, kerana mereka ini merupakan *the giant of the industry*. Kita tidak boleh menolak mereka juga. Oleh kerana itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bersetuju, bila beliau datang, dia akan membuat lawatan ke Malaysia hujung bulan ini, dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri akan bertemu dengan beliau.

So, kita juga kena beri *due regard*, dengan izin, kepada peranan Bill Gates ini. Namun demikian, pandangan saya kepada Yang Berhormat bagi Kepong, kita juga ambil kira kos *in the end* ini can *become very prerogative* kepada kita, itu kita kena timbang juga.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri ada memberi satu gambaran yang begitu, dengan izin, *rosy*,

mengenai MSC. Bukankah ini adalah satu rencana mengenai MSC, dengan izin, baru-baru ini. *"The MSC is the superhighway Mahathir has paved for Malaysia.*

A visit to the corridor's capital, Cyberjaya, though, suggests the dream hasn't entirely lived up to the expectations. Five years after ground was broken, it appears as if the 21st century has come and gone. Or hasn't come at all. Weedy, barren fields await the arrival of construction crews. "Smart" condominiums boasting "broadband access" and "online shopping" are running low occupancy. The main shopping complex is often eerily quiet, as are the wide, flat roadways beneath which lie kilometers of fiber optic."

Inilah antara rencana Malaysia MSC *Super Corridor or Dead End* dalam *Asia Times*. Bukankah ini menunjukkan bahawa ada masalah yang perlu satu kajian yang mendalam dan sama ada fasa kedua MSC, yang semua menunggu dilancarkan, yang belum dilancarkan, sama ada fasa kedua MSC boleh menyelamatkan MSC.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak bertanya satu soalan kepada Yang Berhormat. Pernahkah Yang Berhormat pergi sendiri ke Cyberjaya. Melihat sendiri anak-anak muda yang bekerja, *running back room office*, *1000 of them*. Anak muda kita seluruh bangsa. *A call*, dengan izin, daripada New Castle, *answering a call* daripada sini, dan menjawab membuka akaun, *transfer of funds, processing loan application, done here,* Yang Berhormat.

Saya rasa Yang Berhormat ini macam baca surat khabar lama, macam PAS kata. Surat khabar lama. Ini bukan saya kata, PAS kata.

Seorang Ahli: *Asia Times* sudah lama mati.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini *Asia Times* pun, sudah lama mati. Yang Berhormat, sudah sampailah masa menyerah kepada yang baru, yang moden, yang terpanggil. Singapura sudah menetapkan anaknya mengambil alih, bila pula Yang Berhormat hendak anaknya pula mengambil alih DAP ataupun hendak bagi Yang Berhormat bagi Kepong pula.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini Yang Berhormat bagi Kepong hendak membela, sepatutnya Yang Berhormat Setiausaha Agung, kalau hendak jadi Setiausaha Agung. Hendak bela ketuakah ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, banyak lagikah?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sedikit lagi, sebab saya ….. *[Ketawa]* Okey! Saya teruskanlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hah! Teruskanlah Yang Berhormat. Teruskan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Nanti, saya tadi beri peluang kepada ketua bangun, kalau tidak Yang Berhormat menuduh saya tidak memberi penghormatan kepada Ketua Pembangkang. Itu hendak mohon taraf Menteri pula. *[Ketawa]*

Berbalik kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong tentang *e-village,* kita sedang membuat kajian. Di antara perkara-perkara yang kami akan dan sedang kaji kembali untuk melancarkan *the second phase* ini Insya-Allah, tidak lama lagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri akan melancarkan *our second* atau *the next leap* dalam ICT kita. Beberapa isu akan kita sentuh, antara perkara tentang peranan *e-village*, nanti juga kita akan ambil kira dalam pelaksanaan fasa kedua ini, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga yang menyentuh tentang …..

Dato' Kamarudin bin Jaafar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tumpat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini mewakili bulan. Masih ada, ya? Masih ada ataupun masuk KeAdilan balik? *[Ketawa]*

Dato' Kamarudin bin Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih, sahabat saya Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, satu kementerian yang baru. Saya hendak bertanya tentang perkara yang diumumkan oleh bekas Perdana Menteri, iaitu pelancaran suatu *chips* yang dinamakan *Malaysian-chips* atau *M-chips*. Soalan saya ialah berapakah nilai atau harga yang dibayar oleh kerajaan kepada penciptanya daripada Jepun, kalau saya tidak silap.

Keduanya, apakah perkembangan, usaha di pihak kita untuk memperkembangkan dan untuk mengeluarkan dan untuk menggunakan *M-chips* yang kita beli dengan, entah berapa harganya daripada pembuat, perekanya daripada Jepun.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih kepada minat Yang Berhormat bagi Tumpat tentang *microchip* ICT. Ini penting, sebab melihatkan bahawa amat penting kita ada satu kepakaran, *ownership* dalam satu produk yang penting untuk negara.

Sekarang ini kita dapati bahawa *chips* kegunaan kita ini kebanyakannya import dan kita perlu satu *chip* yang kita ada hak *patent*nya, IPnya. Selalunya kalau kita ada *chips*, kita tidak boleh tukar programnya, kerana kita tidak ada *soft course*nya. Oleh kerana ini, kita beli *chip* ini dan insya-Allah, kerajaan akan melancarkan dari segi pelaksanaannya.

Tentang kosnya saya akan menjawab kepada Yang Berhormat secara bertulis dan juga perkara yang berbangkit dalam isu ini. Kalau Yang Berhormat izinkannya. Ya, Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jawapan itu dengan fasal I e-village bolehkah Yang Berhormat mengemukakan satu laporan kerana kena tahulah di mana kita ada kelemahan.

Dato' Dr Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya katakan tadi, bila kita mengkaji, kita lancarkan fasal II kita akan masuk dalam pelancaran ini dari segi masa depan *e-village*, tetapi kalau Yang Berhormat *in very impatient* dengan izin insya-Allah saya akan menjawab secara bertulis kepada Yang Berhormat tentang kedudukan e-village ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh sedikit tentang isu..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tanah Merah.

Ir. Shaari bin Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan pembentangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan teknologi ICT yang kita kecapi sekarang, di mana teknologi ICT di mana Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dipertanggungjawabkan sepenuhnya bagi memastikan teknologi ini berjalan dengan baik dan bermacam-macam-macam teknologi baru seperti *broadband access* dan juga teknologi angkasa dan sebagainya.

Ini merupakan teknologi yang mana kita lihat satu perpindahan data ataupun audio-visual dari satu tempat ke satu tempat yang lain dalam jangka masa yang singkat. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa dalam abad yang ke-21 ini ada kemungkinan satu teknologi baru akan timbul, di mana bukan sahaja perpindahan data tetapi juga satu teknologi yang dapat memindahkan jasad ataupun objek dari satu tempat ke satu tempat yang lain dalam jangka masa yang singkat. Ini sebagai contoh kita lihat dalam filem-filem di televisyen di mana satu objek dipindahkan dari satu tempat ke tempat yang jauh dalam masa yang singkat. Saya hendak tahu sama ada dalam abad yang ke 21 ini akan wujud teknologi yang sebegini, terima kasih.

Dato' Dr Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih. Yang Berhormat Tanah Merah ini agak *futuristic* sedikit, ada baiknya. Namun demikian kalau sampai saya menyentuh kalau dahulu penghantaran objek-objek kalau melalui data, dan kita sudah sampai ke tahap sekarang, bukan sahaja gambar *two dimension* dengan izin, gambar 3D pun boleh kita hantar. Saya tidak tahu itu Yang Berhormat maksudkan, misalannya kita boleh melihat operasi yang di buat oleh *surgical operation* di United State atau Jepun, kita boleh membuat cara macamlah surgery itu di depan mata kita. Ini *transfer of* data 3D, itu memang satu teknologi yang baru yang sekarang ini tetapi ia memerlukan satu kaedah ICT kita atau *communication* kita berpindah kepada teknologi 3G. *So, you need the type of frequency and the data transfer* yang

amat tinggi sekali. Prasarana ini memang sedang disediakan, dikendalikan oleh pihak Telekom. Terima kasih Yang Berhormat.

Izinkan saya Yang Berhormat menyentuh sedikit tentang isu yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Temerloh, Yang Berhormat Mambung, Yang Berhormat Tuaran serta Yang Berhormat bagi Baram. Ini isu tentang inovasi yang saya katakan tadi, inovasi penting dari segi sains teknologi dan ini penting bukan sahaja untuk menjana ekonomi akan datang tetapi juga untuk memberikan keselesaan kepada seluruh anggota lapisan masyarakat. Oleh itu baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Sidang Kemuncak Inovasi Kebangsaan yang diadakan pada 29 dan 30 April 2004 telah melancarkan penubuhan Majlis Inovasi Kebangsaan yang beliau sendiri akan mempengerusikannya, kerana beliau merasa amat penting sekali, inovasi itu menjadi agenda negara.

Beberapa perkara akan dilaksanakan juga oleh kementerian, antaranya melihat kembali anugerah inovasi, penyelarasan geran-geran di bawah penyelidikan dan juga kita hendak memastikan sikap S&T dan inovasi ini juga dibawa ke sekolah-sekolah dan kita sedang berbincang dengan Kementerian Pendidikan bagaimana kita mewujudkan kesedaran inovasi ini S&T ini bermula dari di bangku sekolah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kudat bangun.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri iaitu berkaitan dengan cadangan Kerajaan Persekutuan menubuhkan suatu syarikat R&D kerjasama dengan syarikat luar negara yang dikenali sebagai InvenQ Jaya. Jadi, saya hendak meminta penjelasan apakah perkembangan syarikat itu dan apakah kemajuan yang telah kita capai setakat ini dan apakah prospeknya dalam usaha untuk membangunkan inovasi Malaysia.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Yang Berhormat. Kerajaan amat sedar bahawa ekonomi negara kita tidak boleh terus bergantung kepada sektor-sektor yang telah diisi seperti sektor *agriculture,* pertanian, dengan sektor industri yang mana diterajui oleh pelabur-pelabur asing. Kita perlu mewujudkan ekonomi yang berasaskan kepada industri kita sendiri dan juga kita memerlukan teknologi untuk memodenkan sektor-sektor yang tradisional seperti *agriculture.* Menyedari inilah bahawa kerajaan memikirkan bahawa satu usaha untuk membawa kepakaran daripada luar, pengasas InvenQ Jaya ini yang satu pakar dalam bidang R&D. Mereka ini membawa banyak idea IP-IP, *Intellectual Property* nya berpindah ke negara kita dan mereka boleh mewujudkan produk-produk baru akan datang.

Insya-Allah kita sedang mengawasi perjalanannya, jikalau Yang Berhormat berminat insya-Allah kita akan menjemput untuk melawat Pusat R&D.

Tuan Salahuddin bin Ayub: *[Bangun]*

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada dua Ahli Yang Berhormat bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya akan menjemput Yang Berhormat nanti dan juga Ahli Yang Berhormat yang lain untuk melawat InvenQ Jaya ini, insya-Allah.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Tuan Yang di-Pertua,

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Siapa ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada dua yang mana satu?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Santubong kah? Ha, Santubong, minta maaf Yang Berhormat duduk. Terima kasih, saya mengalu-alukan dan tahniah kepada Menteri kerana telah mewujudkan ataupun membuat saranan mungkin kepada kerajaan untuk menubuhkan Majlis Inovasi Kebangsaan. Di sini juga saya mengucapkan sekali lagi tahniah oleh kerana Majlis Inovasi Kebangsaan ini akan menjurus kepada di mana letaknya dana *human resource* iaitu di sekolah.

Persoalan saya buat peringkat ini adakah asas yang mencukupi daripada segi sumber manusia untuk menjanakan inovasi ini, kerana saya mempunyai satu kepercayaan bahawa inovasi mesti diwujudkan dalam satu *environment* dengan kecukupan *human resource* dan *finance*nya juga bagaimanakah Malaysia akan melaksanakan inovasi ini supaya mendatangkan hasil sebagaimana yang difalsafahkan 'Haxer Orlin' mengatakan *research* ini hanya dibuat kalau mencukupi dana iaitu *human* dan *finance*, terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, pandangan Yang Berhormat, sudah pindah kawasan, dahulu Batang Lupar sekarang Santubong pula, Alhamdulillah. Ini, tentang pandangan Yang Berhormat memang benar, Tuan Yang di-Pertua dalam dana-dana, beri saya sedikit dalam masa satu minit, kita mempunyai semuanya tujuh dana yang diuruskan oleh MOSTI.

(i) ERPA;

(ii) IGS;

(iii) MGS;

(iv) DUCTH

Ini semua kira-kira 250 juta dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Baru-baru ini bila dipindahkan MTDC ke MOSTI ada tiga lagi dana yang bernama CRDF, satu lagi TAF, *Technology Acquisition Fund,* ada juga khusus untuk wanita…. Yang Berhormat Bukit Mertajam sudah balik iaitu untuk semuanya berjumlah 175 juta.

Dan dana-dana ini akan dikaji kembali dari segi keberkesanannya dan kita akan umumkan tidak lama lagi bagaimana dana-dana ini boleh dikeluarkan untuk pembangunan industri kita. Rata-rata kadang-kadang kita mendapat keluhan daripada industri bahawa dana-dana yang dikeluarkan itu kadang-kadang tidak mengeluarkan produk yang boleh dikomersialkan secepat mungkin.

Antara kaedah yang akan dilancarkan akan datang ialah supaya R&D atau *Research and Development* itu bukan bermula daripada makmal, Tuan Yang di-Pertua. Ia mesti bermula daripada pasaran kerana kita mahu supaya sebanyak yang boleh dana-dana yang kita letak bagi R&D ini akan dimanfaatkan menjadi produk-produk *Malaysia of Tomorrow*, dengan izin. Kalau di Finland ada Nokianya, sebab itu harapan kita ialah dana yang besar ini mampu untuk mewujudkan produk berupa *Nokia of Malaysia of Tomorrow*, dengan izin.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: *[Bangun]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, yang kedua terakhir saya ingin menyentuh sedikit tentang perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Arau dan Yang Berhormat bagi Santubong mengenai isu kemasukan pakar luar negara ke Malaysia. Dasar yang pertama dilancarkan pada tahun 1996 …

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bagi saya habiskan dahulu. Saya habiskan dahulu dan selepas itu saya jemput Yang Berhormat. …. tetapi dasar atau skim untuk membawa pakar luar ke dalam negara, kerajaan sedar bahawa ia tidak begitu berjaya. Oleh kerana itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mahu supaya satu kaedah baru yang dinamakan "*Brain Gain*" diwujudkan. Insya-Allah, kementerian akan membawa perkara konsep baru ini ke Kabinet tidak lama lagi supaya kaedah kita membawa pakar luar ke Malaysia ini akan berjaya seperti apa yang kita lihat di India, di mana ramai pakar mereka kembali ke India dan mewujudkan industri-industri baru seperti bioteknologi dan ICT di *Silicon Valley of India* di mana banyak pakar yang dibawa masuk.

Begitu juga di negara China, baru-baru ini dalam lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke China yang saya sempat bersama, begitu juga banyak pakar dari negara China yang kembali ke China dengan membawa industri-industri dan kepakaran-kepakaran baru. Insya-Allah, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan melancarkan konsep kaedah *Brain Gain* yang baru.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, saya minta kalau boleh kita ….

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Lima minit, *last five minutes*.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya cuma hendak tanya dana untuk DAGS, IGS, MGS yang di bawah naungan MOSTE. Sebenarnya ada ramai atau banyak idea yang dicetuskan dan dihantar untuk mendapatkan dana ini. Saya juga terlibat dalam dua projek seperti itu tahun lalu. Masalah yang saya dapati, secara jujur dan ikhlas saya hendak tanya, bolehkah Yang Berhormat Menteri mengurangkan masa untuk *disbursement* kerana saya tengok idea yang dicetuskan pada bulan Januari tetapi pada pertengahan tahun berikutnya barulah dana itu disediakan dan idea itu sudah pun menjadi usang kerana *technological changes is so dynamic*, dengan izin. Oleh sebab itu kalau kita boleh mempercepatkannya, saya rasa idea itu mungkin dapat diindustrikan. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih. Yang Berhormat kena *declare interest* dalam Dewan ini kerana ada kepentingan peribadi. *[Ketawa]* Yang Berhormat, saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan Yang Berhormat. Memang benar di antara perkara yang dikaji kembali saya dapati semenjak saya pindah masuk ke kementerian ini, saya dapati *processing time* itu amat lama sekali. Saya tengok-tengok, ada yang 12 bulan, 18 bulan. Ini antara usaha yang akan kita umumkan tidak lama lagi iaitu bagaimana hendak mengurangkan *the processing time*. Kadang-kadang idea itu bukan sahaja lewat tetapi kadang-kadang takut juga bila berlaku kelewatan itu kerana *it can be hijacked*, dengan izin. Ada juga saya dengar keluhan.

Begitu juga dana yang akan dibantu nanti ialah bukan sahaja dana untuk kajian. Harapan kita bahawa kita akan beri juga dana termasuk penggunaan *venture capital* untuk membawa ke pasaran itu sendiri. *It must be a complete financial support chain,* dari makmal ke pasaran sebab keluhan yang kita dengar kadang-kadang mereka itu mendapat dana untuk membuat kajian tetapi untuk dibawa ke pasaran mereka kadang-kadang tidak mendapat sokongan daripada pihak bank. Pihak bank memanglah enggan memberi pembiayaan memandangkan risiko untuk membangun produk dalam peringkat kajian ini amat tinggi sekali dan bank merasakan risikonya amat tinggi menyebabkan kadang-kadang mereka itu kurang berminat untuk membiayainya.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang Berhormat, bagi saya habiskan sedikit selepas itu saya jemput Yang Berhormat sebab …

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab masa.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sebab masa amat

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kita ada 12 lagi kementerian untuk dijawab.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ya, saya akan habiskan dalam masa lima minit. Tentang soalan terakhirnya, Yang Berhormat bagi Ketereh, insya-Allah dan terima kasih kepada Yang Berhormat terhadap pandangan berkaitan standard untuk diguna pakai bagi produk-produk halal, standard halal Malaysia dan kita sedang merangka satu standard. Kabinet baru-baru ini telah memutuskan supaya diwujudkan satu standard yang boleh digunakan untuk dunia, iaitu MS1500. Standard ini hanya Malaysia sahaja yang mempunyai kapasiti untuk mewujudkannya. Insya-Allah ia akan diletakkan di bawah JAKIM tetapi dari segi pelaksanaannya ia dilaksanakan oleh SIRIM tetapi di bawah *trade name* JAKIM.

Harapan kita ialah dengan kita ada standard di bawah JAKIM ini insya-Allah akan mewujudkan satu industri makanan halal atau industri-industri makanan halal yang lain supaya ia menjadi satu industri besar di negara ini yang boleh juga menembusi pasaran luar. Saya jemput soalan terakhir oleh Yang Berhormat bagi Santubong.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar*: [Cuba membetulkan mikrofon yang lambat berfungsi] [Disampuk]* Dia yang lambatkan saya Tuan Yang di-Pertua, teknologi ini kurang baik. Saya pun hendak bertanya sedikit sahaja. Tadi Yang Berhormat Menteri menyebut tentang satu skim yang akan dibawa ke Kabinet untuk diluluskan bagi menarik pakar-pakar luar masuk ke negara kita. Yang Berhormat, kita

kena melihat bukan sahaja dari segi motivasi ataupun insentifnya tetapi kita kena melihat perkara lain. Umpamanya *liberalization of immigration procedures*. Ini perlu kerana orang yang datang itu membawa bersamanya isteri, anak yang mungkin bukan warganegara Malaysia. Kalau perkara *welfare* ini tidak dijaga, dia akan keluar dari Malaysia.

Berbeza dengan yang berlaku di India. India mempunyai dasar liberalisasi yang begitu baik, iaitu kebanyakan mereka balik ke negara mereka sendiri dan mendapat kemudahan yang tertentu. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Antara pendekatan yang ditimbang oleh kementerian yang kita kemukakan kepada Kabinet ialah pertama, bagaimana hendak menarik mereka *physically* datang pindah ke Malaysia. Pada masa yang sama kita mesti sedar juga bukan kita mahu *physically* untuk mereka itu *to locate to* Malaysia, pindah ke Malaysia. Kita mahu kepakarannya. Oleh kerana itu, kita telah memikir bagaimana kita boleh menarik mereka untuk menduduki dalam satu pasukan *research and development*, bukan semestinya dia mesti pindah tetap ke negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, ini antara contoh-contoh yang sedang dibincangkan di kementerian saya untuk kita kemukakan kepada Kabinet satu konsep baru – kaedah *brain gain*, untuk menarik masuk pakar-pakar dari luar negara ke Malaysia.

Saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan idea serta buah fikiran kepada kementerian. Insya-Allah, kita akan menjadikannya sebagai panduan untuk pelaksanaan di kementerian saya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

4.56 ptg.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih dan perbahasan Titah Diraja tahun 2004 yang menyentuh bidang tugas Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di Dewan yang mulia ini.

Ahli Yang Berhormat bagi Gombak, Temerloh, Libaran dan Putatan mencadangkan supaya kerajaan membina lebih banyak rumah kos rendah untuk gulungan berpendapatan rendah dan setinggan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, beberapa program atau projek telah dan sedang dilaksanakan oleh kerajaan bagi menyediakan rumah kos rendah yang mencukupi untuk golongan berpendapatan rendah dan setinggan di seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak. Di antaranya melalui Program Perumahan Awam Kos Rendah, Program Perumahan Rakyat Untuk Disewa dan Program Perumahan Rakyat Untuk Dijual dan sejumlah 159 projek yang mengandungi 95,222 unit rumah kos rendah dengan peruntukan sebanyak RM2.6 bilion telah diluluskan pelaksanaannya di bawah Rancangan Malaysia Kelapan.

Bagi negeri Sabah, kementerian saya melalui Jabatan Perumahan Negara sedang melaksanakan 11 projek di bawah Program Perumahan Rakyat bernilai RM607.2 juta yang melibatkan pembinaan sejumlah 10,671 unit rumah untuk disewa kepada golongan berpendapatan rendah dan setinggan. Ia merupakan jumlah kedua terbanyak selepas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Di samping itu, tiga projek perumahan awam kos rendah bernilai RM28.4 juta, yang melibatkan pembinaan sejumlah 588 unit rumah untuk dijual, juga sedang dilaksanakan di negeri Sabah, oleh kementerian. Memandangkan pembinaan rumah kos rendah melibatkan peruntukan yang besar, kerajaan akan terus menggalakkan sektor swasta untuk turut membina rumah kos rendah, sebagai satu tanggungjawab sosial, bagi memenuhi permintaan golongan berpendapatan rendah yang semakin meningkat.

Pada masa ini, kerajaan sedang berusaha untuk menyelesaikan masalah setinggan dengan mensasarkan matlamat setinggan sifar, menjelang tahun 2005. Kementerian

Perumahan dan Kerajaan Tempatan, melalui Jabatan Perumahan Negara, sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan program perumahan rakyat untuk dijual dan untuk disewa, dengan sasaran pembinaan sejumlah 66,681 unit rumah di seluruh negara. Kadar sewa yang dikenakan hanya sebanyak RM124 sebulan sahaja.

Tumpuan pembinaan adalah di negeri-negeri, bandar-bandar utama, yang menghadapi masalah setinggan seperti di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, di Selangor, Johor, Sabah dan Pulau Pinang.

Ahli Yang Berhormat bagi Libaran dan Seputeh telah membangkitkan isu pelaksanaan konsep bina dan jual, seperti mana disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia, pelaksanaan konsep ini masih dalam kajian kerajaan dan maklumat tentang kebaikan dan kelemahan kaedah ini sedang dihalusi dengan mengambil kira pandangan daripada semua pihak. Hasil kajian tersebut akan dikemukakan kepada Jemaah Menteri untuk keputusan selanjutnya.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kementerian sentiasa memberi perhatian yang serius untuk memulihkan projek-projek terbengkalai, terutamanya yang melibatkan golongan berpendapatan rendah. Kerajaan telah melantik Syarikat Perumahan Negara, untuk melaksanakan pemulihan projek-projek terbengkalai yang dikenal pasti. Kementerian akan terus memainkan peranan untuk mengenal pasti, menyelaras dan memastikan projek-projek perumahan terbengkalai, dipulihkan seberapa segera. Bagi tempoh tahun 1990 hingga Disember 2003, sebanyak 176 projek perumahan telah dikenal pasti sebagai projek terbengkalai dan sejumlah 77 projek, iaitu kira-kira 44% daripada jumlah projek terbengkalai telah pun dipulihkan. Yang lain, masih diuruskan.

Mengenai isu pengagihan rumah kos rendah, kerajaan telah pun mengambil langkah memperkemaskan sistem pengagihan rumah kos rendah, melalui Sistem Pendaftaran Terbuka Berkomputer atau SPT, yang dikendalikan oleh pihak kerajaan negeri masing-masing.

Pada masa ini, kementerian sedang mengkaji untuk menambahbaikkan SPT supaya menjadikannya satu sistem pemilihan dan pengagihan rumah kos rendah yang seragam di peringkat negeri dan selaras dengan kehendak semasa. Di samping itu, kementerian akan memantau pelaksanaan SPT di peringkat negeri bagi memastikan pengurusan pemilihan dan pengagihan rumah kos rendah kepada golongan sasaran, dijalankan dengan kemas, telus dan adil tanpa mengira kaum…

Tuan Lau Yeng Peng: *[Bangun]*

Dato' Seri Ong Ka Ting: Demikian juga dengan kriteria-kriteria……

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya tertarik dengan keprihatinan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk memulihkan projek-projek perumahan yang terbengkalai. Saya hendak tanya, apakah kriteria ataupun bagaimana kita boleh memulihkan projek-projek yang terbengkalai ini, terutamanya sebagai contoh, di kawasan saya di Puchong.

Kalau tidak silap saya, sekurang-kurangnya ada tiga projek yang meliputi, saya ingat tidak kurang daripada 2,500 unit. Keadaan ini telah berpanjangan dan juga terdapat banyak perbincangan dan juga ada *court case* dengan izin. Sampai sekarang ini pun, bagi saya, saya ingat tidak ada jalan penyelesaian yang *clear*. *So*, boleh saya tanya sedikit, apakah kriteria dan bagaimana kementerian boleh menolong projek-projek yang terbengkalai ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kriteria untuk mengenal pastikan sama ada sesuatu projek itu diklasifikasikan sebagai terbengkalai atau tidak ialah apabila projek itu adalah lewat, telah berhenti bekerja, tidak lagi dimajukan oleh pihak pemaju lebih daripada enam bulan dan dengan kerjasama pembeli-pembeli, apabila mereka telah rasa tidak boleh lagi menunggu pemaju dan pemaju pun tidak memberi apa-apa laporan yang lanjut, maka, bila ada aduan ataupun bila dapat perhatian kementerian, kementerian akan menghantar Pegawai Penguatkuasa untuk menyelaras antara pembeli dengan pemaju.

Memang betul Yang Berhormat bagi Puchong tahu, ia kadang-kadang terlibat dengan proses mahkamah oleh sebab S&P – *sale and purchase agreement* telah sain, ada sesetengah kuasa ataupun sesuatu aspek perundangan itu, jadi kerajaan tidak boleh ambil tindakan dengan begitu sahaja. Kita kena ikut undang-undang. Sehingga kalau pemaju itu memang dengan izin, *insolvent*. Dia sudah tidak boleh lagi kerana dia tidak ada lagi wang yang tinggal ataupun dia sudah tidak ada modal ataupun tidak ada kemampuan untuk meneruskan projek. Bila kementerian sudah pastikan itu adalah projek terbengkalai, maka, sama ada kita akan meminta pemaju itu dengan persetujuan pembeli, maka Syarikat Perumahan Negara akan diminta untuk masuk membantu, mengambil alih projek itu, meneruskan kerja-kerja pembinaan dan semua ini perlu kerjasama yang sepenuhnya daripada pembeli…

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: *[Bangun]*

Dato' Seri Ong Ka Ting: Jawatankuasa bertindak pembeli itu penting. Walau bagaimanapun, saya ada memerhatikan perkara yang berlaku di Puchong, sebab saya sendiri ada mengikuti melalui televisyen dan media massa. Perkara itu boleh kita beri bantuan selanjutnyalah. Yang Berhormat boleh berhubung dengan kementerian saya. Demikian juga dengan kriteria-kriteria……

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pulai.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Ada juga projek terbengkalai kah?

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tidak, tidak. Soalan saya lain. Tuan Yang di-Pertua. Saya mewakili kawasan yang terletak dalam Bandaraya Johor Bharu. Saya mengalu-alukan tindakan kerajaan untuk membina lebih banyak lagi rumah kos murah dan juga sederhana murah tetapi saya rasa kerajaan belum lagi memberikan pertimbangan mengenai penyelenggaraan ataupun *maintenance* dengan izin, kepada rumah-rumah murah yang dibuat di kawasan bandar raya ini.

Ini kerana kebanyakan rumah-rumah yang dibuat di kawasan bandar raya ini, adalah rumah flat, pangsapuri 15 tingkat dan sebagainya, yang tinggi, yang memerlukan *maintenance* yang lebih rapi, lebih cekap. Kalau tidak, kawasan-kawasan perumahan flat ini akan menjadi seperti *ghetto* dengan izin, yang ada di negara-negara Barat. Terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan, terutamanya kementerian saya, membina projek perumahan rakyat, sama ada untuk disewa atau untuk dijual dan terus bila sudah tamat, sudah sempurna, projek-projek itu kita serahkan kepada kerajaan negeri, terutamanya kepada Majlis Bandaraya atau Majlis Perbandaran yang bertanggungjawab. Maknanya, kerajaan sudah bagi subsidi, bina rumah itu, berkenaan kos itu, semua dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan dan telah pun menjadi tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan, apabila rumah itu sudah serah kepada pihak berkuasa.

Maka, isu *maintenance* ini, memang perlulah diusahakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan ataupun kerajaan negeri yang berkenaan. Memandangkan begitu banyak wang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Persekutuan, jadi tanggungjawab selanjutnya, patutlah diletakkan di bawah kerajaan tempatan yang berkenaanlah.

Saya hendak teruskan dengan pasal SPT (Sistem Pendaftaran Terbuka) ini untuk rumah kos rendah, pengagihan rumah kos rendah ini. Dengan kriteria-kriteria baru yang dipersetujui oleh Jemaah Menteri untuk menambahbaikkan SPT supaya lebih menekankan kepada faktor pendapatan, dan bilangan tanggungan serta memberi keutamaan kepada golongan orang kurang upaya, ibu tunggal dan orang bujang yang mempunyai tanggungan. Pemilihan akan dibuat berdasarkan kriteria-kriteria tersebut tanpa mengira kaum. Mengenai dasar penempatan setinggan pula ia tidak mengambil kira faktor kaum juga, tetapi merangkumi semua golongan setinggan yang terlibat dengan projek-projek pembangunan kerajaan. Golongan setinggan akan ditempatkan di rumah-rumah untuk disewa di bawah Program Perumahan Rakyat seperti yang dimaklumkan sebelum ini.

Pada masa ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang dalam peringkat perancangan untuk melaksanakan kajian penggubalan Dasar Perumahan Negara yang komprehensif bagi merangka Rancangan Pembangunan Perumahan di dalam beberapa Rancangan Malaysia yang akan datang.

Namun demikian dari segi kualiti dan reka bentuk, kementerian saya ada mengeluarkan spesifikasi perancangan dan reka bentuk rumah kos rendah untuk diterima pakai oleh semua pihak dalam melaksanakan pembangunan perumahan iaitu bagi rumah teres dan rumah pangsa. Tujuannya adalah untuk memastikan projek-projek perumahan kos rendah yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan, serta pihak swasta adalah berkualiti dan lebih menarik dari segi reka bentuk serta projek dapat disiapkan mengikut tempoh dan spesifikasi yang ditetapkan.

Mengenai mutu rumah pangsa di taman...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kepong.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Saya baru hendak sebut pasal Kepong, bagi saya lengkapkan perkara yang dibangkitkan oleh Kepong ya. Tadi pasal dasar perumahan memang saya jawab sedang diusahakan.

Mengenai satu kes yang spesifik dibangkitkan oleh Kepong iaitu Taman Fadason Jinjang. Ianya telah disiasat oleh pihak kementerian, memang benar ada sesuatu yang tidak betul dan ia juga melibatkan DBKL. Daripada siasatan yang telah kita ambil rundingan selanjutnya akan dipanggil antara pemaju arkitek dan pembeli dan kita juga hendak melibatkan dengan DBKL kerana Uniform Building By-Law (UBBL) juga mesti diguna, kerana ada kecacatan yang serius. Kementerian saya sedang berusaha hendak membantu semua pembeli yang terlibat itu. Itu yang dibangkitkan oleh Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak bantu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada lagi hendak tanyakah? Kata hendak bantu?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya hendak bantu kementerian....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sekarang Yang Berhormat minta kementerian bantu Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Pasal saya hendak minta penjelasan dan daripada penjelasan itu saya hendak sedikit sebanyak bagi pertolongan juga untuk menjayakan dasar perumahan menyeluruh. Memang satu dasar perlu kita buat untuk memastikan kualiti dan sebagainya dipertingkatkan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa kebanyakan projek pembinaan rumah dan sebagainya mereka tidak mengikut spesifikasi, *building specification* dan juga *Building By-Law 1984*. Bagaimana pihak kementerian dapat mempertingkatkan kawal seliaan ke atas semua aktiviti projek perumahan termasuklah Taman Fadason dan di tepi Fadason itu akan ada megalegasi dan sebagainya, semua itu diberi kepada syarikat-syarikat yang berkaitan dengan UMNO, ya inilah kehebatan UMNO yang saya nampak.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw: Adakah itu kawal seliaan di Wilayah Persekutuan misalnya dapat dipertingkatkan, saya nampak ada lemah sedikit di Wilayah Persekutuan mungkin kerana itu....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun dan bercakap sesuatu]*

Dr. Tan Seng Giaw: Masalahnya bukan di Jerai kerana mungkin di Jerai lebih baik tetapi di Wilayah Persekutuan kita perlu mempertingkatkan lagi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: 36 (6) Tuan Yang di-Pertua, Kepong memberi sangkaan jahat terhadap diri saya yang baik ini *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sama-samalah, sila duduk Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong kalau pelan bangunan itu telah diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan, dalam kes ini DBKL kalau seseorang dan mana-mana pemaju dia tidak ikut spesifikasi, maknanya ia telah melanggar peraturan iaitu dia bina tidak ikut spesifikasi, kalau terdapat perkara

sedemikian apabila aduan formal atau rasmi dibuat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sepatutnya ambil tindakan mengikut undang-undang. Tidak kiralah latar belakang pemaju siapa dia?

Pada masa kini bagi kementerian pun serupa kita pegang pada undang-undang. Memang saya mengakui kadangkala ada pemaju yang tidak bertanggungjawab, dan industri perumahan ini memang kita tidak bolehlah dilemahkan oleh pemaju yang tidak bertanggungjawab. Dalam pada itu baru-baru ini terutamanya dua, tiga tahun kebelakangan ini kita telah memperketatkan undang-undang yang berkenaan dan pindaan telah dibuat di Parlimen dan ada juga kita buat garis panduan, juga kita menyeragamkan UBBL dan juga kerajaan sedang masuk dalam pemerhatian Kabinet, Jemaah Menteri juga. Kita sedang dalam usaha meningkatkan lagi *public delivery system* termasuk memantau dan menguatkuasakan undang-undang. Semua BBT memang dikehendaki untuk menjadi lebih berkesan untuk memantau apa-apa salah laku ataupun kelemahan ataupun kecacatan yang berlaku. Perkara ini memang kita sedang ambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Jerai bangun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Masalah perumahan ini memang masalah yang besar terutama sekali yang dihadapi oleh golongan yang berpendapatan rendah. Yang kaya itu dia lain dan dia boleh cari jalan lain. Cuma ada tidak satu kaedah Yang Berhormat untuk kita cuba mengatasi masalah apabila pegawai kerajaan mengambil pinjaman untuk membeli rumah. Rumah tidak siap, dia punya potongan gaji jalan, begitu juga orang yang ambil pinjaman daripada bank rumah tidak siap, potongan bank jalan, sedangkan bank juga membayar mengikut progress perumahan tersebut tetapi dia potong gaji di peringkat rumah belum siap, apakah ada satu formula yang kementerian boleh fikir boleh berunding dengan pihak-pihak tertentu untuk menyelesaikan ini, itu satu.

Yang kedua Yang Berhormat, kadang-kadang sebagai pemaju, saya bukan pemaju tapi saya hendak perjelaskan, kadang-kadang sebagai pemaju dia orang kata pada saya, bukan masalah pemaju yang tidak dapat menyiapkan rumah tapi bila rumah itu siap,kadang-kadang agensi-agensi kerajaan macam Jabatan Bekalan Air, api dan sebagainya tidak boleh bekal bekalan ini dalam jangka masa yang diminta.

Kadang-kadang mereka didenda, ini juga masalah yang dihadapi oleh pihak pemaju. Di pihak pembeli pula, saya berharap kalau boleh Yang Berhormat pastikan rumah kos rendah ini janganlah buat macam rumah ini mereka duduk dalam satu tong, dengan *ventilation* tidak ada, hangat amat, saya biasa pergi tidur rumah begitu sekali, memang macam itu, memang berpeluh, kita pakai kain sahaja tidak pakai baju pun berpeluh Yang Berhormat.

Minta kalau boleh pada zaman baru dia ada bumbung, pakai *ventilation,* pasang benda itu, mereka ini manusia, mereka susah hendak hidup, hendak hidup dan hendak rumah. Kalau boleh kementerian bagi satu pelan cadangan yang sesuai untuk mereka dan anak-anak mereka duduk di rumah. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Terima kasih, Yang Berhormat dari Jerai, semua soalan itu sangat relevan, inilah juga antara perkara yang kerap dibangkitkan dan mendapat perhatian kementerian, juga dari segi pinjaman perumahan kerajaan atau pinjaman bank bila potongan sudah mula. Ini terutamanya berlaku apabila rumah itu lewat diserah dan potongan sudah mula, ini akan membebankan peminjam. Ada juga yang dikatakan pinjaman kerana ada birokrasi, diambil masa lama. Bila sudah lewat kena bayar kepada pemaju, mengikut perjanjian jual beli pemaju berhak untuk menuntut denda lewat.

Semua perkara ini memang kementerian saya sentiasa cuba membantu, kita tengah bincang dengan semua pihak termasuk semua mereka yang bertanggungjawab tentang pinjaman, mereka seharusnya memudahkan lagi prosedur. Jangan ada banyak sangat karenah birokrasi sampai sesuatu pinjaman itu lewat dikeluarkan dan peminjam jadi pemangsa kerana pemaju tetap tidak akan lepaskan peluang untuk

menuntut denda lewat. Sebaliknya juga berlaku, apabila rumah lewat diserahkan, pembeli tetap akan Menuntut Denda Lewat atau LAD daripada pemaju. Sekarang dengan adanya Tribunal Perumahan, semua perkara ini boleh diselesaikan dengan cepat dan Bahagian Penguatkuasaan di kementerian saya sudah mengumpul banyak contoh perkara seperti ini. Kementerian saya sedang cuba menyelaras untuk mengelakkan perkara sebegini daripada berlaku pada masa akan datang. Terima kasih kerana prihatin tentang masalah ini.

Bagi bekalan elektrik, bekalan air dan semuanya, kementerian saya juga telah memberi nasihat dan mahu semua pemaju sebelum mereka memajukan sesuatu projek, sebelum mereka jual projek, dia mesti pastikan bekalan tersebut dengan agensi-agensi *public utility* yang berkenaan, agar pastikan bekalan ini boleh dibuat, baru dia mula teruskan projek dan jual rumah. Kita tidak boleh terima lagi semasa hendak serah kunci, ataupun tempoh perjanjian itu sudah tamat, baru dia kata; *"Sorry, rumah tidak boleh bagi kerana belum ada api, belum ada air".* Bila dia lewat hendak serah rumah, dia tidak mahu pula bayar denda lewat. Ini juga masalah yang ada.

Buat masa kini kita telah adakan dasar baru bagi pengeluaran CFO mengenai semua *technical department* - bekalan elektrik, bekalan elektrik itu tidak akan jadi satu faktor yang melambatkan pengeluaran CFO tetapi *public utility* ini pada masa akan datang, kena ada satu perjanjian dengan pemaju. Bila mereka sudah ada perjanjian, kalau pihak bekalan air atau bekalan elektrik tidak boleh sambung, maka pemaju boleh pegang dia dengan perjanjian. Ini akan jadi satu tanggungjawab bersama antara mereka. Jangan kita melibatkan pembeli kerana pembeli adalah *innocent* dengan izin, bukan masalah mereka. Saya nampak banyak perkara ini kita tengah hendak perbaiki. Ini semua *old ptoblem.* Sekarang kita hendak dapatkan penyelesaian baru.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Putatan bangun.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Nanti. *Last* sekali pasal kualiti rumah kos rendah. Memang kementerian sudah ada spesifikasi. Semua rumah kos rendah sama ada bertingkat atau *terrace house,* ia tidak boleh sesuka buat saiz sewenang-wenangnya, ataupun reka bentuk itu tidak sesuai, tidak berkualiti dan menganggap mereka yang akan duduk di situ seperti orang yang biasa, patut dilayan dengan baik. Beberapa kepiawaian telah ditetapkan oleh kementerian. Yang untuk bertingkat, ada pelannya, struktur macam mana. Yang teres pula macam mana. Cuma pelaksanaan dan pemantauan sahaja yang perlu diberi perhatian. Untuk masa akan datang, kita akan bersama-sama memantau dengan kerajaan negeri dari segi struktur, kualiti dan kemudahan semuanya. Banyak usaha dibuat untuk meningkatkan industri perumahan ini untuk masa depan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kami sedar bahawa Sabah diberi peruntukan yang banyak untuk buat rumah kos rendah tetapi Yang Berhormat Menteri, mereka ini sudah ada rumah yang sah dibina atau di atas rumah 'kampung *reserve'.* Yang saya maksudkan Yang Berhormat Menteri adalah, di Sabah terdapat banyak rumah yang perkampungannya dibina di atas paras laut. Adakah program yang khas oleh kementerian untuk mempercantikkan wajah-wajah rumah tersebut yang mana semua kemudahan yang akan disediakan dengan standard, dengan izin, yang baik. Terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang adalah menjadi hasrat kerajaan hendak mengindahkan lagi wajah dan bentuk luar serta dalaman dan kemudahan-kemudahan untuk semua rumah. Sebenarnya, kementerian saya sudah tidak lagi menggalakkan orang panggil rumah ini rumah kos rendah. Ia adalah perumahan rakyat mampu dimiliki ataupun mampu disewa kerana perkataan kos rendah itu sudah ada sesuatu makna yang *psychologically* dengan izin, orang ingat kos rendah maknanya kualiti tidak baik. Apa pun kurang. Tetapi sekarang kita hendak pulihkan imej ini. Kalau projek perumahan kementerian saya, tetap kita hendak indahkan. Seperti mana saya kata, bila rumah sudah siap, kita serah kepada kerajaan negeri. Kita mahu kerajaan negeri mainkan peranan untuk menjaga dari segi kebersihan, keindahan dan sebagainya. Jadi,…

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: *[Bangun]*

Dato' Seri Ong Ka Ting: Saya ingat, saya sudah jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya ingat bolehlah. Cukuplah, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Tuan Yang di-Pertua, penjelasannya tidak jelas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Rujuk kepada perkara yang lain. Banyak sangat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Tidak jelas Tuan Yang di-Pertua. Yang maksud saya, rumah-rumah yang sudah sedia ada yang dibina di atas laut. Sedarkah Yang Berhormat Menteri bahawa di Sabah terdapat banyak rumah yang sudah ada yang dibina di kawasan perkampungan.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Saya baru sudah jawab. Saya kata adalah menjadi tanggungjawab kerajaan negeri. Bila kita sudah bagi kos dan bina, kita serah kepada kerajaan negeri. Ia menjadi tanggungjawab kerajaan negeri untuk *maintain* dan bantu, memantau dan sebagainya. Kerajaan Negeri Sabahlah yang akan kena ambil alih semua tanggungjawab itu.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: *[Bangun]*

Tuan Ronald Kiandee: *[Bangun]*

Tuan Baharum bin Mohamed: *[Bangun]*

Dato' Seri Ong Ka Ting: Sekarang masa suntuk, saya rasa susah untuk kita bincang panjang dalam perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya ingat Yang Berhormat, cukuplah. Sebab ada beberapa orang.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Boleh saya lanjutkan kepada tajuk lain. Masa tidak cukup ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, rujuk kepada perkara-perkara yang lain.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Ya. Mengenai isu kuota dan rumah kos rendah yang tidak dapat dijual, sebelum ini memang pernah kerajaan menetapkan kuota pembinaan rumah kos rendah sebanyak 30%. Walau bagaimanapun, kerajaan telah beri *flexibility* ikut perubahan permintaan, dengan izin, *demand* melalui Mesyuarat Majlis Perumahan Negara yang telah diadakan pada bulan Mei 2004 dan semua kerajaan negeri sudah bersetuju untuk membuat penyesuaian berhubung kuota pembinaan rumah kos rendah dengan rumah kos sederhana rendah. Bagi kawasan-kawasan yang kurang permintaan, rumah kos rendah lebih tumpuan akan diberi kepada pembinaan rumah kos sederhana rendah.

Kerana kalau di kawasan itu memang daripada pendaftaran sudah tidak ada orang yang berminat, maka kita tidak boleh paksa lagi bina banyak lagi rumah kos rendah sehingga tidak boleh dijual. Tumpuan akan diberi kepada kawasan di mana terdapat permintaan yang tinggi. Sebagai contoh di Lembah Klang, Johor Bahru, di tempat yang di mana terdapat ramai mereka yang berpendapatan rendah, kita kena bina lebih banyak rumah kos rendah.

Ekspo Perumahan merupakan satu cara yang dicadangkan oleh Jemaah Menteri supaya semua kerajaan negeri buat promosi untuk secara telus supaya mereka yang layak membeli rumah kos rendah ini boleh ada satu peluang yang baik untuk meninjau, mengkaji di mana terdapat rumah kos rendah yang boleh mereka beli.

Isu kemiskinan bandar telah mendapat perhatian ramai Ahli Yang Berhormat di sidang Dewan pada kali ini. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan cadangan mengenai isu tersebut oleh sebab bidang kemiskinan bandar adalah merupakan fungsi baru kementerian yang telah ditetapkan oleh kerajaan berikutan penyusunan semula fungsi kementerian selepas pilihan raya baru-baru ini. Pada masa ini, kerajaan sedang mengambil tindakan untuk merangka dasar, strategi, program dan pelan tindakan bagi membasmi kemiskinan bandar melalui tindakan-tindakan seperti berikut:-

(i) mengkaji semula takrif kemiskinan dan mengenal pasti kumpulan sasaran dengan mengemas kini daftar isi rumah golongan miskin di bandar;

(ii) mengenal pasti agensi-agensi dan badan-badan bukan kerajaan yang terlibat dengan program kemiskinan bandar;

(iii) mengadakan sesi percambahan fikiran atau dengan izin, *brain storming* untuk mendapat *in-put,* pandangan daripada semua pihak yang mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam bidang kemiskinan bandar termasuk pegawai-pegawai kerajaan, sektor swasta, ahli-ahli profesional, ahli-ahli akademik, badan-badan sukarela dan badan-badan bukan kerajaan;

(iv) menyediakan *blue print* kemiskinan bandar yang akan menggariskan dasar, strategi program, pelan tindakan serta mekanisme pelaksanaan dan agensi-agensi yang terlibat bagi membasmi kemiskinan bandar secara menyeluruh.

Oleh sebab perkara ini baru mula dibincangkan maka *detail* butirannya bila ada peluang saya akan memaklumkan kepada Dewan ini pada masa akan datang.

Ahli Yang Berhormat bagi Tuaran menyentuh tentang peranan perancang bandar untuk mengambil kira isu kemiskinan bandar yang disebabkan penghijrahan penduduk desa ke bandar.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, fenomena penghijrahan penduduk desa ke bandar-bandar di negara kita bukan merupakan sesuatu yang luar biasa. Keadaan yang sama juga telah dan sedang berlaku di negara-negara di Asia, Amerika Selatan dan Afrika disebabkan peluang pekerjaan yang bertambah di bandar. Pihak perancang bandar sedang dan sedar tentang perkara ini dan dari awal lagi rancangan-rancangan pembangunan bandar yang disediakan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa telah memberi perhatian terhadap isu kemiskinan bandar.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa perkara mengenai pihak berkuasa tempatan juga telah disentuh semasa perbahasan. Sukalah dinyatakan bahawa pada masa ini kerajaan memberi keutamaan kepada usaha-usaha untuk meningkatkan lagi kualiti pemberian perkhidmatan kepada masyarakat termasuk perkhidmatan yang diberi oleh pihak berkuasa tempatan. Banyak usaha dan langkah telah dan sedang diambil untuk menambah baikkan perkhidmatan yang disediakan. Walaupun begitu, wakil rakyat masih boleh memainkan peranan untuk membantu kerajaan menimbulkan perkara-perkara yang difikirkan wajar diambil tindakan serta memberi maklum balas dan cadangan kepada pihak berkuasa tempatan di kawasan masing-masing untuk kepentingan rakyat atas dasar tanggungjawab bersama.

Pandangan ahli-ahli Yang Berhormat akan juga diambil kira dalam usaha kerajaan untuk menambah baikkan di peringkat bawah. Suka juga dinyatakan bahawa program LA 21 memang telah dilaksanakan…

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed; *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Pulai, Sri Gading.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Sekejap ya, telah dilaksanakan di peringkat pihak berkuasa tempatan. Program ini adalah satu program yang menekankan penglibatan tiga pihak iaitu pihak berkuasa tempatan, masyarakat dan sektor swasta bekerja sama untuk merancang dan menguruskan persekitaran mereka ke arah pembangunan mapan dan kualiti hidup yang lebih tinggi. Ia wujud satu bentuk usaha sama dan tanggungjawab bersama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mana satu Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua….

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya belum tahu lagi Yang Berhormat Menteri hendak membenarkan mana satu dulu.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya sudah agak dia mesti bagi Sri Gading. Terima kasih Dato', terima kasih. Kalau tidak salah saya, kalau tidak salah, betullah. Masalah kewangan majlis perbandaran, majlis daerah, kerajaan tempatan ini saya tengok dari dulu hingga sekarang tidak pernah berubah, tidak pernah berubah. Hasil majlis perbandaran atau majlis daerah ialah hasil daripada Cukai Pintu, lesen-lesen dan sebagainya dalam kuasa kerajaan tempatan yang berkenaan, geran dari Persekutuan.

Geran ini, kadang-kadang tidak mencukupi kemahuan, kehendak penduduk tempatan berbagai-bagai. Sebab itu kita tengok kemajuan perbandaran kita, majlis daerah kita begitu lembap. Saya tidak tahu bagaimana agaknya kementerian boleh membantu dalam urusan kewangan ini. Kerana kewangan itulah yang akan memajukan sesuatu kawasan itu satu. Yang kedua, apa tindakan kementerian kalau ada majlis perbandaran yang lebih duit disimpan, dia tidak belanja kita pun tidak faham, kenapa disimpan. Sepatutnya segala hasil yang dapat dipungut oleh majlis-majlis yang berkenaan, belanjakanlah. Longkangnya, jalannya, kebersihannya, angkat sampah dan sebagainya. Saya hendak dapat sedikit menjelaskan dari Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Pengerusi Yang di-Pertua Presiden MCA yang begitu handal. Terima kasih. Tahniah, MCA banyak menang pilihan raya.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Mengenai masalah kewangan atau geran daripada Persekutuan, memang kewangan ini adalah satu perkara yang sampai bila-bila pun tidak dapat kita puaskan hati semua. Berapa banyak pun kita perlu, ia tidak akan boleh memenuhi permintaan. Dalam pada itu kementerian saya memang ada selama ini cuba membantu pihak-pihak berkuasa tempatan yang dari segi pendapatannya, hasilnya kurang tetapi bagi Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah yang ada hasil yang lebih, mereka sepatutnya gunakan hasil itu untuk memberi perkhidmatan yang baik kepada rakyat.

Memandangkan Geran Persekutuan memang terhad kerana wang Persekutuan. Itu pun adalah daripada cukai rakyat maka setiap tahun dan setiap rancangan Malaysia, kementerian saya memang cuba minta lebih banyak tetapi tidak dapat memenuhi semua. Kerajaan tidak dapat memenuhi permintaan semua kementerian. Permintaan kementerian saya itu sebenarnya dikumpulkan daripada permintaan pihak-pihak berkuasa tempatan dan saya ambil perhatian tentang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Bagi mereka, ada duit simpan. Saya rasa kalau ada duit jangan simpan. Ia patut beri perkhidmatan yang baik. Ada majlis atau majlis rundingan atau majlis penyelarasan Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Pihak Berkuasa Tempatan yang akan datang, saya akan tanya mereka. Siapa ada duit banyak, simpan bagi tahu kita, kenapa hendak simpan dan kementerian saya akan cubalah beri nasihat kepada mereka supaya jaga rakyat dengan wang rakyat, jangan simpan di situ sehingga perkhidmatan terjejas.

Tuan Yang di-Pertua…

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Pulai, Pulai.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Ada lagi, ini *last* lah, masa sudah cukup, *last* sekali.

Dato' Nur Jazlan bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai pelaksanaan projek terbengkalai di bawah Jabatan Perumahan Negara yang telah diserahkan kepada Syarikat Perumahan Negara. Saya dimaklumkan bahawa kelewatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat kita sekarang berada di kerajaan tempatan...

Dato' Nur Jazlan bin Mohamed: Tidak, tidak ini ada berkenaan kerana projek ini projek di bawah Jabatan Perumahan Negara yang di..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bagi saya sudah kita selesaikan tadi, sekarang kita masuk ke kerajaan tempatan. Bolehkah Yang Berhormat simpan perkara ini untuk masa akan datang...

Dato' Nur Jazlan bin Mohamed: Okey, saya ikut perintah. Terima kasih.

Tuan M. Kula Segaran: *[Bangun]*

Dato' Seri Ong Ka Ting: Ya, apa ada? Baru masuk, mana Yang Berhormat tahu apa saya cakap tadi…?

Tuan M. Kula Segaran: Walau pun saya baru masuk, saya dengar suara dan tengok kawan saya yang lama ini. Yang Berhormat Menteri, adakah baru-baru ini lebih kurang tiga bulan dululah Yang Berhormat Menteri ada datang ke di Ipoh, untuk melaksanakan satu *river front project.* Pada masa itu masyarakat Ipoh, keluarga-keluarga di Ipoh menghadapi masalah krisis kewangan kerana Majlis Tempatan membazirkan wang-wang yang dikutip hingga menyebabkan 120 lori atau trak tidak dapat berjalan kerana kekurangan diesel. Ini sendiri telah diakui oleh Datuk Bandaraya Ipoh. Dalam keadaan ini apakah tindakan Menteri atau dalam bidang kuasa Menteri supaya perkara ini tidak akan berlaku dan supaya juga ada satu *follow-up and appropriate action have be taken*.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan tiga bulan yang lalu, saya tidak pergi Ipoh melancarkan apa-apa program. Saya sedar *riverfront* itu memang ada satu *ceremony,* tetapi saya tidak terima jemputan. Saya tidak pergi. Mungkin maklumat itu *out of dated*lah Yang Berhormat. *I know that is such project* tetapi saya tidak terlibat.

Walau bagaimanapun mengenai perkara yang dibangkitkan, kalau dikatakan ada projek yang membazir, sepatutnya Majlis Perbandaran yang berkenaan di bawah kawal selia secara *direct* oleh kerajaan negeri, jadi melalui kerajaan negerilah kita boleh betulkan kalau ada apa-apa yang lemah. Walau bagaimanapun kalau ada sesuatu yang kukuh, kita boleh minta pihak berkuasa negeri untuk bantu memantau dan membetulkan. Terima kasih kerana maklumat itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perancangan struktur negeri Selangor untuk tahun 2002 hingga 2020 seperti yang dibangkitkan di dalam Dewan ini, ia sedang disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia dan dijangka siap pada Disember 2004 ini.

Bagi kawasan Serdang dan Bangi yang sebahagian besarnya berhampiran dengan kawasan MSC dan Putrajaya, kawasan ini akan menerima manfaat dari pembangunan yang berteraskan ICT dan Enterprise. Serdang dan Bangi juga terletak hampir dengan kawasan institusi pendidikan dan latihan dan peranannya telah dikenal pasti di dalam rancangan struktur negeri Selangor sebagai *Centre of Development and Human Resource.*

Tuan Yang di-Pertua, saya telah cuba menjawab kebanyakan perkara yang menyentuh kementerian saya dan kalau ada perkara yang masih tidak dapat dijawab satu persatu, saya berjanji ia telah pun diambil maklum dan direkodkan. Saya ucapkan terima kasih lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan memberi teguran, cadangan kepada kementerian saya dan kementerian saya tetap memandang semua itu dengan serius. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri dari Kementerian Wilayah Persekutuan.

4.58 ptg.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Zulhasnan bin Rafique]: Bismillahir Rahmaanir Rahim. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Wilayah Persekutuan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam membahaskan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Wilayah Persekutuan semasa perbahasan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya akan menjawab isu-isu yang dibangkitkan bagi pihak kementerian dan menjelaskan perkara-perkara yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, tidak banyak soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam perbahasan ini, walaupun terdapat beberapa soalan yang telah dikemukakan secara lisan sewaktu sesi soal jawab lisan. Saya berpendapat

mungkin kerana kementerian kami adalah satu kementerian yang baru, maka tidak terdapat begitu banyak soalan yang dapat dibangkitkan.

Semuanya ada sembilan perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada menyentuh perihal Wilayah Persekutuan. Akan tetapi daripada sembilan isu ini, ada enam perkara spesifik telah dibangkitkan yang akan dan telah dijawab oleh Kementerian Kewangan dan Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Segambut telah membangkitkan isu berkaitan kemudahan pengangkutan awam di Lembah Klang. Ingin saya jelaskan di sini bahawa kerajaan sentiasa peka kepada masalah kesesakan lalu lintas yang dihadapi bukan sahaja di Lembah Klang tetapi di seluruh negara.

Bagi pihak kementerian khususnya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, kami sedar akan masalah-masalah yang sering berbangkit daripada struktur kemudahan pengangkutan awam yang kurang bersepadu. Ini tidaklah bererti kita hanya berpeluk tubuh tidak mengambil tindakan untuk mengatasi masalah ini.

Maklumat Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah melaksanakan satu kajian khusus bulan April 2003 menyediakan satu Pelan Integrasi Pembangunan Sistem Pengangkutan Awam dan pembangunan guna tanah Lembah Klang, yang bertujuan untuk mengenal pasti laluan transit hingga tahun 2020. Ia akan menjadi tunggak utama kepada strategi penyediaan rangkaian sistem pengangkutan awam untuk Lembah Klang dan Kuala Lumpur. Ini adalah disebabkan seolah-olah kesesakan lalu lintas yang dihadapi di Kuala Lumpur adalah sebenarnya berhubung kait rapat dengan kepesatan pembangunan di sekitar Lembah Klang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Lembah Klang dalam kes ini Tuan Yang di-Pertua meliputi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, daerah Gombak, daerah Ulu Klang, daerah Petaling dan daerah Klang. Untuk kajian ini, kita juga telah memasuki daerah-daerah Putrajaya, Cyberjaya dan Sepang.

Hasil daripada kajian berkenaan kini berada di peringkat draf laporan terakhir. Adalah diharapkan akan dapat membantu kerajaan mengambil tindakan-tindakan yang lebih positif ke arah untuk memastikan sistem pengangkutan awam khusus bagi Bandaraya Kuala Lumpur akan menjadi lebih berkesan, dan mencapai tahap keselesaan lebih tinggi selaras dengan matlamat pembangunan Kuala Lumpur sebagai sebuah banda raya bertaraf dunia.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Gading bangun Yang Berhormat. Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri, tahniah jawatan baru beliau.

Hidup di Kuala Lumpur ini bercampur-campur. Hendak dikatakan gembira pun boleh, hendak dikatakan sengsara pun boleh. Masalah utama yang semua orang warga Kuala Lumpur ini rasa termasuk orang yang menumpang di Kuala Lumpur macam saya ini. Menumpang sekali-sekali, ialah masalah kesesakan jalan raya. Tidak pernah selesai. Tidak tahu bila agaknya hendak selesai.

Ambil contoh, hari Khamis lepas hujan. Anak saya daripada KLCC hendak balik ke rumah dia di Gombak dari pukul lima sampai pukul lapan, tiga jam. Astaghfirullah-hal-azim. Lailahaillallah. . Astaghfirullah-hal-azim. Tiga jam, KLCC ke Gombak, saya ingat kalau jalan teruslah enam kilometer sahaja. Tiga jam dan orang di Kuala Lumpur ini kalau hujan dan ada perkara-perkara, takut hendak keluar pasal akan terjerat, tersekat, terperangkap dalam kesesakan yang sangat menyeksakan. Saya hendak tanyalah orang-orang yang berkuasa di Kuala Lumpur ini apa tak sedarkah perkara ini. Tidak boleh ambil tindakan yang drastik sedikitkah yang agak betul-betul berkesan. Kalau tidak, memang perkara ini terus berlanjutan sampai bila hendak selesai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya hendak beritahu oleh Kuala Lumpur. Perbelanjaan kerajaan dicurahkan begitu banyak kalau boleh, mengalahkan tempat-tempat lain, bilion. Tetapi masalah ini tidak juga selesai. Di mana puncanya, di mana salahnya. Di mana silapnya. Di mana lembahnya. Di mana lembapnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Beri peluang Timbalan Menteri menjawab Yang Berhormat.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Kita pun bersetuju tentang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat. Oleh sebab itu kerajaan, yang saya baru maklumkan tadi lima minit yang lalu, yang kita sedang menyediakan satu Pelan Integrasi Pembangunan Sistem Pengangkutan Awam, pembangunan tentang Lembah Klang.

Sebab-sebabnya ialah di sekeliling Kuala Lumpur ini kita ada daerah-daerah seperti Gombak, Ulu Klang, Petaling, Klang, Putrajaya, Cyberjaya dan Sepang. Semua sekali daerah-daerah ini apabila kita ada majlis-majlis dan juga kalau rakyat ada temu janji yang tertentu, mereka semua masuk kepada Kuala Lumpur. Dengan ini kita ada masalah daripada kesesakan jalan raya.

Itulah sebabnya tindakan drastik yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, kita pun telah mengadakan satu kajian khususnya bulan April 2003. Saya ada laporan ini di hadapan saya ini. *[Mengangkat naskhah laporan berkenaan]* Laporan ini ialah kajian Pelan Integrasi Sistem Pengangkutan Awam dan guna tanah Lembah Klang dan inilah draf atau *final report*.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Ini soal kaji ini berapa puluh kali kaji. Buku tebal betul. Kalau buku itu tebal tetapi tidak dilaksanakan, tebal mana pun buku itu tidak ada faedah apa-apa. Kaji, kaji, kaji, kaji. Bila tindakan .....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Hah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum habis itu. Cukup Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading, draf laporan yang terakhir ini sudah pun siap dan selepas ini kita akan mengadakan satu seminar untuk mendapatkan maklum balas daripada agensi-agensi lain yang akan diadakan sebelum laporan ini dapat diserahkan untuk tindakan selanjutnya.

Tuan Tan Kok Wai: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cheras bangun Yang Berhormat.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Untuk maklumat Yang Berhormat, skop dalam kajian yang sebelum ini .....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi Yang Berhormat.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: ..... diadakan ialah kajian semula Pelan Perspektif Wilayah Lembah Klang, kemudahan awam, kajian dan integrasi laluan bas dan rel, pelan pengangkutan utama rancangan alam sekitar, kajian pelan pengangkutan Putrajaya dan kajian perancangan fizikal negara. Sila.

Tuan Tan Kok Wai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Sri Gading. Di Kuala Lumpur ini cuma tindakan penguatkuasaan yang paling berkesan sekali. Kami mendapati kereta Yang Berhormat bagi Sri Gading ditunda oleh DBKL kerana keretanya diletakkan di tepi jalan dalam bandar raya.

Tetapi di segi perkhidmatan termasuk pengangkutan awam ini paling mengecewakan hati. Awal-awal lagi sejak tahun 80-an apabila Pelan Struktur Kuala Lumpur Pertama diperkenalkan, sudah ada banyak cerita yang bercita-cita yang

membuatkan Kuala Lumpur sebagai satu bandar raya dengan pengangkutan awam *world standard*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat tanyalah bukan berucap.

Tuan Tan Kok Wai: Saya ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri mengapa hingga kini masih bercerita lagi perkara yang sama. Saya ingin tanya Yang Berhormat apakah Yang Berhormat sedar sebagai wakil rakyat penggal kedua sekarang. Beliau juga seorang mangsa kesesakan lalu lintas. Sekarang apa yang berlaku di Kuala Lumpur ialah di mana kesesakan, di mana dibinanya lebuh raya dan di situlah pengenaan tol jalan. Tol jalan pun tidak selesai masalah kesesakan. Adakah Yang Berhormat sedar dan bersetuju dengan saya juga dengan pembinaan MRR2, kos pembinaan yang membelanjakan hampir RM1 bilion. Sekarang jalan itu adalah *bottleneck* yang besar di mana-mana juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah, cukup Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: Wang dibelanjakan, dibazirkan. Saya ingin tanya Yang Berhormat adakah beliau sedar Jabatan Pengangkutan anda, Dewan Bandaraya ini telah gagal dalam tugasnya dan adakah perancangan atau cadangan untuk menubuhkan satu Majlis atau Lembaga Pengangkutan Awam atau pengangkutan bandar untuk bukan sahaja di Kuala Lumpur tetapi termasuk di Putrajaya dan bandar-bandar di pinggir Kuala Lumpur di seluruh Lembah Klang untuk memastikan pengangkutan awam ini adalah mapan, prestasi baik dan bukan menjadi *nightmare* kepada warga kota.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup.

Tuan Tan Kok Wai: Untuk makluman Yang Berhormat .....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup. Cukup. Cukup.

Tuan Tan Kok Wai: Adakah Yang Berhormat sedar juga begitu banyak bilangan besar kenderaan-kenderaan bersendirian di Kuala Lumpur ini bukan kerana taraf hidup warga kota sudah naik kerana sebab utamanya ialah orang sudah bosan dengan pengangkutan awam yang tidak berkesan itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat. Bagi peluang kepada Timbalan Menteri menjawab.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Cheras. Saya berbalik kepada maklumat saya sebagaimana soalan Yang Berhormat tanya tadi, adakah kita bercadang untuk menubuhkan satu Majlis atau Lembaga dan saya menyarankan sekali lagi bahawa inilah yang telah dipersetujui oleh kerajaan, satu pelan integrasi pembangunan sistem pengangkutan awam dan pengguna-pengguna tanah Lembah Klang. Sebagai maklumat tambahan kepada Dewan yang mulia ini, satu kertas cadangan sedang dipertimbangkan di peringkat Kementerian Pengangkutan untuk diangkatkan bagi perbincangan dan persetujuan Jemaah Menteri berhubung cadangan untuk menubuhkan Lembaga Pengangkutan Bandar yang berupa sebuah agensi tunggal yang akan bertanggungjawab untuk merancang, melaksanakan dasar, mengawal selia dan jawatankuasa sistem pengangkutan dalam bandar.

Jika cadangan ini diterima dan disetujui, maka fungsi-fungsi tertentu berkaitan dengan pengangkutan bandar yang kini dilaksanakan dan diuruskan di peringkat pelbagai agensi akan diletakkan di bawah tanggungjawab Lembaga.

Tadi, Yang Berhormat bagi Sri Gading ……

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepong bangun, Yang Berhormat. Sila Kepong.

Tuan Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Tadi saya tidak mendengar mengenai laporan masalah yang dihadapi oleh Syarikat Sri Jaya, Intrakota, City Liner dan sebagainya, projek-projek penswastaan pengangkutan ini besar-besaran dan semasa kita mendengar pengumuman bas-bas Intrakota, City Liner begitu cantik,

bukan main indah tetapi gagal sama sekali. Bolehkah Yang Berhormat mengemukakan - saya bercadang satu laporan mengapa konsortium-konsortium ini gagal sehingga Metro bus beroperasi seolah-olah ianya mini bus tidak ikut jadual, tidak ikut jalan, route dan sebagainya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukup Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Bolehkah Yang Berhormat terangkan apakah peranan Metro bus sekarang?

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Yang Berhormat bagi Kepong, saya mencadangkan Yang Berhormat tujukan soalan ini kepada Kementerian Pengangkutan sebab ini di bawah Kementerian Pengangkutan. Tadi saya hendak sentuh balik kepada apa yang telah disarankan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading. Daripada pelan drastik, tadi saya sebutkan dari segi pengangkutan, pelan drastik ataupun pelan yang telah dilakukan dan tindakan yang telah diambil oleh kerajaan menentukan projek tebatan banjir di Kuala Lumpur ini. Saya hendak pergi kepada sejarah sedikit iaitu banjir di Kuala Lumpur ini termasuk banjir kilat yang saya pun yakin selepas ini Yang Berhormat bagi Kuala lumpur pun hendak tanya saya soalan, sebelum itu saya terangkan dahululah.

Kita tengok di Lembah Klang, kita ada satu Empangan Klang Gate di sebelah utara-timur dan satu Empangan Batu di sebelah utara-barat. Di situ ada 3 - 4 sungai utama, yang Sungai Klang di sebelah timur mengalir ke pusat bandar, dan juga Sungai Gombak, yang besar Sungai Batu, Sungai Keroh dan Sungai Bunus dan kesemua sungai-sungai ini mengalir ke pusat bandar. Oleh sebab itu, daripada sejarah kita, apabila orang yang pertama – pengasas yang datang ke Kuala Lumpur ini, mereka tentulah mencari tempat-tempat yang sesuai untuk membangunkan bandar. Dengan itu mereka telah menentukan dapat membangunkan bandar Kuala Lumpur. Bandar Kuala Lumpur itu dibangunkan di kuala sungai oleh sebab itulah banyak lumpur di situ.

Dengan itu, kerajaan amat prihatin tentang hal ini dan kita bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Cheras bahawa tindakan yang diambil sebelum ini mungkin kurang berkesan. Dengan ini kerajaan telah mengambil keputusan untuk membuat dua tiga projek untuk menentukan semua sekali air yang mengalir ke pusat bandar dapatlah dibendung. Daripada sebelah timur iaitu Sungai Klang, kita ada satu projek yang dinamakan Smart Tunnel. Smart Tunnel ini akan mengalirkan air daripada Sungai Klang kepada Kampung Kerayong dan ini insya-Allah akan diselesaikan dalam masa dua tahun lagi.

Di Jalan Tun Razak, kita dapati ada juga banjir kilat yang berlaku. Dengan itu kerajaan telah pun melakukan satu projek untuk membina kolam takungan banjir, satu di Setapak Jaya, satu lagi di Ayer Leleh, Ayer Tawar dan satu lagi di Kampung Boyan. Ketiga-tiga projek ini sudah pun selesai, dengan itu kita dapati kadang kala banjir kilat pun sudah tidak berlaku lagi.

Di sebelah barat dan utara, ada dua projek canal, dengan izin, ataupun terusan yang mengalirkan air daripada Sungai Gombak kepada Kolam Batu, dan juga Sungai Keroh kepada kolam Taman Wahyu. Tujuannya ialah untuk menentukan air yang mengalir ke pusat bandar daripada Sungai Keroh, Sungai Jinjang dan juga Sungai Gombak dapat dikawal. Dengan ini dapatlah mengurangkan masalah banjir. Ketiga-tiga projek ini insya-Allah, *God willing*, akan disiapkan dalam masa dua tahun dan insya-Allah dapatlah kita menentukan apa yang disarankan tadi yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading dan Yang Berhormat bagi Cheras, kita dapatlah membendung semua sekali masalah yang telah diberitahukan tadi.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepong bangun pula Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan mengenai projek Paremba – Sungai Kroh, Jinjang dan sebagainya, bolehkah Yang Berhormat terangkan, jumlah perbelanjaan yang dianggarkan untuk projek ini dan juga adakah pihak Dewan Bandaraya atau kerajaan akan memperdalamkan atau memperluas sungai-sungai seperti Sungai Kroh dan Sungai Jinjang sama ada semua tebing itu akan diperbaiki. Sekarang ada setengah-setengah tebing itu tidak dibentengi. Adakah semua ini akan

ada benteng baru untuk sepanjang Sungai Kroh dan juga Sungai Jinjang, sebab Tuan Yang di-Pertua, saya boleh beri satu maklumat mengenai kedua-dua sungai tersebut yang digunakan sebagai 'tong sampah'. Bolehkah Yang Berhormat mengadakan rancangan untuk membersihkan kedua-dua sungai ini. Terima kasih.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Tentang projek yang dimaksudkan tadi. Dua daripada projek itu diturunkan daripada Kementerian Kewangan dan butir-butirnya kita tidak ada di sini tetapi projek yang saya sebutkan tadi iaitu Kolam Takungan Banjir, Setapak Jaya, Jalan Ayer Tawar, Ayer Leleh dan Kampung Boyan, harga projek ini ialah RM20 juta. Yang lain-lain itu insya-Allah, kita akan cuba mendapat maklumat dan berikan kepada Yang Berhormat bagi Kepong…

Tuan Tan Kok Wai: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cheras bangun Yang Berhormat.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Daripada segi sungai sebagai 'tong sampah' tadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia belum bagi Yang Berhormat, sila duduk.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: ....kita sarankan supaya Yang Berhormat juga tolong apabila Yang Berhormat turun padang supaya beritahulah penduduk-penduduk seluruh Wilayah Persekutuan ini, kalau kita hendak buang sampah itu tidak usahlah buang dalam sungai. Itulah salah-satu sebabnya apabila kita ada hujan yang agak lebat sedikit, kita menghadapi air naik dan banjir kilat.

Juga daripada satu contoh yang saya tahu di kawasan saya...

Tuan Tan Kok Wai: *[Bangun lagi]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cheras bangun Yang Berhormat.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: ...dalam kawasan saya sendiri dua tahun yang lalu, kawasan ini adalah suatu kawasan yang *elite.* Kawasan ini di atas bukit tetapi tiap-tiap tahun berlaku banjir kilat. Kita pun ingin tahu apakah sebabnya kita pun sudah keliru sedikit macam mana satu kawasan di atas bukit terdapat masalah banjir kilat. Dengan itu, kita telah bertemu dengan pemaju dan juga DBKL. Selepas kita telah merancang dan turun padang untuk siasatan, kita dapati yang semua longkang-longkang di kawasan itu penuh dengan batu-batu akibat pembinaan. Dengan itu apabila hujan sedikit sahaja berlaku banjir kilat.

Oleh itu, saya sarankan kepada Yang Berhormat, bukan sahaja daripada pembangkang, semua sekali kita kalau boleh beritahulah semua sekali rakyat supaya kita dapatlah menentukan longkang-longkang dan sungai-sungai bersih daripada isu-isu ini. Terima kasih. Ya, sila.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Terima kasih. Mengenai kolam takungan banjir itu, Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa sejak 10 tahun yang lalu pihak kerajaan telah merancang untuk membina kalau tidak silap saya sebanyak 32 buah kolam takungan banjir bagi mengatasi banjir kilat di Wilayah Persekutuan ini. Tetapi atas sebab apa saya kurang jelas, setakat ini hanya beberapa kolam sahaja yang siap dibina dan ini tidak dapat dilaksanakan. Ini memang bukan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: ...ini memang bukan hal kewangan kerana pembinaan kolam ini hanya menelan belanja yang begitu kecil daripada – misalnya *smart tunnel* yang bernilai RM2.1 bilion. Adakah kegagalan membina kolam takungan banjir disebabkan ada syarikat kroni Barisan Nasional mencadangkan lain iaitu untuk membina SMART….

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: ….. Adakah semua kolam takungan banjir ini akan dibina seperti dirancangkan?.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Terima kasih Yang Berhormat bagi Cheras. Saya pun berada dalam Dewan ini dua tahun yang lalu apabila Yang Berhormat bagi Cheras mengemukakan soalan ini kepada Menteri pada masa itu. Jawapannya sekarang untuk makluman Yang Berhormat ialah kita mencadangkan pada masa itu untuk membangunkan 28buah , bukannya 30 ya? Itu yang pertama. Keduanya ialah kita ada sebab atau masalah untuk mewartakan tempat-tempat yang kita hendak mengenal pasti sebagai kolam takungan banjir. Sehingga hari ini menghadapi masalah itu.

Dengan itu, apabila kita telah merancang semula masalah projek tebatan banjir di sini, kita dapati tidak perlulah 28 buah kolam yang telah disebutkan tadi. Oleh sebab itu, kita telah ada tiga kolam yang besar ini yang saya sebutkan tadi dan juga projek terusan atau *canal* kepada kolam 'Batu' dan juga kolam 'Wah Yu' yang disebutkan tadi.

Tadi, Yang Berhormat bagi Sri Gading dan juga Yang Berhormat bagi Cheras telah sentuh tentang masalah kesesakan jalan raya. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat sekalian, dengan terlaksananya projek pembangunan jaringan jalan raya seperti Jalanraya Lingkaran Tengah Dua, yang saya sebut tadi iaitu MRR2, Persimpangan Jalanraya Lingkaran Tengah atau MRR1, lebuh raya bertol, sistem rel yang meluas dan perancangan untuk menyatukan perkhidmatan bas awam, pihak DBKL telah mengenal pasti keperluan untuk mewujudkan satu sistem efektif untuk mengurus dan mentadbirkan sistem infrastruktur pengangkutan di Lembah Klang.

DBKL telah mengenal pasti bahawa punca utama masalah kesesakan lalu lintas kepada pengguna jalan raya dan perkhidmatan rel di Kuala Lumpur adalah kerana kekurangan maklumat terperinci dan terkini dan keperluan untuk mengumpul, berkongsi untuk mendapat maklumat terkini tentang keadaan jalan raya.

Oleh yang demikian, satu pemeriksaan yang inovatif, berwawasan telah dibangunkan untuk menghadapi sebarang kemungkinan yang bakal berlaku kepada situasi lalu lintas yang tidak menentu. Bagi menangani peningkatan kesesakan lalu lintas yang melanda Pusat Bandaraya Kuala Lumpur. Dari sinilah lahirnya Sistem Maklumat Pengangkutan Bersepadu I, dengan izin, *Integrated Transport Information System* atau ITIS bagi Kuala Lumpur.

Menerusi sistem ITIS, ia merangkumi Sistem Pengurusan Trafik Maju atau *Advance Traffic Management System* atau ATMS, Sistem Maklumat Perjalanan Maju atau *Advance Traveler Information System* atau ATIS, dengan izin, yang akan berdaya untuk melapor, mengendali dan mengurus aliran trafik perjalanan di Kuala Lumpur ini. Melalui sistem ini, sebuah Pusat Pengurusan Trafik atau *Traffic Management System, Traffic Management Center* atau TMC, dengan izin, akan beroperasi sebagai penjaga dan pengendali semua perkakasan, perisian dan sistem yang berkaitan di bawah projek ITIS….

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepong bangun Yang Berhormat.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Ini juga bertanggungjawab terhadap pengawasan lalu lintas, pengurusan kesesakan, laporan kejadian serta pengurusan dan edaran data. Dengan ini, pada waktu ini TMC yang menjadi nadi kepada ITIS sedang dibangunkan di dalam sebuah kawasan di Taman Teknologi Malaysia yang akan mempunyai sebuah bangunan dengan keluasan 60,000 kaki persegi yang selamat, yang boleh juga beroperasi sebagai pusat perancangan trafik dan pusat pengendalian kecemasan. Di samping itu, ia akan menjadi tuan rumah kepada agensi-agensi lain yang akan menjadi sebahagian daripada pasukan khas untuk menguruskan aliran trafik setempat. Sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Dengan adanya TMC, ITIS, ATMS, ATIS dan sebagainya, kita dengar dengan seronoklah dan saya pun berharap TMC ini akan berjaya. Walau bagaimanapun, apakah cadangan Yang Berhormat mengenai kesesakan di Kepong sekarang kerana tiang-tiang jejambat retak, 33 batang tiang jejambat retak kerana pembinaan tidak begitu sempurna, dan apakah cadangan Yang Berhormat untuk mengatasi masalah kesesakan teruk sangat ini buat enam bulan. Mungkin ambil enam bulan, sepuluh bulan atau satu tahun. Adakah Yang Berhormat pergi buat lawatan ke situ untuk menyaksikan sendiri bagaimana pihak

pemaju ataupun kontraktor ini tidak mematuhi syarat-syarat spesifikasi jejambat untuk Lingkaran Kedua kita?

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kepong. Ini satu maklumat yang baik kepada kita. Kementerian Wilayah Persekutuan baru diwujudkan dan saya belum lagi turun padang untuk melihat apa yang telah disarankan oleh Yang Berhormat dan insya-Allah, *God willing* kita akan turun bersama untuk menentukan dan dapat menyelesaikan masalah yang telah disarankan oleh Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Serdang telah membangkitkan dua isu mengenai sama ada kerajaan akan mengkaji cadangan pembangunan Serdang-Bangi-Putrajaya sebagai kawasan pembangunan segi tiga atau *growth triangle*, dengan izin, dan dijadikan pusat pembangunan sumber manusia yang moden dan *intelligent city*, dengan izin. Apakah program yang akan dilaksanakan untuk menaik taraf infrastruktur untuk kawasan Serdang kerana lokasinya terletak di pertengahan laluan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Sebenarnya soalan ini telah pun dibangkit sewaktu sesi soal jawab lisan pada 31 Mei yang lalu. Bagi menjawab soalan ini, kedudukan Serdang-Bangi-Putrajaya adalah termasuk di dalam kawasan pembangunan koridor multimedia atau *multimedia super corridor*, dengan izin, yang menjadi keutamaan pembangunan kerajaan. MSC merangkumi satu kawasan 15 kilometer lebar dan 15 kilometer panjang merupakan kawasan bersepadu untuk perniagaan dan aktiviti khusus dalam bidang telekomunikasi dan teknologi maklumat serta teknologi multimedia. Sudah tentulah Serdang akan mendapat faedah daripada pembangunan MSC ini.

Kawasan Serdang-Bangi juga berpotensi untuk dijadikan pusat pembangunan sumber manusia memandangkan terdapat beberapa pusat pengajian tinggi, latihan dan penyelidikan yang terletak di kawasan berkenaan. Seterusnya pembangunan Cyberjaya-Putrajaya akan menyumbang kepada status Serdang-Bangi sebagai *modern and intelligent city*.

Memandangkan Serdang sudah termasuk di dalam zon pembangunan MSC, infrastruktur fizikal bertaraf dunia yang dibina di zon ini akan turut dinikmati oleh kawasan Serdang. Antaranya termasuk 100% gentian optik jalur lebar berdigit, gentian optik berkapasiti tinggi dihubung ke seluruh negara-negara ASEAN, Jepun, Amerika Syarikat dan Eropah dan jaringan hubungan jalan raya dan Lebuhraya PLUS, Lebuhraya Sungai Besi, Lebuhraya Lingkaran Luar Kajang termasuk kemudahan Lapangan Terbang KLIA yang terletak kira-kira 20 minit dari Serdang dan ini menyediakan *access* yang diperlukan untuk memangkinkan pembangunan Serdang.

Kita menjemput Yang Berhormat bagi Serdang memberi cadangan-cadangan yang lain untuk kita mengkaji, membincang dan mengambil tindakan selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja penjelasan yang dapat saya berikan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua sekali Ahli Yang Berhormat di atas isu-isu yang telah dibangkitkan dan ada yang telah dijawab tadi.

Kementerian yang baru ini memberi satu imej yang terbuka, dengan itu kita bersedia untuk berjumpa dengan semua sekali Ahli Yang Berhormat termasuklah Yang Berhormat-Yang Berhormat dari pembangkang dan dengan ini pada hari Jumaat ini Yang Berhormat dari pembangkang ada temu janji dengan Menteri dan dengan ini, keluarkanlah apa-apa sahaja yang perlu dikeluarkan dan insya-Allah, *for willing* kita akan bekerja bersama untuk menentukan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan dapatlah dibangunkan dengan cara yang baik. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Diminta Kementerian Sumber Manusia menjawab.

6.14 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Rahman bin Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu mengenai dengan kementerian saya iaitu Kementerian Sumber Manusia. Antara yang berminat ialah Yang Berhormat

bagi Ipoh Timor, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, Yang Berhormat bagi Muar, Yang Berhormat bagi Labuan, Yang Berhormat bagi Parit Sulong, Yang Berhormat bagi Beluran, Yang Berhormat bagi Temerloh, Yang Berhormat bagi Kelana Jaya dan beberapa Yang Berhormat yang lain. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menyedari betapa penting negara beralih daripada industri berasaskan *labour intensive* kepada industri berasaskan teknologi seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Temerloh. Dalam hal ini, kerajaan memang sudah lama menggalakkan industri-industri supaya berusaha mengalihkan pelaburan kepada industri yang berasaskan teknologi. Kerajaan juga berusaha mewujudkan tenaga kerja berasaskan pengetahuan iaitu *k-workers*. Ke arah ini, Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) di bawah kementerian saya telah menyediakan 796 Standard Kemahiran Pekerja Kebangsaan atau National Occupational Skill Standard (NOSS).

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, seramai 1,590 penyedia latihan telah berdaftar dengan MLVK bagi menyediakan pelbagai latihan kepada para pelatih. Dengan keupayaan latihan dianggarkan 50,000 pelatih setahun. Dengar ya barisan pembangkang. Sehingga 15 April 2004, seramai 295,683 pelatih telah berjaya menerima persijilan Sijil Kemahiran Kebangsaan (SKM). Bilangan pelatih mengikut tahap kemahiran adalah seperti berikut:

Tahap Kemahiran	Bilangan Pelatih (orang)
SKM 1	143,362
SKM 2	127,127
SKM 3	24,707
SKM 4	487
SKM 5	100 lebih

Bagi membolehkan para pelatih membiayai kos latihan ini, Bahagian Tabung Pembangunan Kemahiran ada menyediakan pinjaman kepada pelatih-pelatih. Sejak Tabung Pembangunan Kemahiran ditubuhkan seramai 100,388 pelatih telah diberi pinjaman sejumlah RM500,472,116.00. Bagi pekerja yang sedang berkhidmat pula kerajaan menggalakkan pekerja mengikuti latihan-latihan berterusan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia yang diuruskan oleh Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) di bawah kementerian ini.

Sebanyak 4.024 juta tempat latihan yang melibatkan bantuan kewangan sebanyak RM1,453 juta telah disediakan untuk pekerja-pekerja mengikuti latihan dalam pelbagai bidang. Ini adalah selaras dengan konsep Pembelajaran Sepanjang Hayat.

Untuk makluman, kumpulan wang ini dibiayai oleh kutipan levi yang dikenakan ke atas majikan. Selain ini, kerajaan juga melaksanakan program perantisan bagi pelajar-pelajar lepasan sekolah dalam pelbagai bidang termasuk perhotelan, mekatronik, teknologi maklumat, pemesinan industri, *plastic injection molding*, dengan izin, dan *tool and die*, dengan izin. Setakat ini, 1,789 perantis telah mengikuti program ini. Bagi menampung keperluan yang mendesak dalam sektor-sektor tertentu, kerajaan membenarkan pengambilan pekerja-pekerja mahir dari luar negara bagi mengisikan kekosongan secara kontrak.

Ahli Yang Berhormat bagi Temerloh juga telah membangkitkan perkara berkaitan *brain drain*. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan mendapati masalah ini tidak begitu serius dan tidak sama sekali memudaratkan negara. Sebenarnya mereka yang bekerja di luar negara memperolehi pengalaman bekerja di negara-negara maju serta mengharumkan nama negara kita di peringkat antarabangsa. Walau bagaimanapun, kerajaan menggalakkan pakar-pakar Malaysia yang bekerja di luar negara pulang ke tanah air.

Sejak berkuat kuasa mulai 1 Januari 2001, sejumlah 635 permohonan telah diterima, sejumlah 255 pemohon telah diluluskan dan taburan kelulusan mengikut bidang adalah seperti berikut:-

Perakaunan dan kewangan	– 49 orang
Teknologi Maklumat	– 52 orang
Perubatan dan Kesihatan	– 79 orang
Industri	– 38 orang
Sains dan Teknologi	– 12 orang
Seni dan Budaya	– 2 orang
Aerospace	– 2 orang
Lain-lain	– 21 orang.

Taburan kelulusan mengikut negara tempat mereka bekerja adalah seperti berikut:

Amerika Syarikat	– 28 orang
Australia	– 17 orang
Brunei Darussalam	– 25 orang
Kanada	– 5 orang
China	– 4 orang
Jepun	– 17 orang
Hong Kong	– 9 orang
Singapura	– 31 orang
Taiwan	– 11 orang
UK	– 83 orang
Lain-lain	- 25 orang

Sehingga April 2004 seramai 150 orang pemohon telah kembali ke Malaysia.

Di bawah program ini , kerajaan memberi beberapa insentif seperti berikut:

- Semua barang persendirian yang dibawa balik dikecualikan daripada cukai.
- Dua buah kereta yang dibawa balik dikecualikan daripada duti import dan cukai jalan.
- Isteri atau suami dan anak-anak pemohon yang bukan rakyat Malaysia diberi taraf pemastautin tetap dalam tempoh enam bulan selepas balik ke Malaysia.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad, kementerian ini telah melaksanakan Skim Latihan Graduan dan Skim Latihan Graduan ini terbahagi kepada yang pertama, tahap satu dan tahap dua. Semuanya itu bagi meningkatkan peluang mereka mendapatkan pekerjaan. Siawazah yang menganggur ini telah mengikuti latihan dalam beberapa kemahiran seperti Jualan dan Pemasaran, Perakaunan, Perniagaan, *Microsoft Certified System Engineer, SISCO Certified Network Profesional, Image System Administrator*, Teknologi Maklumat dan Bahasa Inggeris serta Bahasa Mandarin.

Kedua-dua skim latihan ini meliputi seramai 21,423 siswazah dan menelan belanja sebanyak RM140 juta.

Satu kajian dilakukan baru-baru ini menunjukkan 74% daripada mereka yang mengikuti latihan ini berjaya mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan sahaja, lebih 2/3 daripada mereka juga menerima gaji melebihi RM1,500 sebulan, usaha Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Temerloh ke atas cadangan supaya diadakan arah tuju yang baru dalam pendidikan dan latihan vokasional serta teknikal. Kerajaan menyedari betapa pentingnya sumbangan pekerja-pekerja teknikal dalam memastikan serta memperkukuhkan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional. Dengan itu, kerajaan

antara lain telah menyediakan latihan teknikal dan vokasional sebagai pilihan yang setaraf dengan bidang akademik.

Selain Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Pelajaran, MARA di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan Kementerian Belia dan Sukan, kementerian ini juga mempunyai 19 Institusi Latihan Teknikal yang terdiri daripada 14 Institut Latihan Perindustrian (ILP), empat Pusat Teknologi Tinggi dan satu Japan- Malaysia Technical Institute.

Tujuh lagi institut sedang dalam pembinaan. Di samping itu, Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (SIAS) di bawah kementerian saya, melatih pengajar teknikal bagi memenuhi keperluan negara, tujuan untuk tenaga pengajar teknikal.

Kerajaan juga menggalakkan pelajar-pelajar cemerlang memasuki bidang teknikal dan vokasional, ini bagi menghapuskan tanggapan bahawa bidang teknikal dan vokasional ini hanyalah untuk pelajar-pelajar yang tercicir ataupun dengan izin, *dropouts*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Temerloh, kerajaan juga akan memperkenalkan undang-undang kemahiran kebangsaan bagi membangunkan banyak lagi standard-standard kemahiran serta menjaga kualiti latihan. Baru-baru ini Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan dilantik menjadi *lead agency* dalam memperkenalkan *dual training system*, dengan izin. Di mana 70% hingga 80% daripada tempoh latihan merupakan latihan praktikal di peringkat industri. Manakala latihan teori di institusi latihan cuma 20% hingga 30% daripada tempoh latihan. Program ini akan dilaksanakan sepenuhnya mulai tahun 2005.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan penggajian pekerja asing yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kelana Jaya, Ahli Yang Berhormat bagi Beluran serta Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, sukacita dimaklumkan bahawa langkah membenarkan penggajian pekerja asing adalah merupakan langkah sementara. Penggajian ini hanya dibenarkan dalam sektor perladangan, pembinaan dan beberapa aktiviti dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan yang tidak diminati oleh pekerja tempatan. Oleh hal yang demikian, pembangkang jangan mengada-ngada hendak buat isu.

Dalam menimbangkan untuk menggaji pekerja asing, kerajaan sentiasa memastikan ianya tidak menjejaskan peluang pekerjaan pekerja tempatan, mana Ipoh Timur, cabut lari.

Di samping itu, langkah-langkah untuk mengurangkan pergantungan kepada pekerja-pekerja asing akan diteruskan melalui beberapa kaedah. Di antaranya, menggalakkan majikan mengautomasikan pengeluaran.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan kehadiran pekerja asing tidak menjejaskan keselamatan negara dan menimbulkan masalah-masalah sosial, kerajaan telah …..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Ipoh Barat minta penjelasan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, sila.

Tuan M. Kula Segaran: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini ada aduan, dalam ucapan saya telah memberitahu bahawa mendapat aduan bahawa pekerja-pekerja asing dengan sengaja diambil di Pelabuhan Klang dan MTUC telah membuat representasi kepada kerajaan. Baru-baru ini mereka juga mengheboh-hebohkan perkara ini di mana dikatakan bahawa kebanyakan orang tempatan di Pelabuhan Klang tidak mendapat kerja, ini aduan yang ada asas dari MTUC. Apakah ini betul atau tidak dan apakah tindakan yang sedang diambil?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Apa yang Yang Berhormat bagi Ipoh Barat maklumkan itu, saya ingat Ipoh Barat ketinggalan rekod, *you* sudah *out of dated*, sebenarnya apa yang diberi ataupun dimasukkan di Pelabuhan Klang itu ialah mereka yang telah mempunyai permit kerja. Yang dikatakan tidak mempunyai permit kerja itu bukan tanggungjawab kementerian, itu adalah di bawah tanggungjawab kementerian yang lain, jika ada. Tetapi yang ada itu memang sah ada permit. Ya, hendak bertanya lagi, sila.

Tuan M. Kula Segaran: Yang Berhormat, bukan setakat adakan permit, kalau Yang Berhormat datang ke Dewan ini mengatakan lain kementerian memberi permit, maka saya tidak boleh buat apa-apa, itu bukan satu jawapan yang ada kena mengena. *You* betul sebagai dari kementerian patut memberi penjelasan adakah ini dibenarkan. Kerana MTUC mengatakan, saya ada rekod-rekod yang akan menunjukkan bahawa mereka mengatakan bahawa ada pekerja-pekerja yang sudi dan layak untuk bekerja di sana, tetapi majikan-majikan dengan sengaja mengambil pekerja-pekerja asing. Apakah yang dibuat oleh kementerian Yang Berhormat?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, kalau Yang Berhormat bagi Ipoh Barat ada bukti-bukti, sila kemukakan kepada saya, jangan bercakap sahaja dalam Dewan ini, Hah! tidak ada bukti, lain kalilah, duduklah dahulu, saya hendak bercakap ini.

Tuan M. Kula Segaran: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Hah! Duduklah, fasal tidak ada bukti, cakap kosong sahaja, buang masa saya sahaja. Terima kasih.

Bagi memastikan kehadiran pekerja asing tidak menjejaskan keselamatan negara dan menimbulkan masalah-masalah sosial, kerajaan mengadakan memorandum persefahaman dengan negara-negara sumber iaitu Indonesia, Thailand, Vietnam, Sri Lanka, Bangladesh, Pakistan dan Republik Rakyat China, bagi memastikan kemasukan pekerja asing dari negara-negara ini lebih terkawal dan teratur.

Dengar baik-baik ya, Ipoh Barat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepong bangun, Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, sila Kepong, geng lama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya ada bukti kalau hendak tunjukkan bukti. Apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihak kementerian untuk menangani masalah pekerja-pekerja sama ada dengan izin ataupun tidak izin yang duduk ataupun diletakkan di rumah-rumah pangsa seperti di Kuala Lumpur? Banyak rumah pangsa dan di dalam itu ada pekerja-pekerja asing kerana mereka mempunyai tabiat dan tabii tidak serupa dengan para penduduk tempatan, maka timbullah masalah sosial ekonomi, termasuk perompak, peragut dan sebagainya. Apakah tindakan yang diambil oleh pihak kementerian. Ini ada bukti. Kalau hendak tengok, banyak di rumah-rumah pangsa. Pergi tengoklah…

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Dia hendak bukti, saya hendak tunjukkan bukti sekarang… *[Disampuk]* Soalan banyak, apakah tindakan yang sudah diambil.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Duduklah.

Dr. Tan Seng Giaw: Beberapa bulan kemudian saya akan kembali ke sini, tanya soalan yang serupa.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Okey! Soalan daripada Yang Berhormat bagi Kepong mudah sahaja. Kalau mereka salah, kita tangkap sahaja. Kita tidak pernah adakan kerjasama. Soalan itu, soalan yang tidak standard. Soalan yang rendah mutu tahapnya. Salah, tangkap, tidak kira… *[Disampuk]* Tidak faham-faham lagi Yang Berhormat bagi Kepong ini, macam baru masuk Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat. Sila teruskan, Yang Berhormat. Jangan buat …..

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Perbincangan…, kerana soalan tidak standard, saya teruskan.

Tuan Ronald Kiandee: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Perbincangan sedang dijalankan dengan beberapa negara sumber yang lain seperti Kemboja, Laos, Myanmar, India dan Nepal. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, penandatanganan MoU ini tidak bertujuan menambahkan bilangan pekerja asing. Sebaliknya, ia bertujuan bagi menentukan kemasukan pekerja asing dikawal dengan mengadakan kursus induksi, pemeriksaan kesihatan dan pemilihan pekerja secara lebih sistematik…

Tuan Ronald Kiandee: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Beluran bangun.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Hah! Ini standard, sila.. *[Ketawa]*

Tuan Ronald Kiandee: Terima kasih. Kawasan saya ramai yang hidup di bawah kemiskinan, Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya sepertiga daripada tanah dibuka dengan industri perladangan ini. Masalahnya, ia tidak dapat menarik minat, dan ini yang dikatakan, tidak dapat menarik minat pekerja tempatan, pengusaha ladang dibenarkan untuk mengambil pekerja daripada luar negara.

Masalahnya, gaji yang dibayar oleh pengusaha ladang ini. Kalau orang kampung, kerja pun masih juga hidup di bawah paras kemiskinan. Bererti ia tidak dapat menarik pekerja. Pengusaha ladang menggunakan alasan itu untuk memberi gaji yang kecil, jadikan alasan bahawa pekerja tempatan tidak minat bekerja dan menggunakan alasan itu untuk mengambil pekerja asing.

Saya rasa kementerian tahu masalah ini dan punca utama perkara ini berlaku adalah disebabkan gaji yang rendah. Saya ingin tahu, apakah tindakan kementerian untuk sama ada memaksa ataupun menentukan pengusaha ladang ini untuk memberi gaji yang tinggi dan tidak menggunakan alasan tidak minat itu, untuk mengambil pekerja asing.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih atas pandangan yang bernas itu. Untuk makluman Yang Berhormat, NUPW dan juga MAPA telah pun mencapai persetujuan, iaitu melaksanakan pendapatan minimum sekurang-kurangnya RM325 sebulan, di samping elaun-elaun dan insentif yang lain untuk pekerja-pekerja yang bekerja di ladang-ladang, khasnya di ladang-ladang kelapa sawit.

Kedua-dua pihak ini telah pun mengadakan proses perundingan untuk menentukan kadar gaji bulanan di sektor pertanian yang lain, khususnya di sektor ladang getah. Kementerian menggalakkan kedua-dua pihak ini mengadakan perundingan dan mencapai persetujuan dalam pembayaran gaji bulanan yang lebih baik daripada RM325 yang saya sebutkan tadi.

Kementerian juga mengambil langkah, iaitu memastikan pekerja-pekerja ladang menikmati kualiti hidup yang sempurna. Akta Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990, mewajibkan majikan ladang mengetepikan dan menyediakan tapak seluas 250 meter persegi kepada setiap pekerja bagi tujuan penanaman dan juga ragut. Pekerja-pekerja ladang boleh menggunakan tanah tersebut untuk menanam atau memelihara binatang.

Puas hati, Yang Berhormat bagi Beluran.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat jangan cakap macam itu. Ya, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Sila.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri begitu *firm* dia menjawab.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ini ekoran daripada soalan Yang Berhormat bagi Beluran. Kita mengalu-alukanlah langkah kerajaan. Walau bagaimanapun, dasar ini hendaklah dilaksanakan. Sehingga hari ini, di kawasan saya terdapat 39 kilang

kelapa sawit CPO tetapi masalahnya cuma lebih kurang 5% sahaja pekerja tempatan. Ini yang berlaku.

Apabila 5%, bererti 95% di dominasi oleh pekerja-pekerja asing, dengan gaji tidak melebihi daripada RM8 sehari. Bagaimana mahu menarik minat masyarakat tempatan ini dengan gaji yang sebegitu rendah dan *advantage* ini pula, dengan izin, digunakan oleh pihak pengusaha-pengusaha ladang itu sendiri. Di mana buruh asing ini kadang-kadang, dia tidak *legalize*, dia diseludupkan, tidak tahu macam mana penyeludupan ini. Berkekalanlah sistem seumpama ini, Tuan Yang di-Pertua, sehingga bila-bila masa dan kerajaan rugi, rakyat pun rugi.

Apakah langkah kementerian?. Adakah kementerian berhasrat membawa pasukan polis untuk turun sama-sama memeriksa ladang-ladang ini, sebab mereka menipu kerajaan, menipu rakyat, menipu kita. Minta penjelasan. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha sedang dijalankan supaya lebih ramai rakyat tempatan bekerja di sektor perladangan. Masalah yang berlaku sekarang, iaitu terdapat 86.7% tawaran kerja, jika dibandingkan dengan mereka yang hendak bekerja di sektor perladangan. Masalah tidak minat disebabkan oleh gaji yang agak rendah menyebabkan pekerja-pekerja tempatan agak tidak berminat. Walau bagaimanapun, usaha-usaha sedang dibuat bagi menarik minat rakyat tempatan bekerja di sektor ladang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon meneruskan…

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat bagi Labuan supaya pembantu rumah Islam bekerja dengan majikan Islam sahaja. Pada masa ini, tidak ada undang-undang yang menetapkan bahawa pembantu rumah Islam mesti bekerja dengan majikan Islam.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, perkara itu telah pun dibahaskan dan dijawab tadi.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan pada yang lain.

Mengenai penderaan pembantu rumah asing yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Labuan dan Yang Berhormat bagi Muar, kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada kebajikan mereka dan mengambil tindakan mengikut undang-undang yang ada...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukup Yang Berhormat, kerana dua kementerian sudah membahaskan perkara itu. Perkara penderaan, Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya beralih kepada yang lain, Tuan Yang di-Pertua….

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Berhubung dengan pertikaian perusahaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timur dan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, saya ingin memaklumkan di sini bahawa kelewatan yang ditimbulkan itu adalah kesan kegawatan ekonomi pada tahun 1998 dan 1999, apabila kes pembuangan pekerja bertambah secara mendadak.

Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Perhubungan Perusahaan sedang mengambil langkah-langkah tertentu bagi menyelesaikan kes-kes tunggakan. Di antara langkah-langkah ini ialah menambahkan bilangan pegawai dengan pelantikan pesara secara kontrak, *redeployment* pegawai-pegawai yang berpengalaman daripada jabatan-jabatan lain di bawah kementerian saya dan juga bekerja lebih masa sehingga jam 10.00 malam.

Tunggakan kes ini dijangka dapat diselesaikan dalam beberapa bulan lagi. Pihak Jabatan Perkhidmatan Awam juga telah meluluskan penyusunan semula Jabatan Perhubungan Perusahaan dengan menambahkan bilangan jawatan iaitu sebanyak 150 orang pegawai-pegawai yang baru. Dengan adanya jawatan tambahan ini, kes tertunggak di peringkat Jabatan Perhubungan Perusahaan sepatutnya tidak timbul lagi…

Tuan M. Kula Segaran: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat bangun.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, sila.

Tuan M. Kula Segaran: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya hendak katakan, pada pandangan MTUC, saya baca apa yang mereka telah hantar kepada Menteri mengenai perkara ini, dengan izin, "*MTUC repeatedly highlighted the heavy workload in post on the consolation officers, especially at the Industrial Relation Department in Selangor and Federal Territory. The undue pressure and burden on the officers resulted, shoddy consolation. Reports are not done even after a year of conclusion of consolation proceeding. Files were miss-place and some cases were reopened because new officers were assign. Could not read the notes left by the previous officers"*

Ini adalah perkara yang saya difahamkan bukan wujud di sini sahaja tetapi di seluruh Malaysia. Saya berterima kasihlah kerana kementerian ingin melantik lebih pegawai-pegawai tetapi pada pandangan saya, apakah tindakan susulan yang akan diambil oleh kementerian atas aduan-aduan yang dibuat oleh MTUC.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Di antara tindakan yang sedang diusahakan iaitu menambah pegawai-pegawai tadi dan juga melebihkan masa bekerja. Kementerian juga sedang berusaha untuk menambah lagi sebanyak 23 pengerusi mahkamah di samping membuka atau menambah mahkamah-mahkamah baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan di sini bahawa adalah menjadi hasrat dan harapan Mahkamah Perusahaan menyelesaikan semua jenis pertikaian perusahaan yang dirujuk kepadanya secepat mungkin, supaya keadilan dapat diberikan kepada semua pihak yang terlibat sama ada pekerja mahupun majikan tanpa penangguhan. Walau bagaimanapun ada kalanya kes-kes terpaksa ditangguhkan kerana faktor-faktor yang di luar jangkaan dan di luar kawalan Mahkamah Perusahaan. Kerajaan sedang mengkaji berapa pendekatan bagi mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat bagi Ipoh Barat yang sedang berdiri. Tindakan-tindakan sedang diambil bagi memastikan semua pengerusi Mahkamah Perusahaan mengeluarkan *award* bagi kes-kes yang telah dibicarakan.

Tuan M. Kula Segaran: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dia bangun pula.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, sila kita beri pula.

Tuan M. Kula Segaran: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Masalah *backlog of cases,* dengan izin bukan sahaja di *Industrial Relation Office,* Seksyen 20 tetapi juga dengan kementerian, di mana kementerian tidak merujuk atau memberi satu keputusan untuk merujuk kepada Mahkamah Perusahaan atau menolak apa yang dicadangkan oleh *Industrial Relation Office*. Saya difahamkan ada lebih kurang lapan kesepuluh ribu kes di meja menteri dan menteri tidak membuat keputusan, ada kes-kes yang lebih dari dua atau tiga tahun. Apakah kecuaian ini dibenarkan berlaku?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Itu adalah satu maklumat yang tidak benar dan tidak tepat sama sekali. Untuk makluman Yang Berhormat yang tidak mengetahui tidak tepat itu, kes yang berada di Mahkamah Perusahaan hari ini hanya sekadar 2,240 sahaja, yang disebut sebanyak 6,000 kes lebih itu adalah kes-kes yang sedang dikendalikan dan telah pun banyak yang selesai. Daripada 6,000 kes yang diselesaikan, hari ini kita telah mengurangkan kepada 1,700, jadi 6,000 tolak 1,700 dalam 4,300 sahaja. Kita memberi jaminan bahawa kes-kes ini akan dapat diselesaikan tidak lewat daripada bulan Oktober tahun ini. Ini adalah kerana kita mempunyai 21 orang pengerusi ataupun pengerusi mahkamah yang boleh menyelesaikan sekurang-kurangnya enam kes sehari, kalau setahun 12 bulan 21 x 6 x 12, kes yang boleh diselesaikan sebanyak 1,512 kes. Jadi, kalau ada..

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan pula Yang Berhormat?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, sila.

Tuan M. Kula Segaran: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Timbalan Menteri sudah salah faham apa yang saya minta penjelasan. Saya berterima kasih kepada

jawapan mengenai apa yang akan dibuat oleh hakim di Mahkamah Perusahaan, tetapi soalan saya yang khusus adalah mengenai masalah di kementerian sendiri *Director General* di mana menteri tersebut, di mana dia perlu membuat satu keputusan adakah kes itu boleh dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan atau ditolak. Saya difahamkan ada *backlog* di sana. Itu yang menjadi masalah, saya difahamkan oleh MTUC sendiri yang telah memberi *report* kepada saya.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Kita punya menteri adalah seorang menteri yang bertanggungjawab, yang bagus, yang baik dan dia telah membuat banyak keputusan yang tepat di mana kes-kes itu telah pun banyak diselesaikan sebelum dihantar ke Mahkamah Perusahaan. Kes-kes yang dihantar ke Mahkamah Perusahaan adalah kes-kes yang tidak boleh dirunding ataupun didamaikan secara sama-sama antara pekerja dan juga majikan.

Kita sepatutnya mengucapkan tahniah kepada menteri dan juga pihak pegawai yang telah dapat menyelesaikan kes yang begitu cepat dan banyak sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan Yang Berhormat sila.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Berhubung dengan pendaftaran Kesatuan Sekerja seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, tidak ada dalam Dewan hari ini Tuan Yang di-Pertua, perlu dimaklumkan bahawa di bawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967, majikan dikehendaki memberi jawapan dalam tempoh 21 hari sama ada mengiktiraf secara sukarela atau tidak mengiktiraf kesatuan.

Majikan tidak mengiktiraf kesatuan berkenaan dengan membangkitkan perkara-perkara yang melibatkan isu skop keahlian, kelayakan kesatuan untuk mewakili pekerja-pekerja di syarikat atau sebab-sebab lain kesatuan boleh merujukkan perkara ini kepada Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan untuk penyelesaian. Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan akan mengambil tindakan lanjut termasuk membuat siasatan sebelum mengemukakan laporan kepada Menteri Sumber Manusia untuk keputusan. Dengan itu, kerajaan telah mengguna pakai had tempoh 21 hari seperti yang diiktiraf oleh *International Labour Organization (ILO),* dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat supaya Akta Kerja 1955 dikaji semula bagi meliputi pekerja yang bergaji sehingga RM5,000, perkara ini perlu dikaji secara lebih mendalam. Cadangan ini akan memberi perlindungan kepada lebih ramai pekerja di negara ini. Pada masa yang sama ini mungkin akan meningkatkan kos untuk menjalankan perniagaan di negara ini dan ini mungkin akan menjejaskan daya saing negara. Dengan itu saya berpendapat kita mengimbangi kedua-dua aspek ini sebelum suatu keputusan dibuat.

Tuan M. Kula Segaran: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Dia bangun pula Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sila kita beri pula.

Tuan M. Kula Segaran: Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa proses pengiktirafan *recognition process*, ini semua dari segi undang-undang saya tahu dan saya ingat ramai orang tahu mengenainya, tetapi menjadi masalah yang saya dengan tepat dengan khusus, *I gave express* memberitahu dalam ucapan saya bahawa (NLAC) *National Labour Advisory Council* telah memberi satu pendapat dan ini adalah pendapat yang diterima pakai oleh majikan MTUC dan kerajaan. Kenapa rang undang-undang tidak diterima pakai mengenai apa cadangan mereka, kenapa?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Siapa kata tidak menerima pakai?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sila.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya bertanya kepada dia sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Sila jawab Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Pertanyaan saya itu memberikan jawapan. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mengamalkan prinsip pendapatan gaji mengikut kuasa-kuasa pasaran yang bergantung kepada permintaan dan penawaran dalam pasaran buruh. Oleh itu akan terdapat keadaan di mana kadar gaji yang diterima oleh pekerja-pekerja adalah berbeza, iaitu ada yang mendapat gaji yang tinggi dan ada yang

menerima gaji yang rendah, kerana pekerjaan yang berlainan. Malahan antara syarikat dalam sektor yang sama akan terdapat perbezaan, sungguhpun menjalankan kerja yang sama. Ini bergantung kepada keupayaan industri berkenaan. Kerajaan tidak bercadang mewujudkan gaji minimum seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor telah menyentuh hak keselamatan sosial para pekerja yang didakwa tidak terjamin. Sukacita saya maklumkan di sini bahawa kementerian saya melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial mengendalikan dua skim perlindungan keselamatan sosial pekerja iaitu Skim Insurans Bencana Kerja dan Skim Pencen Ilat. Di bawah skim-skim tersebut pekerja layak memperolehi faedah tunai perubatan dan pemulihan. Pekerja yang layak dilindungi di bawah Akta Keselamatan Sosial 1969 adalah mereka yang bergaji kurang daripada RM2,000 sebulan tertakluk kepada prinsip sekali dilindungi terus dilindungi. Sungguhpun gaji pekerja berkenaan kemudiannya melebihi RM2,000 sebulan, baik itu.

Bagi pekerja yang memasuki pasaran buruh, buat pertama kalinya dengan gaji melebihi RM2,000 sebulan diberi pilihan untuk dilindungi di bawah akta ini dengan syarat kedua-dua pihak iaitu majikan dan pekerja sendiri bersetuju. Sejak akta ini dilaksanakan dalam tahun 1971 beberapa perlindungan baru telah diperkenalkan di antaranya adalah *commuting accident,* pencen penakat dan pinjaman pendidikan untuk anak-anak menerima faedah jangka panjang serta melonggarkan syarat-syarat kelayakan caruman bagi tuntutan pencen ilat dan pencen penakan.

Di samping itu PERKESO telah baru-baru ini memperkenalkan rawatan dialisis percuma bagi pekerja yang mengalami keilatan akibat sakit pinggang pada peringkat *end stage renal failure,* dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2003 seramai 241,038 orang pekerja yang ditimpa kemalangan dan orang-orang tanggungan mereka telah menerima faedah PERKESO berbanding 212,817 orang pekerja pada tahun 1999, iaitu peningkatan sebanyak 13.3 peratus. Dari segi bayaran pampasan pula, ia telah meningkat daripada RM497 juta pada tahun 1999 kepada RM754 juta pada tahun 2003, iaitu sebanyak 52 peratus.

Tuan Razali bin Ismail: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, di belakang ada yang bangun. Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, ya?

Seorang Ahli: Kuala Terengganu.

Datuk Abdul Rahman Bakar: Oh sila, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, geng. Sahabat saya ini.

Tuan Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Tadi telah disebut tentang upah ataupun gaji. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri dari segi perbandingan-perbandingan gaji ataupun upah kita berbanding dengan negara-negara jiran kita seperti Indonesia, Thailand, Filipina ataupun negeri China sendiri. Bagaimanakah status dan kedudukan kita sebab yang penting kepada kita, kita bukan sahaja hendak melihat dari segi gajinya itu ataupun *the wages*, gajinya itu tetapi juga hendak dilihat dari segi *performance*nya, hendak dilihat dari segi *productivity*nya dan juga hendak dilihat dari segi *profitability*nya sebab kita sekarang ini bersaing dan bertanding di peringkat global. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman Bakar: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Gaji yang diberi oleh pihak majikan di Malaysia adalah jauh lebih baik dan lumayan jika dibandingkan dengan gaji di negara-negara jiran, kecuali mungkin yang berbeza ialah Singapura sahaja. Begitu juga dari segi khidmat mereka adalah memuaskan setakat ini, dan setengah daripada mereka itu, kebanyakan pekerja-pekerja itu telah memenuhi piawaian atau standard sebagaimana yang dituntut, dikehendaki oleh pihak Kementerian Sumber Manusia.

Saya sambung Tuan Yang di-Pertua. Perangkaan ini jelas menunjukkan bahawa ramai pekerja yang terlindung di bawah Skim Insurans PERKESO, termasuk orang tanggungan mereka. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, PERKESO akan memperkenalkan bayaran faedah kematian secara serta-merta kepada waris terdekat.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pertanyaan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor yang ingin mengetahui sama ada kajian dilakukan untuk menentukan bilangan peluang pekerjaan yang kita kehilangan akibat penutupan kilang-kilang yang melibatkan SME serta sektor manakah yang diramalkan akan terjejas berikutnya, sukacita dimaklumkan bahawa kementerian saya melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) menerima data-data pemberhentian kerja bagi semua sektor termasuk SME melalui penguatkuasaan Akta Kerja 1955.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Larut bangun.

Datuk Abdul Rahman Bakar: Ya, sila.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tahniah Yang Berhormat. *Giant Killer*, dapat mengalahkan bekas Ketua Pembangkang.

Datuk Abdul Rahman Bakar: Apa soalannya?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Hendak masuklah ini. Saya cuma hendak bertanya kepada Yang Berhormat, selepas sepenggal Terengganu terutamanya, di bawah kepimpinan pembangkang, bezanya selepas Kerajaan Barisan Nasional mengambil alih, bagaimanakah peluang-peluang pekerjaan, terutamanya di kalangan tenaga buruh di Terengganu pada hari ini? Minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat, dari segi layanan terutamanya.

Datuk Abdul Rahman Bakar: Saya telah pun melawat Jabatan Tenaga Buruh di Terengganu dan sambutan kepada peluang-peluang pekerjaan sangat memuaskan dan kita difahamkan iaitu Kerajaan Negeri Terengganu di bawah Barisan Nasional hari ini mampu untuk menyediakan peluang-peluang pekerjaan dan dalam masa yang sama juga akan mengurangkan kadar pengangguran. Sangat berbeza dengan kerajaan dahulu, PAS bulan.

Akta ini mewajibkan majikan yang ingin memberhentikan pekerja mereka supaya melaporkan kepada JTK yang berhampiran sebulan sebelum tarikh pemberhentian kerja dilakukan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Menyampuk]* Soalan baik Yang Berhormat, soalan baik.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Jerai bangun.

Datuk Abdul Rahman Bakar: Soalan baik, sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sistem atau cara pengambilan pekerja-pekerja di dalam sesebuah kilang. Contohnya di kawasan Parlimen saya ada dua tiga buah kilang, saya tidak mahulah sebut nama, yang dibina, diberi tanah di situ, diambil tanah orang dan sebagainya dan kemudian bayar pampasan …. okey, yang itu tidak mengapa, tetapi dari segi pengambilan tenaga kerja. Kadang-kadang orang tempatan itu sendiri tidak mendapat peluang bekerja. Mereka mengimport orang dari luar untuk bekerja. Orang di situ marah, Tuan Yang di-Pertua, dan ada yang menangis, yang susah hati kerana tidak ada kerja sedangkan kilang didirikan dalam kampung mereka. Selain itu masalah sosial pula Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita katakan tidak ada kerja, takkanlah orang kampung setakat menjadi *labour* pun tidak boleh jadikah? Kepada siapakah saya hendak memohon belas kasihan, kasihan kepada orang kampung saya.

Tuan Yang di-Pertua: Jikalau Yang Berhormat boleh bagi nama kilang-kilang itu kepada kementerian, barangkali mereka boleh menyiasat, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya hendak bagi sekarang bolehkah?

Datuk Abdul Rahman Bakar: Okey, saya tunggu dulu nama-nama itu diberi kepada saya, kemudian saya akan memberi jawapan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya beri sekarang bolehkah?

Datuk Abdul Rahman Bakar: Boleh.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Satu, Naza Kia, satu lagi Petronas Fertilizer dan satu lagi Modenas, satu lagi Perwaja … Perwaja dah *out* tetapi tidak mengapalah yang itu, soalnya yang belum *out* lagi ini, tidak ada peluang.

Datuk Abdul Rahman Bakar: Sudah cukup?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Orang-orang di situ marah. Saya minta kepada Yang Berhormat supaya satu hari nanti boleh ikut saya supaya boleh saya tunjukkan kepada mereka ini semua.

Datuk Abdul Rahman Bakar: Tuan Yang di-Pertua, mohon izin saya jawab sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Abdul Rahman Bakar: Dari segi kekosongan pekerjaan yang memerlukan tenaga kerja yang besar bukan sahaja berlaku di dalam sektor perladangan malahan dalam sektor pembuatan termasuk Naza Kia dan yang lain-lain, kita masih memerlukan 1:50. Diambilnya pekerja-pekerja luar itu memandangkan masih lagi kekurangan pekerja-pekerja tempatan dan dalam masa yang sama juga kita menggalakkan serta meminta industri-industri ataupun kilang-kilang ini mengutamakan pekerja-pekerja *local* ataupun pekerja-pekerja tempatan. Tindakan sedang diambil.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh terima nisbah itu.

Datuk Abdul Rahman Bakar: Betul.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kawasan saya banyak orang yang berkelulusan, yang berkebolehan tetapi mereka tidak ambil. Itu yang saya tidak seronok.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak mengapalah. Biarlah kementerian menyiasat, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Siasat Tuan Yang di-Pertua? Siasat ya?

Datuk Abdul Rahman Bakar: Siasat dulu ya. Siasat dulu. Siasat dahululah baru beri kepada saya. Akta ini mewajibkan majikan yang ingin memberhentikan pekerja mereka melaporkan kepada JTK yang berhampiran sebulan sebelum tarikh pemberhentian kerja dilakukan. Berdasarkan data pemberhentian kerja bagi tempoh 1 Januari 2004 sehingga 15 Mei 2004 seramai 7,774 pekerja telah diberhentikan kerja di seluruh Malaysia. Tiga sektor yang mengalami pemberhentian kerja yang paling ramai ialah sektor pembuatan dengan angka 5,170 pekerja atau 66.5 peratus diikuti oleh sektor perkhidmatan dengan kes 689 pekerjaan atau 8.9 peratus.

Tuan Ahmad Shaberry Cheek: [*Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Kemaman bangun di belakang.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sila.

Tuan Ahmad Shaberry Cheek: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ingin saya bertanya kepada sahabat saya, Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau kita lihat negara-negara maju dan kita sememangnya ingin menuju ke arah menjadi status negara maju dan dikaitkan dengan soal *good governance*, atau kerajaan yang baik, soal pekerjaan adalah soal yang sensitif dan soal yang mesti dipertanggungjawabkan kepada kerajaan untuk memastikan setiap warganegaranya bekerja.

Sebab itulah di negara-negara ini kalau kita lihat tentang laporan soal pekerjaan baru diwujudkan, laporan mengenai berapa ramai yang dibuang kerja itu dibuat seperti laporan ramalan kaji cuaca. Setiap hari selepas laporan kaji cuaca, diikuti laporan pasaran saham dan laporan berkenaan dengan berapakah pekerjaan baru diwujudkan dan berapakah pekerjaan yang hilang pada setiap hari. Bilakah kita di Malaysia akan melaksanakan cara yang seperti itu supaya kita dilihat sentiasa insaf dan prihatin terhadap soal pekerjaan di negara kita.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, sama juga seperti laporan orang yang beranak dan orang yang mati, ada yang mati dan ada yang beranak, tidak boleh dikatakan semacam laporan ramalan kaji cuaca. Tetapi kita juga

sentiasa menyimpan data-data serta rekod-rekod yang terperinci, yang dianalisa pada setiap masa khususnya terhadap *annual report* yang kita buat setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagikah Yang Berhormat ?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, ya.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sektor pertanian pula mengalami pemberhentian pekerjaan sebanyak 678 pekerjaan atau 8.7 peratus. Namun demikian, ingin saya nyatakan di sini bahawa sambil kita kehilangan pekerjaan kita juga telah berjaya mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang baru. Bagi bulan Mac 2004 sahaja, sebanyak 4,362 kekosongan yang terdiri dari pelbagai sektor dan peringkat jawatan telah dilaporkan. Saya ingin memaklumkan, sungguhpun pemberhentian kerja akan terus berlaku tetapi ia dijangka akan berkurangan berikutan ramalan pertumbuhan ekonomi yang lebih baik pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu tuntutan palsu terhadap Tabung Pembangunan Kemahiran yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulung, ingin dinyatakan bahawa kementerian saya mengenakan syarat-syarat yang ketat serta proses semakan yang terperinci bagi mencegah sebarang tuntutan palsu daripada institut-institut latihan. Jika ada sebarang keraguan, siasatan lanjut, termasuk lawatan ke institusi yang berkenaan, akan dilakukan. Di bawah proses ini, pemalsuan oleh institut latihan akan dapat dikesan oleh peminjam atau penjamin, melainkan mereka yang bersubahat.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Yang Berhormat bagi Beluran supaya kerajaan mengadakan skim gaji bulanan dan kemudahan yang menarik bagi pekerja di sektor ladang, sukacita dinyatakan bahawa satu perjanjian bersama di antara Persatuan Pengeluar-pengeluar Pertanian Tanah Melayu (MAPA) dan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Ladang (NUPW) telah ditandatangani. Dengan perjanjian ini, MAPA bersetuju dengan cadangan NUPW untuk memberi upah minimum sebanyak RM350 sebulan bagi penoreh getah, faedah-faedah lain bagi penoreh getah termasuk pemberian insentif *high yield, scrap rate* dan *price bonus*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang telah membangkitkan isu-isu berkaitan Kementerian Sumber Manusia di Dewan yang mulia ini yang tidak sempat saya menjawab dalam masa yang singkat ini, saya ingin memaklumkan bahawa kementerian saya amat menghargai teguran, komen, cadangan dan pandangan yang membina dan akan mengambil perhatian serta tindakan sewajarnya terhadap isu-isu dan cadangan yang dikemukakan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

7.00 mlm.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Beluran, Bentong, Kanowit, Santubong, Baram, Serdang, Rantau Panjang dan Jerai yang telah membangkitkan perkara-perkara yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Saya akan menjawabnya mengikut isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, isu kelapa sawit yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Beluran, Bentong, Kanowit dan Santubong. Pertama sekali, saya ingin menyentuh mengenai cadangan Yang Berhormat bagi Beluran agar sebahagian daripada kutipan ses sawit digunakan sebagai insentif untuk menarik pekerja tempatan, bekerja dalam sektor ladang, kerana gaji yang dibayar di sektor ladang difikirkan rendah dan tidak menarik.

Sukacita saya memaklumkan, bahawa wang ses yang dikutip daripada minyak sawit adalah digunakan khusus untuk membiayai aktiviti-aktiviti penyelidikan dan

pembangunan, promosi dan perkhidmatan kepada industri sawit negara. Ketiga-tiga perkara ini perlu diberi keutamaan untuk menentukan industri sawit negara terus berdaya saing di pasaran antarabangsa. Malahan, ingin saya menegaskan di sini, bahawa prestasi industri sawit yang membanggakan, serta harga yang tinggi yang sedang dinikmati sekarang, sebenarnya adalah hasil daripada penekanan kerajaan terhadap pelaksanaan aktiviti-aktiviti tersebut, termasuk tumpuan yang diberi kepada kecekapan dan kualiti di dalam pengeluaran. Pada masa ini, kerajaan tidak ada cadangan untuk mengutip ses tambahan, khususnya bagi membayar gaji pekerja ladang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bentong, mengenai mengoptimumkan penggunaan tanah di ladang sawit untuk mendapatkan hasil yang lebih, sukalah saya menegaskan bahawa selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan sektor pertanian sebagai salah satu sumber menjana ekonomi negara, aktiviti integrasi pertanian adalah digalakkan, sama ada integrasi satu jenis tanaman dengan tanaman yang lain, ataupun tanaman dengan ternakan. Ini, bukan sahaja akan meningkatkan pendapatan para petani tetapi juga akan menyumbang kepada menambahkan bekalan makanan negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ujian yang telah dijalankan di tapak bagi mengintegrasikan tanaman sawit dengan tanaman-tanaman yang lain, termasuk ternakan haiwan untuk mengoptimumkan penggunaan tanah, telah pun dijalankan di beberapa kawasan di sekitar negeri Selangor, Perak dan Negeri Sembilan. Hasil daripada ujian ini, menunjukkan bahawa usaha ini boleh mendatangkan hasil yang lumayan dan membawa keuntungan.

Namun demikian, sebelum usaha ini dapat dilaksanakan dalam skala yang lebih meluas, kajian pasaran perlulah dijalankan. Ini, adalah untuk memastikan bahawa hasil tanaman tidak membanjiri pasaran dan masih dapat dijual pada harga yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga……

Tuan Liow Tiong Lai: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Ada yang bangun Yang Berhormat, ya.

Tuan Liow Tiong Lai: Ya. Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana telah memberi satu jawapan yang begitu jelas, bagaimana kita hendak mengoptimumkan penggunaan tanah di ladang-ladang kelapa sawit. Saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat Menteri, berhubung dengan kejatuhan harga sawit sekarang. Adakah ia sementara dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk memastikan harga sawit dapat distabilkan. Terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bentong. Memang ini adalah satu perkara yang diawasi oleh pihak kementerian ini, kerana kita fahamlah, dengan adanya harga yang lumayan dalam tahun ini, kalaulah harga ini jatuh, kita akan ambil tindakan yang sewajarnya untuk menstabilkan harga minyak sawit ini. Walau bagaimanapun, saya difahamkan baru-baru ini, harga ini sudah dalam satu paras yang agak stabil, iaitu dalam lingkungan RM1,550.50 dalam harga CPO, pada 28 Mei ini. Kita tidak anggap harga ini akan terus jatuh, menjunam sampai paras yang lebih rendah lagi. Oleh sebab itu, maka kita akan berhati-hatilah tentang naik atau turun harga ini dan kita akan menyediakan langkah-langkah yang perlu untuk menstabilkan harga ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kanowit mencadangkan supaya diwujudkan ladang-ladang kelapa sawit di tanah-tanah terbiar bagi menambahkan pendapatan masyarakat setempat serta mewujudkan peluang pekerjaan dan bagi menggalakkan penghijrahan masyarakat setempat ke kawasan lain, untuk mencari peluang pekerjaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian saya sedang dan memang menyokong cadangan supaya tanah terbiar dan tanah yang sesuai patut ditanam dengan kelapa sawit atau lain-lain tanaman. Namun demikian, peruntukan tanah mengikut aktiviti ekonomi adalah terletak di bawah bidang kuasa dan persetujuan kerajaan negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Santubong menyentuh mengenai pengeluaran minyak sawit mentah atau CPO daripada kawasan tanaman sawit yang

telah matang dan mencadangkan supaya kementerian mengambil tindakan khusus, agar pengeksportan minyak sawit mentah negara atau CPO tidak akan berkurang dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Terima kasihlah Yang Berhormat kerana cadangan ini bernas dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keluasan tanaman sawit pada tahun 2003 adalah sekitar 3.8 juta hektar, di mana 3.3 juta hektar merupakan kawasan matang. Pengeluaran minyak sawit mentah telah menunjukkan peningkatan sejak 10 tahun kebelakangan ini, iaitu daripada 6.1 juta tan pada tahun 1990 kepada 13.4 juta tan pada tahun 2003. Ini dijangkakan akan meningkat lagi kepada 13.6 juta tan pada tahun ini, 14.2 juta tan pada tahun 2005 dan 16.5 juta tan menjelang tahun 2010.

Dalam perkara ini usaha-usaha sentiasa dijalankan oleh kementerian saya untuk meningkatkan lagi produktiviti ladang-ladang sawit ini supaya pengeluaran-pengeluaran dapat ditingkatkan lagi di masa hadapan. Ingin saya menjelaskan telah menjadi dasar kerajaan untuk menggalakkan pengeksportan produk sawit yang telah diproses berbanding dengan pengeksportan minyak sawit mentah sahaja iaitu CPO. Ini adalah kerana kerajaan menggalakkan pengeksportan produk-produk bernilai tambah. Walau bagaimanapun kita membenarkan pengeksportan CPO secara terhad dan terpilih untuk memenuhi permintaan daripada negara-negara rakan perdagangan yang penting seperti India dan Kesatuan Eropah.

Untuk makluman Yang Berhormat, daripada 12.25 juta tan minyak sawit yang telah dieksport pada tahun 2003, 11.01 juta tan adalah merupakan minyak sawit yang telah diproses manakala 1.24 juta tan adalah merupakan minyak sawit mentah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu kayu-kayan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Santubong saya ingin menjelaskan di sini, bahawa apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat ialah pengeluaran kayu getah atau produk-produk yang berasaskan kayu-kayan iaitu pengeluarannya...

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Saya minta maaflah sekejap ya, nanti saya habiskan dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap, sekejap Yang Berhormat, bagi dia habiskan ayat dia dahulu.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Berasaskan kayu-kayan iaitu pengeluarannya mestilah mendapatkan persijilan atau *certification* daripada Forest Stewardship Council (FSC).

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak kembali kepada kelapa sawit ini. Saya daripada kawasan pertanian Sabak Bernam, kelapa sawit adalah salah satu daripada perusahaan yang sangat besar. Yang paling ditakuti oleh penduduk ataupun rakyat ialah *fluctuation* harga kepada kelapa sawit ini. Saya ingin bertanya, dalam unjuran yang begitu baik sehingga tahun 2010, apakah jaminan harga yang baik kepada produk ini? Terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Yang Berhormat terima kasih kerana kita tidak dapat menjaminkan harga ini mesti dalam satu paras yang tinggi, kerana ini ditumpukan kepada *market forces,* dengan izin kerana kita tahulah harga komoditi ini seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi iaitu menghadapi masalah *fluctuation* sini. Kita cubalah mengadakan langkah-langkah yang kita perlu ambil untuk memastikan bahawa kalaulah harga ini turun kepada paras yang kita rasa tidak membimbangkan, kita akan mengehadkan jumlah CPO atau proses minyak yang kita akan memasarkan di dalam pasaran ini, supaya kalaulah pasaran itu kurang daripada jumlah *supply* ini, maka harga itu akan ditahankan dalam satu paras yang agak stabil.

Langkah yang lain kita boleh menggunakan cara *burning*, ini satu langkah yang kita gunakan, kalaulah ada terlalu banyak CPO di dalam pasaran kita akan gunakan CPO ini untuk menjadikan *deserve*, dengan izin supaya minyak kita ini boleh digunakan untuk kereta atau untuk enjin-enjin yang lain. Selain daripada proses minyak atau CPO itu kita boleh gunakan minyak untuk lain-lain kegunaan. Ini sekali gus akan mengurangkan *supply* di dalam pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai *Forest Stewardship Council* ini ingin saya memberi sedikit penjelasan di sini, permintaan terhadap keluaran berasaskan kayu-kayan yang mempunyai sijil berkenaan sedang meningkat di kalangan pengguna-pengguna di Eropah yang mementingkan pemeliharaan alam sekitar. Isu persijilan ini telah dijadikan satu isu alam sekitar oleh pihak-pihak tertentu di Barat dan saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa ini adalah merupakan salah satu halangan perdagangan bukan *tarif* atau *non-tarif trade barrier,* yang bertujuan bagi menyukarkan kemasukan produk-produk kayu tropika di dalam pasaran tersebut.

Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini, FSC hanyalah merupakan salah satu daripada skim persijilan kayu yang mendapatkan perhatian pihak pembeli khususnya di Eropah. Walau bagaimanapun Skim Majlis Persijilan Kayu Malaysia atau *Malaysian Timber Certification Council* atau MTCC juga kini telah diiktiraf dan diterima di beberapa buah negara di Eropah seperti di Denmark dan di United Kindom. Ini adalah hasil daripada usaha kerajaan untuk memperkenalkan dan mempromosikan skim persijilan MTCC di negara Eropah. MTCC akan terus bekerjasama dengan beberapa negara lain di Eropah untuk memastikan bahawa skim persijilan MTCC ini dapat diterima oleh pihak berkenaan di kawasan-kawasan Eropah itu.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Hmm, Santubong bangun Yang Berhormat.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Sila.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Menteri kerana menjawab cukup jelas. Apa yang saya bimbang di sini daripada awal lagi berhubung dengan *Forest Stewardship Council* ini, *certification* ini sebenarnya bunyi sahaja dia *environmental* tapi sebenarnya itu dia *non tariff trade barrier* yang dibuat oleh pihak Eropah supaya menghalangkan kemasukan kayu tropika daripada masuk ke negara Eropah.

Semasa ini oleh sebab Sijil Majlis Persijilan Kayu Malaysia ini baru diterima untuk beberapa buah negara sahaja. Bermakna kita masih banyak batasan untuk memasuki pasaran Eropah, bahkan kalau kita lihat kelapa sawit dan kayu getah yang meningkat sekali, mendadak pada tahun 2003 untuk pengeluaran pertanian. Ini yang saya persoalkan hanya 90% daripadanya *small holders* dan hanya 10% daripada *big estate* - kemungkinan.

Apakah tindakan kementerian supaya orang yang banyak duit dan kaya ini boleh terlibat secara besar-besaran untuk menanam getah kerana *demand* daripada Republic of China dan Eropah semakin meningkat. Kalau persijilan kayu Malaysia (MTCC) ini boleh diterima pihak negara di Eropah kemungkinan *demand* itu lebih meningkat pada masa-masa yang akan datang dengan harapan kementerian boleh bertindak cepat dan ligat untuk mendapatkan persijilan ini yang diterima oleh *Forest Stewardship Council* di Eropah, terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Saya memang setujulah perkara FSC ini adalah satu halangan bagi kita, oleh sebab itu maka kita akan terus mempromosikan MTCC ini supaya persijilan yang dikeluarkan oleh MTCC ini boleh menggantikan FSC yang sekarang menjadikan satu halangan bagi kita.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, perkara ini ialah untuk pengeksportan perabot, *sawn timber* dan sebagainya kepada negara-negara Eropah tetapi sebaliknya ada banyak negara yang lain yang tidak menggunakan FSC sebab FSC ini kita semua tahu adalah dikendalikan oleh pihak NGO yang menggunakan isu alam sekitar untuk mengikatkan agenda mereka. Kita cubalah membongkarkan kepada negara-negara yang lain supaya mereka tahu agenda ini, yang *hidden agenda* daripada FSC ini. Walau bagaimanapun, kita akan terus berusaha dan juga memberikan satu tumpuan yang cukup supaya FSC ini tidak akan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, isu penyelidikan dan pembangunan disentuh oleh Yang Berhormat bagi Baram dan Ledang. Berkaitan dengan perkara ini, Yang Berhormat menyarankan supaya Penyelidikan dan Pembangunan (P&P) dalam komoditi utama negara seperti kelapa sawit, getah dan kayu kayan diberi penekanan yang sewajarnya. Saya ingin memaklumkan bahawa kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada meningkatkan lagi usaha-usaha ke arah menggalakkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan dalam sektor komoditi utama.

Usaha ini bukan sahaja dihadkan kepada agensi-agensi penyelidikan kerajaan tetapi juga diperluaskan kepada pihak industri melalui kerjasama dalam bidang-bidang yang bersesuaian. Objektif utama kerjasama seperti ini adalah untuk membolehkan pihak industri mengeluarkan produk-produk yang akan memenuhi permintaan pasaran dan cita rasa pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya isu tembakau yang dihuraikan oleh Rantau Panjang dan juga Jerai. Dalam perkara ini, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang telah menyentuh pandangan negatif terhadap peranan Lembaga Tembakau Negara (LTN) ke atas penanam dan pengawet tembakau. Berkaitan dengan peranan LTN ini, saya berpendapat, tuduhan yang negatif yang dilemparkan oleh Yang Berhormat terhadap LTN adalah tidak berasas dan berbau politik. Ini dapat dibuktikan dengan pelbagai usaha yang dijalankan oleh LTN dan Kementerian saya selama ini untuk membantu penanam dan pengawet tembakau menjadi lebih berdaya saing untuk menghadapi proses liberalisasi di bawah AFTA dan WTO di samping membantu mereka mendapatkan pendapatan yang setimpal dengan usaha yang dijalankan.

Di antara usaha-usaha yang dijalankan termasuklah perkara-perkara berikut:-

(a) kredit pendahuluan daun kering sebanyak RM4.9 juta pada tahun 2000;

(b) bantuan bagi menggantikan semula tanaman tembakau yang rosak akibat banjir sebanyak RM5,000 juta pada tahun 2001;

(c) bantuan khas sebanyak RM22.5 juta pada tahun 2001 dan sebanyak RM28 juta pada tahun 2002;

(d) peruntukan perangsangan ekonomi sebanyak RM5 juta pada tahun 2002 untuk peralatan ladang seperti pam air dan mesin penyembur atau *mini-filler* dan juga RM4.2 juta untuk perparitan ladang;

(e) Skim Kredit Tanaman Tembakau sebanyak RM7 juta setahun mulai tahun 2001. Perparitan utama yang di kawasan tanaman yang berjumlah RM32 juta yang dikendalikan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran; dan

(f) sistem kuota dan jaminan pasaran tembakau untuk memastikan pasaran tembakau dan dengan demikian penanam dan pengawet memperolehi harga daun yang memuaskan.

Bagi membantu pengawet dan penanam/pengawet untuk menjadi lebih berdaya saing untuk menghadapi AFTA mulai tahun 2004, kerajaan dengan kerjasama pengilang-pengilang rokok utama telah memperkenalkan beberapa langkah baru. Ini termasuklah bantuan baja dan racun kawalan serangga perosak secara percuma dan insentif khas sebanyak RM2 bagi setiap kilogram daun kering yang dikeluarkan oleh pengawet dan penanam/pengawet.

Untuk memantapkan lagi langkah tersebut, kerajaan telah bersetuju untuk menubuhkan Tabung Pinjam Mudah yang berjumlah RM60 juta. Tabung ini adalah bertujuan untuk menstrukturkan semula industri tembakau dengan membantu pengawet-pengawet tembakau yang sedia ada untuk bertukar kepada sistem tanaman dan pengawet yang lebih cekap seperti sistem tanaman pengawet besar. Ini akan membolehkan mereka menjadi lebih berdaya saing dan bersedia untuk menghadapi AFTA pada tahun 2010 apabila cukai import tembakau dan rokok dikurangkan kepada sebanyak RM500 sahaja dibandingkan dengan kira-kira RM300 ketika ini.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan perkara berhubung dengan menurunkan cukai import daun tembakau yang belum diproses daripada RM40 sekilogram kepada RM30 sekilogram. Tindakan tersebut bukanlah untuk membantu pengilang-pengilang besar tetapi sebenarnya adalah merupakan komitmen kerajaan di bawah kerjasama ASEAN untuk menurunkan cukai tembakau dan rokok secara berperingkat-peringkat kepada 0% sehingga 5% pada tahun 2010.

Bagi maksud ini, usaha-usaha yang telah dijalankan selama ini adalah untuk menentukan negara kita mampu mengeluarkan tembakau dengan harga yang kompetitif. Jika ini tidak dapat dilakukan, negara kita terpaksa mengimport lebih banyak tembakau dari luar negara bagi memenuhi permintaan pengilang-pengilang rokok di negara ini serta akan menyebabkan negara kehilangan pertukaran wang asing.

Saya ingin juga menambahkan bahawa kemenangan calon Barisan Nasional daripada Bachok kawasan utama tanaman tembakau adalah menunjukkan bahawa rakyat di situ berpuas hati dengan peranan yang dimainkan oleh LTN dan Kerajaan Barisan Nasional. Selama ini PAS memegang negeri Kelantan, apakah yang telah dilaksanakan untuk membantu penanam dan pengawet tembakau di negeri berkenaan?

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat bagi Jerai mengenai tanaman alternatif yang sesuai kepada tanaman tembakau, sukalah saya menyatakan bahawa kerajaan akan sentiasa berusaha untuk mengenal pasti lain-lain tanaman yang sesuai ditanam bagi menggantikan tanaman tembakau di masa hadapan. Tuan Yang di-Pertua, bagi mengakhiri….

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat…

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya ingin meminta jaminan daripada Yang Berhormat sebagai Menteri, bagaimanakah masa depan penanam-penanam tembakau ini. Adakah masa depan mereka cerah ataupun gelap? Kalau masa depan mereka gelap, maka kerajaan harus memikirkan daripada sekarang untuk menyiapkan supaya mereka ini mendapat pendapatan lain selain daripada tembakau. Kerana sekarang ini dunia kempen untuk tidak menghisap rokok. Walaupun kita masih mengimport tetapi saya ingin penjelasan supaya penanam-penanam ini dapat bersedia untuk menghadapi masalah AFTA dan sebagainya supaya masa depan mereka terjamin. Terima kasih, Yang Berhormat.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Datuk Peter Chin Fah Kui: Yang Berhormat itu juga satu soal yang kita masih cuba-cuba untuk mendapatkan kepastiannya supaya kita dapat mencari satu tanaman yang boleh menggantikan rokok ini, dan sekarang kita masih mencuba skim cubaan seperti tanaman kenaf sebagai satu tanaman yang kita boleh gunakan untuk menggantikan tembakau ini. Walau bagaimanapun saya ingin menegaskan di sini tanaman tembakau dikekalkan hingga hari ini kerana industri ini telah berjaya menjana peluang pekerjaan kepada penduduk seperti di Kelantan, di Terengganu, di Perlis dan juga di Sabah pada masa sekarang.

Dan sebab dia dapat menjana pekerjaan, maka kita masih meneruskanlah dan ini juga sekali gus membasmikan kemiskinan kepada kawasan-kawasan berkenaan. Kalaulah hari ini kita hapuskan tanaman tembakau ini, maka kita kena cari kerja bagi penduduk-penduduk yang sekarang terlibat hampir 150 ribu orang Yang Berhormat, ini satu angka yang besar dan kita perlulah mengawasi dan mengadakan satu pelan atau satu cadangan yang lebih menyeluruh sebelum kita mengambil tindakan bagi menggantikan tanaman tembakau ini. Akhir sekali saya. Sila.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Yang Berhormat Menteri, kita minta *reverse* ke belakang sikit, tadi Yang Berhormat Menteri ada menceritakan tentang persijilan eksport kayu-kayan, getah dan sebagainya. Saya nak tanya Yang Berhormat Menteri, di kawasan saya banyak kilang perabot yang menggunakan kayu getah dan banyak rungutan, di antara *manufacture* ini yang membuat perabot daripada kayu getah, ialah masalah bekalan kayu getah. Adakah kementerian Yang Berhormat bercadang untuk menghentikan eksport kayu gergaji ini daripada kayu getah hanya kita benarkan kayu-kayu getah yang sudah jadi perabot ataupun bahan-bahan yang tambah nilai daripada kita eksport kayu-kayu yang berbentuk gergaji, yang mana pengusaha-pengusaha tempatan pun tidak cukup hendak pakai, itu sahaja.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat, memang perkara ini telah dihuraikan oleh pihak persatuan perabot ini khususnya perabot yang menggunakan kayu getah ini. Saya difahamkan perkara ini, walaupun membenarkan pengeksportan kayu getah sekarang, tetapi jumlah yang dieksportkan atau peratusnya

adalah kecil sahaja lingkungan 10%. Kita membenarkan sebab kita akan gunakan harga ini yang pihak petani dapat itu, *small holders* yang dapat itu adalah daripada harga pengeksportan, ini adalah satu *standard* sebagai satu paras untuk menentukan harga kayu getah di pasaran sekarang, kerana kalau kita hapuskan pengeksportan itu, maka kita tidak ada satu harga untuk menjadikan *base,* satu *base* harganya.

Tetapi dengan adanya negeri-negeri yang lain, yang tawarkan harga itu maka itulah harga yang menentukan di pasaran tempatan ini, kalau tidak pihak pengilang terus mengontrol atau menguasai pasaran dan lepas itu dia menentukan harga yang rendah kepada pihak *small holders* ini. Oleh sebab itu kita ada satu mekanisme supaya *smalll holders* ini tidak diberi satu harga yang sangat rendah dan itu tidak berpatutanlah. Kalau di pasaran seperti di negeri China mereka hendak beli harga sekian-sekian, patutlah harga ini digunakan sebagai harga di pasaran negara juga dan pasaran dalam Malaysia – itu maksud saya. Kita akan cuba mengawasi perkara inilah, saya faham.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat supaya pasaran itu mencukupi dengan kayu getah ini, kita buat masa sekarang sudah mengadakan skim tanaman semula kepada semua kawasan yang mereka hendak tanam semula kayu getah, ini kita cuba tolong, supaya negara kita mempunyai cukup kayu getah di masa akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Santubong.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Datuk Menteri. Inilah yang saya bangkitkan tadi yang lebih dijelaskan lagi oleh Yang Berhormat dari Jasin. Berhubung dengan bekalan kayu ini, kayu getah yang kita eksport sebagaimana Datuk Menteri sendiri sebut 10% sahaja untuk mencari sebagai *base* harga penilaian. Yang 90% itu adalah dieksport bercorak *value-added* iaitu *furniture.* Masalahnya deman *furniture* ini bagaimana yang Datuk Menteri sedia maklum bahawa kita sudah eksport *furniture* ke luar negara hampir RM6 bilion sekarang. Jadi di mana letak bekalannya, kita masih tidak mencukupi bekalan dan apakah insentif dan bantuan kepada pihak kerajaan. Walaupun ini dipandang sebagai satu *sunset* industri tetapi tidak dalam konteks *furniture production,* ia adalah satu perkara yang *very current,* yang masih menerima permohonan yang besar daripada luar negara Eropah dan Amerika. Apakah bantuan kerajaan supaya boleh dibaikkan lagi kedudukan ini. Terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat, sebab yang kita anggapkan perkara ini adalah penting supaya kita menentukan pasaran kayu getah ini mencukupi di masa akan datang. Sebab itulah kita gunakan sistem tanam semula atau *replanting system* yang sekarang kita kutip dan kita akan gunakan sistem itu untuk menggalakkan pihak-pihak ladang atau pihak-pihak *small holders* ini atau pekebun kecil ini untuk menanam semula kayu getah ini.

Sebagai satu langkah yang proaktif kita akan menggalakkan kegunaan ladang yang besar ini ladang getah, kayu getah yang gunakan klon 2024, di mana klon ini adalah satu klon di mana ia bukan untuk getah semata-mata tetapi untuk kayu. Buat masa sekarang kita sudah adakan satu projek di Semalajau, Sarawak di mana pihak Kerajaan Negeri Sarawak dengan pertolongannya dan mendapatkan l,800 hektar tanah untuk kita tanam kayu getah ini atau *forest plantation,* dengan izin, *rubber forest plantation* dan kalau kita berjaya dengan ini, dengan klon baru ini kita akan minta memperluaskan lagi skim ini kepada semua atau seluruh negara supaya penanam atau pekebun kecil ini boleh gunakan klon untuk mendapatkan getah di masa akan datang.

Akhir sekali saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh perkara-perkara di bawah kementerian saya. Jikalau ada perkara-perkara yang tidak sempat saya jawab dalam sesi ini, saya ingin memberi jaminan kepada Yang Berhormat sekalian perkara ini akan diambil kira dalam semua dasar, penggubalan dasar dan sebagainya di masa akan datang di kementerian saya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Yang Berhormat Menteri dipersilakan.

7.41 mlm.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil

kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Diraja oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Bandar Kuching telah membangkitkan mengenai isu kenaikan harga petroleum dan diesel. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Ahli-ahli Dewan sekalian, semenjak tahun 2000 hingga 2004, kenaikan harga runcit produk petroleum adalah sebanyak enam kali sahaja berbanding dengan 15 kali kenaikan harga minyak mentah di pasaran dunia.

Harga runcit petroleum sepatutnya 196.66 sen seliter tetapi kerajaan hanya menaikkan sebanyak 2 sen menjadikan RM1.37 sen seliter. Perbezaan sebanyak 59.66 sen seliter terpaksa ditanggung kerajaan dengan memberi pengecualian cukai dan subsidi.

Begitu juga harga minyak diesel sebenarnya ialah RM34.92 sen seliter tetapi kerajaan hanya menaikkan harga runcit sebanyak 2 sen supaya harga runcit berada pada tahap 78.1 sen seliter.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan rakyat tidak dibebankan dengan kenaikan harga minyak maka kerajaan telah memberi subsidi dan pengecualian cukai agar harga runcit produk petroleum di negara ini dapat dijual dengan harga yang rendah. Dari tahun 2000 hingga Mei 2004, kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM26 bilion dalam usaha untuk menstabilkan harga runcit produk petroleum. Ini bermakna secara purata, kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM542 juta sebulan.

Selain itu, mula Januari 2002 selain daripada pemberian pengecualian cukai dan subsidi kepada produk petroleum yang dijual di stesen-stesen minyak, kerajaan juga telah memanjangkan subsidi ke atas diesel kepada sektor perikanan dan sektor pengangkutan darat. Sehingga akhir bulan Mei 2004, kerajaan telah memberikan subsidi diesel sebanyak RM482 juta kepada sektor perikanan dan sektor pengangkutan darat. Ini menunjukkan bahawa kerajaan amat prihatin dengan kepentingan rakyat dalam menghadapi kenaikan harga petroleum di pasaran dunia.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kenaikan harga minyak mentah di pasaran dunia, kerajaan hanya memperoleh hasil daripada cukai jualan yang akan disalurkan untuk menampung bayaran subsidi dan juga projek-projek pembangunan. Ini adalah juga semata-mata untuk memastikan rakyat hidup sejahtera dan menikmati kemudahan terbaik.

Seperkara lagi yang ingin dimaklumkan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa dalam membincangkan isu harga runcit barangan petroleum di negara ini. Kita tidak seharusnya bergantung kepada faktor minyak mentah di pasaran dunia sahaja. Ini adalah harga runcit produk petroleum, yang dijual di negara ini adalah produk yang telah diproses. Tambahan pula produk petroleum yang telah diproses dijual di negara ini bukanlah 100% diproses di Malaysia.

Loji penapisan minyak yang terdapat di Malaysia dan diusahakan oleh Petronas, Shell, Esso, Mobil hanya mampu mengeluarkan 450,000 tong sehari. Sementara jumlah keperluan dalam negara adalah sebanyak 600,000 tong sehari. Ingin saya tekankan di sini bahawa jika dibandingkan dengan harga minyak di negara kita dengan negara-negara serantau seperti Thailand, Filipina, Singapura dan Hong Kong minyak di negara kita adalah lebih rendah berbanding dengan harga yang dijual di negara-negara tersebut.

Contohnya harga Ron 97 di Filipina ialah RM1.62 sen seliter berbanding dengan RM1.37 sen di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Bandar Kuching juga telah membangkitkan isu mengenai dengan kenaikan harga keluli. Suka saya jelaskan di sini bahawa billet dan besi keluli atau steel bar adalah barang kawalan yang dikawal oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961. Kali terakhir kerajaan menaikkan harga produk berkenaan ialah pada 15 April 2004. Kesan daripada kenaikan harga besi lusuh atau scrap metal, dengan izin, di pasaran dunia yang telah meningkat kepada RM988 atau USD260 setan metrik.

Tuan Yang di-Pertua, peningkatan tersebut disebabkan peningkatan besi lusuh yang tinggi oleh Republik Rakyat China. Langkah kerajaan Amerika Syarikat untuk mengurangkan eksport besi lusuh menurunkan nilai US Dollar berbanding dengan mata wang Euro, kenaikan kos pengangkutan dan peningkatan penggunaan besi lusuh di Ukraine dan Rusia yang selama ini mengeksport besi lusuh dengan kuantiti yang besar di pasaran dunia telah mengakibatkan perkara ini berlaku.

Kenaikan harga besi lusuh di pasaran dunia menyebabkan pengeluar-pengeluar besi keluli tempatan menghadapi kesulitan untuk membekalkan produk-produk berkenaan mengikut harga siling lama yang ditetapkan oleh kerajaan pada 3 April 2003. Keadaan ini menyebabkan pemaju-pemaju dan kontraktor-kontraktor pembinaan menghadapi kesukaran untuk mendapatkan bekalan besi keluli bagi menyiapkan projek-projek mereka.

Tuan Yang di-Pertua isu kenaikan harga besi lusuh di pasaran dunia telah memberi kesan yang serius dalam menstabilkan bekalan besi keluli dalam pasaran domestik sekiranya harga siling runcit besi keluli yang diluluskan oleh kerajaan pada 3 April 2003 dikekalkan.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah memaklumkan bahawa kekurangan bekalan besi keluli dalam pasaran domestik turut menjejaskan penjualan produk bahan binaan yang lain seperti simen, jubin, batu bata dan lain-lain kerana projek-projek binaan tidak dapat diteruskan tanpa bekalan besi keluli.

Tuan Yang di-Pertua, pada 14 Mei 2004, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah mengadakan mesyuarat dengan syarikat-syarikat pengeluar billet dan pengilang besi keluli untuk membincangkan mengenai dengan status pengeluaran billet dan besi keluli dalam pasaran tempatan.

Dalam mesyuarat berkenaan, pengeluar-pengeluar besi keluli telah mengesahkan bahawa bekalan besi keluli dalam pasaran tempatan adalah mencukupi dan pengeluaran besi keluli dari bulan Januari hingga Mac 2004 masih kekal di paras normal iaitu sebanyak 270,907 tan metrik. Sebagai langkah untuk menentukan aliran pengedaran besi keluli adalah teratur dan bekalan besi keluli sampai kepada pihak-pihak yang memerlukannya maka Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah menguatkuasakan peruntukan di bawah Seksyen 8 (1) Akta Kawalan Bekalan 1961 dengan mengarahkan pihak pengeluar supaya mulai 1 Jun 2004, mereka dikehendaki mengemukakan maklumat-maklumat iaitu hari ini berhubung dengan jadual pengeluaran.

Penyata bulanan pelan perancangan pengedaran atau *pre-plan delivery*, dengan izin, dan harga jualan besi lusuh kepada pihak pengedar kepada Bahagian Penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Pegawai-pegawai Penguat Kuasa kementerian telah pun diarahkan untuk membuat pemeriksaan rapi ke atas semua kilang pengeluar besi keluli bagi memastikan bahawa tidak ada aktiviti menyorok dilakukan oleh mana-mana pihak.

Pegawai Penguat Kuasa juga sedang melakukan pemeriksaan terhadap syarikat-syarikat pemborong, pengedar-pengedar dan pemaju pembinaan bagi memastikan bahawa *supply chain of steel bar*, dengan izin, dalam pasaran tempatan tidak terjejas sehingga boleh berlaku artificial shortage.

Tuan Yang di-Pertua, kenaikan harga siling runcit besi keluli diluluskan oleh kerajaan agar segala masalah kesukaran untuk mendapatkan bekalan produk berkenaan dari pasaran domestik dapat diatasi. Seterusnya projek-projek pembinaan yang dijalankan oleh agensi-agensi kerajaan dan swasta dapat dilaksanakan mengikut jadual seperti yang dirancangkan.

Berhubung dengan kesan kenaikan harga besi keluli kepada kontraktor binaan, Kementerian Kerja Raya memaklumkan bahawa bagi kontraktor-kontraktor projek pembinaan kerajaan menggunakan Borang Jabatan Kerja Raya. Ianya mempunyai peruntukan *variation of price*, dengan izin, untuk menangani perubahan harga bahan-bahan binaan. Oleh itu pihak kontraktor boleh memohon supaya pihak kerajaan membuat bayaran pampasan berikutan kenaikan kos projek disebabkan oleh kenaikan besi keluli di pasaran dalam negeri.

Jabatan Kerja Raya sebagai Pengurus Projek Pembinaan yang dijalankan oleh kerajaan akan mempertimbangkan untuk melanjutkan tempoh penyiapan sesuatu projek sekiranya pihak kontraktor menghadapi masalah untuk mendapatkan bahan binaan yang diperlukan. Justeru itu, pihak kontraktor masih berupaya untuk meneruskan projek pembinaan yang dijalankan tanpa kemungkinan menghadapi tindakan kerana melanggar kontrak dan dalam hubungan ini kenaikan harga besi keluli seharusnya tidak menjejaskan pendapatan pekerja-pekerja sektor pembinaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Bagan telah membangkitkan isu mengenai Suruhanjaya Syarikat Malaysia atau SSM yang dikatakan menyalahgunakan kuasa mengenai kegagalan peniaga memperbaharui lesen perniagaan dan tidak fleksibel dalam membenarkan pemilik-peniaga memilih nama perniagaan mereka.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta Pendaftar Perniagaan 1956 telah dipinda pada tahun 2001 melalui Akta Pendaftaran Perniagaan (Pindaan) 2001. Akta pindaan tersebut telah berkuat kuasa pada 16 April 2002. Kaedah-kaedah Pendaftaran Perniagaan 1957 juga telah dipinda dan berkuat kuasa pada tarikh yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Seksyen 5A(1) Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 seperti yang dipinda dan Kaedah 5(1), Kaedah-kaedah Pendaftar Perniagaan 1957 seperti yang dipinda, seseorang peniaga adalah dikehendaki untuk membuat permohonan pembaharuan pendaftaran perniagaannya dalam tempoh 30 hari sebelum tamat tempoh Sijil Perakuan Pendaftaran Perniagaan. Jika permohonan pembaharuan pendaftaran tidak dibuat dalam tempoh tersebut, pendaftaran perniagaan tersebut akan dianggap telah luput pada tarikh luput yang disebut di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran berkenaan.

Bagi peniaga yang gagal membuat permohonan pembaharuan pendaftaran perniagaan beliau dalam tempoh yang disebutkan, beliau dikehendaki membuat permohonan pendaftaran baru sekiranya beliau masih menjalankan perniagaannya. Ini adalah mengikut undang-undang dan bukan menyalahgunakan kuasa oleh SSM seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun bagi mengelakkan apa-apa implikasi yang mungkin berbangkit, SSM membenarkan nama yang sama digunakan oleh peniaga yang berkenaan. Nombor pendaftaran baru tidak seharusnya menjadi isu kerana pendaftaran perniagaan tidak mewujudkan entiti yang berasingan. Ini mesti difahami oleh semua pihak. Apa-apa transaksi yang dijalankan dengan sesuatu perniagaan adalah dengan pemilik atau pemilik-pemilik perniagaan berkenaan.

Berhubung dengan isu penggunaan nama peniaga, SSM memang fleksibel dalam membenarkan apa-apa nama perniagaan tertakluk kepada nama yang dicadangkan, tidak menyerupai nama perniagaan lain yang sedia ada atau tidak merupakan nama yang tidak diingini. Nama pemilik adalah pada biasanya dibenarkan.

Sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai sesuatu kes yang tertentu, silalah kemukakan kes tersebut kepada kementerian ini untuk diurus oleh SSM.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ucapkan jutaan terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri, saya hendak bercakap sedikit, yang itu tidak apa fasal besi banyak sangat, fasal telur ayam semua tidak bercakap.

Saya bukan hendak bercakap fasal telur ayam tetapi saya hendak bercakap berkenaan dengan barang-barang produk IKS yang saya dapati tidak lagi memuaskan kerana pasaran mereka untuk masuk ke pasaran-pasaran *supermarket, hypermarket* dan sebagainya tidak langsung diberi peluang. Jadi, apakah kementerian dapat menasihati ataupun kita adakan undang-undang supaya barang-barang keluaran IKS, terutama sekali barang-barang keluaran bumiputera ini dapat diletakkan di *supermarkets,* supaya produk-produk ini akan laris di pasaran? Kita dapati kerajaan banyak memberi bantuan kepada IKS ini tetapi bantuan yang diberi akhirnya mereka ini tidak berupaya kerana tidak mempunyai pasaran yang baik.

Keduanya, iaitu kes cetak rompak ataupun segala VCD dan sebagainya ini, kita dapati masih banyak. Walaupun saya lihat Yang Berhormat sendiri turun ke padang menangkap…

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, perkara ini tidak timbul dalam jawapan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Paduka Haji Badrudin bin Amiruldin: Memang tidak timbul tetapi di bawah kementerian, Tuan Yang di-Pertua. Kesianlah, ini orang kampung suruh tanya… *[Ketawa]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, prosedur meminta penjelasan adalah tercatat di dalam Peraturan Mesyuarat.

Dato' Paduka Haji Badrudin bin Amiruldin: IKS ada Yang Berhormat, kesianlah. Semasa saya menjadi *Speaker* dahulu saya beri peluang Yang Berhormat…

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, ini satu soalan sahajalah… *[Beberapa Ahli ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badrudin bin Amiruldin: ….*[Ketawa]* Terima kasih. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai walaupun beliau telah membangkitkan satu persoalan yang terkeluar daripada topik yang saya sebutkan persoalan yang dibangkitkan tetapi dengan izin Tuan Yang di-Pertua, berhubung kait dengan produk-produk IKS ini dan saya telah menyatakan bahawa setiap *supermarket* dan *hypermarket* yang ada di negara kita pada hari ada sesetengahnya – bukan semuanya, sudah pun sedikit sebanyak ada menjual barangan tempatan kita dalam *store* mereka.

Di masa akan datang, saya telah merancang satu pendekatan yang agak lebih komprehensif dalam kita menyusun perkembangan *supermarket* dan *hypermarket* dalam negara kita ini. Bukan hanya dengan wujudnya *supermarket* dan *hypermarket* ini ialah untuk menyediakan keselesaan ataupun sedikit keuntungan ataupun peluang pekerjaan kepada rakyat di negara kita ini tetapi dalam pada itu juga seperti yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Jerai, produk-produk IKS dan produk-produk tempatan juga harus mendapat segmen pasarannya di dalam *hypermarket* ini. Ini sebahagian daripada prasyarat yang insya-Allah akan kita pertimbangkan bila mana kita akan memberi kelulusan pada masa akan datang kepada *supermarket* dan *hypermarket* yang mempunyai peluang perniagaan yang begitu baik di negara kita.

Seperti yang kita lihat sebelum ini, saya ingat di dalam beberapa bulan yang lalu, *profit* di antara *supermarket* dan *hypermarket* ini sampai menjangkau ke bilangan RM1 juta – RM50 juta. Ini adalah satu perniagaan yang agak menguntungkan dan di dalam keadaan yang begitu baik, bukan kita hendak menghalang pelabur asing datang ke negara kita tetapi kita hendak memperkembangkan dan merancang, di samping itu masyarakat dan pengusaha tempatan juga harus mendapat ruang daripada perkembangan ekonomi yang sedia ada.

Berhubung kait dengan perkara yang kedua iaitu cetak rompak. Memang kementerian amat serius sekali dalam usaha membanteras kegiatan-kegiatan cetak rompak ini. Dalam konteks ini, saya telah merancang dengan pegawai-pegawai dan anggota pentadbiran di peringkat kementerian untuk memastikan kita akan berusaha sedaya mampu untuk membanteras kegiatan cetak rompak. Bukan hanya daripada produk yang datang daripada luar ataupun produk yang pada hari ini, kita minta supaya syarikat-syarikat dalam bilangan 44 buah yang ada sekarang ini, kita monitor perkembangan mereka, *productions level* mereka, berapa pada setiap bulan mereka keluarkan, *revenue* dan kita selaraskan. Kalau ada lebih daripada itu dan kita dapati ada lebih kapasiti di pasaran, maka kita akan mencari sebab-sebab yang lain, mengapa wujud lagi pihak-pihak yang membuat cetak rompak.

Dalam pada itu kementerian berusaha dengan kementerian-kementerian lain seperti PDRM, Kastam dan pihak lapangan-lapangan terbang antarabangsa seperti KLIA, Lapangan Terbang Kota Kinabalu dan yang terdekat, di Pulau Pinang dengan Yang Berhormat bagi Jerai, kita telah minta supaya kawasan-kawasan yang mana pelancong-pelancong datang dan keluar, kita akan mengawal selia bagi memastikan keadaan ini tidak akan berlaku di mana cetak rompak dan penjualan barang-barang ini

akan berleluasa di negara kita. Kementerian seperti yang saya sebutkan, amat serius dengan langkah-langkah memastikan supaya perkara ini tidak akan berlaku dan akhirnya akan menjejaskan imej negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan Yang Berhormat yang telah membincangkan perkara-perkara yang berhubung kait dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Insya-Allah mana-mana perkara yang tidak sempat saya hurai dan ulas, kita akan mengambil perhatian di peringkat kementerian. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jerai faham, ya?

Dato' Paduka Haij Badrudin bin Amiruldin: Terima kasih, Yang di Pertua. Saya amat faham.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sedikit pertanyaan Tuan Yang di-Pertua. Sedikit pertanyaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa pertanyaan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini kita sampai malam. Saya hendak tanya apa peranan Ketua Pembangkang untuk meramaikan anggota pembangkang bersama-sama dengan anggota kerajaan untuk menentukan persidangan ini berjalan lancar? Gaji sama Tuan Yang di-Pertua…

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: …dengan Barisan Nasional. Ini tanggungjawab kuorum ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila duduk. Sila duduk. Ini saya tidak payah jawab. Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

8.00 mlm.

Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Titah Ucapan Diraja dan telah menyentuh isu-isu di bawah bidang tugas kementerian Pengajian Tinggi. Saya akan cuba memberi penjelasan kepada isu-isu utama yang dibangkitkan. Mana-mana perkara yang tidak sempat saya sentuh akan tetap diberi perhatian dan pertimbangan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang telah minta penjelasan mengenai rasional pewujudan Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pelajaran. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, penyusunan semula dua kementerian bertujuan memperkemaskan organisasi dan fungsi-fungsi kementerian supaya memberi lebih fokus kepada perkara di bawah bidang kuasa masing-masing. Sebelum Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dipecahkan, tumpuan pendidikan negara ialah kepada semua peringkat pengajian daripada peringkat prasekolah hinggalah ke peringkat pasca siswazah.

Pengasingan kepada dua kementerian membolehkan isu-isu berkaitan pendidikan tinggi diberikan lebih tumpuan bagi menaikkan taraf dan kualiti pendidikan tinggi supaya setanding dengan IPT terkemuka di dunia kita. Dengan ini dapat membantu IPT tempatan bersaing di peringkat antarabangsa. Secara tidak langsung dapat menghasilkan siswazah yang berkualiti serta memenuhi kehendak pasaran dan seterusnya mengurangkan masalah pengangguran. Perkara ini merupakan janji kerajaan dalam manifesto Barisan Nasional semasa Pilihan Raya Ke-11 yang lalu.

Pendidikan tinggi dalam konteks Sistem Pendidikan Kebangsaan merangkumi tahap pendidikan selepas sekolah menengah hingga ke peringkat tinggi meliputi program pendidikan di kolej komuniti, politeknik, universiti awam, universiti swasta dan institusi latihan sama ada yang dikendalikan oleh kerajaan ataupun swasta.

Kementerian Pengajian Tinggi mempunyai tanggungjawab yang besar, yang perlu dipikul bagi menyediakan tenaga manusia dari segi kuantiti dan kualiti untuk memenuhi keperluan negara, visi, misi dan objektif penubuhan Kementerian Pengajian Tinggi mampu mencapai matlamat negara bagi memastikan mutu pendidikan sentiasa di tahap yang tinggi, berupaya membentuk dan menyediakan warga negara cemerlang yang mempunyai daya saing yang tinggi.

Di samping itu, Malaysia akan lebih bersedia untuk menjadi salah satu pusat kecemerlangan pendidikan di rantau Asia.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Menteri ada sebut mengenai janji Barisan Nasional dalam pilihan raya besar baru-baru ini dan mengenai kejayaan yang besar. Bukankah baru-baru ini apa yang berlaku ialah mengenai keputusan untuk pelajar-pelajar memasuki universiti-universiti tempatan bertentangan dengan janji-janji Barisan Nasional dalam pilihan raya besar baru-baru ini, oleh kerana menimbul begitu banyak *outcry*, dengan izin, dan *outrage* khasnya oleh kerana yang pertama, bahawa pertambahan selepas pilihan raya besar ialah 5% sahaja, walhal sebelum pilihan raya besar tahun lalu pertambahan pelajar-pelajar masuk universiti ialah 16%. Sepatutnya selepas kemenangan yang besar, selepas mengadakan satu Kementerian Pengajian Tinggi yang baru, patutlah ada pertambahan yang lebih besar daripada tahun lalu.

Adakah ini akan diambil perhatian khasnya dalam mesyuarat Kabinet esok yang kita dengar dan baca surat khabar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan ada satu formula untuk mengatasi masalah-masalah kontroversi-kontroversi ini, tetapi saya harap bukan terhad kepada masalah 128 pelajar-pelajar yang ada dapat GCPA yang baik, tetapi tidak sempat untuk mendapat tempat-tempat perubatan.

Tetapi pelajar-pelajar yang lain yang dapat *result* cemerlang semacam slogan 'cemerlang, gemilang, terbilang' mereka dapat *result* 'cemerlang, gemilang, terbilang' pun boleh dapat pilihan yang mereka mahu. Bukan sekarang di mana pelajar yang terbaik sekali dalam *science stream*, Khoo Lim Ye yang pertama tidak boleh dapat kursus yang beliau mahu atau Muraly Silvarajoo antara terbaik 5A pun tidak boleh dapat kursus tempat perubatan. Bolehkah semua ini diambil perhatian dan diselesaikan khasnya ketiga-tiga cadangan yang saya ada buat dalam surat saya hari ini kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dan salinan ada diberi kepada Yang Berhormat Menteri juga. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat. Nampaknya Yang Berhormat *jump the gun*, dengan izin, kerana perkara itu akan saya bincangkan kemudian. Walau bagaimanapun, semasa saya di Beijing dengan Presiden MIC, dengan Presiden MCA, dengan Presiden Gerakan, kita berbincang sesama kita dalam suasana muhibah, dalam suasana Barisan Nasional. Kalau misalnya MCAkah, MICkah, Gerakankah berbisik dengan saya, saya ingat saya dapat dengar. Tetapi kalau Ketua Pembangkang menjerit dengan saya kadang-kadang saya tidak dengar. *[Ketawa]*

Seperti mana Yang Berhormat katakan tadi, betul pada hari ini dalam akhbar dan semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Beijing telah diperkatakan masalah ini dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan bahawa pada esok hari kita akan bincangkan masalah ini dalam Kabinet dan kita harap nanti selepas itu Yang Amat Berhormat akan memberikan persetujuan, cara, hala tuju dan sebagainya kepada pihak media.

Cik Fong Po Kuan: Minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Satu perkara kecil, pendek sahaja. Mengenai kes Khoo Lim Ye sangat jelas terbaik, pelajar yang terbaik, bolehkah beri jaminan perkara semacam ini atau macam Muraly Silvarajoo, 52 orang sahaja anak-anak bahawa masalah mereka boleh diselesaikan dengan secepat mungkin.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Mengenai Khoo, dia memohon perubatan di Universiti Malaya. Dalam senarai-senarai itu kita tidak kenal siapa dia Khoo, siapa dia Muraly, siapa dia Ahmad CB dan sebagainya. Oleh kerana itu, dia akan dipecah-pecahkan kerana ramai orang daripada kaum Cina hendak masuk

Universiti Malaya. Oleh kerana kita ada integrasi nasional, kita hendak separuh Universiti Malaya, separuh USM, separuh UKM dan separuh juga UPM. Oleh kerana itu, mereka dapat perubatan tetapi tidak dapat tempat. Di sinilah saya rasa, kita lihat bahawa ada yang mendapat tempat perubatan tetapi tidak mendapat tempat yang dia hendak di universiti yang berkenaan.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada lima orang Ahli Yang Berhormat.

Dr. Rahman bin Ismail: Sini dahululah.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Saya bagi Gombak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Gombak.

Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi kerana memberi laluan kepada saya. Kalau kita lihat sekarang ini banyak kesilapan daripada persepsi masyarakat tentang CGPA 4.0 kerana didapati bahawa persepsi masyarakat kesemua mereka yang mempunyai CGPA 4.0 ini tahap mereka atau *standard* mereka adalah sama. Sebenarnya ada perbezaan di antara mereka yang mempunyai CGPA 4.0 ini kerana bergantung kepada gred terperinci setiap mata pelajaran yang diambil. Oleh itu, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah pelajar-pelajar yang telah mendapat CGPA 4.0 ini tidak dapat masuk ke fakulti perubatan ini disebabkan oleh merit terperinci mata-mata pelajaran yang diambil adalah kurang dibandingkan dengan pelajar-pelajar yang telah berjaya. Itu penjelasan saya yang pertama yang saya mahukan dapatkan daripada Yang Berhormat Menteri.

Yang kedua, kita dapati terdapat pengurangan peratusan yang begitu ketara kemasukan pelajar-pelajar perubatan bumiputera ke universiti-universiti utama seperti Universiti Malaya dan juga Universiti Kebangsaan. Mengapakah ini berlaku. Adakah ini disebabkan oleh pelajar-pelajar bumiputera tidak membantah apabila diberikan ataupun ditawarkan ke universiti ataupun fakulti-fakulti perubatan yang lain, walaupun mereka memohon untuk ke Universiti Malaya atau ke Universiti Kebangsaan. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd Salleh: Terima kasih Yang Berhormat bagi Gombak. Mungkin Yang Berhormat seorang penuntut *medical* daripada Universiti Malaya.

Dr. Rahman bin Ismail: Ya.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd Salleh: Oh, terima kasih. Kita berikan penerangan di sini bahawa jika tiap-tiap orang itu mendapat 4 *flat* CGPA dia. Kita akan melihat pula dari segi *papers* ataupun pelajaran yang dia ambil seperti *Physic*, *Chemistry* dan *Biology*. Katakan *Biology* dia ada tiga kertas, *grading* kertas itu dan katakan Si A mendapat semua A tetapi Si B walaupun dia dapat 4 *aggregate*, dia mendapat A. Di situ telah menunjukkan bahawa dia akan jatuh markah atau *grading* dia daripada Si A oleh kerana Si B tadi dapat A dan sebagainya.

Begitulah dengan mata pelajaran-mata pelajaran yang lain, *Physic*, *Biology* dan sebagainya. Kalaulah misalnya mereka sama, kita akan melihat pula sama ada SPM mereka itu sama atau tidak.

Daripada situlah kita lihat bahawa jika seseorang itu mendapat A *flat* CGPA dia, tetapi *grading* atau peningkatan dia, perincian dia itu nanti akan jatuh kerana dalam A *flat* itu sendiri dia ada A- dan sebagainya. Itu soalan yang pertama.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: *[Bangun]*

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Ayer Hitam.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd Salleh: Saya bagi yang ini dahulu. Dari mana itu?

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Batu Pahat.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd Salleh: Batu Pahat.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Menteri.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd Salleh: Saya belum jawab lagi yang ini. *[Ketawa]*

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd Salleh: Yang kedua tadi ialah mengenai tidak ada bantahan daripada orang Melayu sekiranya dia minta Universiti Malaya, dia dapat 4 *aggregate* CGPA dia tetapi diletakkan di UKM misalnya, selalunya mereka tidak membantah kerana mereka dapat apa yang mereka minta iaitu mereka hendak masuk ke Fakulti Perubatan. Di sinilah saya rasakan ada kelainan sedikit di mana yang dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang tadi, Khoo misalnya, dia dapat perubatan tetapi diletakkan di USM, dia tidak hendak, dia hendakkan perubatan, kita bagi perubatan, dia hendakkan tempat pula, UM, ini yang masalah perbezaan dari segi persepsi yang dikatakan tadi.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: *[Bangun]*

Ir. Dr. Wee Ka Siong: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada dua orang.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd Salleh: Batu Pahat.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Menteri. Beliau ada sebut Universiti Malaya, saya pun dilahirkan di Universiti Malaya jugalah. Yang Berhormat mesti sedia maklum bahawa bila kita bercerita berkenaan dengan kursus perubatan, ia merupakan kursus di mana kaedah pembelajaran dan pengajarannya tidak hanya melibatkan dari segi teori tetapi dia melibatkan juga dari segi praktikal, yang pentingnya untuk melahirkan satu graduan atau doktor-doktor yang bermutu, dari segi praktikal tadi dia melibatkan pensyarah dan melibatkan pelajar.

Dalam melibatkan pelajar, semasa saya menuntut dahulu, satu orang pengajar yang diiringi oleh lebih kurang 10 orang pelajar untuk buat *medical round* atau *ward round* yang melibatkan pesakit-pesakit dari segi praktikal. Adakah kementerian bercadang untuk memberikan khidmat pembelajaran yang sempurna dengan kadar pertambahan pelajar yang sedia ada, hendak tambah lagi dengan 128 orang yang memohon dan juga adakah dengan keadaan *ratio* antara pensyarah dengan pelajar yang tinggi tadi yang mana pada pandangan saya, peringkat yang idealnya ialah 1 dalam nisbah 4. Adakah dengan tenaga pengajar yang semakin berkurang, kita akan dapat memberikan satu kaedah pembelajaran yang sempurna bagi melahirkan graduan doktor yang berwibawa. Sekian.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd Salleh: Terima kasih Yang Berhormat Doktor dari …….

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Batu Pahat.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd Salleh: Batu Pahat. Tuan Yang di-Pertua, dalam klinikal misalnya, ini berbeza dari segi *Social Sciences*. Kalau misalnya seseorang itu ambil ekonomi, penuntut itu boleh dilambakkan 200 orang dalam *big hall* dan pensyarah boleh memberikan syarahan mereka. Tetapi dari segi klinikal iaitu apa yang ditetapkan oleh Malaysian Medical Council (MMC) seidealnya satu pensyarah ialah empat orang di mana katil *patient* ada dan di situ diletakkan dua *student* sebelah kanan dan dua *students* sebelah kiri dan pensyarah akan ada di situ dan menerangkan mengenai pesakit. Tetapi, kita boleh pergi ke satu peringkat sedikit lagi. Kita hendak minta MMC kalau boleh kita hendak lebihkan satu *lecturer* kepada enam *students* dan MMC tidak lagi membenarkan satu hingga sepuluh….

Ini masalah kita dengan UK dahulu apabila kita ramaikan *student* kita nanti, UK tidak akan iktiraf *student* kita. Lagi bahaya, nanti *student* sudah berhempas-pulas untuk mendapatkan ijazah, tiba-tiba MMC dan juga negara-negara lain tidak mahu mengiktiraf *students* kita yang layak. Di sinilah kita hendakkan kalau boleh nanti…

Ir. Dr. Wee Ka Siong: *[Bangun]*

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Tuan Ismail Sabri binYaakob: *[Bangun]*

Tuan Liow Tiong Lai: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat…

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd Salleh: …kita akan berjumpa dengan…

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd Salleh: …MMC…

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada empat orang Ahli Yang Berhormat bangun.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd Salleh: Ya. Kita akan berjumpa dengan MMC dan kita minta kalau boleh satu *lecturer* untuk enam *student* – tiga sebelah kiri, tiga sebelah kanan. Yang ini dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ayer Hitam.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd Salleh: Ayer Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Saya ucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana saya yakin esok akan dibuat keputusan yang penting, tetapi kami sebab wakil rakyat Barisan Nasional bercakap ini berlandaskan kepada fakta dan bukannya membuat tohmahan semata-mata. Di sini secara terus-terang saya katakan dasar kerajaan itu memang baik tetapi dari segi pelaksanaannya, saya nampak kemungkinan ada wujudnya kecacatan.

Sebab apa, saudara yang mendapat tokoh pelajar cemerlang ini, orang itu pernah jumpa dengan saya. Saya bawa semua bukti satu fail, saya meneliti dengan baik dan saya lihat apa masalahnya. Saya cuba meyakinkan bahawa sistem ini tidak ada kecacatan tetapi dalam saya melihat perkara ini sebenarnya sistem itu mungkin perlu diperbaiki di mana inilah orangnya yang telah diiktiraf sebagai Pelajar Terbaik STPM 2003 dan telah diiktiraf oleh Majlis Peperiksaan Malaysia. Saya dengar lagi semasa saya menonton TV, katanya pelajar ini bukan sahaja cemerlang, semua kertas dapat A dan markahnya tertinggi dalam semua kertas.

Maka dalam konteks ini, saya rasa kalau dia mengisi satu kursus perubatan di MU, mungkin oleh kerana sekarang sistem komputernya tidak dapat bezakan 4A dengan 5A, kita cari satu penyelesaian. Kalau pada masa akan datang ataupun sekarang ini kita lihat orang yang dapat 5A itu apabila sama CGPAnya, kita harus mempertimbangkan orang yang mampu ambil lima mata pelajaran. Kalau ada sistem yang boleh membaca ini, mungkin kecacatan itu tidak akan berlaku. Itulah berlakunya kes yang diiktiraf sebagai orang yang terbaik di Malaysia, dia tidak dapat pilih apa yang dia hendak. Itu kita minta Yang Berhormat Menteri supaya dapat melihat sistem komputer itu, bagaimana kita hendak mereka bentuk.

Satu lagi perkara yang saya ingat Yang Berhormat Menteri ada sentuh dan kita mintalah sistem itu dikemaskinikan sebab saya melihat antara pelajar-pelajar Cina pun yang dapat 2.75 atau 3.0 dapat Sarjana Muda Kejuruteraan Awam. Tetapi masalahnya orang yang dianggap sebagai *second best group*, 3.92 itu diberi perhutanan, perikanan atau kursus-kursus yang tidak setimpal dengan keputusan itu. Mungkin disebabkan sistem komputer itu sudah habis pilih, apa yang sisa baki itu kita agihkan kepada orang ini. Kita fikirkan secara *cluster*, kita buat pemilihan berdasarkan purata atau *average* itu pada kelas tertentu, 3.8 ke atas atau ke bawah.

Saya harap pandangan ini dapat diterima dan dapat diteliti oleh Yang Berhormat Menteri. Terima kasih. *[Tepuk]*

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd Salleh: Terima kasih, saya akan ambil ingatan tentang perkara itu. Tetapi kalau kita menggunakan komputer seperti yang saya katakan tadi bergantung kepada *programming*nya dan kita tidak kenal siapa – A ini siapa dia, anak siapa, apa bangsa dia dan sebagainya. Dia kena pergi kepada meritokrasi. Di situlah kalau ramai misalnya pelajar-pelajar kita keturunan Cina, semua hendak pergi Universiti Malaya misalnya, jadi tidak bolehlah begitu pasal kita ada kita punya dasar. Apa sahaja dasar kita buat ialah dasar perpaduan. Kita hendakkan supaya ada berbilang bangsa dalam satu universiti.

Kita harapkan nanti kalau boleh, oleh kerana misalnya seseorang itu dapat 2.8 ataupun 2.7 tadi, dia minta *first choice* dia sebagai katakan *engineer*, okey. Orang yang dapat tadi yang tidak dapat langsung 1, 2 atau 3 tadi, dia turun, turun, turun, sudah tidak dapat lagi. Dia akan diberi *touché*, sedangkan 4 *flat* ada yang minta jadi *engineer*. Dia tidak hendak jadi doktor. Dia tidak hendak jadi *pharmacist*. Dia tidak hendak jadi *dentist*. Dia dapat 4 *flat*, dia hendak jadi *engineer*.

Maka orang dapat yang pertama itu *four flat* akan dapat jadi *engineer* dibandingkan dengan 2.75. Itulah seterusnya tetapi tentang ini saya akan ambil ingatan tentang perkara itu…

Tuan Haji Idris bin haji Haron: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Dato' Menteri, oleh kerana semua soalan tadi ditanya oleh doktor-doktor termasuk 'Doktor' Lim Kit Siang, saya pun walaupun bukan berasaskan *medical* berasaskan kejuruteraan, saya ingin juga bertanya soalan, fasal Yang Berhormat Dato' Menteri sudah sebut tadi, ada *engineer*, saya minat kepada pasca, kepada selepas itu.

Bagaimanakah kedudukan profesional hari ini, doktor, *engineer*, *lawyer* dan sebagainya, produk daripada semua institusi pengajian tinggi awam dan swasta negara kita ini, pada hari ini adakah bilangan ini menepati sasaran kerajaan untuk melahirkan profesional mengikut kaum, mengikut etnik. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat bahawa profesional yang berdaftar mengikut kumpulan etnik. Kita katakan doktor dahulu tadi, fasal doktor yang dibangkitkan. Kita ada 36.9% bumiputera dan bukan bumiputera ialah 59.2%. Itu pada tahun 2000 dan pada tahun 2002 kita ada 38.5% bumiputera dan bukan bumiputera ialah 57.4%.

Di sini kita lihat ada *disparity* ataupun kekangan di situ tetapi walau bagaimanapun, kita melihat bahawa buat masa ini *critical courses* yang kita ada. Kita perlukan sekarang kerana kita hendak menuju Wawasan 2020. Kita perlu supaya orang Melayu, orang India, orang Cina, sebagaimana yang saya tekankan tadi bahawa apa sahaja dasar yang kita buat di Malaysia ini. Dia punya *ultimate aim*, puncaknya ialah kepada perpaduan negara.

Ya, *sorry* apa ini….

Cik Fong Po Kuan: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Batu Gajah.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dahulu kita ada sistem kuota sekarang dikatakan sistem meritokrasi, kononnya sistem meritokrasi tetapi setiap kali selepas keputusan STPM akan timbul masalah sebegini yang kita masih lihat. Jadi sekarang ini timbulnya Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bersikap telus di dalam pengambilan pelajar ke IPTA ini. Kita melihat ada banyak aduan. Ada pelajar di mana permohonan mereka ditolak, tidak diberi sebarang tawaran langsung, satu. Kedua, diberi tawaran tetapi bukan kursus yang mereka minta. Ketiga, mereka adalah Jurusan Sains tetapi ditawarkan kursus Jurusan Sastera. Saya tidak hendak *exercise* terhadap 128 sahaja pelajar tetapi saya hendak katakan pelajar yang lain.

Saya pohonlah kalau boleh kementerian kita bereskan perkara ini, selesaikan perkara ini *once and for all*, pertama. Umumkan *cut-of-point* setiap kursus bagi setiap universiti agar menjadi garis panduan kepada pelajar ketika mereka mengisi borang permohonan ke IPTA, sebab sekarang ini dalam buku permohonan ialah lulusnya sekurang-kurangnya subjek mana-mana atau CGPA 3.0. Pelajar pun mengikut syarat-syarat ini. Kalau kita umumkan *cut-of-point*, tahun lalu mereka dapat anggaran atau satu garis panduan yang lebih tepat berkenaan kursus mana yang mereka layak dengan keputusan mereka. Mereka rasa tidak puas hati, sebab mereka kata, saya memenuhi syarat-syarat di dalam buku permohonan, satu.

Perkara kedua, sedia kah kementerian mengadakan satu peperiksaan yang sama untuk pelajar matrikulasi dan pelajar STPM. Mereka akan merasa puas hati sebab mereka menduduki peperiksaan yang sama untuk ke IPTA, ia diuji menerusi satu peperiksaan yang sama. Saya haraplah! Perkara ketiga ialah rayuan pelajar yang di mana telah memilih kursus yang mereka tidak layak kerana *cut-of-point* yang tinggi bagi

mereka buat rayuan dengan garis panduan, diumumkan *cut-of-point* setiap kursus yang mereka boleh rayuan untuk meletak pilihan yang baru.

Saya pohon semua cadangan ini boleh diambil berat, sebab ramai pelajar Cina sekarang ini dia dalam keadaan dilema, tiada ada hala tujuan. Saya baru terima SMS dari pelajar, dia tidak puas hati atas keadaan yang sebegini. Harap pohon perhatian.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau kita lihat, tidak usah kita bandingkan di antara Melayu, Cina, India semua ini, kita bandingkan Melayu sama Melayu dahulu ya.

Yang layak dalam bidang Sains 24,678, yang ditawarkan hanya 14,497 ya. Maknanya orang Melayu yang layak dalam Jurusan Sains kita tolak seramai 10,181 orang. Ini merupakan 58.7%. Kalau kita hendak tengok dari segi kuota ia melebihi kuota tetapi kalau kita tengok pelajar berbangsa Cina yang Jurusan Sains, seramai 9,577 permohonan, yang ditawarkan 8,047. Ini bermakna 84% iaitu kalau ikut kuota. orang Cina hanya 35%, dibandingkan dalam golongan dia sahaja. Begitu juga India, dalam bidang Sains yang layak 1,858 permohonan tetapi yang diterima 1,118 iaitu 60.2%. Ini juga kalau dalam bidangan dia sendiri, dia sama dia, kalau kita hendak kuota 10% tetapi dia dapat 60.2%.

Di sinilah kita tengok seperti mana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Batu Gajah tadi, *cut-of-point* jadi diberi awal ya. Kalau kita lihat bahawa pencapaian, *achievement* studen kita, pelajar-pelajar kita dia boleh naik dan boleh turun. Oleh kerana itu ia akan tengok dari segi min dia. Maknanya dari segi kualiti kalau kita tetapkan kualitinya begini tetapi mungkin pada ketika itu semua sekali akan naik. Kualiti itu kena naik mengikut apa yang diperkarakan.

Itulah sebabnya kalau kita umumkan awal-awal misalnya, itu tidak praktikal kerana kita akan menengok agregat dan min daripada *achievement* yang dibuat oleh penuntut itu…

Cik Fong Po Kuan: Kalau boleh saya *interrupt* sekejap ya, Yang Berhormat Menteri. Maksud saya ialah keputusan pengambilan pelajar CGPA *cut-of-point* bagi tahun yang lepas. Mereka dapat anggaran yang lebih tepat mana kursus yang mereka patut pohon, sebab saya ada kes, CGPA 2.9. Dia diberi pergi permohonan pengurusan UM, sebab dia kata saya lulus, ikut syarat-syarat dalam buku, ikut syarat minimum. Ada yang kata pihak sekolah beri nasihat yang salah. Kalau ada *cut-of-point* tahun yang lalu, saya percaya tidak akan lari dari jauh di mana *cut-of–point* nya, tidak lari jauh.

Saya harap kalau boleh ini lebih teluslah. Mereka tahu mana pilihan yang patut mereka letak dan keputusan kali ini, *cut-of-point* setiap kursus diumumkan. Berapa permohonan, apakah *cut-of-point* setiap kursus jadi mereka yang tidak layak ini mereka akan puas hati kalau rayuan mereka ditolak, sebab mereka akan dapat bandingkan. Rupa-rupanya lebih ramai yang keputusan yang lebih baik daripada saya. *Announced it now, those who are not qualified they will know why they are not qualified*. Ya.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Okey, terima kasih. Itu saya katakan tadi kalau saya tengok daripada rakan-rakan saya yang telah berbincang dengan saya, MCA dia buat begitu. Dia akan beritahu kepada penuntut-penuntut Cina berapa *cut-of-point* tahun lalu tetapi bukan bermakna *cut-of-point* tahun lalu serupa dengan *cut-of-point* tahun ini kerana dia punya graf akan naik, jika *achievement of the student*, dengan izin, naik. Kalau kita membandingkan *cut-of-point* tahun lepas nanti kita takut kita akan terkandas dalam hal itu. Ya, silakan.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan terakhir itu. Tadi Yang Berhormat Menteri angka-angka yang diberi statistik yang diberi mengenai satu perbandingan ala kuota saya rasa dan tidak boleh dipakailah.

Yang kedua, tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut bahawa kita mengikut komputer dan tidak kenal sesiapa atau apa latar belakang tetapi bukankah kes di mana pelajar yang terbaik sekali, tidak boleh dapat pilihan yang pertama, ini menunjukkan sistem komputer ini ada masalah. Bukan masalah ini sahaja tetapi ada kes-kes yang di mana pelajar-pelajar yang mendapat keputusan yang baik, tidak diberi pilihan yang

baik. Diberi pilihan atau kursus-kursus yang sangat… mereka pun tidak pernah mendengarnya.

Bukankah elok mengadakan satu kajian menyeluruh mengenai pilihan-pilihan ini dan oleh kerana itu bolehkah *dateline* untuk membuat rayuan dipanjangkan sekurang-kurangnya satu minggu supaya ada masa. Ini satu perkara yang mustahak yang melibatkan masa depan generasi yang baru dan ini saya berharap boleh mendapat pertimbangan.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih. Seperti yang saya katakan tadi saya akan melihat semula, kalau misalnya Khoo yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi. Apa yang kita buat pada masa datang kita akan *refer* kepada Lembaga Peperiksaan, siapa yang *plus-plus*nya pula, selain daripada *four flat,* mungkin ada. Dengan cara itu kita akan melihat supaya orang-orang seperti ini tidak ketinggalan.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Itu akan dibincangkan besok, insya-Allah. Seramai lima orang Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat bagi Temerloh, Yang Berhormat Ipoh Timor, Yang Berhormat Segambut, Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Ledang dan Yang Berhormat bagi Padang Terap telah menyentuh mengenai isu pengangguran di kalangan siswazah. Beberapa cadangan telah dikemukakan antaranya usaha untuk meningkatkan penggunaan bahasa Inggeris dan ICT di Institut Pengajian Tinggi (IPT), mengadakan kursus jangka pendek bagi meningkatkan daya kreativiti, keyakinan diri, kebolehan berkomunikasi ataupun *soft skill* dan pelaksanaan program pengajian *double major.*

Saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas cadangan-cadangan tersebut. Sebenarnya isu siswazah tidak mendapat pekerjaan selepas menamatkan pengajian bukan fenomena baru dan ia menjadi kritikal apabila berlaku kegawatan ekonomi. Daripada kajian pengesanan ataupun dengan izin, *traces study* yang dibuat ke atas graduan daripada 14 IPTA, pada tahun 2003 selepas tiga bulan menamatkan pengajian mereka, didapati 57.4% siswazah mendapat pekerjaan, 29.4% tidak mendapat pekerjaan dan 13.2% melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Daripada 57.4% siswazah yang mendapat pekerjaan, 39.5% yang bekerja tetap, 11.2% bekerja sementara, 7.6% bekerja kontrak dan 2.7% bekerja sendiri. Untuk makluman Yang Berhormat cadangan mengadakan program dwi pengkhususan dengan izin, *double major…*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri, Jerai bangun.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: …adalah satu salah cara untuk membantu pelajar mengatasi masalah pengangguran kerana dengan mengadakan program ini siswazah akan menjadi lebih *marketable*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Menteri, tahniah naik menjadi menteri penuh. Cara Yang Berhormat menjawab pun orang tidak gamak hendak mengata apa, *'baguih'*, lembut Yang Berhormat. Tetapi cara Yang Berhormat bagi Ipoh Timor memaksa Yang Berhormat suruh itu tidak patut. Jangan paksa kita tahu membuat kerja kita sebagai menteri. Cuma Yang Berhormat saya hendak bertanya sedikit mungkin pendedahan siswazah-siswazah tempatan ini tidak begitu meluas. Kalau kita tengok syarikatkah atau badan-badan kerajaan dan sebagainya, kalau dia hendak mengambil pekerja itu siswazah kelulusan luar negara itu diutamakan.

Saya difahamkan kadang-kadang gajinya pun berbeza, yang berkelulusan luar negara itu lebih daripada yang lulusan dalam negara. Apakah kita perlu, macam Yang Berhormat cadangkan tadi memberikan pendedahan terutama sekali dalam bahasa Inggeris supaya mereka dapat bersama dengan siswazah yang berkelulusan luar negara.

Yang keduanya, sekarang ini kita kekurangan guru-guru. Dalam akhbar menyatakan bahawa orang tidak mahu menjadi guru. Sebenarnya ramai yang hendak menjadi guru. Kemudian kita pula pergi mengambil guru pencen diberikan kerja lagi.

Kadang-kadang guru itu pun dia terlena dalam kelas. Maklumlah sudah ranum, jadi disuruh menggagah mengajar lagi.

Bila guru lena, anak murid pun turut lena sama. Apa salahnya yang berkelulusan ini diambil mereka hantar berkursus perguruan selama setahun kemudian serapkan mereka menjadi guru siswazah. Sudah kita memerlukan guru yang ramai..

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: "Ranum" itu maknanya dia berumur sedikit, saya hendak mengatakan "tua" tidak patut, kita bukan tua Tuan Yang di-Pertua, kita lama. Adakah Yang Berhormat bercadang untuk kita *identify*, cari peluang-peluang untuk mereka. Saya pun menghadapi masalah di dalam kawasan. Mereka mengatakan, "Yang Berhormat Dato', anak saya kelulusan universiti", tetapi sudah berapa tahun tidak mendapat pekerjaan. Kita hendak memberikan kerja apa kepada mereka, kita pun makan gaji lebih kurang sahaja.

Saya minta kementerian membuat kajian di mana silapnya, macam Universiti Utara cukup ramai keluar hendak diletakkan di mana selepas ini,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat bagi Menteri menjawab.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya ikut, saya akur Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat di atas kebimbangan Yang Berhormat tentang siswazah-siswazah kita yang menganggur ini. Saya telah pun melontarkan idea-idea kepada *Vice Chancellor* supaya kalau boleh masalah-masalah yang kita dapati, kita kesan bahawa anak-anak kita ini kadang-kadang *introvert*, pendiam, tidak *extrovert,* anak-anak kita tidak boleh berkomunikasi dalam bahasa Inggeris misalnya, anak-anak kita ini tidak dapat mempunyai EQ, IQ dia bagus pasal dia masuk universiti, EQ tidak bagus, *emotional quotient* dan sebagainya.

Apa yang telah saya lontarkan dan kemungkinan dalam minggu depan ini respons daripada *Vice Chancellor* akan datang, pertamanya kita hendakkan supaya *student personnel services,* dengan izin Tuan Yang di-Pertua kita hebatkan, di mana di situlah akan diajar bermacam-macam supaya anak-anak kita itu berani bercakap, berani menyatakan sesuatu dan boleh menyatakan sesuatu, orang lain tidak sakit hati dan kita hendakkan juga anak-anak kita pun boleh berdebat, boleh menggunakan IT dan sebagainya. Selain daripada itu kita hendakkan juga Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar, ANCHAP ini juga dapat membuatkan banyak aktiviti bukan sahaja di kampus itu sendiri tetapi juga di kolej di mana mereka tinggal.

Di sini kita hendakkan *fellow* dan juga pengetua melibatkan diri. Kalau mereka tidak ada aktiviti saya takut nanti orang lain membawa lari keluar, jadi masalah pula kepada kita. Ini yang kita harapkan..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat saya hendak selitkan satu soalan boleh tidak Yang Berhormat? Mustahak Yang Berhormat orang-orang tua pesan hendak selit satu lagi boleh tidak?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tentang pakaian Yang Berhormat. Yang ini saya kena tegur pasal dahulu saya tidak mahu sebut universiti-universiti mana. Nanti saya rekomen kepada Canselor Universiti itu suruh ambil dia tidak mahu ambil pula, bila tengok surat saya. Tetapi kita tengok di universiti-universiti sekarang ini hendak mengikut universiti barat, pakaian pun lebih kurang boleh memakai jean, kemudian memakai baju yang sekerat nampak pusat tidak pasal-pasal. Di universiti ini bercampuran. Bila orang lelaki dengan perempuan bercampur tengok pula dia ini memakai pelek-pelek dia naik karan lebih kurang, ini susah kita Yang Berhormat. Boleh tidak Yang Berhormat tolong perbetulkan di universiti beri mereka memakai pakaian yang bersopan santun apa salahnya. Kalau yang Melayu pakai baju……. bukan baju kebaya, baju….

Tuan Lim Kit Siang: Ini bukan hendak membuat penjelasan. Kita lagi ada lapan kementerian..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat..

Tuan Lim Kit Siang: Buang masa Dewan yang mulia ini ada Menteri, Menteri menunggu mahu menjawab, pasal apa *first world Parliament* sebagai *…. world Parliament* semacam ini .

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Pasal apa mengatakan buang masa, ini maruah.

Tuan Lim Kit Siang: Salah menggunakan Peraturan Mesyuarat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kita tidak membenarkan pelajar kita memakai pakaian yang teruk di universiti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat teruskan, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bukan ini, ini benda betul di universiti tengok kalau budak-budak memakai macam-macam, gejala sosial berlaku di universiti. Yang Berhormat tidak mahu dengar boleh balik. Saya boleh menunggu sampai pagi besok kerana tugas saya sebagai wakil rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Jerai teruskan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat cakap satu hari lebih saya tunggu, saya bercakap sedikit tidak bolehkah? Apa ini demokrasi apa ini, Yang Berhormat boleh ajar orang Yang Berhormat, saya Barisan Nasional Presiden saya ajar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai, Jerai teruskan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ah! Jangan kurang sopan terhadap saya, nanti Yang Berhormat susah di Dewan ini. Yang Berhormat Menteri, saya meminta Yang Berhormat tolong lihat anak-anak kita di universiti sungguhpun berkelulusan tinggi tetapi perangai mereka teruk. Terima kasih Yang Berhormat. Saya sabar ini, terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat, saya akan bawa perkara ini ke Mesyuarat *Vice Chancellor* nanti.

Satu perkara lagi ialah tentang guru-guru. Tentang guru-guru ini, kita ada apa yang kita katakan hari itu bahawa jika studen yang baru masuk, dia hendak ambil perguruan, kita terus secara *symbiotic relationship*. Hubungan simbiotik ini akan dimasukkan sekali tetapi kepada guru-guru yang telah pun berijazah tetapi tidak dapat mendapat apa-apa kerja yang lain, masih menganggur, mereka boleh minta satu program yang dinamakan KPLI di mana siswazah-siswazah itu akan diajar sedikit mengenai anagogi, pedagogi*, child psychology* dan sebagainya.

Kementerian Pengajian Tinggi telah mengambil beberapa langkah untuk mengatasi masalah pengangguran yang berlaku di kalangan siswazah. Antara strategi jangka pendek yang telah diambil:

(i) mengkaji penawaran kursus-kursus baru di IPT agar ia bersesuaian, relevan dan memenuhi pasaran guna tenaga;

(ii) meminta IPT memasukkan elemen-elemen seperti teknologi maklumat, keusahawanan dan etika dalam kursus-kursus berkenaan supaya ia lebih *marketable;*

(iii) meneruskan perbincangan dan kerjasama antara kementerian dengan pihak industri, IPT dan agensi kerajaan yang berkaitan dari masa ke semasa bagi mendapatkan maklum balas mengenai keperluan industri; dan

(iv) meminta IPT meningkatkan penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa yang lain serta kemahiran berkomunikasi bagi memberi nilai tambah kepada siswazah dalam bidang pekerjaan yang akan diceburinya.

Strategi jangka panjang pula antaranya melibatkan:

(i) cadangan kursus pengajian secara *double major* melalui gabungan kursus-kursus pengajian seperti gabungan Kursus Pengajian Islam dengan Ekonomi, Pengurusan dengan Teknologi Maklumat dan sebagainya;

(ii) penilaian semula kurikulum pengajian setiap lima tahun dengan mengambil kira ulasan dan maklum balas oleh Penasihat Akademik, penilai luar, *input* dari industri bagi memastikan kurikulum program pengajian mempunyai kualiti yang sesuai dengan perkembangan dan pasaran kerja terkini;

(iii) mengadakan program latihan industri pelajar semasa tahun akhir pengajian di syarikat industri awam dan swasta. Program ini akan dilaksanakan dengan lebih meluas dan diuruskan dengan lebih teratur supaya kerjasama di antara industri dengan universiti dapat berjalan secara berterusan dan sistematik;

(iv) mahasiswa diberi pendedahan dalam aspek-aspek kepimpinan, pengurusan dan budaya kerja di industri;

(v) mengadakan khidmat sokongan di peringkat IPT untuk membantu mahasiswa mengetahui bentuk pekerjaan yang relevan dan sedia menunggu di pasaran; dan

(vi) menyokong usaha JPA yang mengadakan Skim Sangkutan dan Latihan atau SSL dan Kementerian Sumber Manusia yang mengadakan Skim Latihan Graduan atau SLG dengan menggalakkan pelajar untuk menyertai program ini selepas mereka menamatkan pengajian sekiranya mereka masih belum mendapat pekerjaan.

Dengan langkah-langkah ini, diharap pihak IPT dapat melahirkan siswazah yang bukan sahaja dapat menguasai ilmu pengetahuan yang cemerlang malah mereka juga mempunyai keterampilan serta budaya berfikir secara kritikal dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Temerloh bangun.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua…

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Yang Berhormat, saya hendak bertanya sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Tentang cadangan tadi, Yang Berhormat tidak sebut dari segi *research* di universiti, penyelidikan. Barangkali Yang Berhormat pun sedar bahawa baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun ada membuat komen iaitu taraf universiti kita ini tidak sampai setengah untuk mencapai taraf dunia. Pada saya Yang Berhormat, universiti ini *is research*. Kalau tidak ada *research,* itu bukan universiti namanya.

Saya hendak minta supaya kementerian Yang Berhormat, memohon lebih banyak peruntukan bagi *research grant*, dengan izin, daripada sumber dalaman, daripada kerajaan sendiri dan banyak juga sumber-sumber luar, Yang Berhormat, *research* yang boleh kita mendapat *funding*, dengan izin, untuk mendapatkan *research grant* daripada bermacam-macam agensi luar. Pada saya *research is very important*, dengan izin. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat. Nampaknya Yang Berhormat pun mendahului daripada saya. Menyentuh isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Temerloh, Yang Berhormat bagi Ledang dan Yang Berhormat bagi Batu Kawan berkaitan penyelidikan dan pembangunan, Kementerian Pengajian Tinggi sememangnya memberi penekanan yang serius untuk meningkatkan elemen penyelidikan, pembangunan dan komersial.

Sebahagian dari langkah meningkatkan aktiviti penyelidikan di negara ini, beberapa universiti awam yang mantap akan dijadikan Universiti Penyelidikan. Universiti ini akan terlibat secara agresif dalam aktiviti penyelidikan dan *enrolment* pelajar ijazah tinggi di universiti tersebut adalah sekurang-kurangnya 30 peratus. Dalam pertandingan di peringkat antarabangsa baru-baru ini, penyelidik-penyelidik dari IPTA telah berjaya memenangi 16 pingat emas, 22 perak dan 10 gangsa dalam pertandingan reka cipta antarabangsa di Geneva.

Sehingga kini IPTA telah berjaya mendaftar termasuk dalam proses pendaftaran sebanyak 170 paten dengan 50 produk yang dikomersialkan bersama industri bernilai lebih daripada RM48 juta. Sejak tahun 2002, sejumlah RM100 juta telah diperuntukkan oleh kementerian ini untuk membiayai penyelidikan fundamental di IPTA.

Penyelidikan fundamental ini penting dan merupakan asas kepada peningkatan kajian gunaan yang akhirnya akan menjurus kepada penghasilan produk untuk dikomersialkan. Selaras amalan universiti-universiti terkemuka di negara luar seperti Korea dan Jepun, penekanan kepada penyelidikan fundamental haruslah mendapat sokongan kewangan yang besar dan kementerian akan berusaha untuk memperoleh bantuan kewangan yang sepadan bagi membiayai penyelidikan fundamental ini.

Kementerian Pengajian Tinggi juga menyambut baik saranan kerajaan untuk menggalakkan warganegara Malaysia yang mempunyai kepakaran yang tinggi untuk berkhidmat di IPTA, terutamanya di dalam bidang-bidang kritikal seperti Perubatan, Kejuruteraan, Farmasi, Sains dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pertanyaan Yang Berhormat bagi Temerloh mengenai pelantikan Profesor dan Profesor Madya di IPTA yang bukan terdiri daripada mereka yang banyak membuat penyelidikan dan diiktiraf di peringkat antarabangsa. Suka saya jelaskan di sini bahawa urusan kenaikan pangkat di IPTA mengguna pakai garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Garis panduan ini menekankan kepada kecemerlangan dalam bidang pengajaran dan penyeliaan, penyelidikan, perundingan, penerbitan, perkhidmatan kepada komuniti serta jalinan antarabangsa yang membanggakan.

Penilaian secara dalaman dan luaran dikendalikan oleh pihak universiti sebelum keputusan dibawa untuk kelulusan Lembaga Pengarah Universiti masing-masing. Dengan proses penjaminan kualiti yang agak ketat ini maka calon yang dilantik sebagai profesor adalah terdiri daripada kalangan mereka yang memiliki kelayakan akademik yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan kadar yuran yang dianggap tinggi di IPT yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Temerloh, perlu dijelaskan, IPTS tidak mendapat sebarang bantuan kewangan daripada kerajaan berbanding dengan IPTA. Sebagai contohnya, kos purata bagi bidang pengajian perubatan di IPTA adalah RM296,772 dan daripada kos tersebut, purata yuran pengajian yang dikenakan hanyalah RM9,800 sahaja manakala kos selebihnya dibiayai oleh kerajaan.

IPTS pula terpaksa mengeluarkan kos yang tinggi untuk menyediakan kemudahan infrastruktur dan tenaga pengajar yang berkelayakan. Sehubungan itu pihak pengurusan IPTS terpaksa mengenakan bayaran yang agak tinggi kepada pelajar. Namun demikian, IPTS tidak boleh sewenang-wenangnya menaikkan yuran dan ia tertakluk kepada kelulusan daripada kementerian. Pihak kementerian membantu mahasiswa dengan memberi bantuan kewangan dalam bentuk pinjaman melalui Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional ataupun PTPTN. Bantuan yang disalurkan ini sedikit-sebanyak dapat membantu mengurangkan beban kewangan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar luar…

Tuan Haji Hamim bin Samuri: *[Bangun]*

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Untuk makluman Yang Berhormat, kos pengajian di IPTA di negara ini adalah antara yang terendah sekali di dunia...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ledang bangun.

Tuan Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Yang Berhormat dan Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sekadar ingin hendak bertanya, bolehkah Yang Berhormat Menteri sebutkan pecahan bantuan yang dianugerahkan kepada pelajar-pelajar menerusi PTPTN kepada pelajar-pelajar IPTS. Kalau boleh angka pecahan bagi Melayu, India dan Cina. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, PTPTN tidak mengira bangsa tetapi mengira subjek atau disiplin yang dipelajari. Bermula tahun 1997 hingga April 2004 …

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timur.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Saya hendak jawab soalan tadi dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Belum bagi lagi, Yang Berhormat. Sila duduk.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Biar saya jawab soalan tadi dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum menjawab Yang Berhormat. Sila duduk.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Bermula tahun 1997 hingga April 2004, PTPTN telah menaja pinjaman untuk 1754 orang pelajar perubatan dan dari jumlah tersebut, 828 orang ataupun 47.2 peratus adalah pelajar bukan bumiputera dan 926 orang atau 52.8 peratus adalah pelajar bumiputera. Dari segi nilai tajaan iaitu ongkosnya, RM7.25 juta digunakan bagi membiayai pinjaman pelajar bumiputera sementara RM22.80 juta ataupun 75.9 peratus adalah bagi membiayai pinjaman pelajar bukan bumiputera. Di sini PTPTN banyak memberi bantuan kepada pelajar-pelajar bukan bumiputera.

Tuan Lim Kit Siang: Selepas Pilihanraya Umum 2004, Pengerusi PTPTN sudah naik pangkat menjadi Timbalan Menteri untuk Kementerian…

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: MITI.

Tuan Lim Kit Siang: MITI.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Minta Yang Berhormat terus *straight to the point*, Yang Berhormat, *straight to the point. Don't waste time.*

Tuan Lim Kit Siang: Sampai sekarang tidak ada orang dilantik sebagai pengganti. Bukankah ini akan melambatkan dan keputusan untuk memberikan pinjaman ..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Straight to the point, straight to the point…*

Tuan Lim Kit Siang: …. kepada pelajar-pelajar yang perlu …, itu *point*, ada satu *point* di sana… *[Disampuk lagi oleh Yang Berhormat bagi Jerai]* Bolehkah seorang Pengerusi yang baru dibuat dengan segera dan kenapa begitu lambat?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Saya telah menemu duga *candidate* ataupun calon yang berkenaan dan surat telah pun dihantar kepada beliau dan saya rasa minggu depan kita akan mendapat jawapan daripada beliau sama ada beliau terima ataupun tidak cadangan kita.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Itu *hopeless point...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Terus, terus, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Pelantikan Naib Canselor dan juga Rektor IPTA, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian mengenai pelantikan Naib Canselor yang tidak merujuk kepada Senat Universiti serta tidak mempunyai latar belakang dalam bidang akademik. Suka saya maklumkan bahawa pelantikan Naib Canselor dan Rektor di IPTA adalah di bawah bidang kuasa Menteri dan tertakluk

kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Pelantikan Naib Canselor dan Rektor adalah terdiri di kalangan mereka yang mempunyai latar belakang akademik yang cemerlang, berpengalaman luas dalam bidang pentadbiran dan mempunyai daya kepimpinan yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada cadangan Yang Berhormat bagi Bera, untuk menubuhkan kolej komuniti di FELDA bagi meningkatkan taraf kemahiran anak-anak peneroka dan masyarakat setempat. Kerajaan telah menubuhkan 34 buah kolej komuniti yang sedang beroperasi di seluruh tanah air. Saya akan berikan pelajar-pelajarnya dan juga di mana kolej komuniti itu ditempatkan di rancangan FELDA.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan daripada Yang Berhormat bagi Ayer Hitam berkaitan penubuhan kolej pertanian. Pada masa ini program-program pengajian dalam bidang pertanian di peringkat ikhtisas dan separa ikhtisas sedang ditawarkan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM). Bagi program di peringkat sijil, ia ditawarkan di institut pertanian di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Kementerian akan terus memantapkan Fakulti Pertanian UPM bagi mempertingkatkan keupayaan dalam pengurusan ladang selaras dengan dasar kerajaan untuk menjadikan sektor pertanian sebagai penyumbang kepada ekonomi negara.

Berkaitan dengan pertukaran nama Universiti Pertanian Malaysia kepada Universiti Putra Malaysia yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan, dimaklumkan bahawa pertukaran nama tersebut yang diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 3 April 1997, adalah berasaskan kepada justifikasi:

(i) pengiktirafan kejayaan UPM dalam bidang pendidikan tinggi;

(ii) penghormatan kepada Perdana Menteri;

(iii) selaras dengan nama Putrajaya yang terletak berhampiran dengan kampus utama;

(iv) mencerminkan skop universiti yang memfokuskan kepada bidang sains dan teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, peranan Kolej Universiti Teknikal amat penting dan kita akan membanyakkan lagi universiti-universiti teknikal ini, seperti KUSTEM, KUiTTHO, KUKTEM dan sebagainya, supaya dapat kita membantu anak-anak kita bagus dalam bidang kejuruteraan elektronik dan komunikasi, dapat membantu kita dalam mencapai Wawasan 2020.

Cadangan daripada Yang Berhormat bagi Rantau Panjang dan Yang Berhormat bagi Dungun mengenai cadangan penubuhan sebuah IPTA di Kelantan, perlu dijelaskan bahawa penubuhan sebuah IPTA memerlukan kajian yang terperinci, khususnya dari segi kesesuaian bidang pengajian, perolehan, tenaga pengajar dan kemudahan serta lokasinya. Walaupun Kelantan tidak mempunyai sebuah universiti sepenuhnya, namun terdapat kampus cawangan USM di Kubang Kerian, kampus cawangan UM di Nilam Puri dan kampus UiTM di Machang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur tadi, telah pun membangkitkan isu-isu mengenai kemasukan, saya telah pun menjawabnya, dan insya-Allah, selepas mesyuarat esok, mesyuarat Jemaah Menteri, kita harap Perdana Menteri akan mengumumkan keputusan itu. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kementerian Pengajian Tinggi sudah selesai, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri.

8.53 mlm.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Dr. Awang Adek bin Hussin]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu bagi pihak kementerian, mengucapkan ribuan terima kasih kepada 20 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam membahaskan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Luar Bandar dan Wilayah semasa perbahasan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Saya ingin mengulas isu dan pandangan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat secara serentak kerana kebanyakan perkara yang dibangkitkan hampir sama dan boleh dibahagikan kepada isu-isu;

(i) pembasmian kemiskinan;

(ii) pembangunan masyarakat;

(iii) Orang Asli;

(iv) pembangunan tanah pertanian;

(v) prasarana *utility* dan *amenity,* sosial dan pendidikan; serta latihan masyarakat luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, pembasmian kemiskinan. Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Beluran, Kota Belud, Jerlun, Parit, Tuaran, Gerik, Kanowit dan Sepanggar membangkitkan mengenai isu-isu kemiskinan bermula daripada istilah kemiskinan itu sendiri hinggalah ke pelaksanaan program-program sedia ada dan program baru.

Ahli-ahli Yang Berhormat turut menyentuh isu kemiskinan di luar bandar dan bandar, bagaimana ia berhubung kait di antara satu sama lain. Perancangan dan strategi pelaksanaan program serta kerjasama yang harus wujud di kalangan agensi kerajaan bagi menangani isu kemiskinan ini.

Yang Berhormat bagi Beluran telah menarik perhatian kita kepada dua isu, iaitu:

(i) tentang masalah kemiskinan yang tidak dapat diatasi, walaupun setelah Rancangan Malaysia Kelapan; dan

(ii) mengenai perancangan dan pelaksanaan Program Pembasmian Kemiskinan yang lebih cenderung kepada pendekatan *'Top- Down'*.

Saya suka memperingati semua, bahawa kerajaan sejak merdeka melalui pelbagai langkah yang diambil untuk menangani masalah kemiskinan telah banyak menghasilkan kejayaan. Di peringkat nasional, kadar kemiskinan telah berjaya dikurangkan dari 16.5% ke-5.1% dari tahun 1990 ke tahun 2002. Kemiskinan di kawasan bandar juga telah berkurangan dari 7.1% ke-2%, dan di luar bandar dari 21% ke-11.4% untuk tempoh yang sama. Kadar kemiskinan tegar termiskin, turun berkurangan dari 3.1% ke-1% bagi tempoh yang sama. Jadi, kalau pun belum dihapuskan, sudah banyak kemajuan yang telah dicapai jauh lebih baik dari kebanyakan negara-negara lain di dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan amat komited untuk meneruskan usaha-usaha menghapuskan kemiskinan, khususnya kemiskinan tegar bagi mencapai objektif mensifarkan kemiskinan tegar menjelang tahun 2009. Pada masa yang sama, proses perancangan dan pelaksanaan dasar pembasmian kemiskinan adalah membabitkan pendekatan kedua-dua hala, iaitu *Top-Down* dan *Bottom-Up*, dengan izin.

Umpamanya, di peringkat *Bottom-Up,* agensi-agensi di peringkat paling bawah seperti JKK, Penghulu, KEMAS, turut mengemukakan cadangan Program Pembasmian Kemiskinan kepada kerajaan negeri dan seterusnya ke kementerian dan seterusnya juga kepada agensi-agensi pusat. Di peringkat ini proses penyesuaian dibuat dalam kumpulan perancang antara agensi (IAPG) dan kumpulan kerja teknikal yang diterajui oleh Unit Perancang Ekonomi.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat bagi Kinabatangan bangun.

Datuk Dr. Awang Adek bin Hussin: Satu minit sahaja. Untuk seterusnya dimasukkan dalam rancangan lima tahun negara untuk dilaksanakan. Silakan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih, Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua. Saya amat bersyukurlah kerana kementerian mempunyai perancangan untuk mensifarkan kemiskinan tegar di seluruh negara. Persoalan yang kita hadapi, iaitu adakah kementerian ini telah mempunyai *data base*, dengan izin, untuk semua daerah mengikut Parlimen yang sedia ada, terutama sekali Parlimen di kawasan luar bandar, khususnya, iaitu untuk melihat bahawa selama lima tahun ini.

Kemiskinan ini akan dapat dihapuskan dari segi bekalan elektriknya, jalan kampungnya, bekalan air bersihnya, sebab untuk makluman Yang Berhormat, khususnya di Sabah, lebih kurang 45% masyarakat di sana tidak menikmati kemudahan ini, air bersih, bekalan elektrik dan sebagainya, sedangkan kita sudah merdeka, sudah hampir 50 tahun.

Ini bermakna masyarakat di luar bandar masih dalam keadaan parah dan dalam keadaan seolah-olah mereka didiskriminasi, dipinggirkan, sedangkan mereka ini sudah terpinggir di luar bandar. Apakah kementerian ini telah mempunyai *data base* untuk daerah-daerah dan dibekalkan kepada Ahli-ahli Parlimen supaya kita dapat menilai dari masa ke semasa, apa pembangunan yang telah kita capai. Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Kementerian sememangnya tidak mempunyai kesemua *data base* yang berhubung kait dengan segala kemudahan yang ada di setiap perkampungan, setiap Parlimen, tetapi memang ada setengah-setengah *data base* yang ada umpamanya, kita dapat melihat dari segi kadar kemiskinan di setiap Parlimen yang boleh kita menentukan. Umpamanya, kawasan Parlimen mana yang paling miskin dan seterusnya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Larut bangun.

Datuk Dr. Awang Adek bin Hussin: Dan usaha ini……Belum habis jawab lagi. Hendak sambung terus. *[Disampuk]* Member sebelah beri. Okey.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat, tahniah, tertib, kadang-kadang ada juga yang tidak tertib, kecewa juga Yang Berhormat. Jangan jadi gendang kosong sudahlah. Soalan, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat tentang pengumuman Yang Berhormat baru-baru ini mengenai peruntukan yang hendak beri lebih pada Kelantan, *[Disampuk]…* tidak, tidak, kita tidak rasa apa-apa, Kelantan kita tahu mundurkan. *[Disampuk]* hendak masuk ini Yang Berhormat . Tahniah juga kepada Yang Berhormat kerana sabar menunggu sampai malam.

Soalan saya, kalaulah benar peruntukan lebih, hendak beri lebih kepada Kelantan, bagaimana pula kami ini? Adakah hendak diberi yang sama ataupun hendak dilebihkan lagi, ya. Ataupun mungkin kurang ataupun tidak ada langsung. Minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat? Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Sebenarnya kenyataan tersebut perlu penjelasan yang lebih panjang tetapi mungkin tidak dimuatkan kesemuanya dalam surat khabar. Apa yang dimaksudkan dengan peruntukan yang lebih kepada negeri Kelantan merupakan kenyataan yang *multidimensional* dengan izin.

Umpamanya kalau kita lihat dari segi peruntukan projek jalan kampung untuk negeri Kelantan kalau kita bandingkan dengan negeri-negeri lain, walaupun Kelantan masih berada di bawah pemerintahan Parti Pembangkang, negeri Kelantan nampaknya mendapat peruntukan yang agak baik. Umpamanya sebanyak RM60 juta bagi tahun 2004 berbanding dengan Johor RM57 juta, Melaka RM19 juta, Negeri Sembilan RM25 juta dan sebagainya. Itu satu dimensinya.

Keduanya ialah dari segi peruntukan yang diberi melalui Ahli-ahli Parlimen, oleh sebab sebelum ini negeri Kelantan hanya mempunyai seorang Ahli Parlimen maka peruntukan yang diberikan ia untuk satu manakala oleh kerana Barisan Nasional sudah memenangi lapan Kerusi Parlimen dan Insya-Allah sembilan tidak lama lagi, sepatutnya sudah menang pun dan ini kita akan mempunyai peruntukan yang lebih sedikit.

Yang ketiganya ialah dari segi satu bukti bahawa peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Pusat kepada negeri Kelantan ini sebenarnya tidaklah terabai dan tersisih kalau pun negeri Kelantan tidak diperintah oleh Barisan Nasional tetapi kita yakin dan percaya bahawa tidak lama lagi insya-Allah negeri Kelantan akan dimenangi oleh Barisan Nasional…

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Santubong bangun Yang Berhormat.

Datuk Dr. Awang Adek bin Hussin: Boleh, boleh, sila.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Hendak minta penjelasan daripada Timbalan Menteri ini. Peruntukan yang diberi kepada Ahli Parlimen yang mana saya percaya Ahli Parlimen membuat saranan kepada kerajaan untuk mendapatkan peruntukan, macam begitukan? Hah! Macam itulah yang saya ingat. Betul kah? *[Menoleh kepada Yang Berhormat bagi Bachok]*

Persoalan saya ialah satu perkara iaitu soal kemiskinan. Cara penyelesaian kemiskinan ini ada bermacam cara dan Malaysia telah berjaya bahkan di antara negara yang berjaya sekali di dunia untuk mengatasi masalah kemiskinan. Masih ada yang perlu dibuat dan banyak perlu dibuat oleh kerajaan Malaysia terutama sekali dalam usaha untuk mengatasi PPRT di kalangan masyarakat *urban* ataupun di luar bandar.

Salah satu daripadanya ialah daripada segi pendidikan tapi masalahnya ialah Tuan Yang di-Pertua, masalahnya ialah apabila kita memberi bantuan kepada mereka yang miskin, yang dalam pengajian ataupun persekolahan mereka, kita melihat daripada segi meritnya juga. Kita lihat prestasi persekolahannya. Kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, orang yang miskin ini dia miskin daripada fikiran, miskin dalam pendidikan dan miskin pada segala segi bahkan prestasinya pun kadang-kadang miskin juga.

Kalau kita bandingkan *merit* untuk memberi bantuan itu berlandaskan 'A','B' nya, akhirnya kita akan menggunakan *Principle Darwinism* iaitu *the survival of the fitters.* Dalam masa 10 atau 20 tahun peringkat yang miskin ini akan pupus begitu sahaja bukan oleh kerana bantuan kerajaan tetapi kerana memang dia sudah hilang begitu sahaja, mati ataupun umur pendek dan sebagainya.

Saya mencadangkan supaya untuk membantu mereka yang miskin daripada segi pendidikan, jangan pandang dari segi prestasi persekolahannya tapi baik tolong semua. Kalau seorang anak daripada si miskin itu mendapat kedudukan tertentu keluarganya akan terkeluar daripada peringkat kemiskinan, itu yang pertama.

Yang kedua,..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup itu, Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Pertanyaan ini Tuan Yang di-Pertua…

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Menteri sudah faham itu…

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ini satu pertanyaan, pertanyaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Okey, terus, teruskan cepat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sudah dua tahun Tuan Yang di-Pertua, Sarawak belum mendapatkan RES, elektrik luar bandar, dua tahun sudah. Kalau setahun itu RM180 juta, bolehkah atau tidak kalau 3 tahun tidak dapat, kali ketiga bagi sekali gus pada tahun 2004 atau tahun 2005 ini? Kalau tidak orang di luar bandar, mati-mati pun tidak boleh ada komputer, tidak boleh apa-apa pun. Kemiskinan itu menjadi lebih miskin lagi bahkan kita cerita hal komputer, cerita-cerita kalau bantuan ICT, tidak payahlah. Kalau tidak ada *electricity* Tuan Yang di-Pertua, minta maaf, komputer itu *good bye* sahajalah. Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih Yang Berhormat, tentang isu bantuan yang diberikan kepada golongan miskin yang dibimbangkan oleh Yang Berhormat, sama ada ia diberikan berdasarkan kepada merit. Saya tidak merasakan bahawa itu merupakan satu pendekatan. Mungkin dari satu, dua aspek mungkin kelihatan sebagai merit khususnya pemberian bantuan kepada pelajar-pelajar yang mendapat keputusan yang cemerlang dan yang baik untuk meneruskan pelajaran di

peringkat yang lebih tinggi tetapi itu bukanlah bermakna bahawa segala bantuan yang diberikan dalam usaha membasmi kemiskinan ini dilakukan berdasarkan kepada merit.

Tuan Yang di-Pertua, ini jelas kalau kita lihat dari segi dasar pada hari ini iaitu untuk membasmi kemiskinan tegar, sudah tentu tidak kira sesiapa sahaja yang berada dalam kategori golongan tegar ini dan yang paling tegar ataupun yang kurang tegar, asalkan ianya tegar, ia akan dihapuskan.

Dari segi masalah pemasangan api di...

Tuan Ahmad Shabery Cheek: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kemaman bangun Yang Berhormat, Yang Berhormat!

Datuk Dr. Awang Adek bin Hussin: Tunggu tidak habis lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bagi dia habis jawab dulu Yang Berhormat, sila duduk.

Datuk Dr. Awang Adek bin Hussin: Ya..mana?

Seorang Ahli: Pasal api itu?

Datuk Dr. Awang Adek bin Hussin: Ya api di Sarawak, ini kerana sedikit masalah dalam menentukan kontraktor-kontraktor, yang saya difahamkan sekarang ini sudah pun di peringkat akhir. Dijangka ia dapat diselesaikan dan dilaksanakan. Saya yakin kita dapat berunding supaya yang ketinggalan selama setahun dua itu dapat ditambah kembali supaya Sarawak sebagai sebuah negeri tidak ketinggalan berbanding dengan negeri-negeri lain.

Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Ahmad Shaberry Cheek: *[Bangun]*

Datuk Dr. Awang Adek bin Hussin: Ada soalan kah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kemaman Yang Berhormat, Kemaman.

Datuk Dr. Awang Adek bin Hussin: Oh Kemaman? Oh sahabat saya tidak nampak di belakang, silakan.

Tuan Ahmad Shaberry Cheek: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri. Saya pernah mendengar kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa kerajaan akan menghidupkan balik apa yang disebutkan Majlis Tindakan Daerah, itu satu model yang kami anggap mungkin digunakan model yang sama sebagaimana yang telah dilaksanakan di bawah kepimpinan Allahyarham Tun Razak semasa beliau menjadi Perdana Menteri dan komited kepada isu-isu berkaitan dengan luar bandar. Di mana melalui bilik gerakan di peringkat daerah yang memfokuskan tentang soal kemiskinan, bagaimana untuk memerangi kemiskinan digunakan modal bagaimana untuk memerangi komunis pada waktu itu? Itulah taktik yang digunakan untuk memerangi kemiskinan. Ertinya apakah punca kemiskinan yang berada di luar bandar, apakah kerana infrastrukturnya, kerana pendidikannya, kerana sebab-sebab lain yang dilihat secara komprehensif.

Soalan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, bilakah bilik gerakan atau Majlis Tindakan Daerah yang seperti ini akan dimulakan? Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kemaman. Sememangnya seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah bahawa kita sedang mengkaji, melihat kaedah-kaedah yang boleh memperkemaskan lagi pelaksanaan program-program membasmi kemiskinan di daerah-daerah. Salah satu kemungkinan ialah penubuhan semula Majlis Tindakan Daerah dengan kaedah-kaedah dan penyertaan-penyertaan tertentu khususnya yang melibatkan Ahli-ahli Yang Berhormat supaya turut memainkan peranan di peringkat daerah. Ini merupakan satu kaedah yang sedang dipertimbangkan tetapi belum lagi diangkat untuk mendapat persetujuan kerajaan. Saya meminta Yang Berhormat dan rakan-rakan yang lain supaya bersabar, moga-moga apa jua perancangan yang baik ini akan dapat dilaksanakan nanti. Insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, usaha menangani isu kemiskinan sesungguhnya….

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai bangun.

Datuk Dr. Awang Adek bin Hussin: Sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat bagus, bila kita minta laluan - bagi, kemudian tidak sombong – tidak 'gong' *[Ketawa]* Bagus Yang Berhormat. Cara itulah, ya. Kemudian saya Yang Berhormat, memang cara saya bertanya macam itu Yang Berhormat. Saya tatatertiblah, cara orang-orang tua-tua ini, tidak boleh tanya *direct.* Yang Berhormat, tadi saya mendengar Kemaman menyatakan memang betul Allahyarham Tun Abdul Razak biasa mengatakan bangunkanlah luar bandar kerana bandar akan bangun dengan sendirinya. Ini bermakna bahawa Allahyarham telah meletakkan pelbagai cara untuk membangun dan membela nasib orang miskin.

Persoalannya Yang Berhormat, makin sehari makin ramai orang miskin di negara yang membangun ini. Saya tidak faham, sepatutnya apabila negara membangun, pendidikan kita bagi, kemudahan kita bagi, bantuan kita bagi, Amanah Ikhtiar itu, ini kita bagi tetapi semakin sehari semakin banyak yang miskin. Adakah kerana kita hanya memberi tanpa kita memberi pendidikan. Kita bagi ikan pada dia, kita tidak bagi dia kail suruh mengail ikan. Pada pandangan saya, biar kita bagi pendidikan kepada mereka di samping bantuan, kita suntikkan budaya niaga kepada mereka supaya mereka dapat menebus maruah kemiskinan mereka itu dengan tersendiri setelah kita *step up to certain level* dengan izin, untuk membuat mereka maju.

Saya berharap kalau boleh, pihak kementerian mengkaji keseluruhannya apa faktornya dan cara yang paling mudah untuk kita menebuskan kembali. Saya ingat Yang Berhormat, minta sedikit laluan lagi…

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sama macam Kemaman tadi, Yang Berhormat. Lebih kurang.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tak, tak, ia berlainan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Timbalan Menteri dah faham dah tu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak, ia berlainan sedikit. Caranya berlainan. Saya ingat semasa saya jadi Pengerusi FAMA, kita suntikkan budaya niaga kepada peniaga-peniaga pasar tani. *Depa* ini dahulu Yang Berhormat, buta huruf. Tanam sayur di kampung, miskin, tetapi kita bawa mereka bagi depa belajar berniaga, dan hari ini depa senang amat. Dahulu saya ingat bila saya bawa depa daripada kampung, bubuh meja di pasar tani, depa naik duduk atas meja. Dah kita bubuh sayur atas meja tetapi depa naik dok atas meja. Tetapi hari ini depa sudah ada kereta, ada rumah dan sebagainya. Boleh atau tidak kementerian Yang Berhormat fokus lebih jauh sedikit untuk menyuntik budaya niaga supaya depa boleh berdiri di atas kaki sendiri. Terima kasih, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Sememangnya itulah yang menjadi harapan kita semua, bukan sahaja di kementerian tetapi di pihak kerajaan supaya usaha membasmikan kemiskinan bukannya melalui usaha yang mudah, cara yang senang untuk memberi bantuan secara langsung. Tetapi lebih bermakna supaya bantuan yang diberikan ini boleh mempertingkatkan keupayaan mereka untuk mencari rezeki di masa-masa akan datang tanpa bantuan yang berlebihan nanti.

Kalau kenyataan Yang Berhormat bahawa kelihatan lebih ramai atau dirasakan lebih ramai orang-orang miskin pada hari ini berbanding di masa yang lepas, kalau dilihat dari segi statistik dan kenyataan, mungkin itu tidaklah begitu tepat. Tetapi kalau setakat perasaan dan rasa perasan kita kerana jumlah penduduk yang meningkat. Juga kemiskinan ini ada dua Yang Berhormat.

Satunya kemiskinan mutlak – *absolute*. Ini yang tegar, yang memang hendak makan pun susah. Yang ini tidak kiralah bila pun ianya terasa miskin, kelihatan miskin. Tetapi ada juga kemiskinan yang secara relatif – yang berbanding. Seseorang yang mungkin dapat makan tidaklah berat sangat cuma makanan dia tidaklah semewah makanan orang-orang lain, rakan-rakannya. Keretanya tidaklah semewah kawan-

kawan di sebelahnya, maka mereka merasakan dirinya miskin, kalaupun dari segi kemiskinan hakikatnya mereka ini tidak miskin.

Insya-Allah, apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat ini sudah pun menjadi satu dasar yang kita pikul, cuma kadangkala apa yang kita hajati itu tidak semestinya tercapai setiap masa. Kalaupun kita ingin mengajar seseorang itu mengail dan tidak memberinya ikan, tetapi kadangkala untuk seseorang itu pandai mengail memakan masa yang agak panjang.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah KKLW, antara program pembangunan yang dijalankan adalah melalui pembangunan tanah, wilayah, prasarana dan utiliti serta pembangunan keusahawanan luar bandar dan pembangunan masyarakat. Manakala bagi menangani masalah miskin tegar, kementerian memberi fokus kepada pelaksanaan program untuk meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat termiskin melalui program-program di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat atau SPKR. Dahulunya dikenali sebagai Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT).

Di antara program di bawah SPKR adalah Program Pembangunan Minda Insan, Program Latihan dan Pendidikan, Program Bangunan Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA), Program Makanan Tambahan Seimbang, Program Bantuan Rumah, Program Pembangunan Masyarakat Setempat, Program Peningkatan Pendapatan, Program ASB Sejahtera untuk mengganti ASB PPRT dahulu dan Program Pembangunan Masyarakat Bandar Bersepadu. Memang banyak Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Kanowit secara khusus telah memohon dikaji semula peruntukan rumah PPRT kerana peruntukan yang diberikan adalah kecil. KKLW terpaksa membuat peruntukan dalam batasan kewangan yang dikenakan secara bersesuaian dengan bilangan golongan sasar termiskin di sesebuah negeri. Namun begitu, peruntukan tambahan boleh ditimbang oleh kementerian sekiranya agensi pelaksana betul-betul memerlukan dan kedudukan kewangan negara mengizinkan.

Kerajaan mengucapkan terima kasih ke atas keprihatinan dan perhatian dan pandangan-pandangan yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat bagi Jerlun, Parit, Tuaran dan Sepanggar yang telah menegaskan pentingnya isu kemiskinan diberi perhatian serius supaya ianya benar-benar dapat diatasi. Percayalah Yang Berhormat, kerajaan melalui kementerian saya akan terus meningkatkan usaha untuk melaksanakan program-program kesejahteraan rakyat secara bersungguh-sungguh agar dapat memberi manfaat terus kepada golongan miskin serta miskin tegar agar kemiskinan tegar dapat dihapuskan dalam rangka lima tahun nanti.

Yang Berhormat bagi Kota Belud dan Yang Berhormat bagi Parit telah menyarankan supaya KKLW mengadakan kerjasama dengan kementerian lain seperti Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, KKLW sememangnya telah mengadakan kerjasama dengan kementerian ini serta dengan lain-lain agensi pertanian di peringkat Persekutuan dan negeri. Aktiviti-aktiviti kerjasama meliputi aktiviti-aktiviti ekonomi berasas pertanian dan bukan pertanian bagi membantu meningkatkan pendapatan golongan miskin tegar dan golongan miskin amnya.

Antara aktiviti berasaskan pertanian yang melibatkan kerjasama antara agensi KKLW dengan Jabatan Teknikal Kementerian Pertanian meliputi projek ternakan ayam, itik dan burung puyuh, ternakan lembu secara integrasi dalam ladang sawit, ternakan ikan dan kupang serta tanaman sayur-sayuran, jagung, tembakau dan buah-buahan. Aktiviti-aktiviti bukan pertanian meliputi perniagaan makanan, pemprosesan makanan ringan, kuih-muih tradisional, perniagaan runcit dan perusahaan kraf tangan dan pertukangan yang memerlukan kemahiran seni seperti tenunan, batik dan ukiran kraf.

Kementerian juga bersetuju dengan saranan Yang Berhormat bagi Gerik supaya kerjasama dengan tenaga profesional di institut pengajian tinggi diadakan. KKLW telah memulakan usaha melaksanakan aktiviti-aktiviti Pembangunan dan Penyelidikan (R&D) dengan kerjasama agensi-agensi penyelidikan serta pihak universiti. Ini melibatkan aktiviti tanaman herba oleh KESEDAR, FRIM dan aktiviti R&D berasaskan rumpai laut bersama Universiti Malaysia Sabah.

Bagi membolehkan usaha-usaha membasmi kemiskinan ini lebih berkesan dan juga lebih fokus, cadangan daripada Yang Berhormat bagi Tuaran untuk mengadakan satu pangkalan data bagi golongan miskin tegar di seluruh negara telah

diambil kira. KKLW telah memulakan usaha membangunkan Sistem Maklumat Ketua Isi Rumah, KIR Miskin Tegar, Sistem Pangkalan Data KIR Miskin Tegar untuk negeri di Semenanjung Malaysia telah disediakan dengan kerjasama agensi-agensi kementerian serta pentadbiran negeri-negeri dan daerah-daerah. Maklumat profil KIR miskin tegar untuk negeri Sabah dan Sarawak akan mula dikemas kini mulai bulan Julai 2004 dan dijangka siap dalam tahun ini juga.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan masyarakat Orang Asli. Yang Berhormat-Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, Maran dan Bera membangkitkan isu pembelaan masyarakat Orang Asli di negara ini. Ini termasuk cadangan untuk semakan semula Akta 134 mengambil kira impaknya terhadap kemajuan Orang Asli dan cadangan menambah lebih ramai Orang Asli dalam JOA – Jabatan Orang Asli termasuk Ketua Pengarah datangnya daripada Orang Asli. Dibangkitkan juga mengenai masalah kemiskinan di kalangan Orang Asli, peluang pendidikan dan pekerjaan dan penyediaan kemudahan asas Orang Asli.

Kerajaan sedar bahawa kadar kemiskinan di kalangan masyarakat Orang Asli masih tinggi berbanding dengan suku kaum lain di negara ini. Bagi menangani isu ini, kerajaan telah menyusun pelbagai program dan rancangan pembangunan yang khusus untuk Orang Asli dan program-program pembangunan yang dilaksanakan adalah bertanggungjawab secara holistik dan berterusan meliputi penyediaan kemudahan asas pembangunan tanah tersusun dengan kerjasama kerajaan negeri, pembangunan pendidikan dan latihan kemahiran, program membasmi kemiskinan terutama di kawasan pedalaman serta Program Sepadu Pembangunan Desa Terpencil (PROSPER).

Sehingga kini kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM105 juta untuk membina kemudahan jalan perhubungan sepanjang 2,160 kilometer ke 724 perkampungan Orang Asli. Kini hanya 145 kampung dalaman yang belum dihubungkan dengan kemudahan jalan. Kerajaan merancang melengkapkan baki kampung yang belum mendapati kemudahan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Sejumlah 8,245 rumah atau 238 perkampungan telah disediakan bekalan elektrik yang memakan belanja sebanyak RM71 juta. Kerajaan juga telah berjaya membekalkan 691 kampung Orang Asli dengan air di mana 327 kampung dibekalkan dengan bekalan air paip dan 364 kampung lagi dibekalkan dengan air graviti dengan kos projek sebanyak RM97 juta.

Dari segi kemudahan perumahan, kerajaan sehingga akhir tahun 2003 telah berjaya membina sebanyak 11,476 unit rumah Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) dengan belanja sebanyak RM46.67 juta. Program ini akan diteruskan sungguh pun kos pembinaannya agak tinggi.

Di samping penyediaan kemudahan asas, kerajaan juga melaksanakan rancangan pembangunan tanah dengan tanaman komersial seperti kelapa sawit dan getah yang dilaksanakan dengan kerjasama kerajaan negeri, RISDA dan FELCRA. Sehingga akhir tahun 2003, kerajaan telah berjaya membangunkan 19,591 hektar ladang kelapa sawit dan 4,859 hektar getah. Rancangan ini telah memberi manfaat kepada 10,898 peserta Orang Asli dengan meningkatkan pendapatan mereka.

Kerajaan memberi perhatian serius terhadap pendidikan Orang Asli sebagai strategi yang paling berkesan untuk membasmi kemiskinan. Setakat ini usaha ke arah objektif menunjukkan pertambahan pendaftaran bilangan pelajar sekolah rendah dan menengah sejak tahun 1994 meningkat. Pelajar-pelajar Orang Asli di peringkat sekolah rendah telah meningkat dari 13,200 orang ke lebih 23,000 dari tahun 1994 ke tahun 2003.

Bagi sekolah menengah pula bilangan pelajar Orang Asli telah meningkat dari 2,694 orang ke 6,675 orang dari tahun 1994 hingga 2003. Bilangan keciciran juga menurun. Seramai 585 pelajar Orang Asli telah dan sedang mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi awam hasil bimbingan dan bantuan yang diberikan sejak dari awal persekolahan hingga mereka berjaya.

Usaha juga dibuat untuk menambah pendapatan Orang Asli dengan memberi bantuan kepada belia-belia Orang Asli yang ingin bergiat dalam bidang perniagaan bagi meningkatkan pendapatan mereka. Hasilnya sejumlah 171 usahawan telah dibantu melalui Skim Bantuan Usahawan yang diwujudkan di dalam Rancangan Malaysia Kelapan melalui pemberian *grant* untuk pembinaan ruang niaga di kampung-kampung,

bantuan mesin jahit, mesin pemprosesan kuas, kursus keusahawanan dan bantuan input ternakan.

Yang Berhormat bagi Bera telah membangkitkan mengenai sekolah yang tiada bekalan elektrik dan klinik desa yang tidak cukup kakitangan dan kekurangan di Pos Iskandar. Saya ingin memaklumkan bahawa bekalan elektrik memang telah dibekalkan melalui *gen set* sementara oleh Tenaga Nasional tetapi hanya dari jam 7.00 petang hingga 7.00 pagi manakala klinik tersebut adalah di bawah seliaan Kementerian Kesihatan Malaysia. Jabatan Orang Asli akan berbincang dengan kementerian tersebut untuk menyelesaikan isu yang dibangkitkan.

Mengenai cadangan supaya Akta Orang Asli 134 dipinda, kerajaan sedang mengkaji dengan serius Akta tersebut bagi meminda peruntukan-peruntukan tertentu selaras dengan pembangunan serta perkembangan semasa. Di antara isu-isu dalam Akta ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai pemilikan tanah. Yang keduanya dari segi menyediakan tabung untuk membiayai perbelanjaan perubatan yang kronik yang sekarang ini tidak ada tabung, terserah kepada Jabatan Orang Asli untuk mencari derma dan sebagainya dan ketiganya ialah dari segi penggunaan tanah-tanah untuk pembangunan komersial tidak ada peruntukan dalam Akta 134 ini.

Dengan hasrat untuk memberi keutamaan kepada masyarakat Orang Asli dalam perkhidmatan awam khususnya di Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, kementerian dengan kerjasama agensi pusat akan berusaha agar sebanyak jawatan yang mungkin dan sesuai di Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dapat dipenuhi dari kalangan Orang Asli nanti. Pada masa ini terdapat seramai 349 Orang Asli pelbagai peringkat yang telah berkhidmat di Jabatan Orang Asli.

Hasil daripada program yang dijalankan oleh kerajaan ke arah peningkatan sosioekonomi masyarakat Orang Asli bagi mengadakan peluang-peluang yang lebih baik adalah dijangkakan lebih ramai bilangan Orang Asli yang berkelayakan dan boleh dilantik dan mengisi jawatan dalam perkhidmatan awam khususnya di Jabatan Hal Ehwal Orang Asli sebagaimana yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timur.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan tanah pertanian. Yang Berhormat bagi Bentong dan Parit membangkitkan isu mengenai pembangunan tanah serta sektor pertanian sebagai usaha untuk mempertingkatkan pendapatan masyarakat luar bandar serta melantik *lead agency* dalam pembangunan ini. Kementerian Kemajuan Luar Bandar melalui penglibatan dan peranan yang dimainkan oleh agensi-agensi Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW) dan Lembaga Kemajuan Tanah (LKT) akan terus memberi perhatian serius terhadap pembangunan tanah di luar bandar selaras misi menggalakkan usaha-usaha pembangunan dan pemodenan ke arah sektor luar bandar yang maju, menarik dan menguntungkan.

Program pembangunan tanah untuk pertanian di kawasan luar bandar dilaksanakan oleh berbagai agensi di bawah LKT dan LKW bertujuan untuk membangunkan tanah-tanah baru dan tanah milik di samping membangunkan tanah-tanah terbiar melalui Program Pemulihan dan Penyatuan Tanah. Agensi-agensi yang terlibat ialah RISDA, FELCRA, KEDA, KETENGAH, PERDA, KESEDAR, KEJORA dan agensi-agensi pertanian negeri seperti Lembaga Industri Getah Sabah, Jabatan Pertanian Sabah (SELCRA) dan Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak.

Syarikat-syarikat di bawah Lembaga Kemajuan Wilayah dan Lembaga Kemajuan Tanah dan RISDA serta FELCRA Berhad terlibat dalam melaksanakan aktiviti pemprosesan keluaran petani melalui keluaran 12 buah kilang sawit dan sebuah kilang pengeluaran biji benih padi. Di samping itu anak-anak syarikat milikan agensi di bawah LKW juga turut memainkan peranan penting melalui pusat-pusat memproses pembiakan dan pembakaan ternakan.

Yang Berhormat bagi Kota Belud, Bentong, Jerlun dan Parit pula membangkitkan aktiviti-aktiviti mengenai ekonomi dan peluang perniagaan termasuk menyediakan banyak lagi premis yang boleh memberi manfaat secara terus kepada taraf hidup serta pendapatan penduduk di luar bandar. Di antara aktiviti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Bentong ialah dalam bidang industri herba.

KKLW memang menggalakkan petani-petani bumiputera luar bandar untuk menceburi sektor pertanian herba dan menghasilkan tanaman makanan. Pelbagai insentif telah disediakan oleh kerajaan melalui Tabung Untuk Makanan dan Skim Bantuan Khas Pekebun Kecil untuk mempelbagaikan tanaman makanan dan tanaman

herba. Kerajaan turut menyediakan premis untuk menggalakkan perniagaan, latihan dan khidmat mengembangkan serta mengenal pasti saluran pemasaran bagi produk-produk herba dan makanan yang dihasilkan.

Dalam konteks KKLW pula, projek tanaman herba telah dilaksanakan secara komersial melalui beberapa agensi kementerian seperti KESEDAR dan KETENGAH di mana petani-petani atau penduduk bumiputera luar bandar sebagai kumpulan sasar yang menjadi peserta kepada projek-projek berkenaan. Di KESEDAR, terdapat tiga kawasan yang dibangunkan bagi tujuan projek herba ini iaitu di Gua Musang, di Mengkebang dan di Tenok Baru.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Bagi mengkomersialkan produk herba tersebut, KESEDAR telah menubuhkan kilang inkubator bagi memproses pengeluaran produk herba dan mengadakan usaha sama dengan sebuah syarikat yang bergiat dalam bidang pengeluaran kosmetik dan *toiletry*. Di KETENGAH pula projek herba yang telah dilaksanakan ialah Taman Herba di Pulau Sak Kecil, Tasik Kenyir seluas 15.84 hektar dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Adalah diharapkan dengan pelbagai galakan dan usaha yang telah dan sedang dilaksanakan oleh KKLW, ia dapat meningkatkan penghasilan tanaman herba dan pengeluaran makanan tempatan secara langsung dapat mengurangkan pertukaran wang asing.

Tuan Yang di-Pertua, prasarana, utiliti dan ameniti sosial. Yang Berhormat bagi Kota Belud, Kudat, Kuala Kedah, Baram, Putatan, Sepanggar, Papar dan Kuala Krai menyentuh mengenai penyeliaan prasarana serta ameniti sosial seperti bekalan air, elektrik dan jalan-jalan kampung dengan lebih baik di kawasan luar bandar termasuk di sekolah-sekolah luar bandar yang perlu dipertingkatkan untuk kebaikan dan manfaat kepada penduduk luar bandar.

KKLW telah, sedang dan akan terus berusaha bagi memastikan semua kampung .....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Timbalan Menteri ada usul, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Awang Adek bin Hussin: Ada usul? Okey.

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

9.30 mlm.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Haji Noh bin Haji Oma]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada Usul Penangguhan Dewan pada pagi ini, sekarang jam telah menunjukkan 9.30 malam tetapi masih ada lagi lima kementerian yang belum menjawab. Oleh yang demikian, tidak mungkin Dewan ini boleh menyelesaikan jawapan-jawapan Menteri pada malam ini juga. Oleh itu saya mengemukakan usul iaitu :

> "Mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) dengan tidak menghiraukan kepada usul yang terawal bahawa Dewan ini ditangguhkan kepada esok hari dan mesyuarat ditangguhkan jam 10.00 pagi esok."

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Usul disetujukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah boleh menyambung jawapannya pada hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 9.31 malam.